

MASLAHAH SEBAGAI SATU JUSTIFIKASI
TERHADAP KEHARUSAN SAMBUTAN
MAULIDUR RASUL DI MALAYSIA

AZRI BIN BHARI

JABATAN FIQH DAN USUL
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2010

MASLAHAH SEBAGAI SATU JUSTIFIKASI
TERHADAP KEHARUSAN SAMBUTAN
MAULIDUR RASUL DI MALAYSIA

AZRI BIN BHARI

JABATAN FIQH DAN USUL
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2010

**MASLAHAH SEBAGAI SATU JUSTIFIKASI
TERHADAP KEHARUSAN SAMBUTAN
MAULIDUR RASUL DI MALAYSIA**

AZRI BIN BHARI

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA
SYARIAH (SECARA DISERTASI)**

**JABATAN FIQH DAN USUL
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2010**

ABSTRAK

Sambutan maulidur rasul telah dilaksanakan sekian lama oleh umat Islam di Malaysia walaupun ianya tidak dikaitkan dengan perbuatan para sahabat, *tabi’īn* dan ulama silam. Namun dakwaan sesetengah golongan yang mengaitkan sambutan maulidur rasul dengan *bid‘ah* menyebabkan timbulnya polemik yang berpanjangan di kalangan umat Islam sehingga kini. Masing-masing menggunakan hujah tersendiri berdasarkan kefahaman yang dibawa oleh kumpulan tertentu. Senario ini memerlukan kajian yang khusus melibatkan pemakaian instrumen *uṣūl al-fiqh* iaitu *maṣlaḥah* sebagai justifikasi sebenar dalam menilai adakah sambutan maulidur rasul bercanggah dengan kehendak syarak atau tidak. Melalui kajian ini, beberapa pandangan pro dan kontra terhadap keharusan sambutan maulidur rasul cuba dianalisis secara mendalam. Justeru itu, pemahaman terhadap *maṣlaḥah* dalam ilmu *uṣūl al-fiqh* cuba diaplikasikan dalam menilai kedudukan sebenar keharusan sambutan maulidur rasul. Metodologi kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan perpustakaan di dalam mengumpul data berkaitan. Seterusnya penganalisaan data dibuat melalui kaedah induktif, deduktif dan komparatif. Setelah dibuat analisis mendalam terhadap permasalahan ini, tidak ada suatu dalil pun yang jelas menegah sambutan maulidur rasul. Bahkan secara umum terdapat dalil yang mengharuskan sambutan ini diadakan. Kajian ini menunjukkan bahawa *bid‘ah dalālah* yang disandarkan kepada sambutan maulidur rasul oleh sesetengah pihak, tidak diasaskan kepada metodologi hukum yang jelas. Oleh itu, keharusan terhadap sambutan maulidur rasul boleh dikaitkan dengan *maṣlaḥah mursalah*.

ABSTRACT

The celebration of maulidur rasul has long been practised by Muslims in Malaysia although it is not associated with acts of His companions, *tabi'īn* and muslim scholars in the past. However, some groups claim that celebrating the maulidur rasul is related to *bid'ah* and this caused a prolonged emergence of polemic among Muslims up till now. Each of them has respectively used his own arguments based on the understanding brought by a particular group. This scenario requires a specific research involving the use of special instruments contained in the *uṣūl al-fiqh*, that is, *maṣlaḥah*, as the real justification in assessing whether the maulidur rasul celebration differs with the legislation requirements. Through this study, a few contrasting views on maulidur rasul celebration are taken into account to analyze the issue in depth. Hence, an attempt to understand the knowledge on *maṣlaḥah* in *uṣūl al-fiqh* is applied to evaluate the real answer in celebrating maulidur rasul. The methodology of this study uses library research in collecting the relevant data. Next, analyzing data is made through inductive, deductive and comparative methods. However, after an in-depth analysis of this issue, there is no clear evidence that prohibits the celebration of maulidur rasul. In fact, there is evidence that approves this kind of celebration. This study shows *bid'ah dalālah* that is based on the maulidur rasul celebration by certain parties, is clearly not based on an evident legal methodology. Thus, the necessity to celebrate maulidur rasul can be associated with *maṣlaḥah mursalah*.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji dipanjangkan kehadrat Ilahi, selawat dan salam buat junjungan mulia Nabi Muhammad S.A.W., ahli keluarga baginda, para sahabat, para pendokong kebenaran dan keadilan serta pencinta kedamaian.

Jutaan terima kasih dan sekalung penghargaan ditujukan khas kepada Dr. Ridzwan bin Ahmad selaku penyelia disertasi ini di atas kesudian dan kesungguhan beliau memberi bimbingan, komentar dan cadangan yang membina dalam meneliti penulisan ini dengan penuh keperihatinan dan kesabaran sehingga ke helaian yang akhir. Seterusnya ditujukan juga kepada Prof. Madya Dr. Abdul Karim Ali, Prof. Madya Dr. Anisah Ab. Ghani serta Dr. Saadan Man yang sentiasa memberikan motivasi dan Dr. Luqman bin Abdullah yang banyak membantu dari sudut bahan rujukan serta para pensyarah di Jabatan Fiqh & Usul Fiqh, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Pada kesempatan ini juga, penghargaan teristimewa penulis lakarkan buat ayahanda tercinta Bhari bin Zakaria, bonda tersayang Zabidah binti Mat Isa serta ibu dan bapa mertua Haji Azman bin Haji Salleh dan Hajah Norizah binti Haji Razali. Juga buat isteri yang dikasih Fatimah binti Azman dan anakanda Ahmad Fakhruddin bin Azri yang sentiasa memahami, memberi dorongan dan semangat. Tidak lupa juga kepada adik beradik tercinta, Shaiful Nizam, Azlani, Noorsyarizawati, Mohd Hafiz, Husain, Muhsin, Zainal Abidin, Aiman dan Syafiyah. Terima kasih di atas segala sokongan dan penulis sentiasa merindui kalian.

Sekalung penghargaan tidak terhingga juga ditujukan kepada Prof. Madya Hajah Zaiton binti Endot, Prof. Madya Dr. Hj. Ahmad bin Che Yaacob, En. Sani bin Sahwi dan Pn. Hajah Kalsom binti Abd. Aziz yang sentiasa memberi sokongan dan kerjasama yang baik kepada penulis dalam menyempurnakan pengajian diperingkat sarjana.

Penghargaan juga diucapkan kepada sahabat-sahabat khususnya kepada Mohd Shukri Mohd Senin, Nor Naeimi Mohd Som, Muhammad Hakimi Mohd Shafiai, Azhar Tuarno, Mohd Suhaimi Md. Sukor, Muhammad Rafiq Ngadiman, Khairul Afif Ma'dee, Mohd Hazim Karim dan ramai lagi. Terima kasih di atas pengertian dan persahabatan yang telah diberikan. Kenangan bersama kalian selama ini akan diabadikan sebagai sejarah yang cukup bermakna dalam hidup ini.

Akhirnya, terima kasih buat semua pihak yang telah banyak membantu sama ada yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung. Semoga setiap kerjasama yang diberikan akan diberi ganjaran yang sewajarnya oleh Allah S.W.T.

Sekian, Wassalam.

AZRI BIN BHARI

**Jabatan Fiqh Dan Usul,
Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya,
Kuala Lumpur.**

**14 Zulkaedah 1431H
22 Oktober 2010M**

**16, Hala Taman Meru 2
Taman Meru 2B,
30020 Jelapang,
Ipoh, Perak Darul Ridzuan.**

ISI KANDUNGAN

Halaman judul	ii
Abstrak	iii
Abstract	iv
Penghargaan	v
Isi kandungan	vii
Senarai singkatan	xii
Panduan transliterasi	xiii
Pengenalan	xvi

BAB 1 : KONSEP *MAŞLAHAH* DALAM HUKUM ISLAM

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Definisi <i>Maslahah</i>	2
1.2.1	Menurut Etimologi	2
1.2.2	Menurut Terminologi	5
1.3	Klasifikasi <i>Maslahah</i>	10
1.3.1	Klasifikasi Dari Perspektif Pengiktirafan Syarak	11
1.3.2	Klasifikasi Dari Perspektif Susunan Keutamaan, Kekuatan Dan Kepentingan Zatnya	16
1.3.3	Klasifikasi Dari Perspektif Keperluan.	20

1.3.4	Klasifikasi Dari Perspektif Ruang Lingkup (Umum dan Khusus)	21
1.3.5	Klasifikasi Dari Perspektif Kekal Dan Berubah	22
1.4	<i>Maṣlaḥah Mursalah</i> Sebagai Hujah	22
1.4.1	Hujah Golongan Yang Menerima	24
1.4.2	Hujah Golongan Yang Menolak	28
1.4.3	Pendapat Yang Dipilih	31
1.5	Bidang Beramal Dengan <i>Maṣlaḥah</i>	32
1.6	Piawaian <i>Maṣlaḥah</i>	33
1.7	Sikap Tokoh Mazhab Terhadap <i>Maṣlaḥah</i>	35
1.8	Hubungan <i>Maṣlaḥah</i> Dengan <i>Bid‘ah</i>	36
1.8.1	Konsep <i>Bid‘ah</i>	36
1.8.2	Penilaian Terhadap Perbezaan Definisi <i>Bid‘ah</i>	57
1.8.3	Hubungan antara <i>Maṣlaḥah Mursalah</i> dengan <i>Bid‘ah</i>	74
1.8.4	Klasifikasi <i>Bid‘ah</i>	76
1.8.5	Hubungan <i>al-Sunnah</i> dan <i>Bid‘ah</i>	82
1.9	Kesimpulan	86

BAB 2 : AMALAN SAMBUTAN MAULIDUR RASUL DI MALAYSIA

2.1	Pendahuluan	88
2.2	Pengertian Maulidur Rasul	88
2.3	Sorotan Sejarah Sambutan Maulidur Rasul	90
2.3.1	Sorotan Sambutan Di Timur Tengah	90

2.3.2	Sorotan Sambutan Di Malaysia	92
2.4	Amalan Bacaan Kitab Barzanji Di Kalangan Masyarakat Malaysia	102
2.5	Kesimpulan	105

BAB 3 : PANDANGAN FUQAHĀ TERHADAP SAMBUTAN MAULIDUR RASUL

3.1	Pendahuluan	107
3.2	Perbahasan Sambutan Maulidur Rasul	107
3.2.1	Hujah-Hujah Keharusan Sambutan Maulidur Rasul	108
3.2.1.1	Berdasarkan Dalil-Dalil al-Quran	108
i)	Bergembira Dengan Kelahiran Nabi Muhammad SAW	108
ii)	Menyuburkan Budaya Selawat Ke Atas Nabi Muhammad SAW	110
iii)	Kisah Dan Sirah Nabi Muhammad SAW Sebagai Inspirasi Jiwa	112
iv)	Saranan Memuliakan Nabi Muhammad SAW	113
v)	Hari Kelahiran Para Nabi Dirakam Secara Jelas	114
3.2.1.2	Berdasarkan Dalil-Dalil Hadis	115
i)	Mengingati Hari Bersejarah	115
ii)	Keistimewaan Hari Kelahiran Nabi Muhammad SAW	117
iii)	Tanda Kegembiraan Dengan Kelahiran Nabi Muhammad SAW	118
iv)	Saranan Menganjurkan Amalan Kebaikan	119

3.2.1.3 Berdasarkan Pandangan Para Sarjana Hukum Islam	120
i) Pandangan al-Suyūṭī	121
ii) Pandangan Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī	122
iii) Pandangan Ibn Taymiyyah	124
iv) Pandangan Ibn Ḥajar al-Ḥaytāmī	126
v) Pandangan Dr. Wahbah al-Zuḥaylī	127
vi) Pandangan Syaikh ‘Aṭiyyah al-Ṣaqr	128
3.2.2 Hujah-hujah Penolakan Terhadap Sambutan Maulidur Rasul	130
i) Perbuatan <i>Bid‘ah</i>	130
ii) Cara Yang Salah Dalam Menzahirkan Perasaan Cinta Dan Kasih Terhadap Nabi Muhammad SAW	145
iii) Sewajarnya Melebihkan Kesedihan Kewafatan Daripada Kegembiraan Kelahiran Nabi Muhammad SAW	148
iv) Penghormatan Dan Pengagungan Terhadap Nabi Muhammad SAW Yang Melampau	150
v) Cara Berselawat Ke Atas Nabi Muhammad SAW Yang Tidak Bertepatan Dengan Syariat	152
vi) Kekeliruan Dalam Penentuan Tarikh Sebenar Kelahiran Nabi	155
vii) Kontroversi Amalan Berdiri Untuk Menyambut Kehadiran Roh Nabi SAW Dalam Sambutan Maulidur Rasul	156
viii) Terdapat Pengaruh Syiah Dalam Sambutan Maulidur Rasul	160
ix) Kontroversi Yang Terdapat Di Dalam Kitab Barzanji	163
3.3 Kesimpulan	177

BAB 4 : ANALISA TERHADAP JUSTIFIKASI *MAŞLAḤAH* DALAM AKTIVITI- AKTIVITI SAMBUTAN MAULIDUR RASUL DI MALAYSIA

4.1	Pendahuluan	179
4.2	Ulasan Dalam Beberapa Aktiviti Sambutan Maulidur Rasul	180
4.2.1	Aktiviti Selawat	180
4.2.2	Aktiviti Forum, Ceramah dan Kuliah	192
4.2.3	Perarakan Sambil Berselawat	197
4.2.4	Persembahan Nasyid	202
4.2.5	Kenduri Atau Jamuan Makan	208
4.3	Kesimpulan	213

BAB 5 : PENUTUP

5.1	Pendahuluan	216
5.2	Kesimpulan	216
5.3	Saranan	221
5.4	Penutup	223
	Bibliografi	225

SENARAI SINGKATAN

cet.	: Cetakan
Dr.	: Doktor Falsafah
ed.	: Editor
H	: Hijrah
ms.	: Muka surat
Ibid	: (Latin : <i>Ibidem</i>) rujukan pada tempat atau halaman yang sama
juz.	: Juzuk
M	: Masihi
Op.cit.	: (Latin : <i>opera citato</i>) dalam rujukan yang telah diterangkan
No.	: Nombor
Prof.	: Profesor
r.a.	: <i>Rađī Allāh ‘Anh</i>
SAW	: <i>Salla Allāhu ‘Alayh wa Sallām</i>
SWT	: <i>Subḥānāh wa Ta‘ālā</i>
sunt.	: Suntingan
t.th	: Karya tanpa tarikh
t.pt	: Karya tanpa penerbit
t.tp	: Karya tanpa tempat terbit
terj.	: Terjemahan
&	: Dan

PANDUAN TRANSLITERASI

Ejaan dan Transliterasi.¹

Ejaan yang digunakan adalah mengikut daftar ejaan rumi baharu Bahasa Malaysia (1987), terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Ejaan yang berkaitan dengan perkataan bahasa Arab digunakan mengikut panduan transliterasi huruf arab ke huruf rumi (1988), terbitan Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur. Pengecualian daripada menggunakan panduan tersebut bagi kes-kes berikut :

1. Bagi akhir perkataan asal yang ditulis dengan "׃"(*tā' marbūtah*) dibunyikan mengikut sebutan "·".
2. Tanwin dieja tidak mengikut sebutan tetapi mengikut tulisan. Contoh; *sur'ah* (سُرْعَةٍ), *sā'ah* (سَاعَةٍ), *qūwwah* (قُوَّةٍ).
3. Alif Lam (ا) ditransliterasikan sebagai al (sama ada bagi Lam Syamsiyyah atau Qamariah) yang dihubungkan dengan kata berikutnya dengan tanda sempang. "a" dalam "al" tidak menerima hukum huruf besar menurut pedoman umum ejaan Bahasa Malaysia. Sebaliknya hukum huruf besar terpakai kepada huruf pertama kata berikutnya.
4. Istilah sesuatu perkataan yang berasal daripada perkataan bahasa Arab tetapi telah menjadi sebutan umum bahasa Malaysia adalah dieja mengikut perkataan bahasa Malaysia.

¹ Lihat; *Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam* (2001), Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Senarai panduan tersebut adalah seperti berikut :

i. Huruf konsonan

Huruf Arab	Nama	Huruf Latin
ا	<i>Alif</i>	a / ’
ب	<i>bā’</i>	b
ت	<i>tā’</i>	t
ث	<i>thā’</i>	th
ج	<i>jīm</i>	j
ح	<i>ḥā’</i>	ḥ
خ	<i>khā’</i>	kh
د	<i>dāl</i>	d
ذ	<i>dhāl</i>	dh
ر	<i>rā’</i>	r
ز	<i>zay</i>	z
س	<i>sīn</i>	s
ش	<i>syīn</i>	sy
ص	<i>ṣād</i>	ṣ
ض	<i>dād</i>	ḍ
ط	<i>tā’</i>	ṭ
ظ	<i>ẓā’</i>	ẓ
ع	<i>cāyn</i>	c
غ	<i>ghayn</i>	gh
ف	<i>fā’</i>	f
ق	<i>qāf</i>	q
ك	<i>kāf</i>	k

ل	<i>lām</i>	l
م	<i>mīm</i>	m
ن	<i>nūn</i>	n
و	<i>waw</i>	w
ه	<i>hā'</i>	h
ي	<i>yā'</i>	y
ة	<i>tā' marbūtah</i>	h

ii. Huruf vokal

Vokal	Huruf Arab	Huruf Latin
Pendek	(<i>fathah</i>)	a
	(<i>dammah</i>)	u
	(<i>kasrah</i>)	i
Panjang	ا	ā
	أوْ	ū
	إيْ	ī
Diftong	أوْ	aw
	إيْ	ay
	يـ	iy/ī
	ـوـ	uww

PENGENALAN

A. Pendahuluan

Menyambut maulidur rasul samalah seperti kita membesarkan Islam kerana baginda SAW umpsama simbol bagi agama Islam. Penulisan ini adalah merupakan suatu kajian khusus untuk merungkaikan persoalan isu sambutan maulidur rasul dengan berlandaskan justifikasi dalil *maṣlaḥah*. Penulis cuba membuktikan persoalan tersebut masih terdedah dengan dalil-dalil hukum yang memberi ruang amalan tersebut dilaksanakan dalam masyarakat di Malaysia.

Perbahasan dan perbincangan terhadap permasalahan ini telah sekian lama berlarutan sehingga ke hari ini. Walaupun pelbagai pihak berusaha untuk menyelesaiannya, namun secara akar umbinya masih lagi menemui jalan buntu untuk diselesaikan secara menyeluruh. Mutakhir ini, isu ini tiba-tiba kembali mengambil tempat di kalangan hati sanubari umat Islam di Malaysia, lantaran segolongan pihak yang terpengaruh dengan aliran tertentu di Timur Tengah justeru membawanya ke Malaysia untuk dibahaskan kepada masyarakat awam.

Berdasarkan senario yang telah dipaparkan, penulis ingin mengambil langkah untuk menyelesaikan persoalan hukum ini dengan melihat kepada dimensi tertentu daripada perspektif *uṣūl al-fiqh* iaitu *maṣlaḥah* yang menjadi pegangan para ilmuan hukum sejak sekian lama. Ini kerana penulis berpendapat apabila sesuatu hukum itu tidak dapat diselesaikan melalui pendekatan *fiqh* yang ada, maka hendaklah dirujuk kepada pendekatan *uṣūl al-fiqh* yang menjadi asas

kewujudan hukum *fiqh* yang asal terhadap keharusan menyambut maulidur rasul di Malaysia.

B. Latar Belakang Masalah Kajian

Kajian ini ditulis berdasarkan kepada beberapa permasalahan yang cuba dirungkaikan oleh penulis sebagaimana berikut:

- a) Sejauh mana justifikasi dalil *maṣlaḥah* dapat berinteraksi untuk meleraikan kekeliruan hukum tentang keharusan sambutan maulidur rasul. Sesetengah pihak mendakwa dalam ibadat, *maṣlaḥah* tidak mempunyai sebarang peranan dalam penentuan hukum. Manakala sebahagian lain mendakwa masih ada ruang-ruang tertentu dalam ibadat *ghayr maḥḍah* yang mana *maṣlaḥah* mempunyai peranan.
- b) Isu-isu yang melibatkan permasalahan hukum, sewajarnya dirujuk kepada pemahaman ilmu *uṣūl al-fiqh* yang sebenar. Pihak yang ingin mengemukakan permasalahan tersebut sewajarnya mempunyai keahlian dalam ilmu tersebut. Permasalahan yang berlaku, adalah kerana sebahagian mereka yang mendakwa pakar dalam ilmu hadis cuba mempertikaikan keharusan menyambut maulidur rasul kepada masyarakat awam dengan membelakangkan ilmu *uṣūl al-fiqh* yang menjadi teras kewujudan *fiqh*.
- c) Terdapat sesetengah pihak yang gemar menggunakan *ilmu fiqh* sebagai landasan berhukum terhadap sesuatu isu yang berlaku dalam masyarakat tanpa

berlandaskan ilmu *uṣūl al-fiqh*. Natijahnya apabila pertikaian keharusan sambutan maulidur rasul ini dihidangkan kepada orang awam yang rata-ratanya jahil maka berlakulah perpecahan di kalangan mereka.

d) Sewajarnya isu keharusan sambutan maulidur rasul hanya ditangani oleh para ulama dan bukannya orang awam. Apabila hal ini diutarakan kepada masyarakat terlebih dahulu tanpa membuat penyelesaian bersama di kalangan ulamak secara bersama maka orang awam akan menjadi mangsanya. Orang awam sepatutnya tidak dilibatkan dalam pertelingkahan hukum yang berlaku di kalangan ulamak.

Keseluruhan persoalan ini akan dikaji berdasarkan realiti dan fenomena yang berlaku berdasarkan konsep *maṣlaḥah* yang diterimapakai dalam *uṣūl al-fiqh* yang dijadikan landasan teori dalam merungkaikan persoalan-persoalan yang timbul.

C. Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa objektif tertentu yang dianggap penting dalam konteks menyelesaikan permasalahan yang timbul. Berikut dinyatakan objektif-objektif tersebut :

a) Memaparkan beberapa pandangan pro dan kontra di kalangan para ulama tentang sambutan maulidur rasul.

- b) Menelusuri teori *maṣlaḥah* sebagai landasan dalam menentukan hukum dan bukannya berpegang dengan pandangan para ulama yang menukilkannya sebagai fatwa silam semata-mata.
- c) Mengenalpasti justifikasi *maṣlaḥah* dalam penentuan hukum sebenar terhadap sambutan maulidur rasul.

D. Skop Kajian

Disebabkan amalan menyambut maulidur rasul masih dipertikaikan keharusan sambutannya, maka penulis cuba fokus kepada isu tersebut untuk diutarakan dalam penulisan ini. Kajian ini akan membicarakan tentang *maṣlaḥah* sebagai justifikasi dalam keharusan menyambut maulidur rasul. Di samping itu, kajian ini cenderung kepada penelitian terhadap konteks sambutan yang dilakukan oleh masyarakat di Malaysia.

E. Kepentingan Kajian

Kajian ini tidak dapat dinafikan lagi kepentingannya dalam menjelaskan isu khilaf di kalangan umat Islam di Malaysia. Secara umumnya kepentingan kajian ini adalah sebagaimana berikut :

- a) Mengemukakan pemahaman *uṣūl al-fiqh* yang sebenar dalam menangani isu keharusan sambutan maulidur rasul di Malaysia dan bukannya *fiqh* semata-mata. Justeru itu, mengenalpasti *maṣlaḥah* sebagai justifikasi keharusan

sambutan maulidur rasul amat penting sehingga masyarakat dapat dipandu dalam isu khilaf ini.

b) Seterusnya hasil kajian menjadi panduan kepada Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, JAKIM, JAIN, para Mufti, dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang menguruskan Hal Ehwal Agama Islam dalam menangani permasalahan mengenai isu keharusan sambutan maulidur rasul di kalangan masyarakat bagi menjamin perpaduan dan kesejahteraan yang berterusan.

F. Metodologi Kajian

Metodologi kajian merupakan perkara yang amat penting dalam melaksanakan kajian dan penyelidikan. Perkataan metodologi berasal daripada dua perkataan bahasa Yunani iaitu “logos” yang bermaksud ilmu dan “methodos” yang bererti melakukan sesuatu atau sistem, kaedah, atau cara aturan membuat sesuatu dan cara untuk mendapatkan sejumlah data atau dalil yang sistematik di dalam kajian¹.

Secara jelasnya, dapatlah dinyatakan bahawasanya metodologi penyelidikan ialah satu cara atau usaha yang bersifat sistematik dan objektif, bertujuan untuk memperolehi, mengumpul data dan menganalisa data yang tepat dan berkesan bagi mendapatkan kepastian tentang sesuatu perkara dan seterusnya memperolehi pengetahuan baru atau mengembangkan sesuatu bidang pengetahuan². Justeru itu, penulis telah memilih dua kaedah sebagai asas dalam penulisan disertasi ini.

¹ Mark Abrahamson (1963), *Social Research Methods*, New Jersey : Prentice Hall, ms. 384.

² Winardis (1976), *Pengantar Metodologi Research*, Bandung : Penerbit Alumni, ms. 55.

i. Metod Pengumpulan Data

Penulis telah menggunakan satu kaedah pengumpulan data bagi mengumpulkan data yang berkaitan dengan subjek penyelidikan iaitu melalui kaedah penyelidikan perpustakaan (*library research*).

Metod ini merupakan satu pengkajian yang sangat penting sekali bagi memperolehi data dan maklumat serta fakta yang berkaitan dengan tajuk kajian. Pemilihan dan pengambilan data merangkumi bahan-bahan primer dan juga sekunder. Antara bahan-bahan yang digunakan ialah:

- a) Kitab-kitab Arab klasik yang ditulis oleh para ulama terdahulu yang menyentuh tentang teori usul fiqh iaitu *maṣlaḥah*.
- b) Hasil penulisan para sarjana moden sama ada dalam bentuk buku, jurnal, kajian kes dan juga kertas kerja seminar yang berkaitan dengan maulidur rasul.
- c) Latihan ilmiah, disertasi dan tesis yang berkaitan dengan maulidur rasul.
- d) Laman web yang berkaitan dengan isu yang dikaji.

Antara perpustakaan yang menjadi tempat pencarian data dan bahan-bahan oleh penulis adalah seperti Perpustakaan Utama, Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Za'aba, Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Perpustakaan Awam Islam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Selain itu juga, penulis memanfaatkan kemajuan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) melalui pencarian data yang diperlukan melalui internet dan juga penggunaan *CD-ROM* seperti program *Maktabah Syāmilah*. Penggunaan teknologi moden ini banyak membantu penulis dalam mencari bahan terutamanya kitab-kitab yang sukar diperolehi dan didapati dan menjadi rebutan para penyelidik di sesetengah perpustakaan.

ii. Metod Penganalisaan Data

Setelah memperolehi data dan maklumat, penulis telah menggunakan beberapa metod bagi menjalankan penganalisaan terhadap data dan maklumat tersebut. Data yang telah diproses perlu dianalisis untuk membolehkan penyelidik mendapatkan keputusan bagi masalah yang dikaji.³ Terdapat tiga metod utama yang digunakan iaitu; metod induktif, metod deduktif dan metod komparatif.

a. Metod Induktif

Metod ini merupakan sumber pengetahuan yang diperolehi daripada taakulan induktif, ia memberikan kesimpulan umum tentang populasi yang dikaji berdasarkan kepada cerapan yang dibuat ke atas fakta-fakta yang diperolehi daripada sampel populasi tersebut.⁴ Penulis mengaplikasikan metod ini di dalam kebanyakan penulisan terutama apabila terdapat pelbagai pendapat dan pandangan yang memerlukan satu kesimpulan yang jitu.

³ Mohd. Sheffie Abu Bakar (1987), *Metodologi Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. ms. 66.

⁴ *Ibid.*, ms. 13.

b. Metod Deduktif

Kaedah deduktif pula berlawanan dengan kaedah induktif. Kaedah deduktif ialah pola berfikir yang mencari pembuktian dengan berpijak kepada dalil-dalil umum terhadap dalil-dalil khusus. Kaedah ini juga secara ringkasnya bolehlah disimpulkan sebagai penjalaran dari kesimpulan atau rumusan umum kepada kes-kes yang khusus⁵ atau dari pernyataan yang umum kepada pernyataan yang khusus⁶.

Pada permulaan kajian disertasi ini, penulis menerangkan dan menyentuh secara umum tentang teori usul fiqh iaitu *maṣlaḥah*. Selepas itu barulah penulis memfokuskan penulisan kajian ini kepada justifikasi *maṣlaḥah* dalam sambutan maulidur rasul.

c. Metod Komparatif

Metod ini digunakan bagi membuat kesimpulan terhadap data, maklumat dan pandangan serta pendapat yang diperolehi semasa penulis membuat kajian. Di samping itu, metod ini turut digunakan apabila penulis membuat perbandingan maklumat daripada rujukan perpustakaan. Seterusnya, penulis membuat perbandingan terhadap maklumat dan data tersebut agar dapat menghasilkan maklumat yang benar-benar tepat dan membantu penulis membuat cadangan yang bersesuaian dengan kajian. Metod ini digunakan dalam membandingkan pandangan para fuqaha dalam isu sambutan maulidur rasul.

⁵ Abdul Rahman Hj. Abdullah (2001), *Falsafah dan Kaedah Pemikiran*. Kuala Lumpur: Utusan Publication, ms. 121.

⁶ Mohd. Michael Abdullah (1995), *Pemikiran Kritis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, ms.102.

G. Sorotan Karya

Sebelum memulakan penulisan kajian ini, penulis terlebih dahulu membuat pembacaan terhadap kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan tajuk ini. Sorotan karya ini perlu dilakukan untuk mendapatkan maklumat atau fakta yang berkaitan dengan masalah yang ingin diutarkan. Pembacaan meliputi latihan ilmiah, tesis, buku, kertas kerja seminar, makalah dalam jurnal bidang berkenaan dan laman web.

Terdapat beberapa penulisan berkenaan perbahasan hukum sambutan maulidur rasul yang membincangkan pandangan para ulama yang menerima sambutan tersebut terus diadakan di dalam masyarakat. Antara penulisan klasik yang penulis soroti ialah karangan al-Suyūṭī⁷. Beliau telah memuatkan dalam tulisannya mengenai sejarah awal sambutan maulidur rasul, kemudian menukilkhan beberapa pandangan tokoh ulamak yang membenarkan sambutan tersebut diadakan. Seterusnya beliau menjelaskan sambutan ini merupakan perbuatan *bid‘ah ḥasanah* sekiranya aktiviti yang dijalankan selari dengan syariat dan tidak melebihi batasan yang ditetapkan Islam. Beliau juga menjelaskan *bid‘ah ḥasanah* yang dilakukan pasti diberi ganjaran pahala selaras dengan niat memuliakan baginda S.A.W. dan bergembira dengan kelahiran baginda S.A.W. di atas muka bumi.

Namun penulisan beliau tidak mengupas secara mendalam berkaitan *bid‘ah ḥasanah* yang dijadikan sandaran dalam membenarkan sambutan tersebut

⁷ al-Suyūṭī, al-Imām al-Ḥāfiẓ Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Raḥmān bin Abī Bakr (1992), *al-Ḥāwi lī al-Fatāwī: Ḥusn al-Maqṣad fī ‘Amali al-Mawlid*, Beirut : Dār al-Jīl.

diadakan. Sebaiknya konsep *bid'ah* dibahaskan secara akar umbi bagi menghilangkan kesalahfahaman yang berlaku. Kelainan yang cuba dibuat dalam penulisan ini ialah dengan menjelaskan *bid'ah* bukanlah hukum, sebaliknya ia adalah hasil *fiqh* yang diterjemahkan oleh para ulama. Sewajarnya hukum disandarkan kepada wajib, haram, sunat, makruh dan harus.

Seterusnya, penulis juga menyoroti karya-karya semasa yang dikarang oleh beberapa tokoh ulama seperti ‘Abd Allāh al-Ḥusaynī al-Makkī al-Hāsyimī⁸, Sayyid Muḥammad ‘Alawī al-Mālikī⁹. ‘Abd al-Ḥay al-‘Umarwī dan ‘Abd al-Karīm Murād¹⁰ dan Sayyid ‘Izz al-Dīn Mādi Abū al-‘Azāim¹¹ yang membahaskan sambutan maulidur rasul dengan mengemukakan hujah-hujah dari al-Quran, hadis dan juga kaedah-kaedah fiqh.

Walaupun begitu, penulis berasa perlu menilai dan meneliti hukum sambutan maulidur rasul berdasarkan teori *uṣūl al-fiqh*. Ini kerana untuk menetapkan hukum sesuatu perkara perlu berlandaskan teori *uṣūl al-fiqh* sebagaimana yang telah dilakukan oleh para ulamak *uṣūl*. Penulis cuba meneliti teori *maṣlaḥah* dalam menjustifikasi sambutan maulidur rasul bagi mencari penyelesaian perbezaan pendapat yang sering melabelkan sebagai *bid'ah dalālah*.

⁸ ‘Abd Allāh al-Ḥusaynī al-Makkī al-Hāsyimī (1996), *al-Iḥtifāl bi al-Mawlid al-Nabī bayn al-Muaiyidīn wa al-Mua’āridīn Munāqasyāt wa Rudud*, t.tp., t.pt., cet. 1.

⁹ Sayyid Muḥammad ‘Alawī al-Mālikī (1418H), *Ḩawl al-Iḥtifāl bi Dhikrī al-Mawlid al-Nabawī al-Syarīf*, Qaherah : Dār Jawāmi’ al-Kalam.

¹⁰ ‘Abd al-Ḥay al-‘Umarwī, et.al. (1993M/1414H), *Al-Taḥdhīr min al-Ightirār bi mā Jāa’ fī Kitāb al-Ḥiwār*, t.tp : t.pt. cet. 3.

¹¹ Sayyid ‘Izz al-Dīn Mādi Abū al-‘Azāim (1991), *al-Iḥtifāl bi Mawlid al-Anbiyā’ wa al-Awliyā’ Musytara’ aw mutbada’*, t.tp : Dār al-Kitāb al-Ṣūfi.

Karya lain yang penulis soroti ialah karangan Kaptein, N.J.G.¹² yang merupakan buku berbahasa Inggeris. Beliau telah mengkaji dari sudut sejarah awal sambutan maulidur rasul yang berlaku di Timur Tengah sehinggalah perkembangan sambutan tersebut yang tersebar ke Barat.

Walaubagaimanapun, beliau tidak menyentuh secara mendalam berkaitan hukum sambutan maulidur rasul dan hanya memfokuskan kepada sejarah perkembangan sambutan yang berlaku di Barat sahaja. Dalam penulisan disertasi ini pula, selain daripada melihat sejarah sambutan yang berlaku di Timur Tengah dan Malaysia, penulis berusaha menampilkkan perbahasan hukum sambutan maulidur rasul dengan terperinci.

Selain itu juga, terdapat penulisan yang menolak sambutan maulidur rasul daripada terus diadakan¹³. Lazimnya, penulisan-penulisan ini membandingkan pandangan para ulamak yang membenarkan sambutan tersebut dan kemudian menolak sambutan tersebut berdasarkan hujah-hujah tersendiri. Asas yang digunakan dalam penolakan sambutan maulidur rasul adalah kerana ia merupakan perkara *bid ‘ah* dan tidak pernah dilakukan oleh Nabi S.A.W.

¹² Kaptein, N.J.G. (1993), *Muhammad's Birthday Festival : Early History in the Central Muslim Lands and Development in the Muslim West until the 10th/16th Century*, The Netherlands : E.J. Brill Leiden.

¹³ Abī Bakr Jābir al-Jazāirī (1405H), *al-Insāf fī mā qāla fī al-Mawlid min al-Ghuluw wa al-Ijhāf*, Riyāḍh : al-Riāṣah al-‘Ammah li Idārāt al-Buhūth al-‘Ilmiyyah wa al-Iftā’ wa al-Da’wah wa al-Irsyad. ‘Ali Aḥmad ‘Abd al-‘Aāl al-Tahṭāhāwī (2000), *Bid’ al-Ṣūfiyyah wa al-Karāmāt wa al-Mawālid*, Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah. al-Tuwayjirī, Ḥamūd bin ‘Abd Allāh bin Ḥamūd (1983), *al-Rad al-Qawī ‘alā al-Rifā’ī wa al-Majhūl wa ibn ‘Alawī wa Bayān Akhṭāihim fī al-Mawlid al-Nabawī*, Riyāḍ : Dār al-Liwa. ‘Abd Allāh bin Sulaymān bin Manī’ (1983M/1403H), *Hīwār Ma ‘a al-Mālikī fī Rad Munkarātihi wa Dalālātihi*, t.tp., t.pt., cet.3.

Kesimpulannya penulis mendapati penulis-penulis yang disebutkan di atas hanya menentukan sesuatu ibadah dianggap *bid'ah* dengan berpegang kepada pendapat *fuqaha* tertentu. Dalam erti kata lain hanya menilai dari sudut *fiqh* sahaja, sedangkan *fiqh* itu sendiri lahir dari ilmu *uṣūl al-fiqh*. Justeru itu, penulis mengambil langkah membuat perbincangan berlandaskan *uṣūl al-fiqh* yang masih belum dikupas secara mendalam dan ini memberi kelainan dalam kajian.

Walaupun begitu, terdapat sebuah kertas kerja¹⁴ bertajuk “*Kontradiksi Di Antara Nas Dengan Maṣlaḥah Dan Hubungannya Dengan Bidaah Dalam Realiti Semasa Di Malaysia*” yang boleh membantu kajian penulis. Namun kertas kerja tersebut penulis jadikan titik permulaan dalam menyelami dan mendalami permasalahan keharusan sambutan maulidur rasul. Tidak keterlaluan jika penulis nyatakan, penulisan yang bersifat kertas kerja yang agak terbatas masih tidak mampu menyelesaikan secara keseluruhan kepincangan yang berlaku dalam masyarakat Islam di Malaysia berkaitan isu ini. Terdapat beberapa permasalahan yang dilontarkan dalam kertas kerja tersebut memerlukan kajian lanjutan yang perlu ditulis dalam sebuah disertasi sebagaimana akan diusahakan oleh penulis.

¹⁴ Ridzwan Ahmad. (2005), “*Kontradiksi Di Antara Nas Dengan Maṣlaḥah Dan Hubungannya Dengan Bidaah Dalam Realiti Semasa Di Malaysia*”, (Kertas kerja Seminar Hukum Islam Semasa IV, Peringkat Kebangsaan, anjuran Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur).

BAB SATU

KONSEP *MAŞLAHAH* DALAM HUKUM ISLAM

1.1 Pendahuluan

Para sarjana hukum Islam telah membahagikan sumber hukum dalam perundangan Islam kepada dua iaitu sumber primer¹ seperti al-Quran dan hadis. Seterusnya adalah sumber sekunder² seperti *ijmā'*, *qiyās*, *istihsān*, *'urf*, *maşlaḥah mursalah*, *sadd al-dharā'i*, *istiṣḥāb* dan *madhhab saḥābi*.

Maşlaḥah mursalah adalah salah satu sumber hukum sekunder yang berperanan memelihara *Maqāṣid al-Syari'ah*³ atau objektif syarak dengan cara menarik manfaat dan menolak segala perkara yang merosakkan atau mendatangkan keburukan. Justeru itu, para sarjana hukum Islam telah berusaha sedaya upaya membahaskan sumber hukum ini dalam mengatasi pelbagai persoalan dan permasalahan yang tidak dijelaskan dalam dalil-dalil yang terperinci.

Bab ini akan menjelaskan konsep *maşlaḥah* dalam pembinaan hukum Islam yang merangkumi aspek definisi, klasifikasi, kehujahan dan piawaian.

¹ Sumber-sumber ini menjadi asas kepada perundangan Islam kerana al-Quran adalah wahyu, sementara hadis menghuraikan dan menerangkan isi al-Quran.

² Juga dikenali sebagai sumber *tab'iyyah (subordinate)* iaitu sumber yang dirangkaikan dan disandarkan kepada sumber asas. *ijmā'* dan *qiyās* adalah sumber *tab'iyyah* yang disepakati oleh jumhur fuqahak, manakala sumber yang selebihnya adalah sumber *tab'iyyah* yang diperselisihan.

³ *Maqāṣid al-Syari'ah* merupakan salah satu ilmu yang unggul dan menjadikan para pengkajinya berasa kagum dengan keindahan Islam dan segala kesempurnaannya. Mengenali ilmu *Maqāṣid al-Syari'ah* juga merupakan syarat terpenting untuk berijtihad dan meninggalkan amalan bertaklid. Justeru itu, sebagai perincian dan penerangan dibawa perbincangan berkaitan *maşlaḥah* yang menjadi isi dalam ilmu *Maqāṣid al-Syari'ah* atau objektif syariat.

Seterusnya penulis akan cuba menelusuri konsep *bid'ah* dan mengenengahkan hubungan di antara *maṣlaḥah* dan *bid'ah* dalam usaha menyelesaikan permasalahan dengan berlandaskan ilmu *uṣūl al-fiqh*.

1.2 Definasi *Maṣlaḥah*

Terdapat pelbagai definisi *maṣlaḥah* yang diberikan sama ada dari segi etimologi atau terminologi bersesuaian dengan pemakaianya. Berikut dibentangkan istilah *maṣlaḥah* mengikut disiplin ilmu *uṣūl al-fiqh* supaya tidak tersasar dari perbahasan.

1.2.1 Menurut Etimologi

Maṣlaḥah merupakan perkataan Arab yang berada dalam bentuk *maṣdar (adverb)* dari *fi'il (verb) ṣalaḥa*. Selain merupakan bentuk *maṣdar*, ia merupakan *isim (noun)* bentuk *mufrad (singular)* dari kata *maṣāliḥ*.

Pengarang *Lisan al-‘Arab* menyatakan perkataan *maṣlaḥah* adalah dalam bentuk tunggal dari kata *maṣāliḥ*. Ianya bermaksud setiap perkara yang mengandungi manfaat sama ada dengan menarik dan menghasilkan seperti mencapai faedah dan kelazatan atau dengan menolak dan mengawal seperti menjauhkan kemudaratan dan kesakitan, maka semuanya itu adalah benar dan dinamakan *maṣlaḥah*⁴.

⁴ Ibn Manzūr (1957), *Lisān al-‘Arab*, Beirut : Dār al-Fikr, jilid 12, ms. 348.

Dalam *Mukhtar al-Siḥāḥ* disebutkan makna *al-ṣalāḥ* adalah kata lawan bagi *al-fasād*. Perkataan *maṣlaḥah* adalah *mufrad* dari kata *maṣāliḥ* dan makna *al-Istiṣlāḥ* adalah kata lawan bagi *al-Istifṣād*.⁵

Sekiranya dilihat dalam *al-Miṣbah al-Munīr* pula dinyatakan *ṣaluḥa* yang dibaca *qhammah* pada huruf *lām* adalah kata lawan bagi *fasada*. Perkataan *aṣlaḥa* bererti mendatangkan kebaikan dan kebenaran. Ungkapan *fī al-amr maṣlaḥah* membawa erti sesuatu itu mengandungi kebaikan dan jamaknya adalah *maṣāliḥ*.⁶

Seterusnya pengarang *al-Munjid fī al-Lughah wa al-‘Alām* pula menjelaskan sebagai perkara yang membangkitkan kebaikan iaitu perbuatan-perbuatan manusia yang boleh mendatangkan manfaat kepada diri dan kaumnya.⁷

Berikutnya sidang pengarang *Mu‘jam al-Wasiṭ* menerangkan, *maṣlaḥah* ialah kebaikan dan manfaat, berasal dari *ṣaluḥa*, *ṣalāḥan wa ṣulūḥan* yang bererti hilang daripadanya kerosakan dan sesuatu yang berguna dan munasabah, *wa Aṣlaḥa al-syai'* ertinya menghilangkan keburukan sesuatu dan *istaṣlaḥa al-syai'* ertinya memperbaiki sesuatu.⁸

Setelah diperhalusi huraian makna *maṣlaḥah* yang digunakan dalam kamus-kamus Bahasa Arab, dapatlah dibuat dua kesimpulan seperti berikut :

⁵ Al-Rāzi (1952), *Mukhtar al-Siḥāḥ*, Beirut : t.tp., ms 75.

⁶ al-Fayumi (1950), *Al-Miṣbah al-Munir*, Mesir : Muṣṭafā al-Bābi al-Ḥalabi, juz 1. ms 157.

⁷ Ma'luf, Lewis (1992), *Al-Munjid fī al-Lughah wa al-‘Alām*, Beirut : Dār al-Masyriq, cet. 32. ms 432.

⁸ Ibrāhīm Muṣṭafā, et al. (t.th) *al-Mu‘jam al-Wasiṭ*, Istanbul : Dār al-Da‘wah, jld. 1. ms. 520.

a) Perkataan *maṣlaḥah* adalah sinonim dengan perkataan *manfa‘ah*,⁹ baik dari segi bentuk *wazan* (imbangan kata) maupun maknanya. Dalam hal ini, *wazan maṣdar maṣlaḥah* dengan makna *al-Ṣalāḥ* seperti *manfa‘ah* dengan makna *al-naf‘u* atau *maṣlaḥah* boleh juga menjadi bentuk *isim mufrad* dari perkataan *maṣalīḥ*, sebagaimana perkataan *manfa‘ah* adalah *mufrad* bagi *manāfi‘*.¹⁰

b) *Maṣlaḥah* bermakna perbuatan yang mengandungi kebaikan dan manfaat dalam bentuk *majaz mursal* (metafora). Dengan kata lain yang disebutkan adalah sebabnya, tetapi yang dimaksudkan adalah akibatnya. Sebagaimana diungkapkan perjuangan itu *maṣlaḥah* bermaksud perjuangan itu merupakan sebab untuk memperolehi manfaat sama ada bersifat material ataupun maknawi.¹¹ Dengan demikian, *maṣlaḥah* dalam kesimpulan kedua ini adalah berlawanan dengan perkataan *mafsadah* di mana kedua-duanya itu tidak bertemu seperti perkataan *naf‘un* berlawanan dengan *darar*.¹²

Dalam Bahasa Melayu, penggunaan istilah *maṣlaḥah* disebut sebagai maslahat yang membawa erti sesuatu yang berfaedah, berguna, usaha dan sebagainya yang mendatangkan faedah.¹³

⁹ Manfaat pula terbahagi kepada dua; **pertama** menarik dan menghasilkan seperti mendapatkan faedah-faedah dan kelazatan-kelazatan di samping kekalnya penjagaan terhadapnya; **kedua** menolak dan menakutkan seperti menjauhkan perkara-perkara yang memudaratkan dan menyakitkan. [al-Būtī, Muḥammad Sa‘īd Ramaḍān (1966), *Dawābit al-Maṣlaḥah fī al-Syarī‘ah al-Islamiyyah*, Damsyiq : Al-Maktabah al-Umawiyah, cet. 1. ms 23.]

¹⁰ Hasan, Ḥusayn Ḥāmid (Dr.) (1981), *Nazariyyat al-Maṣlaḥah fī al-Fiqh al-Islāmi*, Qāhirah : Maktabah al-Mutanabbi, ms. 4.

¹¹ *Ibid.*

¹² Lihat; Muḥammad al-Sa‘īd (Dr.) (1977), *Buḥūth fī al-Adillah al-Mukhtalaf fī hā ‘ind al-Uṣūliyyin*, Qāhirah: t.p., ms. 83-84.

¹³ Noresah, et.al. (2005), *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, edisi keempat, ms 1003.

Sebagai rumusan, *maṣlaḥah* bermaksud kebaikan dan lawannya *mafsadah* yang bermaksud keburukan. Oleh kerana kedua-duanya mempunyai sifat berlawanan maka tidak mungkin wujudnya percantuman dan persamaan sebagaimana kemanfaatan lawannya kemudaratan.

1.2.2 Menurut Terminologi

Terdapat pelbagai pengertian dari sudut istilah yang diberi dan dikemukakan oleh para sarjana hukum Islam seperti :

Imām al-Rāzī mentakrifkan *maṣlaḥah* seperti berikut :

"*Maṣlaḥah* ialah kemanfaatan yang Allah maha bijaksana anugerahkan kepada hambaNya bertujuan memelihara agama, jiwa, akal, keturunan, dan harta benda menurut urutannya"¹⁴.

Rumusan dari definisi di atas ialah beliau menegaskan manarik manfaat adalah untuk memelihara tujuan syarak yang lima iaitu agama, jiwa, akal, keturunan dan harta benda.

Al-Khuwārazmī mendefinisikan *maṣlaḥah* seperti berikut :

والمراد بالصلحة الحافظة على مقصود الشرع بدفع المفاسد عن الخلق.

"*Maṣlaḥah* bermaksud memelihara tujuan syarak dengan menolak bencana atau kerosakan dari manusia"¹⁵.

¹⁴ Al-Rāzī, Fakhr al-Dīn Muḥammad bin ‘Umar (t.th), *al-Maḥṣūl*, Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, juz. 2, ms. 434. Muḥammad al-Sa‘īd ‘Alī ‘Abd. Rabbih (1977), *Buhūth fī al-Adillah al-Mukhtalaffī hā ‘ind al-Uṣūliyyin*, Qāhirah : Matba‘ah al-Husayn al-Jadīdah, ms. 84.

¹⁵ Dipetik dalam al-Syawkānī, Muḥammad ibn ‘Alī ibn Muḥammad (1994), *Irshād al-Fuḍūl ilā Taḥqīq al-Ḥaq min ‘Ilm al-Uṣūl*, Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, cet. 1, ms 358.

Definisi ini menjelaskan *maṣlaḥah* membawa erti memelihara tujuan syarak yang lima iaitu agama, akal, harta, jiwa dan keturunan. Dengan demikian, setiap aturan hukum yang dimaksudkan untuk memelihara kelima-lima perkara tersebut dan menghindarkan dari kerosakan disebut *maṣlaḥah*. Justeru itu untuk menentukan sesuatu perkara adalah *maṣlaḥah* atau tidak, kayu ukurnya adalah tujuan syarak dan bukannya akal.

Al-Ṭūfī¹⁶ pula mendefinisikan *maṣlaḥah* seperti berikut :

وأما حدها بحسب العرف فهي السبب المؤدي إلى الصلاح والنفع، كالتجارة المؤدية إلى الربح. وبحسب الشرع هي السبب المؤدي إلى مقصود الشارع، عبادة أو عادة. ثم هي تنقسم إلى ما يقصده الشارع لحقه كالعبادات، وإلى ما يقصده لنفع المخلوقين وانتظام أحواهم كالعادات.

*Definisi maṣlaḥah menurut ‘urf adalah sebab yang membawa kepada kemaslahatan, seperti perniagaan menyebabkan seseorang memperoleh keuntungan. Menurut pandangan hukum Islam, maṣlaḥah adalah sebab yang membawa akibat bagi tercapainya tujuan pencipta hukum, sama ada dalam bentuk ibadah mahupun adat. Kemudian maṣlaḥah itu terbahagi kepada dua iaitu maṣlaḥah yang dikehendaki oleh pencipta hukum sebagai hak seperti ibadah dan maslahah yang dimaksudkan untuk kemaslahatan manusia dan peraturan urusan mereka seperti adat.*¹⁷

Dari pendefinisian al-Ṭūfī dapat disimpulkan bahawa *maṣlaḥah* menurut pengertian umum yang berlaku di dalam masyarakat adalah setiap perkara yang boleh membawa manfaat. Pengertian ini adalah selari dengan pengertian *maṣlaḥah* menurut bahasa seperti yang telah diuraikan sebelum ini dan selari juga dengan pandangan al-Ghazālī seperti yang akan diuraikan.

¹⁶ Nama lengkap beliau ialah Sulaymān bin ‘Abd al-Qawī bin ‘Abd al-Karīm ibn Sa‘īd al-Ṭūfī (lebih dikenali dengan panggilan Najm al-Dīn al-Ṭūfī), diputerakan tanggal 657H dan meninggal dunia pada 716H.

¹⁷ Hasan, Husayn Hāmid (Dr.), *op.cit.*, ms 9.

Seterusnya al-Ṭūfī membezakan antara tujuan yang ingin dicapai oleh manusia dan tujuan yang ingin dicapai oleh pencipta hukum. Dengan ini beliau menegaskan bahawa *maṣlaḥah* yang dikehendaki oleh pencipta hukum tidak sama dengan *maṣlaḥah* yang dikehendaki oleh manusia.

Al-Ghazālī memberikan definisi seperti berikut :

المصلحة فهي عبارة في الأصل عن جلب المنفعة أو دفع المضرة، ولسنا نعني به ذلك، فإن جلب المنفعة ودفع المضرة مقاصد الخلق، وصلاح الخلق في تحصيل مقاصدهم. لكننا نعني بالمصلحة الحافظة على مقصود الشرع. و مقصود الشرع من الخلق خمسة، وهو أن يحفظ عليهم دينهم ونفسهم وعقلهم وسلفهم وما لهم. فكل ما يتضمن حفظ هذه الأصول الخمسة فهو مصلحة، وكل ما يفوت هذه الأصول فهو مفسدة ودفعه مصلحة.

Maṣlaḥah menurut makna asalnya bermaksud menarik manfaat atau menolak mudarat. Akan tetapi, bukanlah bermaksud demikian, sebab menarik manfaat dan menghindar dari mudarat adalah tujuan manusia. Kemaslahatan makhluk terletak pada tercapainya tujuan mereka. Sedangkan yang dimaksudkan dengan *maṣlaḥah* ialah memelihara tujuan syarak. Tujuan syarak yang ingin dicapai dari manusia ada lima perkara iaitu memelihara agama, jiwa, akal, keturunan dan harta mereka. Setiap hukum yang mengandungi tujuan memelihara kelima-lima perkara ini disebut *maṣlaḥah* dan setiap perkara yang menidakkannya disebut mafsadah dan menolaknya disebut *maṣlaḥah*.¹⁸

Setelah diteliti definisi al-Ghazālī dapat dirumuskan beberapa aspek seperti berikut:

- a) Makna asal *maṣlaḥah* adalah mencapai manfaat dan menolak kemudaran. Ini selari dengan pengertian *maṣlaḥah* menurut bahasa dan adat

¹⁸ al-Ghazālī, Abī Ḥāmid bin Muḥammad bin Muḥammad (1997), *al-Mustasfā min ‘Ilm al-Uṣūl*, Beirut : Mua’ssasah al-Risalah, cet. 1, juz 1, ms. 416.

kebiasaan manusia. Tetapi bukan ini yang dimaksudkan beliau dengan *maṣlaḥah*, sebab ini adalah tujuan yang ingin dicapai oleh manusia.

- b) *Maṣlaḥah* yang dimaksudkan beliau sebenarnya ialah mencapai manfaat dan menolak kemudaratan dengan memelihara tujuan syarak yang lima. Oleh yang demikian, setiap perkara yang memelihara dan menghindarkan ancaman terhadap kelima-lima tujuan syarak adalah *maṣlaḥah*.
- c) Beliau secara tegas membezakan antara *maṣlaḥah* menurut pandangan manusia dengan *maṣlaḥah* menurut pandangan syarak. Manusia ingin mencari kemaslahatan dan syarak juga ingin mewujudkan kemaslahatan, tetapi kemaslahatan yang dikehendaki oleh manusia belum tentu sama dengan kemaslahatan yang dikehendaki oleh syarak. Walaupun *maṣlaḥah* berdasarkan kehendak syarak pada zahirnya bercanggah dengan kehendak manusia, namun hakikatnya ianya selari dengan kehendak manusia.
- d) Beliau juga mengambil langkah berhati-hati dalam membuka pintu *maṣlaḥah* supaya tidak disalahguna untuk kepentingan hawa nafsu. Ini bermakna konsep *maṣlaḥah* yang digunakan dalam tindakan perlu bertunjangkan tujuan syarak.

Berdasarkan definisi-definisi dari sudut terminologi yang telah dibentangkan di atas, dapatlah dianalisiskan bahawa definisi yang diberikan al-Ghazālī adalah yang paling tepat dan mencakupi kehendak *maṣlaḥah* yang sebenar. Ini kerana beliau telah menegaskan *maṣlaḥah* perlu memiliki dua elemen

penting iaitu menarik manfaat dan menolak kerosakan dalam memelihara tujuan syarak.

Manakala definisi Imam al-Rāzī hanya menyatakan menarik manfaat sahaja tanpa menegaskan menolak kerosakan yang tidak boleh dipisahkan dalam memelihara tujuan syarak. Ini kerana menolak kerosakan tersebut saling melengkapi dalam menarik manfaat.

Sebaliknya pula definisi yang diberikan oleh al-Khuwārazmī membataskan pemeliharaan tujuan syarak dengan menolak kerosakan sahaja tanpa mengambilkira aspek yang lebih utama iaitu menarik kemanfaatan kepada manusia. Jelas bahawa, pemeliharaan terhadap tujuan syarak tidak sempurna hanya dengan menolak kerosakan dari manusia tetapi perlu disertai dengan menarik manfaat kepada manusia.

Seterusnya al-Tūfī pula dalam mendefinisikan maslahah sebagai dalil syarak tidak menekankan dari sudut pengiktirafan syarak. Beliau hanya menjelaskan maksud pensyariatan syarak iaitu pensyariatan yang berbentuk diri sendiri dan pensyariatan yang berkaitan kemanfaatan manusia serta penyusunan hal ehwal kehidupan mereka. Dengan kata lain, pendefinisan al-Tūfī menekankan *maṣlaḥah* sebagai dalil syarak justeru itu piawaian terhadap *maṣlaḥah* hanya dilihat kepada penjagaan tujuan syarak. Sedangkan fuqaha termasuklah golongan *Mālikiyah* yang terkenal beramal dengan *maṣlaḥah* meletakkan syarat-syarat tertentu terhadap penerimaannya¹⁹.

¹⁹ Ridzwan Ahmad (1999), “*Maṣlaḥah dan Pemakaianya di dalam Undang-undang Jenayah Islam*”, (Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia), ms. 9.

Walaupun dari segi definisi istilah para sarjana hukum Islam berbeza, namun mereka sepakat menyatakan perkataan *maṣlaḥah* merupakan suatu istilah yang menggambarkan kepada suasana yang menarik manfaat dan menolak kemudaran dalam rangka memelihara tujuan syarak yang lima.

Maṣlaḥah mengikut pandangan para sarjana hukum Islam tadi ialah memelihara dan mengawal tujuan syarak sekalipun bertentangan dengan kehendak orang perseorangan, orang ramai atau mana-mana pihak. Perlu ditegaskan, *maṣlaḥah* yang menjadi matlamat makhluk dan bertentangan dengan tujuan syarak itu pada hakikatnya tidak ada kemaslahatan. Malah ianya merupakan hawa nafsu jahat, keinginan yang didorongkan oleh jiwa rosak serta nafsu buas, dihiasi oleh godaan serta hasutan syaitan dan ditambah pula dengan suasana adat resam jahiliah serta cara hidup yang bertopengkan *maṣlaḥah*.²⁰ Ini bermakna *maṣlaḥah* yang selari dengan tujuan syarak sahaja diterima sebagai *maṣlaḥah* yang sah, manakala *maṣlaḥah* yang bercampur aduk dengan *mafsadah* tidak diperakui oleh syarak meskipun terdapat *maṣlaḥah* pada pandangan manusia.

1.3 Klasifikasi *Maṣlaḥah*

Terdapat pelbagai klasifikasi *maṣlaḥah* sekiranya ditinjau dari pelbagai perspektif yang berbeza-beza. Berikut adalah penjelasannya :

²⁰ Sila lihat al-Būṭī, Muḥammad Sa’īd Ramadān, *op.cit.*, ms 14.

1.3.1 Klasifikasi Dari Perspektif Pengiktirafan Syarak

Antara perselisihan pendapat yang berlaku di kalangan sarjana hukum Islam adalah berkaitan sama ada syariat itu menerangkan semua *maṣlaḥah* dan *nass* telah mencukupi untuk menumpukan kemaslahatan manusia atau sebaliknya. Lantaran itu, disaran untuk menggunakan *qiyās* sekiranya tidak terdapat dalam *nass*. Lanjutan dari pemikiran yang melihat *nass* syarak sebagai asas utama dalam penilaian *maṣlaḥah*, maka majoriti sarjana hukum menerima pembahagian *maṣlaḥah* kepada tiga iaitu *maṣlaḥah mu'tabarah*, *maṣlaḥah mulghāh* dan *maṣlaḥah mursalah*.

i) *Maṣlaḥah Mu'tabarah*

Maṣlaḥah mu'tabarah ialah *maṣlaḥah* yang diperakui oleh syarak serta ada dalil yang tertentu menunjukkan pengiktirafan terhadap sesuatu perkara yang munasabah tanpa merujuk asal yang tertentu daripada syarak.²¹ *Maṣlaḥah* ini juga dikenali dengan istilah *al-munāsib al-mu'tabarah*, yang mana hasilnya kembali kepada *qiyās*. Oleh demikian itu, harus berdalil dengan *maṣlaḥah* ini dan berlakulah hukum terhadap sesuatu perkara. Sebagai contoh, Firman Allah SWT :

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا نُودِيَ لِلصَّلَاةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَآسِعُوا إِلَى ذِكْرِ اللَّهِ
وَدَرُوا أَلْبَعَ ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١﴾

²¹ Badrān, Abū al-'Aynayn Badrān (1969), *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, Qāhirah : Dār al-Ma'arif, ms. 209.

(Wahai orang yang beriman, apabila diseru untuk menunaikan solat Jumaat, Maka bersegeralah kamu kepada mengingat Allah dan tinggalkanlah jual beli yang demikian itu lebih baik bagimu jika kamu Mengetahui).

Surah al-Jumu‘ah (62) : 9

Ayat ini menunjukkan arahan meninggalkan jual beli disebabkan seruan solat pada hari Jumaat. Ini kerana berjual beli pada ketika itu boleh melalaikan diri dari mengingati Allah SWT dan solat. Maka setiap perlakuan muamalah yang lain seperti mengambil upah dan proses gadaian adalah turut sama perlu ditinggalkan kerana boleh melalaikan diri dari mengingati Allah SWT dan solat. Proses pembinaan hukum ini disebut sebagai *qiyās* kerana mempunyai ‘illah yang sama.²²

ii) Maṣlaḥah Mulghāḥ

Maṣlaḥah ini adalah *maṣlaḥah* yang tidak diiktiraf oleh syarak. Para sarjana hukum Islam sepakat menyatakan *maṣlaḥah* ini tidak sesuai untuk dijadikan sebab bagi disandarkan hukum, walaupun akal manusia mengandaikan dapat memberi manfaat kepada mereka.²³

Sebenarnya pada perkara yang dihapuskan itu mempunyai *maṣlaḥah* yang lebih penting untuk diutamakan. Sebagai contoh, menyamakan anak lelaki dan anak perempuan dalam mewarisi harta pusaka kerana memandangkan mereka itu sama dari sudut kebaikan dan darjat kekeluargaan. Ini bertentangan dengan firman Allah SWT :

²² al-Bughā, Muṣṭafā Dīb (Dr.), *op.cit.*, ms. 32.

²³ al-Ashqar, ‘Umar Sulaymān ‘Abd Allāh (Dr.) (t.th), *Nazarāt fī Usūl al-Fiqh*, Jordan : Dār al-Nafā’is, ms 228.

يُوصِيكُمُ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ لِلَّذِكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنْثَيَيْنِ

(Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian harta pusaka untuk) anak-anak kamu, iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan)

Surah al-Nisā' (4) : 11

Maṣlaḥah ini adalah terhapus, kerana dengan menggunakan kaedah ini bermaksud menghapuskan *maṣlaḥah* yang lebih kuat dan dikawal oleh syarak iaitu memelihara hak yang perlu ada pada lelaki. Syarak telah menetapkan bahawa kaum lelaki adalah bertanggungjawab dalam keluarga dan masyarakat²⁴ seperti firman Allah SWT berikut :

الرِّجَالُ قَوْمُونَ عَلَى النِّسَاءِ

(Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum wanita).

Surah al-Nisā' (4) : 34

iii) ***Maṣlaḥah Mursalah***

Maṣlaḥah mursalah terdiri daripada dua patah perkataan. Seperti mana maklum maksud *maṣlaḥah* telah diuraikan di atas, manakala *mursalah* sinonim dengan perkataan *muṭlaqah* iaitu bermaksud tidak berkait atau terlepas²⁵. Secara umumnya membawa erti *maṣlaḥah* yang tidak diperincikan oleh dalil syarak.

Para sajana hukum Islam sering menyebut *maṣlaḥah mursalah* dengan pelbagai istilah lain iaitu *istiṣlāḥ*, *istidlāl*, *mulāim mursal* dan *munāsib mursal*.

²⁴ al-Bughā, Muṣṭafā Dīb (Dr.), *op.cit.*, ms. 33.

²⁵ Zaydān, ‘Abd. al-Karīm (Dr.), (1992), *Al-Wajīz fī Usūl al-Fiqh*, Qāhirah : Dār al-Tawzī’ wa al-Nasyr al-Islāmiyyah, ms. 237.

Namun begitu, yang menjadi sandaran ialah hakikat maksud daripada sesuatu istilah itu sendiri dan bukan sebutannya²⁶.

Penggunaan nama *istīṣlāḥ* dan *istidlāl* adalah merujuk kepada penekanan metodnya. Seterusnya pemakaian nama *maṣlaḥah* dinilai dari perspektif sesuatu perkara itu merupakan hikmah dan tujuan yang ingin diwujudkan disebalik hukum yang akan ditetapkan. Manakala penggunaan nama *munāsib* pula ditinjau dari sudut sesuatu perkara itu merupakan ‘illah yang menyebabkan sesuatu hukum harus ditetapkan. Penggunaan nama *mursalah* pula merujuk kepada sesuatu perkara itu tidak ditunjukkan oleh dalil tertentu sama ada diiktiraf atau ditolak. Istilah *mulā’im* pula digunakan adalah kerana sesuatu perkara itu dilihat selari dengan tujuan syarak²⁷. Berikut dibentangkan definisi *maṣlaḥah mursalah* yang diberikan oleh para sarjana hukum.

i) Wahbah al-Zuhaylī mengemukakan :

هي الأوصاف التي تلائم تصرفات الشارع ومقاصده ولكن لم يشهد لها دليل معين من الشارع بالاعتبار أو الالغاء ويحصل من ربط الحكم بها جلب مصلحة أو دفع مفسدة عن الناس.

“*Maṣlaḥah mursalah adalah suatu sifat atau keterangan yang selari dengan kehendak dan tujuan syarak tetapi tidak didapati dalil tertentu daripada syarak sama ada mengiktirafnya atau menolaknya namun pelaksanaan hukum tersebut mendatangkan kemudahan kepada manusia dan menjauhkan dari kemudaratannya*”²⁸.

²⁶ al-Būṭī, Muḥammad Sa‘īd Ramaḍān, *op.cit.*, ms 329.

²⁷ *Ibid.*

²⁸ al-Zuhaylī, Wahbah (2005M/1426H), *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, Damsyiq : Dār al-Fikr, cet. 3, juz. 2, ms. 37.

ii) Muḥammad Sa‘id Ramadhān al-Būti pula mendefinisikan :

ان حقيقة المصالح المرسلة هي كل منفعة داخلة في مقاصد الشارع دون أن يكون لها شاهد بالاعتبار أو الالغاء

“*Hakikat maṣlaḥah mursalah ialah setiap manfaat yang terkandung dalam tujuan Syāri‘ tanpa sebarang dalil yang membenarkan atau menolaknya*”²⁹.

iii) Imām al-Ghazālī pula menyatakan :

ما لم يشهد له من الشرع بالبطلان ولا بالاعتبار نص معين

“*Maṣlaḥah yang tidak ditunjukkan oleh dalil tertentu dari syarak yang membatalkan atau membenarkannya*”³⁰.

Seterusnya Imām al-Ghazālī menegaskan lagi tentang *maṣlaḥah mursalah* dalam kenyataannya seperti berikut :

كل مصلحة رجعت الى حفظ مقصد شرعى علم كونه مقصودا بالكتاب والسنّة والاجماع فليس خارجا من هذه الأصول، لكنه لا يسمى قياسا بل مصلحة مرسلة، اذ للقياس أصل معين، كون هذه المعايير مقصودة عرفت لا بدلليل واحد بل بأدلة كثيرة لا حصر لها من الكتاب والسنّة وقرائن الأحوال وتفاريق الأمارات تسمى لذلك مصلحة مرسلة.

“*Setiap maṣlaḥah yang kembali untuk memelihara tujuan syarak yang diketahui dari al-Quran, hadis dan Ijmā‘, maka maṣlaḥah itu tidak terkeluar dari dalil-dalil tersebut. Ia tidak dinamakan qiyās, tetapi dinamakan maṣlaḥah mursalah kerana qiyās mempunyai dalinya yang tertentu. Adanya maṣlaḥah tersebut dikehendaki oleh syarak diketahui bukan sahaja dari satu dalil, namun berdasarkan dalil yang cukup banyak serta tidak terhitung dari al-Quran, hadis, tempat, situasi dan tanda-tanda lain. Oleh kerana itu dinamakan maṣlaḥah mursalah*”³¹.

²⁹ al-Būti, Muḥammad Sa‘id Ramadhān, *op.cit.*, ms 330.

³⁰ al-Ghazālī, Abī Ḥāmid bin Muḥammad bin Muḥammad, *op.cit.*, juz 1, ms. 416.

³¹ *Ibid.*, ms. 430.

Berdasarkan semua definisi yang telah dibentangkan di atas dapatlah disimpulkan bahawa *maṣlaḥah mursalah* mengandungi kriteria-kriteria berikut :

- i) *Maṣlaḥah* ini tidak ditunjukkan atau diperincikan oleh dalil syarak sama ada diiktiraf atau ditolak.
- ii) Terdapat sifat-sifat yang selari dengan tujuan syarak iaitu untuk memelihara agama, jiwa, akal, harta benda dan keturunan.

Sebagai contohnya ialah kewajipan membayar cukai pada saat negara memerlukan biaya untuk memenuhi keperluan yang mendesak bagi keperluan membela maruah umat Islam.

1.3.2 Klasifikasi Dari Perspektif Susunan Keutamaan, Kekuatan Dan Kepentingan Zatnya.

Maṣlaḥah yang diiktiraf oleh syarak terbahagi kepada tiga kategori, iaitu *maṣlaḥah darūriyyah*, *maṣlaḥah ḥājiyyah* dan *maṣlaḥah taḥṣīniyyah*.³² Dalam penelitian para sarjana hukum Islam, telah terbukti bahawa Allah SWT mengaturkan hukumNya mengikut susunan kemaslahatan manusia. Pembahagian ini telah menyerlahkan lagi keadilan dan keunggulan undang-undang Islam.

³² Al-Syaṭibī, Ibrāhīm ibn Mūsā al-Lakhmī (1975), *al-Muwāfaqāt fī Usūl al-Syari‘ah*, sunt. Syaikh ‘Abd Allāh Darāz, Miṣr : Maktabah al-Tijāriyyah. jld. 2, ms. 8-12.

i) *Maslahah Darūriyyah*

Maslahah ini merujuk kepada memelihara keperluan asas manusia sama ada di dunia maupun di akhirat. Sekiranya keperluan asas ini diabaikan pasti membawa kecacatan sistem hidup di dunia serta hilang nikmat di akhirat.³³

Para sarjana hukum Islam telah membuat ketetapan ke atas susunan keperluan asas tadi kepada kepentingan agama diletak pada level pertama dan lebih prioriti dari kepentingan jiwa, sementara kepentingan jiwa mestilah diutamakan dari kepentingan akal, seterusnya kepentingan akal mestilah diutamakan dari kepentingan keturunan dan kepentingan keturunan pula diutamakan dari kepentingan harta. Sebahagian mereka pula menambah menjadi enam iaitu dengan memasukkan maruah serta perlu didahulukan daripada penjagaan harta.³⁴

Oleh sebab itu, segala tindakan yang dilakukan untuk merealisasikan dasar tersebut sama ada untuk mengekalkan kewujudan dan mengawal penghapusan *maslahah* yang lima ini adalah juga dikategori sebagai *maslahah darūriyyah*.³⁵ Ini kerana jaminan kehidupan manusia itu sendiri sebenarnya sama ada untuk meneruskan kehidupan di dunia ini ataupun untuk mencapai kebahagiaan di akhirat adalah bergantung kepada sejauh mana *maslahah darūriyyah* itu dikekalkan kewujudan dan dikawal penghapusan keperluan-keperluan asas manusia.

³³ Jalal al-Dīn ‘Abd al-Rahmān (1992), *Ghayah al-Wuṣūl ilā Daqāiq ‘Ilm al-Uṣūl al-Adillah al-Mukhtalaffīhā*, t.pt : t.pt., ms. 23.

³⁴ al-Asyqar, ‘Umar Sulaymān ‘Abd Allāh (Dr.), *op.cit.*, ms 225.

³⁵ al-Syaṭibī, Ibrāhīm ibn Mūsā al-Lakhmī (1975), *op.cit.*, jld. 2, ms. 8.

Disyariatkan mengekalkan agama dengan melaksanakan rukun Islam yang lima. Manakala mengawal agama dengan cara mengenakan hukuman bunuh ke atas mereka yang keluar dari agama Islam apabila enggan bertaubat. Disyariatkan mengekalkan jiwa dengan berusaha memperoleh makanan, minuman dan pakaian untuk mempertahankan hidupnya. Manakala mengawal jiwa dengan cara mengenakan *qisāṣ* dan *diyāt* ke atas penjenayah. Disyariatkan mengekalkan akal dengan meninggalkan minuman yang memabukkan seperti arak. Manakala mengawal akal dengan cara mengenakan hukuman hudud ke atas orang yang meminum minuman yang memabukkan. Disyariatkan mengekalkan keturunan dengan cara menggalakkan perkahwinan. Manakala mengawal keturunan dengan cara mengharamkan zina dan dikenakan hukuman hudud kerana berzina yang boleh mencemarkan kesucian dan kemurnian keturunan manusia. Disyariatkan mengekalkan harta dengan cara bekerja mencari rezeki dan mensyariatkan muamalat. Manakala mengawal harta dengan cara menegah dari merosakkannya serta boros di samping mewajibkan hukuman potong tangan ke atas pencuri.³⁶

ii) *Maṣlaḥah ḥāfiyyah*

Maṣlaḥah ini merujuk kepada *maṣlaḥah* yang diperlukan untuk memberi kemudahan serta meringankan manusia melaksanakan kewajipan. Namun begitu, ketiadaannya tidaklah sampai membawa kepada kepincangan hidup manusia tetapi hanya membawa kesukaran hidup sahaja.³⁷

³⁶ al-Asyqar, ‘Umar Sulaymān A’bd Allāh (Dr.), *op.cit.*, ms 226. al-Syawkānī, Muḥammad ibn ’Alī ibn Muḥammad (1994), *op.cit.*, ms 321. al-Zuḥaylī, Wahbah (2005M/1426H),, *op.cit.*, jld. 2, ms. 50-51.

³⁷ al-Bughā, Muṣṭafā Dīb (Dr.), *op.cit.*, ms. 30.

Maṣlaḥah ḥājiyyah berlaku dalam lapangan ibadat, adat, muamalat dan jenayah. Dalam bidang ibadah Islam membenarkan qasar solat dan berbuka puasa bagi yang bermusafir. Dalam lapangan adat Islam membolehkan berburu, memakan dan memakai yang baik dan indah. Dalam perkara muamalat Islam mengharuskan jual beli *salam* dan *talaq* dalam menyelesaikan masalah suami isteri. Seterusnya dalam bidang jenayah pula menolak hukuman hudud disebabkan syubhah.³⁸

iii) Maṣlaḥah Taḥṣīniyyah

Maṣlaḥah ini bertujuan memperbaiki keadaan individu dan masyarakat sejajar dengan nilai-nilai adab bagi menjaga maruah manusia. Sekiranya nilai ini tiada maka akan hilanglah kesempurnaan akal dan keelokkan manusia sebagai insan sempurna.³⁹ Namun begitu ketiadaan *maṣlaḥah* ini tidaklah membawa kepada kepincangan hidup manusia seperti mana dalam *maṣlaḥah darūriyyah* dan tidak pula membawa kepada kesukaran hidup mereka sebagaimana berlaku dalam *maṣlaḥah ḥājiyyah*.⁴⁰

Maṣlaḥah taḥṣīniyyah berlaku dalam bidang ibadat, adat, muamalat dan jenayah. Dalam bidang ibadat Islam mensyariatkan bersuci dari najis, menutup aurat, memakai pakaian yang baik ketika solat, mendekatkan diri kepada Allah dengan melakukan amalan sunat seperti solat dan puasa sunat, bersedekah dan lain-lain lagi. Dalam bidang adat pula Islam menganjurkan beradab ketika makan

³⁸ Hasan, Ḥusayn Ḥāmid (Dr.), *op.cit.*, ms 28-29.

³⁹ Jalāl al-Dīn Abd al-Raḥmān (1983), *al-Maṣlaḥah al-Mursalah wa Makānatuhā fī al-Tasyrī*, Qāhirah : Matba‘ah al-Sa‘ādah, ms. 23.

⁴⁰ ‘Alī Ḥasb Allāh (1964), *Uṣūl al-Tasyrī al-Islāmi*, Qāhirah : Dār al-Ma‘rifah bi Miṣr, ms. 118.

dan minum, tidak berlebihan dalam makan minum dan sebagainya. Dalam lapangan muamalat Islam melarang menjual benda-benda bernajis dan sebagainya. Seterusnya dalam bidang jenayah Islam melarang membunuh wanita, kanak-kanak serta pendita dalam peperangan dan sebagainya.⁴¹

1.3.3 Klasifikasi Dari Perspektif Keperluan

Klasifikasi ini telah diberikan oleh Muḥammad Ṭāhir bin ‘Āsyūr. Sekiranya *maṣlaḥah* dinilai dari sudut keperluan kepadanya, maka boleh dibahagikan kepada tiga iaitu⁴² :

- i) *Maṣlaḥah qat‘iyyah* ialah *maṣlaḥah* yang dipercayai sepenuhnya bahawa diiktiraf oleh syarak. Contohnya *maṣlaḥah* memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan juga harta.
- ii) *Maṣlaḥah ẓanniyyah* adalah *maṣlaḥah* yang disyariatkan dengan dalil *ẓanni* atau yang difikirkan akal bahawa ia diiktiraf oleh syarak. Contohnya *maṣlaḥah* tentang larangan kepada hakim tidak boleh menjatuhkan hukuman ketika marah.
- iii) *Maṣlaḥah wahmiyyah* merupakan *maṣlaḥah* yang pada penelitian awal seolah-olah mendatangkan kebaikan, tetapi setelah diamati sebenarnya mendatangkan keburukan yang lebih besar atau menghilangkan *maṣlaḥah* lain

⁴¹ al-Syātibī, Ibrāhīm ibn Mūsā al-Lakhmī (1975), *op.cit.*, jld. 2, ms, 11-12. al-Zuḥaylī, Wahbah (2005M/1426H), *op.cit.*, jld. 2, ms. 51. al-Asyqar, ‘Umar Sulaymān ‘Abd Allāh (Dr.), *op.cit.*, ms 227.

⁴² al-Zuḥaylī, Wahbah (2005M/1426H), *op.cit.*, juz. 2, ms. 317-318.

yang lebih besar daripadanya. Contohnya tidak mengenakan *qiṣāṣ* kepada pembunuhan, melakukan maksiat, mengambil dadah untuk menghilangkan masalah-masalah dan sebagainya.

1.3.4 Klasifikasi Dari Perspektif Ruang Lingkup (umum dan khusus)

Apabila *maṣlaḥah* dinilai dari perspektif kepada siapakah *maṣlaḥah* itu akan kembali, maka terbahagi kepada tiga bahagian berikut⁴³ :

- i) *Maṣlaḥah ‘ammāh* ialah *maṣlaḥah* yang mana kepentingannya kembali kepada keseluruhan masyarakat. Contohnya menjaga negara daripada pencerobohan musuh, menjaga perpaduan ummah, menjaga hadis-hadis daripada pemalsuan dan sebagainya.
- ii) *Maṣlaḥah aghlabiyah* ialah *maṣlaḥah* yang mana kepentingannya kembali kepada sebahagian besar masyarakat dan meliputi *maṣlaḥah darūriyyah*, *maṣlaḥah ḥājiyyah* dan *maṣlaḥah taḥṣīyyah*. Contohnya jaminan ganti rugi dari tukang upah barang sekiranya rosak.
- iii) *Maṣlaḥah khāṣṣah* adalah *maṣlaḥah* yang mana kepentingannya kembali kepada individu atau pun sebahagian kecil masyarakat sahaja. Contohnya pensyariatan *syuf‘ah*, gadaian, keharusan menjadi doktor, bersukan dan sebagainya.

⁴³ Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Rahmān (1983), *op.cit.*, ms. 27.

1.3.5 Klasifikasi Dari Perspektif Kekal Dan Berubah

Apabila ditinjau dari sudut berubah atau tidaknya *maṣlaḥah*, maka Syaikh Muṣṭafā Syalabi telah membahagikan kepada dua bahagian iaitu⁴⁴ :

- i) *Maṣlaḥah al-thabitah* ialah kemaslahatan yang bersifat kekal dan tidak berubah sampai akhir zaman. *Maṣlaḥah* ini berkait rapat dengan aspek ibadah seperti solat, puasa, zakat, haji dan sebagainya.
- ii) *Maṣlaḥah Mutaghayyirah* ialah kemaslahatan yang selalu berubah sesuai dengan perubahan situasi, masa, dan subjek hukum. Kemaslahatan ini berkait rapat dengan aspek muamalah dan adat kebiasaan.

1.4 *Maṣlaḥah Mursalah* Sebagai Hujah

Para sarjana hukum Islam telah berbeza pandangan dalam mengklasifikasikan golongan yang menerima dan menolak *maṣlaḥah mursalah* sebagai dalil hukum. Ini berkemungkinan pandangan-pandangan tersebut muncul dari sumber maklumat yang berlainan dan perbezaan persepsi mereka dalam menilai hakikat *maṣlaḥah mursalah*. Berikut dibentangkan perbezaan pandangan tersebut :

Al-Amidī menukilkan bahawa *fuqaha* dari kalangan Syāfi‘iyah dan Ḥanafiyah serta yang lain tidak memandang *maṣlaḥah mursalah* sebagai hujah. Inilah pendapat yang benar menurut beliau. Seterusnya menyatakan Imām Mālik

⁴⁴ Hasan, Husayn Ḥāmid (Dr.), *op.cit.*, ms 36-37.

menerima *maṣlaḥah mursalah* sebagai hujah, tetapi para pendukung beliau menolaknya. Sekiranya benar Imām Mālik menerima *maṣlaḥah mursalah* sebagai hujah, itu pun tidak kesemuanya dan hanya terbatas kepada *maṣlaḥah mursalah* yang berstatus *dariūriyyah*, *qat'iyyah* dan *kulliyyah*.⁴⁵ Berdasarkan pandangan al-Amidī ini, terdapat banyak kritikan dan komentar dari kalangan sarjana hukum *mutaa'khiran* kerana bersifat kontradiksi dengan kenyataan sebenarnya..

Menurut nukilan Dr. Wahbah al-Zuhaylī, sarjana hukum Islam yang menerima *maṣlaḥah mursalah* sebagai hujah ialah golongan Malikiyyah dan Hanabilah. Golongan Ḥanafiyyah pula menerima *maṣlaḥah mursalah* melalui jalan *Istiḥsān*. Manakala golongan yang menolak *maṣlaḥah mursalah* ialah Zāhiriyyah, Syi‘ah, majoriti Syāfi‘iyyah dan Ibn al-Najib dari Malikiyyah.⁴⁶

Dr. Zaki al-Dīn Sya‘ban berpandangan majoriti sarjana hukum menerima *maṣlaḥah mursalah* sebagai hujah. Ini termasuk semua Imam mazhab yang empat dan majoriti pendukung mereka. Beliau juga menegaskan, bahawa sekalipun para imam mazhab itu tidak secara jelas menyebutkan *maṣlaḥah mursalah* sebagai dalil dalam kitab-kitab *uṣūl al-fiqh* mereka, namun terdapat banyak hasil ijtihad dalam kitab-kitab fiqh mereka yang bersandarkan *maṣlaḥah mursalah*. Manakala golongan yang menolak *maṣlaḥah mursalah* ialah Zāhiriyyah, sebahagian Syafi‘iyyah seperti al-Amidī dan sebahagian Malikiyah seperti Ibn al-Najib.⁴⁷

⁴⁵ al-Āmidī, Sayf al-Dīn Abī al-Ḥasan ‘Alī bin Abī ‘Alī bin Muḥammad al-Āmidī (1985), *al-Iḥkām fī Uṣūl al-Āḥkām*, Beirut : Dār al-Nahḍah al-‘Ilmiyyah, cet. 1, jld 3, ms. 394.

⁴⁶ al-Zuhaylī, Wahbah (2005M/1426H),, *op.cit.*, ms. 54-62.

⁴⁷ Zaki al-Dīn Sya‘ban (t.th), *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, t.tp : t.pt., ms. 162.

Namun begitu, yang jelas kelihatan para sarjana hukum Islam dalam menanggapi *maṣlaḥah mursalah* sebagai dalil hukum terbahagi kepada dua golongan. Golongan pertama ialah menerima *maṣlaḥah mursalah* sebagai hujah yang dapat dijadikan pertimbangan dalam pembinaan hukum Islam. Sebaliknya golongan kedua pula memandang *maṣlaḥah mursalah* tidak boleh dijadikan pertimbangan dalam menetapkan hukum Islam. Berikut dibentangkan hujah dua golongan tersebut:

1.4.1 Hujah Golongan Yang Menerima

Berikut digariskan beberapa hujah golongan yang menerima *maṣlaḥah* sebagai sumber sekunder dalam menentukan hukum Islam :

i) Berdasarkan dialog baginda SAW yang merestui penggunaan ijtihad oleh Mu‘adh bin Jabal ketika dilantik menjadi gabenor di Yaman. Ini menunjukkan kebenaran yang diberikan oleh baginda SAW adalah secara tidak langsung mengizinkan penggunaan *maṣlaḥah mursalah* dalam pembinaan hukum Islam.⁴⁸ Berikut adalah dialog yang dirakamkan dalam sebuah hadis :

عَنْ رِجَالٍ مِنْ أَصْحَابِ مُعاَذٍ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَمَّا بَعَثَهُ إِلَى الْيَمَنِ
فَقَالَ كَيْفَ تَقْضِي قَالَ أَقْضِي بِكِتَابِ اللَّهِ قَالَ فَإِنْ لَمْ يَكُنْ فِي كِتَابِ اللَّهِ قَالَ
فَبِسُنْنَةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ فَإِنْ لَمْ يَكُنْ فِي سُنْنَةِ رَسُولِ اللَّهِ
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ أَجْتَهِدُ رَأْبِي قَالَ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي وَفَقَرَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

⁴⁸ *Ibid.*, ms 164.

“Daripada sahabat-sahabat Mua’dh, bahwa Rasulullah SAW ketika mengutus Mua’dh ke Negeri Yaman, baginda bertanya kepadanya : bagaimanakah caranya engkau menghukum (mengadili)? Mua’dh menjawab : aku menghukum menurut apa yang ada dalam kitab Allah, Rasulullah bertanya pula : jika tidak ada bertemu apa yang ada dalam kitab Allah? Mua’dh menjawab, lalu dengan sunnah RasulNya. Rasulullah bertanya pula : jika tidak bertemu dalam sunnah? Mua’dh menjawab : aku berijtihad (aku berusaha sedapat-dapatnya) menurut fikiranku. Rasulullah menjawab : segala puji-pujian bagi Allah yang telah memberi taufik kepada utusan Rasulullah SAW⁴⁹”.

ii) Para sahabat yang mujtahid dan para sarjana hukum Islam selepas mereka telah mengimplementasikan *maṣlaḥah mursalah* dalam menetapkan hukum dan tiada yang menolaknya. Ini membuktikan mereka bersepakat (*ijma’*) terhadap dalil *maṣlaḥah mursalah*.⁵⁰ Sebagai contoh, pada era selepas kewafatan baginda SAW pengumpulan al-Quran telah dilakukan oleh Abū Bakar al-Ṣiddīq dengan cadangan daripada ‘Umar al-Khaṭṭāb.⁵¹ Sedangkan ia tidak pernah dilakukan pada zaman baginda SAW, namun begitu para sahabat telah bersepakat bahawa dasar tersebut mendatangkan manfaat.

Oleh itu, *maṣlaḥah mursalah* selaras dengan tujuan syariat, sebaliknya mengenepikan *maṣlaḥah mursalah* bermakna mengenepikan tujuan syariat. Justeru itu, seharusnya mempraktikkan dalil *maṣlaḥah mursalah* atas dasar sumber hukum yang berdiri sendiri yang mana ia tidak terkeluar daripada uṣūl, bahkan ada hubungkait antara *maṣlaḥah mursalah* dengan tujuan syariat.

⁴⁹ Aḥmad Ibn Ḥanbal Abī ‘Abd Allāh al-Syaybānī (1993), *Musnad al-Imām Aḥmad Ibn Ḥanbal Abī ‘Abd Allāh al-Syaybānī, Ḥadīth Mu’adh bin Jabal*, Beirut : Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabi, no. 21502, jld 6, cet. 2, ms 303.

⁵⁰ Jalal al-Dīn ‘Abd al-Rahmān (1992), *op.cit.*, ms. 78-79.

⁵¹ *Ibid.*, ms. 80.

iii) Tujuan penetapan hukum Islam adalah untuk merealisasikan dan meraikan *maṣlaḥah* manusia. Kemaslahatan manusia akan selalu berubah dan bertambah sesuai dengan kemajuan zaman. Lantaran itu, mengambil dalil *maṣlaḥah mursalah* adalah selaras dengan tabiat atau dasar syariat Islam.⁵² Hal ini disokong oleh sarjana hukum Islam, antaranya ialah :

‘Izz al-Dīn ‘Abd al-Salām menyatakan :

وَالشَّرِيعَةُ كُلُّهَا مُصَالِحٌ إِمَّا تَدْرِأُ مُفَاسِدًا أَوْ تُجْلِبُ مُصَالِحًا...⁵³

“Syariat itu kesemuanya *maṣlaḥah* sama ada menolak kerosakan ataupun menarik kemaslahatan....⁵³

Ibn al-Qayyim pula menukilkan :

فَان الشَّرِيعَةُ مِبْنَاهَا وَأَسَاسُهَا عَلَى حُكْمٍ وَمُصَالِحٍ لِلْعَبَادِ فِي الْمَعَاشِ وَالْمَعَادِ وَهِيَ عَدْلٌ كُلُّهَا وَرَحْمَةٌ كُلُّهَا وَحِكْمَةٌ كُلُّهَا، فَكُلُّ مَسْأَلَةٍ خَرَجَتْ عَنِ الْعَدْلِ إِلَى الْجُورِ وَعَنِ الرَّحْمَةِ إِلَى ضِدِّهَا وَعَنِ الْمُصَالِحَةِ إِلَى الْمُفَاسِدَةِ وَعَنِ الْحِكْمَةِ إِلَى الْعَبْثِ فَلَيْسَتْ مِنَ الشَّرِيعَةِ وَإِنْ أَدْخَلْتَ فِيهَا التَّأْوِيلَ، فَالشَّرِيعَةُ عَدْلُ اللَّهِ بَيْنَ عِبَادِهِ وَرَحْمَتُهُ بَيْنَ خَلْقِهِ وَظَلَمَهُ فِي الْأَرْضِ

“Syariat Islam dibina dan diasaskan di atas *hikmat-hikmat* dan *maṣlaḥah-maṣlaḥah* kebaikan hamba Allah (manusia) di dunia dan di akhirat. Syariat Islam itu semuanya bersifat adil, memberi rahmat kepada semua (manusia) serta mempunyai *hikmat* yang menyeluruh. Maka setiap masalah terkeluar dari keadilan kepada kezaliman, terkeluar dari rahmat kepada kesiksaan, terkeluar dari *hikmat* kepada sia-sia adalah semuanya terkeluar dari syariat Islam walaupun terdapat padanya pelbagai takwil kerana syariat itu merupakan keadilan Allah di antara hambaNya dan rahmat Allah kepada makhlukNya dan perlindungan Allah terhadap bumiNya.⁵⁴

⁵² Zaydān, ‘Abd. al-Karīm (Dr.), *op.cit.*, ms. 240.

⁵³ Ibn ‘Abd. al-Salām, Abī Muḥammad ‘Izz al-Dīn ‘Abd al-‘Azīz ibn ‘Abd al-Salām al-Salmī (1968M/1388H) *Qawā'id al-Āḥkām fī Maṣāliḥ al-Anām*, Beirut : Dār al-Syarq li al-Tibā'ah, juz 1, ms. 9.

⁵⁴ Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, Syam al-Dīn Abī ‘Abd Allāh Muḥammad ibn Abī Bakr al-Zar‘ī al-Dimasyqi (1977), *A'lām al-Muwaqqi'iñ an Rabb al-'Ālamīn*, sunt. Muhammad Maḥy al-Dīn ‘Abd al-Ḥamīd, Beirut : Dār al-Fikr, cet. 2, juz. 3, ms. 14-15.

iv) *Maṣlaḥah* manusia dan cara untuk sampai kepadanya sentiasa berubah menurut keperluan, keadaan dan zaman. Justeru itu, tidak mungkin ditetapkan skopnya atau menutupnya selagi syariat meraikan *maṣlaḥah*. Sekiranya pembinaan hukum dibatasi terhadap *maṣlaḥah* tertentu yang berpandukan dalil syarak, sudah tentu banyak kemaslahatan manusia dan hukum yang sentiasa berubah mengikut masa dan tempat tidak dapat dilaksanakan.⁵⁵ Dengan kata lain, sekiranya maslahah tidak diambil pada masalah yang jelas mengandungi *maṣlaḥah* syarak sudah tentu manusia mengalami kesukaran dan kesempitan. Ini dapat digambarkan melalui firman Allah SWT :

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ

(Dengan ketetapan yang demikian itu) Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan tidak pula menghendaki kamu menanggung kesukaran).

Surah al-Baqarah (2) : 185

v) Terdapat banyak dalil menunjukkan syarak menjaga *maṣlaḥah* manusia pada setiap hukum. Sekiranya tidak diambil peduli tentang *maṣlaḥah*, pasti akan berlaku kesukaran dan kepayahan.⁵⁶ Berikut adalah antara *nass-nass* tersebut :

وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ

(Dan Allah tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara agama).

Surah al-Hājj (22) : 78

⁵⁵ al-Ḥasan, Khalifah Bā Bakr (Dr.) (t.th), *al-'Adillah al-Mukhtalaffīhā 'ind al-Uṣūliyyīn*, Qāhirah : Maktabah Wahbah, ms. 36.

⁵⁶ Abū Zahrah, Muḥammad (t.th), *Uṣūl al-Fiqh*, Qāhirah : Dār al-Fikr al-‘Arabi, ms. 221.

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ ﴿٢١﴾

(Dan tiadalah kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad s.a.w.) melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam).

Surah al-Anbiyā' (21) : 107

عَنْ عُبَادَةَ بْنِ الصَّامِتِ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَضَى أَنْ لَا ضَرَرَ
وَلَا ضَرَارَ

"Dari pada 'Ubādah bin Sāmit, bahawasanya Rasulullah SAW memutuskan : tidak boleh mudarat dan tidak memudaratkan⁵⁷".

1.4.2 Hujah Golongan Yang Menolak

Berikut dijelaskan pula hujah-hujah golongan yang menolak *maṣlahah* daripada menjadi dalil dalam penentuan hukum Islam.

i) Syariat yang telah digariskan oleh Allah SWT semuanya mengambil kira kemaslahatan manusia dan tidak ada satu pun yang tertinggal atau tidak dijelaskan. Justeru itu, mereka yang menggunakan dan mengambil dalil *maṣlahah mursalah* seolah-olah menganggap syarak telah meninggalkan sebahagian daripada kemaslahatan manusia serta tidak disyariatkan untuk mereka.⁵⁸ Pendapat yang membolehkan *maṣlahah mursalah* ini tidak benar kerana bertentangan dengan firman Allah SWT :

⁵⁷ Abī ‘Abd Allāh Muḥammad bin Yazīd al-Qazwainī (t.th), *Sunan Ibn Mājah*, Kitāb : *al-Ahkām*, Bāb : *Man Banāfi Ḥaqiqihi Mā Yaḍurr bī Jarrihi*, Riyād : Maktabah al-Mā‘arif li al-Nasyr wa al-Tawzī‘, no. 2340, ms. 400. al-Albānī, Muḥammad Nāṣr al-Dīn (1988M/1408H), *Ṣaḥīḥ al-Jamī‘ al-Ṣaghīr wa Ziyādatuh (al-Fath al-Kabīr)*, Beirut : al-Maktab al-Islāmī, no. 7517, cet. 3, jld. 2, ms. 1249-1250. Ṣafā’ al-Dhawwī Aḥmad ‘Adawī (t.th), *Ihda’ al-Daibājah bi Syarḥ Sunan Ibn Mājah*, Kitāb : *al-Ahkām*, Bāb : *Man Banāfi Ḥaqiqihi Mā Yaḍurr bī Jarrihi*, t.tp : Maktabah Dār al-Yakīn, no. 2340, jld. 3, ms 292.

⁵⁸ Badrān, Abū al-‘Aynayn Badrān (1969), *op.cit.*, ms. 213.

أَخْسَبُ الْإِنْسَنَ أَنْ يُرَكَ سُدًّا

(Patutkah manusia menyangka bahawa dia akan ditinggalkan terbiar (dengan tidak diberikan tanggungjawab dan tidak dihidupkan menerima balasan).

Surah al-Qiyāmah (75) : 36

Antara lain juga, syariat sentiasa menilai kemaslahatan manusia berdasarkan dalil-dalil dan *qiyās* yang dibenarkan sahaja. Justeru itu, tidak ada sesuatu kemaslahatan yang tidak ada petunjuk syarak. Oleh itu, kemaslahatan yang tidak berpandukan petunjuk syarak bukanlah suatu *maṣlaḥah*, bahkan ia berdasarkan sangkaan dan tidak mempunyai dasar. Lantaran itu, hukum berdasarkan *maṣlaḥah mursalah* tidak boleh dibuat hujah.⁵⁹

Secara zahirnya hujah dan alasan di atas adalah konkret, namun apabila dikaji dan diteliti ia menjadi lemah. Sememangnya syariat meraikan *maṣlaḥah* manusia dan mensyariatkan dasar yang menyampaikan ke arahnya. Namun begitu, ada *maṣlaḥah juz‘iyyah* yang tidak dinaskan dalam al-Quran, hadis, *ijmā‘* juga *qiyās*, bahkan yang dinaskan adalah sebahagiannya sahaja, khasnya dasar utama dan asas. Antara lain, terdapat sebahagian daripada *maṣlaḥah* yang baru muncul dan berubah mengikut keperluan dan masa, tetapi dasar asas *maṣlaḥah* tetap tidak berubah. Justeru itu perlu kepada *maṣlaḥah mursalah*.⁶⁰

ii) Pembinaan hukum yang didasarkan kepada *maṣlaḥah* dan bukannya dalil khusus akan membuka ruang mengeluarkan hukum berdasarkan hawa nafsu. Ini bermakna, ia sama dengan *al-istihsān* yang juga tidak berdasarkan dalil syarak.

⁵⁹ *Ibid.*

⁶⁰ *Ibid.*

Oleh itu, menggunakan dalil *maṣlaḥah* tanpa berpegang kepada nas kadang kala akan miengakibatkan penyimpangan daripada hukum syariat dan tindakan kezaliman terhadap masyarakat dengan alasan *maṣlaḥah*, sebagaimana yang dilakukan oleh pemerintah yang zalim.⁶¹

Dalam keadaan lain, sekiranya digunakan *maṣlaḥah* sebagai sumber hukum yang berdiri sendiri, akan terbentuk perbezaan hukum akibat perbezaan pemikiran sarjana hukum Islam yang berlainan. Ekorannya juga, beramal dengan *maṣlaḥah mursalah* akan membawa berlainan hukum disebabkan berbeza zaman, kerana *maṣlaḥah* sentiasa berubah mengikut zaman dan suasana.

Setelah diteliti hujah dan alasan di atas juga tidak kukuh, kerana dalil hukum tersebut adalah hasil ijtihad ulamak yang berilmu dan mujtahid, bukannya dari kalangan orang jahil. Di samping itu, mengambil dalil *maṣlaḥah mursalah* juga berdasarkan dalil syarak sebelum menetapkannya, samada ia kategori *maṣlaḥah* yang diiktibar atau ditinggalkan. Oleh itu, tidak mungkin seseorang mujtahid mengambil dalil dan hukum tanpa ilmu atau menurut hawa nafsu dan untuk berlaku zalim.⁶²

iii) Sebagaimana diketahui *maṣlaḥah mursalah* berada di antara *maṣlaḥah* yang diiktibar dan yang ditinggalkan. Justeru itu, tidak dapat berhujah dengannya disebabkan ia mengandungi kemungkinan diiktibar atau diketepikan

⁶¹ ‘Alī Ḥasb Allāh, *op.cit.*, ms. 145.

⁶² *Ibid.*

tanpa terlebih dahulu menemui dalil, iaitu ia dapat diiktibarkan dan sah diketepikan⁶³.

Berdasarkan hujah dan alasan di atas juga tidak kuat, jika dibandingkan antara *maṣlaḥah* yang diketepikan dengan yang diiktibar sememangnya lebih banyak yang diiktibar. Justeru itu, *maṣlaḥah mursalah* dari sudut zahirnya didasarkan kepada majoriti bukan minoriti penggunaannya. Antara lain, apa yang asal dibina atau didasarkan oleh syariat itu ialah menjaga *maṣlaḥah* atau meraikan *maṣlaḥah* dan tidak semua *maṣlaḥah juz 'iyyah* dijelaskan oleh *nass*, khasnya bidang yang mempunyai ruang ijтиhad.⁶⁴

1.4.3 Pendapat Yang Dipilih

Berdasarkan hujah dan alasan kedua-dua golongan yang telah dibentangkan di atas, ternyata *maṣlaḥah mursalah* boleh digunakan sebagai dalil dalam pembinaan hukum Islam. Ini kerana hujah yang diberikan oleh golongan yang menerima cukup mantap dan konkret.

Perbezaan pandangan yang telah dikemukakan di atas adalah disebabkan perbezaan persepsi atau penilaian dari sudut yang berbeza. Lantaran itu, dapat disimpulkan bahawa golongan yang menolak *maṣlaḥah mursalah* menyatakan penggunaan *maṣlaḥah mursalah* seolah-olah mencipta syariat. Hal ini disebabkan atas dasar berhati-hati dalam pembinaan dan pengambilan dalil hukum. Bagi golongan yang menerima pula telah merujuk kepada *maṣlaḥah mursalah* adalah

⁶³ al-Bughā, Muṣṭafā Dīb (Dr.), *op.cit.*, ms. 56.

⁶⁴ Zaydān, ‘Abd. al-Karīm (Dr.), *op.cit.*, ms. 239.

selaras dengan tujuan syariat yang mana ia dijelaskan dan terkandung dalam al-quran, hadis dan *ijmā‘*. Sebenarnya golongan ini tidak mencipta syariat, tetapi hal ini tidak disebut secara langsung dalam *nass*- *nass* atau *ijmā‘*.

Seterusnya golongan yang menolak kehujahan *maṣlaḥah mursalah* adalah kerana mereka meninjau dari sudut *istihsān* yang tiada *nass*. Manakala golongan yang menerima pula menyatakan pengambilannya sama sekali jauh daripada hawa nafsu, bahkan ia tertakluk kepada syarat tertentu yang telah ditetapkan agar sah beramal dengannya.

1.5 Bidang Beramal Dengan *Maṣlaḥah*

Para sarjana hukum Islam telah sepakat bahawa hukum beramal dengan *maṣlaḥah* tidak dibenarkan dalam perkara yang berkaitan dengan ibadat. Ini kerana soal ibadat adalah perkara *ta‘abbudiyah* yang mempunyai dalil-dalil yang *qat‘ī*. Penambahan dalam soal ibadat dikhuatiri akan mendorong berlaku perkara *bid‘ah* dalam urusan agama⁶⁵.

Walaubagaimanapun dalam bidang selain ibadat, para sarjana hukum berbeza pendapat dalam pemakaian *maṣlaḥah*. Sebahagian mereka membenarkan *maṣlaḥah* digunakan dalam bidang adat dan muamalat seperti urusan ekonomi dan perdagangan, urusan sosial dan kemasyarakatan, politik dan pentadbiran serta undang-undang dan perlombagaan⁶⁶.

⁶⁵ ‘Alī Ḥasb Allāh, *op.cit.*, ms. 144. al-Bughā, Muṣṭafā Dīb (Dr.), *op.cit.*, ms. 40.

⁶⁶ al-Asyqar, ‘Umar Sulaymān ‘Abd Allāh (Dr.), *op.cit.*, ms 239.

1.6 Piawaian *Maṣlaḥah*

Golongan yang menerima *maṣlaḥah* sebagai hujah dalam pembinaan hukum telah menentukan piawaian yang perlu dipatuhi. Ini bertujuan mengelakkan dari dipengaruhi oleh hawa nafsu dan keinginan yang boleh merosakkan manusia dan agama. Berikut dikemukakan beberapa pandangan sarjana hukum Islam terhadap piawaian yang ditentukan.

Menurut Imām al-Ghazālī piawaian yang perlu dipatuhi ialah⁶⁷ :

- a) *Maṣlaḥah* mestilah bersifat *darūriyyah*, iaitu dapat memelihara lima perkara asas iaitu agama, diri, akal, keturunan dan harta.
- b) *Maṣlaḥah* mestilah bersifat *kulliyah*, iaitu bersifat menyeluruh dan boleh menarik manfaat bagi seluruh masyarakat Islam tanpa dikhususkan kepada individu atau golongan tertentu.
- c) *Maṣlaḥah* mestilah bersifat *qat'iyyah*, iaitu bukan sekadar andaian dan keraguan tetapi bersifat pasti.

Manakala Imām al-Syāṭibī pula meletakkan piawaian berikut⁶⁸ :

- a) Mestilah tidak hanya memandang *maṣlaḥah* dunia semata-mata, bahkan perlu meneliti *maṣlaḥah* ukhrawi juga.
- b) *Maṣlaḥah* hanya diterima pakai dalam perkara kebaikan untuk agama Islam.
- c) *Maṣlaḥah* untuk memelihara hak ramai didahulukan dari menjaga hak sekelompok.

⁶⁷ al-Ghazālī, Abī Ḥāmid bin Muḥammad bin Muḥammad, *op.cit.*, juz 1, ms. 421.

⁶⁸ al-Syāṭibī, Ibrāhīm ibn Mūsā al-Lakhmī (1975), *op.cit.*, jld. 2, ms. 40-43.

- d) *Maṣlaḥah* mestilah bersandarkan dalil-dalil yang jelas.

Menurut Imām Mālik pula piawaian tersebut adalah⁶⁹ :

- a) *Maṣlaḥah* hendaklah selari dengan tujuan syarak dan tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip Islam.
- b) *Maṣlaḥah* tersebut hendaklah bersifat logik dan rasional. Iaitu dengan mempunyai sifat-sifat sesuai dengan pemikiran yang waras
- c) Menerima *maṣlaḥah* hanyalah dalam suasana memelihara perkara *darūriyyah*.

Seterusnya al-Būṭī menetapkan piawaian berikut⁷⁰ :

- a) Mestilah terkandung dalam prinsip asas tujuan syarak.
- b) Mestilah tidak bertentangan dengan dalil *qat’ī dalālah* dari al-Kitāb.
- c) Mestilah tidak bertentangan dengan dalil *qat’ī dalālah* dari al-Sunnah.
- d) Mestilah tidak bertentangan dengan *qiyyās* yang *sahīh*.
- e) Mestilah tidak menafikan *maṣlaḥah* yang lebih utama darinya.

Demikianlah piawaian-piawaian *maṣlaḥah* yang ditentukan oleh para sarjana hukum dalam membina hukum Islam. Secara tidak langsung menolak dakwaan golongan yang menentang penggunaan *maṣlaḥah* disebabkan pengaruh hawa nafsu dan keinginan semata-mata.

⁶⁹ Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Rahmān (1992), *op.cit.*, ms. 57.

⁷⁰ al-Būṭī, Muḥammad Sa’īd Ramaḍān, *op.cit.*, ms 113.

1.7 Sikap Tokoh Mazhab Terhadap *Maṣlaḥah*

Umum mengetahui terdapat perbezaan pendapat di kalangan tokoh-tokoh mazhab terhadap aplikasi *maṣlaḥah* dalam pembinaan hukum Islam. Berikut dibentangkan sikap para tokoh mazhab⁷¹ :

- i) Imām Ḥanafī tidak menerima dan menganggap *maṣlaḥah* sebagai dalil, namun begitu adakalanya termasuk dalam pengertian *istiḥsān* dalam pengamalan mereka.
- ii) Imām Mālik pula menerima pakai *maṣlaḥah* secara meluas dalam pembinaan hukum.
- iii) Imām al-Syafie menyatakan *maṣlaḥah* tidak dianggap sebagai dalil yang *mustaqīl*. Namun begitu beliau memasukkannya dalam pemakaian *qiyās*.
- iv) Imām Ḥanbal juga tidak menerima *maṣlaḥah* sebagai dalil *mustaqīl*.

Setelah ditelusuri terdapat tiga tokoh mazhab tidak menerima *maṣlaḥah*, tetapi sekiranya diteliti hasil produk hukum fiqh mereka, ternyata *maṣlaḥah* ada diaplikasikan dalam pembinaan hukum. Menurut mereka *maṣlaḥah* dijadikan sebagai alat *istinbāt* dan bukan sumber yang tersendiri⁷².

⁷¹ al-Bughā, Muṣṭafā Dīb (Dr.), *op.cit.*, ms. 41-44.
⁷² *Ibid.*

1.8 Hubungan Maṣlaḥah Dengan *Bid'ah*

Dalam meneliti hubungan antara *maṣlaḥah* dengan *bid'ah*, golongan yang menerima pembahagian *bid'ah ḥasanah* dan *bid'ah dalālah*, maka *maṣlaḥah* mempunyai persamaan dengan *bid'ah ḥasanah* dan *maṣlaḥah* juga mempunyai perbezaan dengan *bid'ah dalālah*. Manakala golongan yang tidak menerima pembahagian *bid'ah* tersebut pula, maka *maṣlaḥah* tidak mempunyai sebarang hubungan dengan *bid'ah*. Berikut diuraikan konsep *bid'ah* dalam syariat Islam terlebih dahulu.

1.8.1 Konsep *Bid'ah*

Menurut etimologi, *bid'ah* berasal dari perkataan (بداع, يبدع, بداع), bermaksud mengada-adakan sesuatu yang baru. Ia mempunyai makna yang sama dengan perkataan (اختراع, يخترع, اختراعا), bermaksud rekaan terhadap sesuatu baru yang tidak ada contoh sebelumnya⁷³. Dalam al-Quran terdapat contoh penggunaan kata (بداع) sebagaimana berikut :

بَدِيعُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ

(Allah pencipta langit dan bumi...)

(Surah al-Baqarah (1) : 117

⁷³ Lihat: Ibn Manzur, *op.cit.*, jld. 8, ms. 7. Fu'ād Ifrām al-Bustānī (t.th), *Munjid al-Tullab*, Beirut : Dār al-Masyriq, cet. 23. ms. 25; Batras al-Bustānī (1984), *Mu'jam Muḥīṭ al-Muḥīṭ*, Maktabah Lubnan, ms. 31. Ibrāhīm Mustafā *et al.* (t.t) *al-Mu'jam al-Wasīl*, jld. 1, Istanbul : Cagri Yayınlari, ms. 227.

Ayat di atas membawa pengertian bahawa Allah yang menciptakan langit dan bumi tanpa contoh sebelumnya. Penggunaan perkataan *bid'ah* pada ayat di atas adalah yang paling tepat sebagaimana yang dimaksudkan oleh pengertian perkataan *bid'ah* menurut bahasa kerana hakikatnya hanya Allah SWT sahaja Maha Pencipta (melakukan *bid'ah*) hingga terciptanya langit, bumi dan segala-galanya yang ada di alam ghaib atau di alam nyata⁷⁴.

Menurut terminologi pula, terdapat pelbagai pendefinisian yang diberikan oleh para sarjana hukum Islam dengan pengertian yang khusus terhadap *bid'ah*. Mereka terdiri dari golongan yang memperluas serta mengumumkan pengertian *bid'ah* ini dan ada juga golongan yang cuba memfokus serta menyempitkannya⁷⁵.

Dalam menyoroti konsep *bid'ah* dalam bentuk istilah, selalulunya *bid'ah* difahami secara umum sebagai sesuatu perkara baru yang bertentangan dengan sunnah Rasul SAW sama ada dalam bab akidah atau ibadah. Justeru itu, perlu difahami terlebih dahulu metodologi-metodologi yang berbeza di kalangan para ulamak dalam memahami sesuatu perkara itu *bid'ah* atau sebaliknya, walaupun perbahasannya masih dalam satu isu yang sama⁷⁶. Berikut dibentangkan definisi kedua-dua kelompok ini :

⁷⁴ al-Asfaḥānī, Al-Rāghīb (1992), *Mufradāt Alfāz al-Quran*, Damsyīq : Dār al-Qalam, ms. 110-111.

⁷⁵ Wizārah, al Awqaf al-Islāmiyyah wa Syu‘ūn al-Islāmiyyah (1986), *al-Mausū'a h al-Fiqhiyyah*, Kuwait, jld. 8, ms. 21.

⁷⁶ *Ibid.*

i) Golongan Pertama

Pandangan dalam golongan ini meluaskan makna *bid'ah* kepada setiap perkara baru yang tidak terdapat di dalam al-Quran dan hadis, sama ada dalam urusan ibadat atau adat dan sama ada dipuji atau dikeji syarak. Berikut digariskan pandangan ulamak dalam golongan ini.

1.8.1 Harmala Ibn Yahyā al-Tujaybī menyebut, “saya mendengar Imām al-Syāfi‘ī mendefinisikan :

البدعة بدعتنان : محمودة ومذمومة. فما وافق السنة فهو محمود. وما خالفها فهو مذموم.

“*Bid'ah itu dua iaitu bid'ah terpuji (maḥmūdah) dan bid'ah tercela (madhmūmah); jika seiring dengan sunnah dianggap bid'ah terpuji dan jika sebaliknya dengan sunnah dianggap bid'ah tercela*”⁷⁷.

Seterusnya al-Rabi‘ Ibn Sulaymān al-Murādī meriwayatkan kenyataan yang sama bahawa Imām al-Syāfi‘ī menjelaskan lagi :

الحدّثات ضربان : ما أحدث يخالف كتاباً أو سنة أو أثراً أو اجماعاً فهذه بيعة
الضلاله وما أحدث من الخير لا يخالف شيئاً من ذلك فهو محدثة غير مذمومة.

“*Perkara baru yang diada-adakan itu dua jenis, pertama; perkara baru yang bercanggah dengan al-Quran, hadis, ijmā‘ atau athar, maka dianggap bid'ah sesat (dalālah), kedua; perkara baru yang baik tidak diperdebatkan lagi maka ianya dianggap bid'ah yang tidak tercela (ghayr madhmūmah)*”⁷⁸.

⁷⁷ Seperti yang dipetik dalam Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, Aḥmad bin ‘Ali (2001M/1421H), *Fatḥ al-Bārī Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī : Kitāb al-I’tiṣām bi al-Quran wa al-Sunnah*, Riyāḍ : Maktabah al-Malik Fahd al-Wataniyyah, jld. 13, ms. 267.

⁷⁸ al-Zarkhasyī (2000), *al-Manthūr fī al-Qawā'id*, Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, cet. 1, jld 1, ms 115.

1.8.2 Ibn al-Athīr pula menyatakan di dalam kitabnya :

البدعة بدعتان بدعوة هدى وبدعة ضلاله، فما كان في خلاف ما أمر الله به رسول صلی الله علیه وسلم فهو في حيز الذم والانكار، وما كان واقعا تحت عموم ما ندب اليه وحضر عليه فهو في حيز المدح.

"*Bid'ah itu ada dua jenis, iaitu bid'ah petunjuk (huda) dan bid'ah sesat (dalālah). Setiap perkara yang menyalahi perintah Allah dan Rasul adalah termasuk dalam perkara yang dikutuk serta dipersalahkan. Manakala setiap perkara yang masuk dalam keumuman perintah Allah dan Rasul adalah diperintah serta digalakkan kerana termasuk dalam hal ehwal terpuji*"⁷⁹.

1.8.3 Imām al-‘Izz Ibnu ‘Abd al-Salām menjelaskan :

البدعة منقسمة الى بيعة واجبة، وبدعة محرمة، وبدعة مندوبة، وبدعة مكرروهه، وبدعة مباحة، والطريق في معرفة ذلك أن نعرض البدعة على قواعد الشريعة، فإن دخلت في قواعد الایجاب فهي واجبة ، وإن دخلت في قواعد التحرير فهي محرمة، وإن دخلت في قواعد المندوب فهي مندوبة ، وإن دخلت في قواعد المباح فهي مباحة.

"*Bid'ah itu terbahagi kepada bid'ah wajib, haram, sunat, makruh dan harus. Cara untuk mengenal perkara tersebut ialah mengemukakannya melalui kaedah-kaedah syarak. Jika sekiranya ia termasuk dalam kaedah wajib maka wajiblah hukumnya. Jika sekiranya ia termasuk dalam kaedah haram maka haramlah hukumnya. Jika sekiranya ia termasuk dalam kaedah sunat maka sunatlah hukumnya. Jika sekiranya ia termasuk dalam kaedah harus maka haruslah hukumnya*"⁸⁰.

Walaubagaimanapun, pembahagian sebegini telah ditolak oleh Imām al-Syātībī seperti berikut :

أن هذا التقسيم أمر مخترع لا يدل عليه دليل شرعي بل هو نفسه متدافع لأن من حقيقة البدعة أن لا يدل عليها دليل شرعي لا من نصوص الشرع ولا من

⁷⁹ Ibn al-Athīr (t.th), *al-Nihāyah fī Ghari'b al-Hadīth wa al-Athar*, t.tp. : al-Maktabah al-Islāmiyyah, bada.

⁸⁰ Ibn ‘Abd al-Salām, Abī Muḥammad ‘Izz al-Dīn ‘Abd al-‘Azīz ibn ‘Abd al-Salām al-Salmī (1999), *Qawā'id al-Āhkām fī Maṣāliḥ al-Anām*, Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, juz 2, ms. 133.

قواعده إذ لو كان هنالك ما يدل من الشرع على وجوب أو ندب أو إباحة لما كان ثم بدعة ولكن العمل داخلا في عموم الأعمال المأمور بها أو المخير فيها فاجمجم بين عد تلك الأشياء بداعا وبين كون الأدلة تدل على وجوبها أو ندبها أو إباحتها جمع بين متنافيين

*"Pembahagian seperti ini adalah satu perkara yang diada-adakan dan tidak mempunyai sebarang dalil daripada syarak. Jika adapun, ianya akan saling bertentangan antara satu sama lain kerana hakikat bid'ah itu ialah sesuatu amalan yang tidak mempunyai dalil dari syarak samada dari naṣṣ-naṣṣ syarak maupun kaedah-kaedahnya. Jika terdapat dalil syarak yang menunjukkan wajib, sunat atau harus, nescaya ia tidak boleh dinamakan bid'ah dan sudah tentu amalan terhadap sesuatu yang ada nas itu termasuk ke dalam umum amalan terhadap sesuatu yang ada naṣṣ itu termasuk ke dalam umum amalan yang diperintah melakukannya atau diberi pilihan berbuat demikian. Oleh sebab itu mengumpul perkara-perkara yang dianggap bid'ah dengan dalil-dalil yang menunjukkan wajib, sunat atau harus bererti menyesuaikan antara dua perkara yang saling bertentangan antara satu sama lain"*⁸¹.

Namun, apa juar komentar dan pandangan yang bertentangan dari Imām al-Syāṭibī terhadap pandangan Imām al-'Izz Ibn 'Abd al-Salām mengenai isu pembahagian *bid'ah* ini, adalah tertakluk kepada metodologi hukum dan pendekatan yang berbeza.

1.8.4 Al-Ghazālī menghuraikan :

وَمَا يُقَالُ أَنَّهُ أَبْدَعَ بَعْدَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ السَّلَامَ فَلَيْسَ كُلُّ مَا أَبْدَعَ مُنْهِيًّا عَنْهُ بِالْمُنْهِيِّ عَنْهُ بَدْعَةً تَضَادُ سَنَةً ثَابِتَةً وَتَرْفَعُ أَمْرًا مِّنَ الْشَّرْعِ مَعَ بَقَائِهِ عَلَيْهِ بِلِ الْابْتِدَاعِ يُجَبُ فِي بَعْضِ الْأَحْوَالِ إِذَا تَغَيَّرَ الْأَسْبَابُ.

"Diperkatakan bahawasanya berlaku bid'ah selepas kewafatan rasul SAW, maka tidaklah semua perkara baru itu bid'ah terlarang melainkan bid'ah yang berlawanan dengan sunnah yang pasti dan mengangkat sesuatu urusan dari syarak sedangkan masih kekal ia

⁸¹ al-Syāṭibī, Ibrāhīm ibn Mūsā al-Lakhmī (2003M/1424H), *Kitāb al-I'tiṣām*, Beirut : Dār al-Fikr, jld. 1, ms. 130.

*di atasnya (syara'), malah ibtidā' diperlukan pada beberapa situasi (itu pun bergantung) apabila berlaku perubahan berdasarkan faktor-faktor penyebab*⁸².

1.8.5 Ibn Rajab al-Hanbalī menyatakan :

وَالْمَرَادُ بِالْبَدْعَةِ : مَا أَحَدَثَ مِمَّا لَيْسَ لَهُ أَصْلٌ فِي الشَّرِيعَةِ يَدْلِيلٌ عَلَيْهِ، وَأَمَّا مَا كَانَ لَهُ أَصْلٌ فِي الْشَّرِيعَةِ يَدْلِيلٌ عَلَيْهِ فَلَيْسَ بِبَدْعَةٍ وَإِنْ كَانَ بَدْعَةً لِغَةً.

"*Bid'ah merupakan suatu perbuatan yang dilakukan tanpa sebarang asal dari syarak, jika mempunyai asal dari syarak, maka tidak dinamakan bid'ah walaupun dianggap bid'ah dari sudut bahasanya*"⁸³.

1.8.6 Al-Taftāzānī menukilkan :

وَلَا يَعْرِفُونَ أَنَّ الْبَدْعَةَ الْمَذْمُوْمَةُ هُوَ الْمَحْدُثُ فِي الدِّينِ مِنْ غَيْرِ أَنْ يَكُونَ فِي عَهْدِ الصَّحَابَةِ وَالْتَّابِعِينَ وَلَا دَلِيلٌ عَلَيْهِ الدَّلِيلُ الشَّرِيعِيُّ، وَمِنَ الْجَهْلَةِ مِنْ يَجْعَلُ كُلَّ أَمْرٍ لَمْ يَكُنْ فِي عَهْدِ الصَّحَابَةِ بَدْعَةً مَذْمُوْمَةً، وَإِنْ لَمْ يَقُمْ دَلِيلٌ عَلَى قَبْحِهِ، تَمْسَكُكُهُ بِقَوْلِهِ عَلَيْهِ الصَّلَاةِ وَالسَّلَامِ : "إِيَّاكُمْ وَمُحَدَّثَاتُ الْأُمُورِ" وَلَا يَعْلَمُونَ أَنَّ الْمَرَادَ بِذَلِكَ أَنْ يَجْعَلُ مِنَ الدِّينِ مَا لَيْسَ مِنْهُ.

"*Jangan ditakrifkan perkara-perkara baru dalam urusan agama yang tidak terdapat pada zaman sahabat dan tab'iin serta ketiadaan dalil syarak terhadapnya sebagai bid'ah yang tercela. Di antara kejahilan ialah mereka yang menjadikan semua perkara yang tidak berlaku di zaman sahabat sebagai bid'ah yang tercela walaupun ketiadaan dalil yang mencelanya semata-mata berpegang kepada hadis "وَإِيَّاكُمْ وَمُحَدَّثَاتُ الْأُمُورِ"*⁸⁴ *sedangkan mereka tidak mengetahui bahawa yang dimaksudkan dengan hadis tersebut ialah menjadikan sesuatu urusan agama yang terkeluar dari agama Islam (syariat)*"⁸⁵.

⁸² al-Ghazālī, Abī Ḥāmid bin Muḥammad bin Muḥammad (1996), *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, Qāhirah : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, jld. 2, ms. 2.

⁸³ Ibn Rajab, 'Abd al-Rahmān bin Syihab al-Dīn (1993), *Jamī' al-'Ulūm wa al-Ḥikām*, Taḥqīq : al-Zuhaylī, Wahbah (Dr.), Beirut : Dār al-Khair, jld. 2, ms. 52.

⁸⁴ al-Tirmidhī, Muḥammad bin 'Isā bin Saurah (t.th), *Sunan Tirmidhī : Kitāb al-'Ilm : Bāb mā jāā fī al-akhḍhī bi al-sunnah wajtiñāb al-bid'*, Taḥqīq : Muḥammad Naṣīr al-Dīn al-Albānī, Riyād : Maktabah al-Ma'ārif lil Nasyr wa al-Tawzi', no. 2676, cet. 1, ms. 603.

⁸⁵ Dipetik dari 'Umar 'Abd Allāh Kamil, (Dr.) (2003), *Kalimah Hadi'ah an maṣḥūm : al-Bid'ah wa Aqsamihā wa man yaqūm bitaghayirihā*, Beirut : Bisan li al-Nasyr wa al-Tawzi' wa al-'Ilām, cet. 1, ms. 29.

1.8.7 Ibn al-Qayyim menjelaskan :

الحدّث ضربان : ما أحدث يخالف كتاب أو سنة أو أثر أو اجماعاً فهذا محدث بدعة ضلاله وما من الخير لا يخالف شيئاً من ذلك فهو محدثة غير مذمومة.

“Perkara yang diadakan ada dua jenis. Sesuatu yang diadakan bertentangan dengan al-Quran, sunnah, athar atau ijma‘, maka ini adalah bid‘ah sesat. Sesuatu yang diada-adakan dari jenis kebaikan dan tidak bertentangan dengan al-Quran, sunnah, athār atau ijma‘, maka ini tidak tercela”⁸⁶.

Pendapat-pendapat yang telah diutarakan di atas menjelaskan bahawa setiap perkara baru yang tidak berlaku pada zaman Rasul SAW dan para sahabat baginda, sama ada kebaikan atau kecelaan, ibadah, adat atau akidah, semua perilaku manusia sehari-hari adalah mengikut hukum syarak yang lima dan tertakluk kepada situasi serta kaedah syarak.

Golongan ini memberi pengertian *bid‘ah* dengan makna yang luas bersandarkan kepada hadis pertama berikut sebagai hujah kepada harusnya beramal dengan perkara-perkara baru yang bermanfaat :

فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ سَنَّ فِي الْإِسْلَامِ سُنَّةً حَسَنَةً فَلَهُ أَجْرٌ هَا وَأَجْرٌ مَنْ عَمِلَ بِهَا بَعْدَهُ مِنْ غَيْرِ أَنْ يَنْقُصَ مِنْ أُجُورِهِمْ شَيْءٌ وَمَنْ سَنَّ فِي الْإِسْلَامِ سُنَّةً سَيِّئَةً كَانَ عَلَيْهِ وِزْرُهَا وَوِزْرُ مَنْ عَمِلَ بِهَا مِنْ بَعْدِهِ مِنْ غَيْرِ أَنْ يَنْقُصَ مِنْ أُوْزَارِهِمْ شَيْءٌ

“Rasulullah SAW telah bersabda : Sesiapa yang mengasaskan jalan yang baik maka ia mendapat ganjaran daripadanya dan ganjaran orang yang mengamalkannya tanpa sebarang kekurangan daripada pahalanya sesuatu pun. Sesiapa yang mengasaskan jalan yang tidak baik maka ia menanggung dosanya

⁸⁶ Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Syams al-Dīn Abī ‘Abd Allāh Muḥammad ibn Abī Bakr al-Zar‘ī al-Dimasyqī (2000), *A‘lām al-Muwaqqi‘īn an Rabb al-‘Ālamīn*, Qāhirah : t.pt., ms. 85.

*dan dosa orang yang mengamalkannya tanpa sebarang kekurangan daripada dosa-dosanya sesuatu pun*⁸⁷.

Dalam hadis di atas terdapat galakan supaya merintis kebaikan dan mempelopori sunnah yang baik. Hadis ini juga memberi ancaman supaya tidak merintis jalan keburukan. Bagi golongan ini, hadis di atas bersifat mengkhususkan keumuman (‘ām makhsūs) sabda baginda SAW dalam hadis ⁸⁸ . وَكُلْ بِدْعَةً ضَلَالٌ

Bid’ah yang dimaksudkan dalam hadis tersebut ialah perkara-perkara baru yang salah dan *bid’ah* yang tercela⁸⁹.

Jelas bahawa hadis di atas menunjukkan *bid’ah* terbahagi kepada *bid’ah* yang baik dan *bid’ah* yang buruk. *Bid’ah* yang baik ialah *bid’ah* yang sejajar dengan prinsip syarak, sekalipun ia merupakan perkara baru yang diada-adakan dengan melihat kepada perkara tersebut, namun ia dianggap disyariatkan kerana termasuk dalam kaedah syarak atau umum dalil al-Quran dan hadis. Oleh kerana itu, ia dinamakan baik dan pahalanya terus diterima oleh orang yang mempeloporinya selepas kematiannya. Manakala *bid’ah* yang buruk ialah yang bercanggah dengan kaedah syarak. Justeru itu, yang dimaksudkan dengan mempelopori sunnah ialah mewujudkannya dengan cara berijtihad dan beristinbāt daripada kaedah-kaedah syarak atau *nass- naṣṣ* yang umum⁹⁰.

⁸⁷ al-Nawawī, Abī Zakariyyā Yahyā ibn Syarf al-Dimasyqī (2004), *al-Minhāj Syarḥ Ṣaḥīḥ Muslim : Kitāb al-Zakāh, Bāb al-Hathu ‘alā al-Ṣadaqah walau bi Syaqqi Tamrah aw bi Kalimah Tayyibah*, Beirut : Dār al-Ma’rifah, cet. 10, jld. 7, ms. 105-106.

⁸⁸ *Ibid.*, *Kitāb al-Jum’ah : Bāb Rafa’ a al-Ṣaūt fī al-Khuṭbah wa mā Yaqūl fī hā*, no. 2002, jld 6, ms.392.

⁸⁹ *Ibid.*, *Kitāb al-Zakāh, Bāb al-Hathu ‘Alā al-Ṣadaqah walau bi Syaqqi Tamrah aw bi Kalimah Tayyibah*, jld. 7, ms. 106.

⁹⁰ ‘Umar ‘Abd Allāh Kamil (Dr.), (2003), *op.cit.*, ms. 11-12. Jainal Sakiban al-Jauhari (2009M/1430H), *Persoalan Bid’ah Menurut Ahli Sunnah Wal Jamaah*, Johor : Majlis Agama Islam Negeri Johor, cet. 2, ms. 24.

Manakala golongan yang menolak pembahagian *bid‘ah* terbahagi kepada dua menjelaskan bahawa hadis "مَنْ سَنَ فِي الْإِسْلَامِ سُنَّةً حَسَنَةً فَلَهُ أَجْرُهَا..." di atas

bukanlah bermaksud melakukan perbuatan yang baik dalam erti kata membuat sesuatu yang baru, tetapi melakukan perbuatan-perbuatan Nabi SAW yang telah sedia ada⁹¹. Hal ini dapat ditinjau dari dua sudut iaitu, pertama; hadis tersebut berkaitan dengan amalan sedekah yang sudah pun dianjurkan oleh syariat. Kedua; hadis tersebut tidak boleh dijadikan hujah untuk membuat amalan yang baru kerana baik atau buruk tidak dapat diketahui kecuali dengan ketentuan syariat⁹². Terdapat juga kaedah *uṣūl* yang dijadikan sandaran dalam menolak wujudnya *bid‘ah hasanah* seperti berikut :

من استحسن فقد شرع

"Sesiapa yang melakukan istihsan (menganggap baik sesuatu), maka dia telah membuat syariat⁹³".

Seterusnya, dalil kedua bagi golongan pertama dalam mengukuhkan hujah *bid‘ah* terbahagi kepada dua ialah berdasarkan pendapat ‘Umar bin al-Khaṭṭāb yang mengharuskan sembahyang terawih secara berjemaah dalam masjid sebagai sebaik-baik *bid‘ah*, berikut adalah kata-katanya :

عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ عَبْدِ الْقَارِيِّ أَكَهُ قَالَ خَرَجْتُ مَعَ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ لَيْلَةً فِي رَمَضَانَ إِلَى الْمَسْجِدِ فَإِذَا النَّاسُ أَوْزَاعُ مُتَفَرِّقُونَ يُصَلِّي الرَّجُلُ لِنَفْسِهِ وَيُصَلِّي الرَّجُلُ فَيُصَلِّي بِصَلَاتِهِ الرَّهْطُ فَقَالَ عُمَرُ إِنِّي أَرَى لَوْ جَمَعْتُ هَؤُلَاءِ عَلَى قَارِئٍ وَاحِدٍ لَكَانَ أَمْثَلَ ثُمَّ عَزَمَ فَجَمَعَهُمْ عَلَى أَبِيِّ بْنِ كَعْبِ ثُمَّ خَرَجْتُ مَعَهُ لَيْلَةً أُخْرَى وَالنَّاسُ يُصَلُّونَ بِصَلَاتِهِ قَارِئِهِمْ قَالَ عُمَرُ نَعَمْ الْبِدْعَةُ هَذِهِ

⁹¹ al-Syāṭibī, Ibrāhīm ibn Mūsā al-Lakhmī (2003M/1424H), *op.cit.*, jld. 1, ms. 123.

⁹² *Ibid.*, jld. 1, ms. 123-124.

⁹³ *Ibid.*, jld. 2, ms. 96.

وَالَّتِي يَنَامُونَ عَنْهَا أَفْضَلُ مِنْ الَّتِي يَقُولُونَ بُرِيدُ آخرَ اللَّيْلِ وَكَانَ النَّاسُ يَقُولُونَ
أَوْلَهُ

*'Abd al-Rahmān bin 'Abd al-Qārī berkata : Aku telah keluar bersama 'Umar al-Khatṭab r.a. ke masjid pada malam Ramaḍhān. Orang ramai bertaburan bersembahyang sendirian, dan ada juga yang terdapat secara berkumpulan dalam kelompok yang kecil. Maka 'Umar berkata : aku berpendapat jika sekiranya dapat dikumpulkan mereka ini di belakang seorang imam, sudah tentu ia adalah yang terbaik. Kemudian beliau berazam untuk melakukannya. Beliaupun mengumpulkan mereka untuk bersembahyang berjemaah di belakang Ubai bin Kaab. Pada malam yang lain pula aku keluar lagi bersama 'Umar al-Khattab dan orang ramai bersembahyang berjemaah di belakang imam, 'Umar berkata : ini sebaik-baik bid'ah, orang yang sedang tidur daripadanya (tidak mengerjakan solat terawih bersama-sama) adalah lebih afdal daripada mereka yang mengerjakannya. Mereka itu menghendaki akhir (larut) malam dan sebahagian mereka mengingini mendirikan pada awal malam*⁹⁴.

Demikianlah inisiatif 'Umar r.a. dalam mengumpulkan umat Islam untuk solat terawih berjamaah yang tidak pernah dilakukan oleh Nabi SAW ketika hayat baginda SAW. Namun disarankan oleh 'Umar r.a. melalui kata-katanya **نعم الْبِدْعَةُ**

هَذِهِ sebagaimana yang terdapat di dalam hadis di atas kerana amalan tersebut termasuk dalam kategori terpuji. Solat terawih berjamaah pada setiap malam dinamakan *bid'ah* kerana baginda SAW tidak pernah menganjurkan kepada para sahabat. Oleh kerana itulah, 'Umar r.a. mengatakannya sebagai *bid'ah*, sedangkan pada hakikatnya ia adalah *sunnah*⁹⁵.

⁹⁴ Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, Ahmad bin ‘Ali, *op.cit.*, *Kitāb Ṣalāh al-Tarāwiḥ : Bāb Faḍl man Qāma Ramaḍhān*, no. 1958, jld. 4, ms. 294-295.

⁹⁵ Lihat 'Abd al-Karīm Murād, *et.al.* (1993M/1414H), *Al-Taḥdhīr min al-Ightirār bi mā Jāa fi Kitāb al-Hiwār*, t.tp : t.pt. cet. 3, ms. 69-70.

Antara alasan golongan yang menolak pembahagian *bid'ah* terbahagi kepada dua ialah perkataan *bid'ah* pada ungkapan ‘Umar r.a. "نَعَمْ الْبِدْعَةُ هَذِهِ"

adalah merujuk kepada maksud bahasa dan bukannya maksud istilah syarak. Ini adalah kerana, *bid'ah* secara bahasa bererti segala sesuatu yang dilakukan kali pertama tanpa contoh sebelumnya, sedangkan *bid'ah* secara istilah bererti segala sesuatu yang tidak bersandarkan dalil-dalil syarak⁹⁶. Seterusnya golongan ini juga memberi alasan lagi bahawa solat terawih bukan termasuk amalan *bid'ah* dalam syariat, tetapi termasuk dalam amalan *sunnah* sesuai dengan perbuatan Nabi SAW, bahkan pernah dilakukan secara berjamaah pada beberapa malam di awal bulan Ramadan. Demikianlah, perbuatan yang pernah dilakukan oleh Nabi SAW termasuk dalam *sunnah*⁹⁷.

Selain daripada itu, dalil ketiga bagi golongan pertama dalam mengukuhkan hujah *bid'ah* terbahagi kepada dua ialah pendapat ‘Abd Allāh bin ‘Umar juga diambil sebagai hujah dan sandaran bagi kelompok ini :

عَنْ مُجَاهِدٍ قَالَ دَخَلْتُ أَنَا وَعَرْوَةُ بْنُ الرَّبِيعِ الْمَسْجِدَ فَإِذَا عَبَدَ اللَّهَ بْنُ عَمْرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا جَالِسٌ إِلَى حُجْرَةِ عَائِشَةَ وَإِذَا نَاسٌ يُصْلُوْنَ فِي الْمَسْجِدِ صَلَاةً الصُّحْيَ قَالَ فَسَأْلُنَاهُ عَنْ صَلَاةِهِمْ فَقَالَ بِدْعَةٌ

“Daripada Mujahid berkata : Aku telah masuk ke masjid bersama-sama ‘Urwah bin Zubayr, ‘Abd Allāh bin ‘Umar sedang duduk menghadap ke arah bilik ‘Āisyah r.ha. pada ketika orang ramai sedang bersembahyang *duḥā* secara berjemaah, maka kami pun bertanya kepada beliau mengenai hukum solat mereka itu, beliau menjawab itu adalah *bid'ah* (*bid'ah* yang baik)⁹⁸”.

⁹⁶ al-Syāṭibī, Ibrāhīm ibn Mūsā al-Lakhmī (2003M/1424H), *op.cit.*, jld. 1, ms. 127.

⁹⁷ ‘Abd al-Ḥamīd, ‘Alī Ḥasan ‘Alī (1417H) *Ilm Uṣūl al-Bid'*, Riyād : Dār al-Rāyah lil Nasyr wa al-Tawzī’, cet. 2, ms. 126.

⁹⁸ Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, Aḥmad bin ‘Alī, *op.cit.*, *Kitāb al-Hāj* : *Bāb Kam ‘Itamar al-Nabi Șallā Allāh ‘Alaih?*, no. 1775, jld. 3, ms. 701.

ii) Golongan Kedua

Para ulamak dalam golongan ini pula membataskan pengertian *bid'ah* dengan menjelaskan bahawa semua *bid'ah* adalah sesat sama ada dari sudut adat atau ibadat. Ini menunjukkan tiada *bid'ah* yang dipuji sama sekali. Berikut digariskan pandangan ulamak golongan kedua.

Imām al-Syāṭibī mendefinisikan bahawa *bid'ah* adalah satu cara dalam agama yang dicipta sehingga menyerupai amalan syariat dengan tujuan menjadikannya tatacara agama :

البدعة طريقة في الدين مخترعة تضاهي الشرعية يقصد بالسلوك عليها ما يقصد
بالطريقة الشرعية

“Bid'ah itu ialah satu bentuk amalan dalam agama yang direka menyerupai syariat yang mana tujuan pengamalannya adalah sama seperti tujuan pengamalan syarak”⁹⁹.

Definisi ini memasukkan adat dalam *bid'ah* ketika dan bila ia seolah-olah menyerupai syarak, seperti orang yang bernazar untuk berpuasa dengan berdiri, tanpa duduk-duduk, mendedahkan diri kepada keterikan panas matahari, tidak mahu berteduh dan menentukan jenis makanan atau pakaian dengan dua jenis sahaja tanpa apa-apa ‘illah yang jelas¹⁰⁰.

Seterusnya Imām al-Syāṭibī mendefinisikan lagi bahawa *bid'ah* adalah satu cara dalam agama yang dicipta sehingga menyerupai amalan syariat dengan erti kata lain beribadah kepada Allah SWT secara berlebih-lebihan :

⁹⁹ al-Syāṭibī, Ibrāhīm ibn Mūsā al-Lakhmī (2003M/1424H), *op.cit.*, jld. 1, ms. 22.

¹⁰⁰ Wizārah al-Awqāf wa Syu’ūn al-Islāmiyyah, *op.cit.*, jld. 8, ms. 23.

فالبدعة اذا هي عبارة عن طريقة فالدين مخترعة تضاهي الشرعية يقصد بالسلوك عليها المبالغة في التعبد لله سبحانه.

“Bid’ah itu ialah satu bentuk amalan dalam agama yang direka menyerupai syariat dengan tujuan untuk berlebih-lebih dalam beribadat kepada Allah.”¹⁰¹

Definisi ini pula menjelaskan semua bentuk rekaan dalam agama mengikut definisi ini digolongkan dalam *bid’ah*, tetapi berlainan dengan rekaan dalam urusan dunia tidak dikategorikan sebagai *bid’ah*. Oleh yang demikian *qayd* reka cipta dalam urusan dunia ini memisahkan ilmu-ilmu alat yang berkaitan agama daripada digolongkan sebagai *bid’ah*, seperti ilmu *nāḥū* dan *ṣarf* dalam Bahasa Arab.¹⁰².

Syaikh al-Islām Ibn Taymiyyah pula membawa definisi *bid’ah* sebagaimana berikut :

وَالْبِدْعَةُ : مَا خَالَفَتِ الْكِتَابَ وَالسُّنْنَةَ أَوْ إِجْمَاعَ سَلَفِ الْأُمَّةِ مِنْ إِاعْتِقَادَاتِ وَالْعِبَادَاتِ .

“Bid’ah : Sesuatu yang bertentangan dengan al-kitab, sunnah atau ijma‘ para salaf yang terdiri daripada perkara akidah dan ibadah.”¹⁰³

Manakala Muḥammad Ibn Ṣālih al-‘Uthaymin pula menjelaskan *bid’ah* seperti berikut :

ما أحدث في الدين على خلاف ما كان عليه النبي صلى الله عليه وسلم من عقيدة أو عمل.

¹⁰¹ al-Syāṭibī, Ibrāhīm ibn Mūsā al-Lakhmī (2003M/1424H), *op.cit.*, jld. 1, ms. 22.

¹⁰² Wizārah al-Awqāf wa Syu’ūn al-Islāmiyyah, *op.cit.*, jld. 8, ms. 23.

¹⁰³ Ibn Taymiyyah, Taqīy al-Dīn Abū al-‘Abbās Aḥmad ibn ‘Abd al-Ḥalīm ibn ‘Abd al-Salām ibn ‘Abd Allāh (1997), *Majmua h al-Fatāwā li al-Syaikh al-Islām Taqīy al-Dīn Aḥmad bin Taymiyyah al-Harrāni*, Manṣūrah : Dār al-Wafā, cet. 1, juz. 18, ms. 198.

“Sesuatu yang baru di dalam agama serta bertentangan dengan Nabi SAW yang terdiri daripada perkara akidah dan amalan”¹⁰⁴.

Bagi menyokong pandangan mereka, golongan yang membataskan makna *bid’ah* ini berhujah dengan firman Allah SWT seperti berikut :

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَّتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا

(Pada hari ini aku sempurnakan untuk kamu agama kamu, dan aku sempurnakan nikmatku ke atas kamu serta aku redhai untuk kamu Islam sebagai agama).

Surah al-Māidah (5) : 3

Ayat di atas menunjukkan kesempurnaan Islam yang telah lengkap dan jika ada penambahan daripada manusia, maka dianggap mencampuri urusan Allah dan seolah-olah menggambarkan Islam itu belum lengkap, justeru itu ia bertentangan dengan maksud ayat al-Quran di atas¹⁰⁵.

Imām Mālik menyatakan berhubung dengan ayat di atas bahawa sesiapa yang membuat *bid’ah* dalam urusan agama Islam, kemudian menganggap *bid’ah* itu baik, maka sesungguhnya dia telah menyangka bahawa Nabi Muhammad SAW telah mengkhianati risalah, kerana sesungguhnya Allah SWT telah berfirman dengan ayat di atas. Oleh itu, sesuatu yang tidak menjadi agama pada hari itu, ia tidaklah pula menjadi agama pada hari ini¹⁰⁶.

¹⁰⁴ al-‘Uthaymīn, Muḥammad Ibn Ṣāliḥ (1405H), *Syarḥ Lum’ah al-‘Itiqād al-Hādi ilā Sabīl al-Rasyād - Ibn Qudamah*, Riyāḍ : Maktabah al-Ma‘arif, cet. 2, ms. 23.

¹⁰⁵ ‘Afāf Ḥasan Muḥammad (2000M/1421H), *Tanāquḍ Aḥl al-Ahwā’ wa al-bid’ fī al-‘Aqīdah*, Riyāḍ : Maktabah al-Rusyd lil nasyr wa al-tawzī’, cet. 1, juz. 1, ms. 34-35.

¹⁰⁶ Sila lihat dalam al-Syātībī, Ibrāhīm ibn Mūsā al-Lakhmī (2003M/1424H), *op.cit.*, jld. 1, ms. 30. Abdul Wahab bin Bustami (2007), *Membela Sunnah Nabawiyah*, Johor : Perniagaan Jahabersa, cet. 2, ms. 10-11.

Seterusnya kelompok ini juga telah berhujah dengan menggunakan hadis-hadis berikut dalam menolak pembahagian *bid'ah* kepada dua iaitu :

Hadir pertama; daripada Jābir bin ‘Abd Allāh r.a. bahawa Nabi SAW pernah bersabda di dalam khutbahnya :

فَإِنْ خَيْرُ الْحَدِيثِ كِتَابُ اللَّهِ وَخَيْرُ الْهَدِيٰ هَدْيٌ مُّحَمَّدٌ وَشَرُّ الْأُمُورِ مُحَدَّثُهَا
وَكُلُّ بَدْعَةٍ ضَلَالٌ

“Sesungguhnya sebaik-baik bicara ialah kitab Allah, seterusnya sebaik-baik petunjuk ialah petunjuk yang dibawa Nabi Muhammad S.A.W. dan seburuk-buruk perkara ialah perkara yang diadakan, dan setiap *bid'ah* itu adalah sesat”¹⁰⁷.

Golongan pertama yang menerima *bid'ah* terbahagi kepada dua berhujah bahawa hadis “وَكُلُّ بَدْعَةٍ ضَلَالٌ” menurut Ibn Rajab ialah, *bid'ah* yang dimaksudkan ialah perkara baru yang diada-adakan tetapi tidak mempunyai asas dalam syariat. Manakala perkara yang mempunyai asas dalam syariat, maka ia tidak digolongkan sebagai *bid'ah* menurut pengertian syarak, sekalipun dari sudut bahasa ia tergolong dalam erti kata *bid'ah*¹⁰⁸.

Imām Nawawī pula dalam mengulas hadis “وَكُلُّ بَدْعَةٍ ضَلَالٌ” tersebut menyatakan bahawa maksud hadis adalah umum tetapi pengertiannya dikhurasukan, maknanya *bid'ah* yang biasa difahami mengikut ahli bahasa ialah

¹⁰⁷ al-Nawawī, Abī Zakariyyā Yahyā ibn Syarīf al-Dimasyqī, *op.cit.*, *Kitāb al-Jum‘ah : Bāb Rafa‘a al-Šaūt fī al-Khuṭbah wa mā Yaqūl fī hā*, no. 2002, jld 6, ms.392.

¹⁰⁸ Dipetik dari Sayyid Muhammād ‘Alawī al-Mālikī (1419H), *Manhaj al-Salaf fī Fahm al-Nuṣūs bayn al-Naẓariyyah wa al-Taṭbiq*, t.tp : t.pt., ms. 345.

sesuatu yang diciptakan tanpa ada contoh sebelumnya. Ulama ada membahagikan *bid‘ah* kepada lima bahagian iaitu wajib, sunat, haram, makruh dan harus¹⁰⁹.

Walaupun hadis “وَكُلْ بِدْعَةٍ ضَلَالٌ” disebutkan dalam bentuk penegasan melalui perkataan “كُلّ” (setiap/semua), namun tidak ada halangan untuk mengatakan hadis tersebut adalah bersifat umum dan dikhkususkan oleh *nass* yang lain. Malah dengan kewujudan perkataan “كُلّ” (setiap/semua), hadis tersebut mempunyai ruang untuk dikhkususkan¹¹⁰. Demikianlah perkataan “كُلّ” (setiap/semua), boleh membawa maksud “hampir keseluruhan” atau “kebanyakan” dan bukan semestinya bermaksud “semua tanpa pengecualian”. Contohnya adalah seperti dalam firman Allah SWT berikut :

تُدْمِرُ كُلَّ شَيْءٍ بِأَمْرِ رَبِّهَا

(Yang menghancurkan segala sesuatu dengan perintah Tuhan...)

Surah al-Ahqaf (46) : 25

Jelas bahawa ayat di atas menyebutkan setiap sesuatu dibinasakan, namun masih terdapat benda-benda lain yang tidak binasa, dan benda-benda yang tidak dibinasakan itulah yang dimaksudkan sebagai perkara khusus (dikecualikan) daripada umum *nass* tersebut. Demikianlah keumuman pada ayat tersebut tidak

¹⁰⁹ al-Nawawi, Abī Zakariyyā Yahyā ibn Syarf al-Dimasyqi, *op.cit.*, *Kitāb al-Jum‘ah : Bāb Rafa‘a al-Saūt fī al-Khuṭbah wa mā Yaqūl fī hā*, no. 2002, jld 6, ms.393.

¹¹⁰ *Ibid.*

terpakai kerana masih terdapat gunung-ganang, langit dan bumi yang tidak hancur¹¹¹.

Bagi golongan kedua pula berpandangan bahawa hadis ini menunjukkan makna umum serta dikekalkan keumumannya tanpa ada pengecualian dan dalam perkara *bid'ah* tidak ada yang baik. Hadis ini juga tidak membezakan antara *bid'ah* yang satu dengan yang lainnya dalam hukum, kerana bentuk *nakirah* apabila *dīdāfatkān*, akan mengandungi makna umum. Justeru itu, sesuatu yang umum tidak dapat dikhususkan melainkan dengan adanya pengecualian¹¹².

Golongan ini pula menjelaskan perkataan “كُلّ” membawa makna umum kerana angin tersebut menghancurkan segala sesuatu yang diperintahkan Tuhan, bukan segala sesuatu yang ada di dunia¹¹³. Perkara ini boleh dilihat di dalam tafsiran para ulama seperti berikut :

وَإِنَّمَا عَنِ بِقَوْلِهِ (تُدْمِرُ كُلُّ شَيْءٍ بِأَمْرِ رَبِّهَا) مَا أَرْسَلْتَ بِهِ لَكُمْ لَمْ تَدْمِرْ هُودًا وَمَنْ كَانَ آمِنَ بِهِ.

“Maksud firman Allah ; (yang menghancurkan segala sesuatu dengan perintah Tuhan), adalah menghancurkan segala yang diperintahkan. Sebab ia tidak menghancurkan Nabi Hud dan orang-orang yang beriman bersamanya¹¹⁴”.

¹¹¹ Jainal Sakiban al-Jauhari (2009M/1430H), *Persoalan Bid'ah Menurut Ahli Sunnah Wal Jamaah*, Johor : Majlis Agama Islam Negeri Johor, cet. 2, ms. 14. A. Shihabuddin (2009), *Kamus Syirik Edisi Revisi Telaah Kritis Atas Doktrin Faham Salafi / Wahabi*, t.tp : Pustaka Basma, cet. 2, ms. 129.

¹¹² ‘Abd al-Ḥamīd, ‘Alī Ḥasan ‘Alī, *op.cit.*, ms. 91. Abī ‘Ubaidah Masyhūr bin Ḥasan Ali Salmān, et.al (2009M/1430H), *Qāmūs al-Bid’ Mustakhraj min Kutub al-Imām al-‘Allāmah Muḥammad Naṣr al-Dīn al-Albānī*, Qaṭar : Dār al-Imām al-Bukhārī, cet. 3, ms. 116.

¹¹³ ‘Abd al-Ḥamīd, ‘Alī Ḥasan ‘Alī, *op.cit.*, ms. 93.

¹¹⁴ al-Tabarī, Abī Ja’far Muḥammad bin Jarīr (2001M/1422H), *Tafsīr al-Tabarī Jāmi’ al-Bayān ‘an Ta’wīl al-Quran*, Qāhirah : Markaz al-Buhūth al-Dirāsāt al-‘Arabiyyah wa al-Islamiyyah bi Dār Hajar, cet. 1, jld : 21, ms. 158.

أي كل شيء مرت عليه من رجال عاد وأموالها

“Maksudnya ialah angin tersebut menghancurkan segala sesuatu yang dilintasinya, iaitu kaum ‘Ād dan harta benda mereka¹¹⁵”.

Hadis kedua; Al-Bukhārī dan Muslim meriwayatkan sebuah hadis yang bersumberkan daripada ‘Āisyah r.ha. bahawa Rasulullah S.A.W. telah bersabda :

مَنْ أَحْدَثَ فِي أَمْرِنَا هَذَا مَا لَيْسَ فِيهِ فَهُوَ رَدٌّ

“Sesiapa yang mengada-adakan sesuatu perkara yang baru dalam urursan kami ini, yang ia bukannya daripada urusan kami, maka ia tertolak”,¹¹⁶.

Dalam riwayat Muslim pula disebutkan dengan lafaz berikut :

مَنْ عَمِلَ عَمَلًا لَيْسَ عَلَيْهِ أَمْرُنَا فَهُوَ رَدٌّ

“Sesiapa yang mengerjakan sesuatu perbuatan yang tidak kami perintahkan, maka amalnya itu ditolak¹¹⁷”.

Bagi golongan pertama yang menerima pembahagian *bid‘ah* kepada dua menjelaskan hadis di atas merupakan *mukhassīs* (sesuatu yang mengkhususkan) untuk hadis serta menjelaskan hadis “وَكُلُّ بَدْعَةٍ ضَلَالٌ“ . Seandainya semua *bid‘ah* itu sesat tanpa pengecualian, maka lafaz hadis akan jadi seperti berikut “مَنْ أَحْدَثَ فِي أَمْرِنَا هَذَا مَا لَيْسَ فِيهِ شَيْءًا فَهُوَ رَدٌّ

منْ أَحْدَثَ فِي أَمْرِنَا هَذَا مَا لَيْسَ فِيهِ ”. Penggunaan lafaz ”مَا لَيْسَ فِيهِ“ membawa maksud *bid‘ah* terbahagi

¹¹⁵ al-Qurṭubī, Muḥammad ibn Aḥmad (2006M/1427H), *al-Jāmi‘ li Aḥkām al-Quran*, Beirut : Muassasah al-Risālah, cet. 1, jld. 19, ms. 214.

¹¹⁶ al-Bukhārī, Abī ’Abd Allāh Muḥammad bin Ismā’īl bin Ibrāhīm bin Bardizbah al-Ju‘fī (2001M/1421H), *Saḥīḥ al-Bukhari : Kitāb al-Šulh : Bāb Izā Iṣṭolahū ala Šulh Jauzi fa al-Šulh Mardud*, Qāhirah : Dār al-Taqwā, cet. 1. no. 2499, jld. 2, ms. 5. Imām Nawawī, *op.cit.*, *Kitāb al-Uqđāh : Bāb Naqd al-Aḥkām al-Bātīlah wa Radd Muhdathāt al-Umūr*, no. 4467, jld 12, ms.242.

¹¹⁷ *Ibid.*, no. 4468, jld 12, ms.242.

kepada dua jenis, pertama; sesuatu yang bukan termasuk agama dan bertentangan dengan kaedah-kaedah dan dalil-dalil syarak. Kedua; sesuatu yang termasuk dalam agama, memiliki dasar serta diperkuat dengan dalil-dalil syarak. Jenis inilah yang benar serta diterima dan merupakan *bid'ah hasanah*¹¹⁸.

Bagi golongan kedua pula berpandangan bahawa hadis di atas merupakan suatu kaedah agama kerana di dalamnya memuatkan hukum-hakam agama yang tidak boleh dihadkan. Demikianlah jelasnya dalil yang menyangkal ahli fiqh yang berpendapat bahawa *bid'ah* itu terbahagi kepada beberapa bahagian¹¹⁹.

Mereka juga menjelaskan bahawa hadis ini merupakan "جوامع الكلم" iaitu sabda Nabi SAW yang ringkas, namun mempunyai makna yang padat. Justeru itu, secara jelas dan terang hadis ini menolak setiap *bid'ah* dan *muhdathāt*¹²⁰.

Hadis ketiga pula; dari 'Irbād bin Sāriyah bahawa Nabi SAW pernah memberi nasihat pada suatu hari selepas solat subuh :

وَإِيَّا كُمْ وَمُهْدَثَاتِ الْأَمْرِ فَإِنَّهَا ضَلَالٌ

"Hendaklah kamu berwaspada dengan perkara-perkara baru (yang dicipta dalam agama ini), maka sesungguhnya ia adalah sesat"¹²¹.

¹¹⁸ Sayyid Muhammad 'Alawi al-Maliki (1419H), *op.cit.*, ms. 346.

¹¹⁹ Al-Syawkāni, Muhammad bin 'Alī bin Muḥammad al-Yamāni (t.th), *Nailūl Awtar*, Beirut : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, jld 2, ms 79.

¹²⁰ Abi 'Ubaidah Masyhur bin Ḥasan Ali Salmān *et.al.*, *op.cit.*, ms. 120.

¹²¹ al-Tirmidhi, Muhammad bin 'Isā bin Saurah, *op.cit.*, *Kitāb al-'Ilm : Bāb mā jāa fī al-akhzī bi al-sunnah wajtināb al-bid'*, no. 2676, ms. 603.

Bagi golongan pertama yang menerima pembahagian *bid‘ah* kepada dua menukilkan pandangan Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī dalam menghuraikan hadis “وَشَرُّ
الْمُؤْمِنِ مُحْدَثٌ تَأْتِيهَا”

“*al-muḥdathāt*” mengatakan perkataan *al-muḥdathah* ialah kata jamak kepada perkataan *al-muḥdathah*. Ia bermaksud perkara baru yang diadakan tetapi tidak mempunyai asas dari sudut syariat. Dalam istilah syarak ia biasanya dinamakan sebagai *bid‘ah*. Namun perkara yang mempunyai asas yang ditunjukkan oleh syariat, bukanlah *bid‘ah*. *Bid‘ah* pada syarak biasanya dikeji. Berbeza halnya dengan *bid‘ah* dari sudut bahasa. Dari sudut bahasa, semua perkara yang baru diadakan tanpa dipandu oleh contoh sebelumnya dinamakan sebagai *bid‘ah* tanpa membezakan perkara tersebut sebagai perkara yang terpuji atau tercela¹²².

Manakala bagi golongan kedua yang menolak pembahagian *bid‘ah* kepada dua mengatakan hadis di atas sangat jelas menganjurkan untuk berpegang teguh kepada *sunnah* dan menjauhi *bid‘ah*. *Sunnah* dan *bid‘ah* merupakan perkara yang saling bertentangan sebagaimana analogi cara untuk mengenal cahaya adalah dengan cara mengenal gelap dan sebagainya¹²³.

iii) Pendapat Yang Dipilih

Berdasarkan perbincangan yang diutarakan di atas, perbezaan pandangan para ulama dalam pendefinisian *bid‘ah* yang dapat dilihat dalam kedua-dua golongan adalah berbeza dari sudut istilah bahasa sahaja. Justeru itu, menyebabkan terdapat

¹²² Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, Aḥmad bin ‘Ali, *op.cit.*, : *Kitāb al-‘Itiṣām bi al-Kitāb wa al-Sunnah : Bāb al-Iqtidā bisunani Rasūl Allāh*, no. 7277, jld. 13, ms. 266-267.

¹²³ ‘Abd al-Ḥamīd, ‘Alī Ḥasan ‘Alī, *op.cit.*, ms. 38-39.

di antara mereka yang membahagikan *bid'ah* kepada *bid'ah hasanah* dan *bid'ah sayyi'ah* serta kepada *bid'ah* mengikut hukum *taklifi*.⁷ Ini bererti masalah yang dibincangkan ini tergolong daripada masalah *khilāfiyyah*.

Secara umum, kedua-dua golongan adalah bersepakat mengatakan bahawa *bid'ah* ialah setiap yang baru serta bertentangan dengan syariat dan tiada asas dari agama yang menjadi sandaran kepadanya sama ada dari dalil khusus atau dalil umum. *Bid'ah* seperti ini adalah dikeji dan ditolak oleh syariat.

Namun begitu, setelah membuat perbandingan di antara pendapat golongan pertama dan kedua, penulis lebih cenderung untuk memilih konsep *bid'ah* dari kalangan kelompok pertama yang menjelaskan bahawa setiap perkara baru yang berlaku perlu ditunjukkan sandarannya samada dari al-Quran, hadis, *ijmā'*, *qiyās* atau *qawā'id al-syar'iyyah*. Sekiranya ada sandarannya, maka ia adalah sebahagian daripada syariat dan tidak boleh dianggap sebagai *bid'ah*.

Seterusnya melalui konsep ini, dapat dibuat penyelarasan di antara dalil-dalil yang melarang mengadakan perkara baru atau perkara *bid'ah* dengan dalil-dalil yang menggalakkan mewujudkan perkara baru yang baik. Penyelarasan tersebut boleh dikategorikan kepada dua bahagian iaitu pertama, galakan mewujudkan jalan yang baik, bahkan ia diperintah oleh Islam dan bertepatan dengan prinsipnya. Kedua, celaan kepada sesiapa yang mewujudkan jalan yang buruk dan akan mengakibatkan menanggung bebanan dosa, inilah yang dimaksudkan *bid'ah* yang sesat. Demikianlah konsep yang dikupas oleh golongan

pertama dalam meluaskan makna *bid‘ah* serta mengklasifikasikan kepada hukum wajib, haram, sunat, makruh dan harus.

1.8.2 Penilaian Terhadap Perbezaan Definisi *Bid‘ah*

Dalam meneliti perbezaan definasi dari kalangan dua kelompok di atas, seharusnya dilihat dari aspek titik permulaan permasalahan yang menyebabkan perbezaan pendapat tersebut berlaku. Antara titik permasalahan yang boleh dirungkaikan ialah seperti berikut :

iv) Permasalahan Isu *Ta‘līl al-Aḥkām*

Perkataan *ta‘līl al-aḥkām* adalah gabungan daripada dua perkataan, iaitu *ta‘līl* dan *al-aḥkām*. Perkataan *ta‘līl* adalah kata terbitan daripada kata ‘*illah* yang memberi erti menjadikan sesuatu sebagai ‘*illah*. Perkataan ‘*illah* berasal dari kata kerja ‘*alla* – *ya‘ullū* – *ya‘illū* - ‘*illah*. Dari sudut bahasa bermaksud penyakit¹²⁴. Perkataan ini kebiasaannya digunakan bagi sesuatu perkara yang telah berubah keadaannya dengan sebab wujudnya ‘*illah* tersebut. Berdasarkan alasan ini juga, penggunaan perkataan ‘*illah* turut digunakan dalam Bahasa Arab sebagai sinonim kepada perkataan *maraḍ* yang bermaksud penyakit¹²⁵. Ini kerana seseorang yang ditimpa sesuatu penyakit, sudah pasti akan berubah keadaan dirinya kepada keadaan yang lain disebabkan kesan penyakit tersebut. Hal yang sama juga berlaku kepada ‘*illah al-ḥukm*, yang akan memberi kesan kepada sesuatu hukum

¹²⁴ Al-Rāzī (1952), *op.cit.*, ms.396.

¹²⁵ al-Ghazālī, Abī Ḥāmid bin Muḥammad bin Muḥammad (1999), *Syifā’ al-Ghalīl fī Bayān al-Syabah wa al-Mukhīl wa Masālik al-Ta‘līl*, Beirut : Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, cet. 1. ms.13.

dengan sebab kewujudan ‘illah tersebut. Berikut dibentangkan pengertian ‘illah yang telah dijelaskan oleh para ulamak *uṣūl* dari sudut istilah :

Menurut al-Āmidi, ‘illah dari sudut istilah ialah :

الوصف الباعث على الحكم أو التشريع

“ ‘Illah sebagai unsur utama kepada wujudnya sesuatu hukum¹²⁶”.

Dengan erti kata lain, sesuatu sifat itu merangkumi hikmah-hikmah yang sesuai untuk dijadikan objektif bagi *al-Syāri‘* di dalam mensyariatkan sesuatu hukum seperti mendatangkan kemaslahatan dan menolak segala kerosakan.

Al-Ghazālī pula menjelaskan ‘illah seperti berikut :

الوصف المؤثر في الأحكام يجعل الشارع لا لذاته

“Sifat yang memberi kesan (mewujudkan) kepada kewujudan sesuatu hukum dengan sebab penentuan *al-Syāri‘*, bukan dengan sebab zat sifat tersebut semata-mata¹²⁷”.

Dengan erti kata lain, *al-Syāri‘* telah meletakkan perkaitan di antara ‘illah dengan *ma’lūlnya* dengan ikatan kemestian, iaitu kewujudan suatu sifat akan memastikan wujudnya hukum, dan sebaliknya ketiadaan sifat tersebut akan menyebabkan tiadanya hukum. Namun, ikatan tersebut bukanlah semata-mata dengan zat (hakikat) sifat itu. Sebaliknya, Allah merupakan penentu sebenar kepada ikatan tersebut. Sebagai contohnya, perkaitan antara potong leher dengan tercabutnya nyawa dan di antara menyentuh api dengan terbakar. Secara

¹²⁶ al-Āmidi, Sayf al-Dīn Abī al-Ḥasan ‘Alī bin Abī ‘Alī bin Muḥammad al-Āmidi, *op.cit.*, jld 3, ms. 170.

¹²⁷ al-Ghazālī, Abī Ḥāmid bin Muḥammad bin Muḥammad, *Syifā’ al-Ghalīfi Bayān al-Syabah wa al-Mukhīl wa Masālik al-Ta’līl*, ms.14. Abū al-Nūr Zuhayr, Muḥammad (Dr.) (t.t), *Uṣūl al-Fiqh*, Qāhirah : al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turath, ms.51.

muktamadnya, bahawa kedua-dua bergantung kepada ketentuan Allah SWT semata-mata¹²⁸.

Menurut Imam al-Rāzī dan al-Baydāwī pula, ‘illah bermaksud :

الوصف المعرف للحكم

“Sesuatu sifat yang memperkenalkan (menjadi tanda) kepada sesuatu hukum¹²⁹”.

Menurut mereka, sesuatu hukum yang hendak disabitkan kepada permasalahan baru tidak mungkin dapat diketahui melainkan dengan diketahui terlebih dahulu suatu sifat yang menjadi tanda kepada ‘illah hukum atau sebabnya. Bagaimanapun, pengertian *al-mu‘arrif* bagi mereka bukan sepertimana pengertian *al-mu‘aththir* atau *al-bā‘ith* sebagaimana takrif yang sebelum ini. Sebaliknya *al-mu‘arrif* di sini dengan makna tanda (علامة) tanpa mempunyai perkaitan dengan sebarang *ta‘thir* ataupun *bā‘ith*¹³⁰.

Berdasarkan pengertian-pengertian istilah ‘illah yang dibentangkan di atas, dapat difahami bahawa pengertian tersebut lebih menggambarkan tentang sikap dan pendirian para ulamak terhadap permasalahan-permasalahan *ta‘līl al-ahkām* dan juga tentang kedudukan dan peranan akal sebagai sumber kebenaran.

Sebagai contoh pengertian ‘illah menurut *al-Āmidī*, ia lebih menggambarkan sikap *al-Āmidī* dalam permasalahan *ta‘līl al-ahkām*, iaitu bahawa hukum Allah itu boleh di‘illahkan (*mu‘allalah*) dengan kemaslahatan

¹²⁸ ‘Ādil al-Syuwayikh, Dr. (2000), *Ta‘līl al-Ahkām fī al-Shari‘ah al-Islāniyyah*, Tanṭā : Dār al-Basyir li al-Thaqāfah wa al-‘Ulūm, ms. 19.

¹²⁹ *Ibid.*. Al-Dukhmaysi, ‘Abd al-Fattāḥ Aḥmad Qutb (Dr.) (1996), *al-Taḥqīq al-Ma‘mul li Minhāj al-Uṣūl ‘alā al-Minhāj li al-Qaḍī al-Baydāwī*, t.pt. : t.pt., cet. 1, ms.461.

¹³⁰ Abū al-Nūr Zuhayr, Muhammad (Dr.), *op.cit.*, ms.51.

manusia. Pengertian ini, lebih menunjukkan bahawa ‘illah itu hanya sebagai faktor pendorong kepada wujudnya ‘illah, bukan sebagai sifat yang memestikan (الصفة الموجبة) wujudnya hukum tersebut¹³¹.

Secara amnya, ‘illah boleh diistilahkan sebagai suatu sifat atau keadaan yang jelas (zahir) dengan pensyariatan hukumnya membawa kemaslahatan kepada manusia samada dalam bentuk mendatangkan manfaat atau menolak kemudaratan¹³².

Seterusnya pula, perkataan *al-aḥkām* pula adalah kata jamak (*plural*) daripada kata *al-hukm*. *al-Hukm* dari segi bahasa bererti *al-qada’* iaitu keputusan atau hukuman dan juga memberi makna *al-hikmah*¹³³. Dari sudut istilah pula, para ulamak *uṣūl* mendefinisikan seperti berikut :

“Arahan-arahan *al-Syārī‘* yang berkaitan dengan *perbuatan mukallaf sama ada sebagai tuntutan, pilihan atau ikutan*¹³⁴”.

Dengan demikian, perkataan *ta’līl al-aḥkām* (proses pencarian sebab di sebalik hukum) pula boleh dimaksudkan sebagai suatu ijtihad rasional untuk mengesan, menerang dan mentafsirkan ‘illah hukum-hukum yang terkandung dalam nas-nas syarak. Ia membuka ruang kepada sesuatu hukum yang jelas melalui *nass* untuk digunakan dalam masalah lain. Walaupun ‘illah pada asalnya dibahaskan secara mendalam untuk diguna ketika mengaplikasikan pendekatan

¹³¹ al-Sa‘dī, ‘Abd Ḥakīm ‘Abd Rāḥmān As‘ad (Dr.), (2000), *Mabāḥith al-‘Illah fi al-Qiyās ‘ind al-Uṣūliyyān*, Beirut : Dār al-Basyā’ir al-Islāmiyyah, cet. 1, ms. 91.

¹³² Sya‘bān Muḥammad Ismā‘īl (1988), *Dirasāt ḥawl al-Qiyās wa al-Ijmā‘*, Qāhirah : Maktabah al-Naḥḍah al-Miṣriyyah, ms. 164.

¹³³ Al-Rāzī (1952), *op.cit.*, ms.62.

¹³⁴ Abū Zahrah, Muḥammad, *op.cit.*, ms.26. al-Khuḍārī, Muḥammad (1988), *Uṣūl al-Fiqh*, Beirut : Dār al-Fikr, ms. 18.

qiyās, namun perbicaraan tentang permasalahan *ta’līl* dikatakan telah berkembang dan seterusnya mendominasi perbahasan lain tentang sumber-sumber perundangan Islam seperti *al-istihsān* dan *al-maṣāliḥ al-mursalah*¹³⁵. Proses ini berlaku dalam bentuk berikut¹³⁶ :

- a) Mengetahui hukum yang tidak dinaṣṣkan melalui *qiyās*.
- b) Para mujtahid membuat kajian dengan berdasarkan makna yang seiring dengan kehendak syarak, justeru itu berhukum dengannya. Ianya dikenali dengan *istiṣlāḥ* ataupun *maṣlaḥah mursalah*.
- c) Mengkaji ‘illah sesuatu hukum yang dinaṣṣkan dan ‘illah tersebut bersifat terbatas (*‘illah qaṣīrah*) melalui penjelasan terhadap *hikmah* hukum.

Berdasarkanuraian di atas, jelaslah bahawa hukum-hakam dalam syariat Islam mengandungi ‘illah-‘illah yang bertujuan untuk mewujudkan kemaslahatan kepada manusia supaya mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Perkara ini telah dijelaskan oleh Syaikh ‘Abd al-Wahab al-Khallāf seperti berikut :

“Jumhur ulama bersepakat bahawa sesuatu hukum syarak itu tidak disyariatkan tanpa mempunyai sebab-sebab yang menghendakinya dan tanpa tujuan kemaslahatan tertentu. Sesuatu hukum syarak itu juga tidak disyariatkan secara membuta tuli dengan tujuan untuk menundukkan mukallaf kepada kuasa undang-undang semata-mata, akan tetapi ianya disyariatkan dengan mempunyai sebab dan tujuan tertentu yang dikehendaki oleh al-Syāri”¹³⁷.

¹³⁵ al-Ḥasan, Khalifah Bā Bakr (Dr.) (1997), *al-Ijtihād bi al-Ra'y fi Madrasat al-Hijaz al-Fiqhīyyah*, Qāhirah : Maktabah al-Zahra', ms.371.

¹³⁶ al-Badawi, Yūsuf Aḥmad Muḥammad (2000), *Maqāṣid al-Shari'ah 'ind Ibn Taymiyyah*, Jordan : Dār al-Nafā'is, ms. 140.

¹³⁷ Khallaf, ‘Abd al-Wahhāb (1970), *Maṣādir al-Tasyrī' al-Islāmī fī mā lā Naṣṣ fīh*, Kuwait : Dār al-Qalam, cet 2, ms.47.

Jelaslah bahawa tidak dapat dinafikan lagi sesuatu hukum itu tidak disyariatkan oleh Allah melainkan disertakan bersamanya objektif dan tujuan serta hikmah-hikmahnya yang tertentu. Hikmah dan objektif tersebut terkadang dinyatakan dengan jelas dan terang atau sebaliknya tersembunyi, namun ianya tetap wujud.

Oleh itu, ‘illah semestinya memainkan peranan yang penting di dalam memastikan syariat Islam sentiasa berkembang dan mampu memenuhi segala tuntutan semasa. Sebaliknya pula, tanpa ‘illah akan membantut segala usaha para mujtahid dalam melakukan proses ijihad mereka.

Persoalan yang perlu dirungkaikan di sini ialah, adakah isu *ta’līl al-aḥkām* boleh digunakan dalam ibadat dari aspek tertentu yang dikaitkan dengan *maqāṣid al-syarī‘ah*? Menurut Imām al-Syāṭibī terdapat perbezaan antara tabiat hukum ibadat dan adat dalam penerimaan *ta’līl al-aḥkām*. Beliau menjelaskan seperti berikut :

الأصل في العبادات بالنسبة إلى المكلف التبعـد، دون الالتفات إلى المعانـي، وأصل العادات الالتفات إلى المعانـي.

“Asal pada ibadat adalah dinisbahkan kepada perhambaan (*al-ta’abbud*), tanpa melihat kepada makna-makna (*motif dan maksud tertentu*). Manakala asal pada adat adalah dinisbahkan kepada makna-makna”¹³⁸.

Dari penjelasan Imām al-Syāṭibī di atas, *ta’līl al-aḥkām* tidak diterimapakai dalam perkara ibadat secara mutlak. Tetapi sebaliknya *ta’līl al-aḥkām* diterimapakai dalam perkara adat.

¹³⁸ al-Syāṭibī, Ibrāhīm ibn Mūsā al-Lakhmī (1975), *op.cit.*, ms. 585.

Secara dasarnya, persoalan yang berkaitan ibadat memang tidak boleh direka-reka dengan rasional akal. Tetapi mungkin wujud persoalan lain iaitu, adakah semua ibadah tidak menerima *ta'līl al-aḥkām* secara mutlak dengan melaksanakan ibadah tanpa melihat kepada objektif syariatnya dan hikmahnya? Seterusnya, adakah *ta'līl al-aḥkām* dalam ibadat dianggap terkecuali dengan wujudnya teori asal ibadat adalah perhambaan semata-mata (*al-ta'abbud*)?

Sekiranya diperhatikan di dalam al-quran, terdapat banyak '*illah*' dinyatakan di dalam hukum-hakam berkaitan ibadah. Ibn al-Qayyim telah mengeluarkan pelbagai contoh '*illah*' berkaitan ibadah melalui ayat-ayat al-Quran di dalam kitabnya *A'lām al-Muwaqqi'in 'an Rab al-'Alamīn*¹³⁹. Antara contoh ayat al-Quran yang menunjukkan *ta'līl al-aḥkām* berkaitan ibadah ialah :

- a) Mencegah dari kemungkaran sebagai '*illah*' bagi solat.

أَتْلُ مَا أُوحِيَ إِلَيْكَ مِنَ الْكِتَبِ وَأَقِمِ الصَّلَاةَ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿٢٩﴾

(Bacalah apa yang telah diwahyukan kepadamu, iaitu *al-kitab* dan dirikanlah solat. Sesungguhnya solat itu mencegah dari perbuatan keji dan mungkar. dan mengingat Allah adalah sebesar-besarnya perkara serta Allah mengetahui apa yang kamu kerjakan).

Surah al-'Ankabut (29) : 45

- b) Melahirkan insan bertakwa sebagai '*illah*' berpuasa

يَتَأْمُوا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِنْ
قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿٢٩﴾

¹³⁹ Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Syam al-Dīn Abī 'Abd Allāh Muḥammad ibn Abī Bakr al-Zarī al-Dimasyqi. (1977), *op.cit.*, jld. 1, ms.196-200.

(Wahai orang yang beriman, diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang sebelum kamu agar kamu bertakwa).

Surah al-Baqarah (2) : 183

c) Membersihkan harta sebagai ‘illah berzakat.

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُظْهِرُهُمْ وَتُرْكِمُهُمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَوةَكَ سَكِّنٌ
لَّهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلَيْمٌ

(Ambillah zakat dari sebahagian harta mereka, dengan zakat itu kamu membersihkan dan mensucikan mereka dan berdoalah untuk mereka. Sesungguhnya doa kamu itu (menjadi) ketenteraman jiwa bagi mereka dan Allah Maha mendengar lagi Maha Mengetahui).

Surah al-Tawbah (9) : 103

Dengan ini dapat diketahui bahawa *ta'līl al-aḥkām* boleh berlaku kepada hukum-hakam yang berkaitan ibadah. Dalam erti kata lain, hukum-hakam ibadah yang ditetapkan boleh diterima kerasionalan akal dan bukannya bersifat perhambaan semata-mata (*al-ta'abbud*). Perkara ini telah dijelaskan oleh *al-Maqqari*^{‡40} :

الأصل في الأحكام المعقولة لا التبعد لأنه أقرب إلى القبول وأبعد عن الخرج

”Asal pada hukum-hakam boleh diterima oleh akal bukannya perhambaan semata-mata (*al-ta'abbud*), kerana ianya lebih membawa penerimaan manusia dan menjauhkan dari kesukaran”^{‡41}.

Menyentuh tentang hubungan antara peranan kerasionalan akal dan *ta'līl* dalam memahami *nass* syarak, Profesor Dr. Muḥammad Fathī al-Duraynī ada menyimpulkan :

^{‡40} Beliau adalah guru kepada Imām al-Syāṭibī.

^{‡41} al-Maqqari (t.th), *al-Qawā'id*, Jāmi'ah Umm al-Qurā : Ma'had al-Buḥūth al-'Ilmiyyah wa Iḥyā' al-Turāth al-Islāmiyyah, juz. 1, ms. 296.

الأصل في النصوص التعليل فذلك دليل بين على معقولية النصوص القرآنية

“Asal pada naṣṣ-naṣṣ mempunyai ‘illah, ia adalah bukti yang jelas terhadap kerasionalan naṣṣ al-Quran”¹⁴².

Dari penjelasan di atas, sekiranya dilihat dari aspek perhambaan manusia kepada Allāh memang dianggap sebagai (*al-ta‘abbud*). Tetapi jika dilihat dari aspek pentaklifan, maka ianya merupakan hukum-hakam yang boleh diterima secara rasional. Umum mengetahui bahawa syariat Islam adalah untuk meraikan *maṣlaḥah* yang merupakan perkara yang disepakati oleh para ulamak seperti kenyataan al-Shaṭībī berikut :

ان الشارع وضع الشريعة على اعتبار المصالح باتفاق

“Para ulama sepakat menyatakan syariat Islam ditetapkan dengan mengambilkira maṣlaḥah”¹⁴³.

Justeru itu, seharusnya diketahui bahawa asal pensyariatan adalah untuk meraikan *maṣlaḥah* manusia yang patut diterima secara umum tanpa membezakan syariat tersebut berbentuk ibadah atau adat. Oleh itu, *ta’līl al-aḥkām* boleh diterima secara umum tanpa membezakan di antara perkara ibadah atau adat. Ini kerana dalam adat itu sendiri mengandungi aspek-aspek tertentu yang bercampur aduk dengan ibadat.

Setelah dibincangkan di atas, kebanyakan hukum-hakam syarak dapat diketahui ‘illahnya samada secara *dinaṣṣkan* atau *ditakhrijkan* ‘illahnya. Namun begitu, para mujtahid juga mengakui bahawa terdapat juga hukum-hakam syarak

¹⁴² Dipetik dari Wan Mohamad Yusof Wan Chik (2005), *al-Ta‘abudiyyah : Konsep dan Kepastiannya Dalam Hukum Islam Semasa*, Dalam : Prosiding Seminar Hukum Islam Semasa IV Peringkat Kebangsaan 2005, Kuala Lumpur : Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, ms. 11.

¹⁴³ al-Syaṭībī, Ibrāhīm ibn Mūsā al-Lakhmī (1975), *op.cit.*, juz. 1, ms 121.

yang tidak dapat dipastikan ‘illah hukumnya secara khusus. Pada ketika itu, rasional seseorang mujtahid akan berpada dengan apa yang disebutkan oleh syarak. Rahsia dan hikmahnya disifatkan sebagai “*ghayr ma‘qul al-ma‘na*”. Fenomena ketidakmampuan akal untuk melakukan *ta‘līl al-ahkām* atau ketiadaan ‘illah tertentu inilah yang disebut sebagai perhambaan semata-mata (*al-ta‘abbud*)¹⁴⁴.

Antara contoh ibadah yang tidak boleh dijangkau akal ialah penetapan bilangan rakaat solat, penentuan puasa di bulan Ramadan, pelaksanaan ibadah haji di bulan Zulhijjah dan sebagainya. Ibadah seperti ini dikategorikan sebagai ibadah murni (*mahdah*) yang telah ditentukan oleh syariat secara mutlak dan tidak menerima *ta‘līl al-ahkām*¹⁴⁵.

Umum mengetahui bahawa zaman sentiasa berubah dan peristiwa berlaku silih berganti, sedangkan *nass* syarak tetap seperti sedia ada. Namun *nass* syarak tetap boleh dan sesuai digunakan untuk memenuhi tuntutan semasa dengan cara digabung-jalinkan sesuatu perkara dengan *nass* syarak yang sesuai bagi mengetahui hukum Allah pada perkara tersebut, atau boleh juga melakukan ijtihad dengan menisbahkan kepada prinsip syarak yang paling hampir selagi menepati ‘illah dan tidak wujud percanggahan secara nyata. Maka ketika itu jelaslah perkara-perkara yang termasuk ke dalam *mansūs* (perkara yang dinasskan) dan perkara-perkara *mulhaq bi al-mansūs* (digabung-jalinkan). Manakala perkara-perkara *al-maskūt ‘anhu* (yang didiamkan, iaitu tidak disentuh oleh syarak)

¹⁴⁴ Ibn al-‘Āsyūr, Muḥammad al-Tāhir (1998), *Maqāṣid al-Shari‘ah al-Islāmiyyah*, Edit : Muḥammad Tāhir al-Misawiy, t.tp : al-Basa’ir li al-Intaj al-‘Ilm, ms. 162.

¹⁴⁵ Hamka Haq (2007), *Aspek Teologis Konsep Maslahah dalam Kitab al-Muwafaqat*, Indonesia : Penerbit Erlangga, ms.259.

merupakan suatu anugerah kebebasan yang diberikan oleh Allah kepada manusia¹⁴⁶.

Dengan demikian, menentukan semua permasalahan ibadah termasuk dalam *bid'ah ḥalālah* adalah seperti membekukan semua permasalahan ibadah yang boleh dikaitkan kepada pemakaian rasional akal. Justeru itu, pembahagian *bid'ah* kepada hukum yang lima adalah lebih selaras dengan kehendak asal penentuan hukum-hakam. Di samping neraca utama penentuan *bid'ah ḥalālah* hendaklah merujuk kepada kaedah-kaedah syarak ataupun samada ianya bertentangan dengan objektif syarak mahupun tidak¹⁴⁷.

Wujudnya pendapat yang menolak pembahagian *bid'ah* kepada dua, dengan menyatakan semuanya *bid'ah ḥalālah* yang membawa pelakunya tergolong dalam ahli maksiat dan akan dimasukkan ke dalam neraka, maka *bid'ah* seumpama ini sama dengan maksiat dan kemungkaran¹⁴⁸. Semua kemaksiatan dan kemungkaran diharamkan melalui *nass* syarak yang jelas dan khusus. Seharusnya, permasalahan yang lebih utama disandarkan kepada *bid'ah ḥalālah* ialah persoalan yang jelas bertentangan dengan *nass* syarak secara khusus. Jika tidak didapati melalui *nass* syarak, maka ia hendaklah dirujuk kepada kaedah-kaedah syarak ataupun *maqāṣid al-syari‘ah* sama ada bertentangan ataupun tidak¹⁴⁹.

Bid'ah ḥalālah dalam ibadah boleh berlaku apabila ianya melibatkan perubahan kewajipan asal ataupun penentuan asal ibadah seperti melakukan ibadah khusus

¹⁴⁶ Sulaymān Zayn al-Yamānī (Dr.) (t.th) *al-Mafhūm al-Šāhiḥ ‘an al-Bid‘ah*, Johor : Majlis Agama Islam Negeri Johor, ms. 1.

¹⁴⁷ ‘Umar ‘Abd Allāh Kamil (Dr.), (2003), *op.cit.*, ms. 23. Ridzwan Ahmad, Dr. (2005), *Kontradiksi Di Antara Naṣ Dengan Maṣlaḥah Dan Hubungannya Dengan Bid‘ah Dalam Realiti Semasa Di Malaysia*, Dalam : Prosiding Seminar Hukum Islam Semasa IV Peringkat Kebangsaan 2005, Kuala Lumpur : Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, ms. 11.

¹⁴⁸ Sulaymān Zayn al-Yamānī (Dr.), *op.cit.*, ms. 9.

¹⁴⁹ ‘Umar ‘Abd Allāh Kamil (Dr.) (2003), *op.cit.*, ms. 27.

bertentangan dengan cara yang dikerjakan oleh Nabi SAW Begitu juga perubahan ibadah yang berbentuk sunat yang dinyatakan secara khusus oleh Nabi SAW sendiri¹⁵⁰.

Setelah diperhalusi, amat sukar untuk menetapkan semua permasalahan ibadah secara menyeluruh dengan disandarkan kepada *bid'ah qalālah* secara mutlak. Ini disebabkan fuqaha *madhāhib* mempunyai kefahaman yang berbeza lantaran penerimaan hadis yang berbeza-beza di kalangan mereka¹⁵¹. Sekaligus menegaskan bahawa sesuatu perkara baru yang dilakukan untuk memenuhi tuntutan Allah yang umum dan tiada pula sebarang tegahan yang berkaitan dengannya, maka selagi itulah perbuatan tersebut dikira sebagai *qurbah* (cara untuk mendekatkan diri kepada Allah) dan bukannya *bid'ah*¹⁵².

ii) Permasalahan Isu *Sadd al-Dharā'i'*

Sadd al-dharā'i' adalah terdiri dari dua perkataan iaitu *sadd* dan *al-dharā'i'*. Dalam Bahasa Arab *sadd* bermaksud menutup, menegah, menghalang, menyekat atau menyumbat¹⁵³. *Al-dharā'i'* merupakan kata *jama'* daripada perkataan *al-dhari'ah*. Perkataan *al-dharā'i'* dalam Bahasa Arab pula bermaksud sesuatu yang tegang dan panjang serta berlaku pergerakan (الامتداد والتحرك). Ini kerana perkataan *al-dharā'i'* berasal dari perkataan *dhara'a* yang bermaksud menegang dan memanjang serta berlaku pergerakan¹⁵⁴.

¹⁵⁰ Ridzwan Ahmad, Dr. (2005), *op.cit.*, ms. 11.

¹⁵¹ A. Shihabuddin, *op.cit.*, ms. 126.

¹⁵² Sulaymān Zayn al-Yamānī (Dr.), *op.cit.*, ms. 8.

¹⁵³ Fuad Ifrām al-Bustānī, *op.cit.*, cet. 15, ms. 308 & 310.

¹⁵⁴ Ibn Manzūr, *op.cit.*, jilid 3, ms. 1495-1496.

Pelbagai pengertian istilah yang dikemukakan oleh para ulamak dalam menjelaskan *sadd al-dharā'i*. Menurut al-Qurṭubī :

هي عبارة عن أمر غير منوع لنفسه، يخاف من ارتكابه الوقوع في منوع

"Perkara yang pada asalnya tidak ditegah melakukannya, namun sekiranya ia mengandungi unsur-unsur yang boleh membawa kepada kerosakan, maka ia ditegah dari melakukannya"¹⁵⁵.

Selain dari itu, menurut Muḥammad Hisyām al-Burhānī, *sadd al-dharā'i* ialah :

هي الأشياء التي ظاهرها الاباحة، ويتوصل بها إلى فعل المخظور

"Sesuatu perkara zahirnya harus, namun terdapat perbuatan yang menghalang "¹⁵⁶.

Manakala Dr. ‘Abd al-Karīm Zaydān, menjelaskan *sadd al-dharā'i* seperti berikut :

منع الوسائل المؤدية إلى المفاسد.

"Larangan menuju jalan yang membawa ke arah mafsadah"¹⁵⁷.

Penjelasan di atas bermaksud *sadd al-dharā'i* adalah mencegah jalan terhadap perkara harus asalnya, namun boleh membawa kerosakan. Hal ini disebabkan, penilaian syarak terhadap sesuatu perkara itu kembali kepada tujuannya. Justeru itu, perkara yang menjadi perantaraan kepada unsur haram, maka hukumnya haram dan ditegah di dalam syariat Islam.

¹⁵⁵ Al-Qurṭubī, Muḥammad ibn Aḥmad (t.t), *al-Jāmi‘ li Aḥkām al-Quran*, Qāhirah : al-Hai’ah al-Miṣriyyah al-‘Ammah li al-Kitāb, juz 2, ms. 57-58.

¹⁵⁶ Dipetik dari Sya‘bān Muḥammad Ismā‘īl (2008M/1429H), *Uṣūl al-Fiqh al-Muyassar*, Beirut : Dār Ibn Ḥazm, juz. 1, ms. 529.

¹⁵⁷ Zaydān, ‘Abd al-Karīm (Dr.), *op.cit.*, ms. 244.

Dalam pada itu, al-Qarāfī pernah menegaskan bahawa *sadd al-dharā'i'* ialah langkah pencegahan yang wajib dilakukan terhadap *al-dharā'i'* yang mendorong ke arah kerosakan. Keadaan ini berbeza sekiranya *al-dharā'i'* mendorong ke arah kebaikan kerana ia dinamakan sebagai *fath al-dharā'i'* yang wajib diberi peluang¹⁵⁸.

Bersandarkan teori *sadd al-dharā'i'* dalam menghukum beberapa amalan sebagai *bid'ah*, Imām al-Shātibī berpandangan bahawa beberapa amalan sunat pada asalnya perlu ditinggalkan untuk mengelakkan dari disangka wajib oleh orang awam bila terdapat golongan tertentu sering melazimi amalan tersebut. Sekiranya dilakukan secara terbuka dan lazim, amalan yang asalnya sunat akan dianggap *bid'ah*. Tetapi, sekiranya dilakukan secara individu tanpa dizahirkan secara berleluasa maka tidak dianggap *bid'ah*. Demikianlah pandangan Imām al-Syātibī yang mengungkapkan dalam beberapa amalan seperti amalan zikir beramai-ramai dan bacaan doa oleh imam diaminkan sebagai *bid'ah*¹⁵⁹.

Al-Qarāfī yang bermazhab Mālikī menyatakan para ulama sepakat mengkategorikan *sadd al-dharā'i'* kepada tiga iaitu¹⁶⁰ :

- a) Kategori yang disepakati para ulamak bahawa wajib dicegah, seperti perbuatan menggali lubang di laluan orang-orang Islam.

¹⁵⁸ al-Qarāfī, Aḥmad bin Idrīs (t.t), *al-Furūq*, Beirut : Dār al-Ma'rifah, juz 2, ms.42.

¹⁵⁹ Lihat al-Syātibī, Ibrāhīm ibn Mūsā al-Lakhmī (2003M/1424H), *op.cit.*, jld. 1, ms. 239, 243, 244 & 247.

¹⁶⁰ Sya'bān Muḥammad Ismā'īl, *op.cit.*, juz. 1, ms. 532-533. Zaydān, 'Abd. al-Karīm (Dr.), *op.cit.*, ms. 248-249.

- b) Kategori yang disepakati para ulamak bahawa tidak wajib dicegah, seperti penanaman anggur yang ditakuti digunakan untuk membuat arak.

- c) Kategori yang diperselisihkan para ulamak sama ada wajib atau tidak wajib dicegah seperti jual beli bayaran tertangguh kerana mirip berlakunya riba.

Dalam permasalahan yang dibincangkan ini bukannya termasuk dalam kategori pertama, tetapi ianya termasuk dalam kategori kedua. Ini kerana kebimbangan berlakunya kemudaratan hanya terfokus kepada golongan tertentu di kalangan mereka yang jahil disebabkan terkeliru di antara perbuatan sunat yang dilakukan oleh Nabi SAW dengan perbuatan berbentuk sunat secara umumnya yang tidak dilakukan oleh baginda SAW. Jika tidak boleh diterima kategori kedua, maka ianya akan termasuk ke dalam kategori ketiga iaitu para ulama tidak sepakat sama ada perlu dicegah ataupun tidak. Untuk dimasukkan kategori pertama tidak mungkin kerana ia berasal dari perbuatan yang mengandungi *maṣlaḥah* dan bukannya perbuatan mengandungi *mafsadah*. Jika termasuk kategori ketiga, maka *bid‘ah* tidak boleh disandarkan kepadanya. Ini kerana *bid‘ah* tidak boleh diungkapkan ke atas perkara *khilāfiyyah*¹⁶¹.

iii) Permasalahan isu *Bid‘ah Idāfiyyah*

Al-Syāṭibī mendefinisikan *bid‘ah idāfiyyah* adalah seperti berikut :

¹⁶¹ Al-Salmī, ‘Iyād bin Namī (Dr.) (2008M/1429H), *Uṣūl al-Fiqh alladhi lā yasa‘u al-Faqīḥa Jahluhu*, Riyād : Dār al-Tadmuriyyah, cet. 3, ms. 211-212. Ridzwan Ahmad (Dr.) (2005), *op.cit.*, ms. 12.

البدعة الإضافية فهي التي لها شائبتان : إحداها لها من الأدلة متعلق فلا تكون من تلك الجهة بدعة والأخرى ليس لها متعلق إلا مثل ما للبدعة الحقيقة

“Bid‘ah iḍāfiyyah memiliki dua sudut pandang, pertama; terdapat dalil yang berkait dengannya, maka ia bukan bid‘ah, kedua; sama sekali tidak berkait dengan dalil seperti bid‘ah ḥaqīqiyyah”¹⁶².

Seterusnya Imām al-Syāṭibī menjelaskan perbezaan kedua-dua sudut pandang dari segi makna seperti berikut:

أن الدليل عليها من جهة الأصل قائم ومن دهه الكيفيات أو الأحوال أو التفاصيل لم يقم عليها مع أنها محتاجة إليه لأن العالب وقوعها في التعبديات لا في العاديات الخصبة

“Dalil yang digunakan pada dasarnya ada, namun penggunaannya tidak tepat berdasarkan teknik, situasi dan perincian terhadap perlaksanaannya kerana tidak bersandarkan kepada sebarang dalil, sedangkan ianya perlukan dalil disebabkan termasuk dalam ibadah dan bukannya adat mahdah (murni)¹⁶³”.

Boleh disimpulkan bahawa *bid‘ah iḍāfiyyah* dianggap sunat pada suatu sudut kerana bersandarkan dalil, manakala pada sudut yang lain dianggap *bid‘ah* kerana terdapat beberapa ciri atau keadaan mendatang yang mengeluarkannya dari apa yang dibataskan oleh syarak.

Antara contoh *bid‘ah iḍāfiyyah* ialah mengkhususkan hari-hari tertentu yang tidak dicegah oleh syarak untuk berpuasa dengan melazimkan diri

¹⁶² al-Syāṭibī, Ibrāhīm ibn Mūsā al-Lakhmī (2003M/1424H), *op.cit.*, jld. 1, ms. 197.

¹⁶³ *Ibid.*

dengannya. Menurut al-Syāṭibī, mengkhususkan sesuatu ibadat yang tidak dikhususkan oleh syarak pada asalnya termasuk di dalam *bid‘ah dalālah*¹⁶⁴.

Terdapat kefahaman tertentu di dalam masyarakat hari ini telah menjadikan *bid‘ah idāfiyyah* sebagai alasan untuk menghukum beberapa amalan yang tidak dinyatakan secara khusus oleh syarak sebagai *bid‘ah*. Sekiranya diperhalusi sesuatu perintah sama ada wajib mahupun sunat, jika tidak dikhususkan dengan cara tertentu, maka ianya dianggap pilihan kepada *mukallaf* untuk melaksanakannya selagi tidak bercanggah dengan objektif syariat¹⁶⁵.

Kewajipan yang bersifat pilihan misalnya jika dilaksanakan dengan kelaziman tertentu tanpa mengiktiad cara yang lain tidak sah, tidaklah dianggap perbuatan tersebut *bid‘ah*. Begitu juga amalan sunat yang tidak diwajibkan mengerjakannya, jika seseorang *mukallaf* itu melazimkan dirinya melaksanakannya pada waktu tertentu dan hari tertentu yang tidak ditegah oleh syarak melakukannya, sedangkan dia tidak beriktiad tata cara yang lain tidak sah, bahkan dia tidak menganggap perbuatan pengkhususannya itu dilakukan oleh Nabi SAW, tidaklah dianggap *bid‘ah dalālah*¹⁶⁶.

Seperti yang dijelaskan di atas, bahawa *bid‘ah idāfiyyah* mempunyai dalil syarak melainkan tidak dinyatakan tata cara tertentu oleh Nabi SAW dan para sahabat. Hal ini menyebabkan al-Syāṭibī mengkategorikannya ke dalam *bid‘ah dalālah*. Sebenarnya tidak ditunjukkan oleh Nabi SAW dan para sahabat disebabkan ketiadaan kehendak untuk melakukannya adalah kerana Nabi SAW

¹⁶⁴ *Ibid.*, jld 2, ms 8-9.

¹⁶⁵ Sulaymān Zayn al-Yamānī (Dr.), *op.cit.*, ms. 8.

¹⁶⁶ Ridzwan Ahmad (Dr.) (2005), *op.cit.*, ms. 13.

menyerahkannya kepada umatnya untuk melaksanakannya berdasarkan kemampuan masing-masing. Hal ini memberi rahmat, keluasan dan kemudahan kepada umat melakukannya berdasarkan kemampuan dan kelapangan masing-masing sehingga tidak membebankan mereka dan tidak mengganggu kepentingan hidup seharian¹⁶⁷. Oleh kerana ketiadaan dalil khusus yang menyatakan Nabi SAW melakukannya dengan tata cara tertentu, tidak diharuskan secara mutlak mengkategorikannya sebagai haram atau *bid‘ah ḥalālah*¹⁶⁸.

1.8.3 Hubungan antara *Maṣlaḥah Mursalah* dengan *Bid‘ah*.

Setelah dibentangkan konsep sebenar *bid‘ah* di atas, maka berikut dinyatakan hubungan di antara *maṣlaḥah mursalah* dengan *bid‘ah ḥasanah* seperti berikut¹⁶⁹ :

- a) *Maṣlaḥah mursalah* dan *bid‘ah ḥasanah* mencakupi perkara baru yang berlaku.
- b) *Maṣlaḥah mursalah* dan *bid‘ah ḥasanah* tidak ditunjukkan atau diisyaratkan melalui dalil-dalil yang khusus.
- c) *Maṣlaḥah mursalah* dan *bid‘ah ḥasanah* dari aspek umumnya selari dengan objektif syarak dan selaras dengan kaedah syarak. Sebaliknya, jika berlawanan dengan objektif syarak ataupun kaedah syarak, maka kedua-duanya akan dikenali sebagai *maṣlaḥah mulghāh* dan *bid‘ah ḥalālah* yang perlu dicegah

¹⁶⁷ ‘Umar ‘Abd Allāh Kamil (Dr.) (2003), *op.cit.*, ms. 8-9.

¹⁶⁸ ‘Abd Allāh al-Ḥusaynī al-Makkī al-Hāsyimī (1996), *al-Iḥtifāl bi al-Mawlid al-Nabī bayn al-Muayyidīn wa al-Mu’āridīn Munāqasyāt wa Rudud*, t.tp., t.pt., ms. 25.

¹⁶⁹ Sa‘īd bin Nāṣir al-Ghāmidi (1999M/1419H), *Haqīqah al-Bid‘ah wa Aḥkāmuhā*, Riyāḍ : Maktabah al-Rusyd, cet 3. juz. 2, ms. 186-189. Ridzwan Ahmad (Dr.) (2005), *op.cit.*, ms. 14.

dan dihindari dari terjebak ke dalam dosa dan maksiat demi kesejahteraan di dunia dan di akhirat.

- d) Bidang praktikaliti *maṣlaḥah mursalah* dan *bid’ah ḥasanah* merangkumi urusan muamalat serta sebahagian dari urusan ibadah yang diterima kerasionalan akal (*ma’qulāt al-ma’nā*) dalam penentuan hukum terhadapnya.
- e) Sekiranya wujud perbezaan di antara *maṣlaḥah mursalah* dan *bid’ah hasanah* hanyalah dari sudut keluasan bidang praktikalitinya. *Maṣlaḥah mursalah* lebih luas bidang praktikalitinya dengan melibatkan bahagian-bahagian yang seiring dengan kehendak objektif syarak dan termasuk juga perkara yang bertentangan dengan *nass* syarak secara zahirnya yang dibahaskan oleh para pengkaji ilmu *uṣūl al-fiqh* kontemporari dengan *takhṣīṣ al-nuṣūṣ bi al-maṣlaḥah*¹⁷⁰. Manakala *bid’ah ḥasanah* pula hanya melibatkan bahagian-bahagian yang selari dengan objektif syarak secara umumnya dan tidak bertentangan secara zahirnya dengan mana-mana *nass* syarak.

Seterusnya dinyatakan pula hubungan di antara *maṣlaḥah mursalah* dan *bid’ah ḥasanah* seperti berikut¹⁷¹ :

- a) Dari aspek persamaan, *maṣlaḥah mursalah* dan *bid’ah ḥasanah* mencakupi perkara baru yang berlaku.

¹⁷⁰ Lihat al-Hasan, Khalifah Bā Bakr (Dr.) (1993), *Takhṣīṣ al-Nuṣūṣ bi al-Adillah al-Ijtihadiyyah ‘ind al-Uṣūliyyīn*, Qāhirah : Maktabah Wahbah.

¹⁷¹ Sa‘īd bin Nāṣir al-Ghāmīdī, *op.cit.*, juz. 2, ms. 186-189. Ridzwan Ahmad (Dr.) (2005), *op.cit.*, ms. 14.

b) Dari aspek perbezaan, dapat diungkapkan kepada dua aspek iaitu :

- *Maslahah mursalah* selari dengan objektif syarak dan kaedah syarak. Manakala *bid'ah dalālah* bercanggah dengan objektif syarak dan ianya menyamai *maslahah mulghāh*.
- *Maslahah mursalah* dianggap benar selagi tidak bercanggah dengan *nass-nass*. Sebaliknya *bid'ah dalālah* secara jelas bertentangan dengan kebanyakan *nass-nass*.
- *Maslahah mursalah* adalah bertujuan menarik manfaat dan menolak kemudarat. Manakala *bid'ah dalālah* disangka boleh mendatangkan kebaikan, padahal sebenarnya membawa kerosakan dan bahaya yang besar.
- Bidang praktikaliti *maslahah mursalah* lebih terfokus dalam bidang muamalat dan sebahagian dari bidang ibadah yang diterima peranan akal (*ma'qulāt al-ma'nā*). Manakala bidang praktikaliti *bid'ah dalālah* meliputi muamalat dan ibadat yang telahpun ditetapkan kedudukannya secara pasti.

1.8.4 Klasifikasi *Bid'ah*

Terdapat pelbagai klasifikasi *bid'ah* sekiranya ditinjau dari pelbagai perspektif yang berbeza-beza. Berikut dibentangkan penjelasannya secara ringkas :

a. *Bid‘ah Ḥasanah Dan Sayyia’h*

Berkaitan pengertian *bid‘ah ḥasanah* ialah sesuatu yang dianggap baik selagi tidak bertentangan dengan dalil-dalil daripada al-quran, hadis, *ijmā‘* ulama dan kaedah-kaedah syariah. Manakala pengertian *bid‘ah sayyia’h* pula ialah sesuatu perkara yang tidak terdapat *nass* secara umum atau khusus menjelaskannya¹⁷².

b. *Bid‘ah Seperti Hukum Yang Lima*

Bid‘ah dalam kategori ini terbentuk kepada wajib, haram, sunat, harus dan makruh. Cara penentuannya adalah dengan merujuk kepada kaedah-kaedah syarak dalam menilai hukum yang lima tersebut¹⁷³.

c. *Bid‘ah ḥaqiqiyah Dan Idāfiyyah*

Pembahagian seperti ini telah dipelopori oleh Imām al-Syāṭibī. Pengertian *bid‘ah ḥaqiqiyah* adalah sesuatu yang tidak berdasarkan dalil-dalil syarak dari al-Quran, hadis, *qiyās* atau *ijmā‘* ulama secara umum atau khusus¹⁷⁴. Sebagai contoh ialah menolak untuk berhujah dengan al-Quran dan hadis atau mendahului akal

¹⁷² Klasifikasi *bid‘ah* seperti ini telah dijelaskan dengan panjang lebar dalam sub topik konsep *bid‘ah* di atas. Sila lihat Abū Syāmah al-Syāfi’ī (1992M), al-Bā‘ith ‘alā Inkār al-Bida‘ wa al-Ḥawādith, Edit : al-Syaikh Ibrāhīm Ramaḍān, Beirut : Dār al-Fikr al-Banānī, cet. 1, ms. 32-35. Lihat al-Zarkhasī, *al-Manthūr fī al-Qawā'id*, Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, cet. 1, jld 1, ms. 115.

¹⁷³ Lihat Ibn ‘Abd al-Salām, Abī Muḥammad ‘Izz al-Dīn ‘Abd al-‘Azīz ibn ‘Abd al-Salām al-Salmī, *op.cit.*, juz 2, ms. 133. Lihat ‘Abd al-Karīm Murād, *et.al.*, *op.cit.*, ms. 75-76.

¹⁷⁴ Lihat al-Syāṭibī, Ibrāhīm ibn Mūsā al-Lakhmī (2003M/1424H), *op.cit.*, jld. 1, ms. 197.

daripada dalil-dalil serta menjadikan akal sebagai sumber utama sedangkan syarak hanya menjadi pelengkap kepada akal sahaja¹⁷⁵.

Bid‘ah idāfiyyah pula adalah *bid‘ah* yang boleh dilihat melalui dua sudut. Sudut pertama sebagai suatu amalan yang mempunyai dalil dari al-quran, hadis, *ijmā‘* ulamak. Sekiranya dilihat dari sudut kedua pula amalan tersebut tidak ada hubungan langsung dengan sebarang dalil, bahkan tergolong dalam *bid‘ah haqīqiyyah*¹⁷⁶.

Sebagai contoh *bid‘ah idāfiyyah* ialah mengkhususkan puasa pada hari-hari yang tertentu (selain daripada hari-hari yang diharamkan berpuasa) dan membiasakan diri dengan berpuasa pada hari-hari tersebut. Puasa tersebut memanglah dari segi zatnya disandarkan kepada dalil dan merupakan sebaik-baik amalan, tetapi jika dilihat dari segi cara pelaksanaan maka ia menjadi *bid‘ah* kerana tidak dilakukan oleh Nabi SAW dan para sahabat¹⁷⁷.

d. *Bid‘ah Fi‘liyyah Dan Tarkiyah*

Bid‘ah bukan sahaja merangkumi melakukan perbuatan yang patut ditinggalkan kerana bercanggah dengan *al-sunnah* atau *bid‘ah fi‘liyyah*, malah juga

¹⁷⁵ al-‘Adawī, Muḥammad ibn Aḥmad (1934), *Uṣūl fī al-Bid’ wa al-Sunan*, Mesir : Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, ms. 22.

¹⁷⁶ Lihat al-Syātibī, Ibrāhīm ibn Mūsā al-Lakhmī (2003M/1424H), *op.cit.*, jld. 1, ms. 197.

¹⁷⁷ ‘Izzat, ‘Alī ‘Atīyyah (1980M/1400H), *al-Bid‘ah Taḥdiduhā wa Mawqif al-Islām min hā*, Beirut : Dār al-Kutub al-‘Arabī, ms. 275-276.

merangkumi perbuatan meninggalkan sesuatu yang sepatutnya dilakukan atau disebut sebagai *tarkiyyah*¹⁷⁸.

Antara *bid'ah tarkiyyah* ialah meninggalkan sesuatu yang dituntut oleh syarak supaya melaksanakannya atau digalakkan melakukannya, kecuali kerana terdapat sesuatu keuzuran *syar'i*. Paling merbahaya apabila ia melibatkan pertukaran beberapa perkara yang telah disyariatkan oleh Islam dengan sesuatu yang dicipta oleh diri sendiri, seperti zikir, sunat *nawafil* dan sebagainya¹⁷⁹.

Manakala antara contoh *bid'ah fi 'liyyah* pula ialah mencipta hadis-hadis *mawdū'* dan menambah ke atas syarak, sesuatu yang bukan darinya, seperti menambahkan bilangan rakaat solat yang telah ditetapkan atau bilangan hari berpuasa, solat di waktu-waktu yang diharamkan dan lain-lain¹⁸⁰.

e. *Bid'ah Kulliyah Dan Juz'iyyah*

Bid'ah berbeza antara satu sama lain dari sudut kesan-kesannya dan juga dari sudut kecacatan-kecacatan yang berlaku ke atas syariat. Kesan *bid'ah* itu tidak hanya menimpa pihak yang melakukannya, bahkan turut juga melibatkan orang lain, ia disebut sebagai *bid'ah kulliyah*¹⁸¹.

¹⁷⁸ al-Suhaimī, Ṣāliḥ bin Sa‘ad (Dr.), *Tanbih Ūlī al-Abṣār ilā Kamāl al-Dīn wa mā fī al-bid'* min al-Akhṭār, ms. 97-99. al-Ruhaylī, Ibrāhīm ‘Amīr (2002), *Manhaj Ahli Sunnah Menghadapi Ahli Bidaah*, Abu Ahmad Syamsuddin (terj.). Jakarta : Pustaka al-Kautsar, ms. 50.

¹⁷⁹ *Ibid.*

¹⁸⁰ *Ibid.*

¹⁸¹ ‘Alī Maḥfūz, al-Syaikh (2001M/1422H), *al-Ibdā’ fī Mādār al-Ibtidā’*, Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, cet. 1, ms. 66-67. T.M Hasbi al-Shiddieqy (1986), *Kriteria Antara Sunnah dan Bidaah*. Johor Bahru : Thinker’s Library Sdn. Bhd. ms. 63.

Seandainya kesan bidaah itu hanya menimpa pelaku *bid'ah* sahaja, ia dinamakan *bid'ah juz'iyyah*. Seperti seseorang melakukan sesuatu amalan dalam bentuk yang bercanggah dengan *al-sunnah* tetapi kesannya tidak menimpa orang lain, kerana pelaku *bid'ah juz'iyyah* bukanlah seorang yang diikuti atau diterima oleh masyarakat¹⁸².

f. *Bid'ah 'Ibādiyyah Dan 'Adīyyah*

Bid'ah 'ibādiyyah ialah *bid'ah* yang dilakukan dengan maksud mendekatkan diri dengan Allah SWT untuk mendapatkan pahala yang banyak. Contohnya ialah solat khas *Nisfu Sya'bān*, solat *al-Raghāib*, solat malam '*Āsyūrā*', puasa pada hari *Isra' Mi'rāj* dan sebagainya¹⁸³.

Manakala *bid'ah 'adīyyah* ialah *bid'ah* yang dikerjakan bukan kerana hendak mendekatkan diri dengan Allah SWT, tetapi mengenai urusan interaksi antara manusia yang bertentangan dengan batas-batas yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. *Bid'ah* ini adalah seperti kahwin tanpa mahar, menceraikan isteri dalam tempoh haid dan menghalalkan riba dalam proses jual beli¹⁸⁴.

g. *Bid'ah 'Itiqādiyyah, 'Amaliyyah Dan Qawliyyah*

Bid'ah 'itiqādiyyah ialah *bid'ah* yang melibatkan perkara keimanan, ia termasuk ke dalam sebesar-besar dosa dan hukumnya mengkufurkan. Umpamanya syirik

¹⁸² *Ibid.*

¹⁸³ 'Izzat 'Āli 'Ātiyyah, *op.cit.*, ms. 257.

¹⁸⁴ *Ibid.*

kepada Allah SWT, berdoa kepada sesuatu selain Allah SWT, kepercayaan *wahdat al-wujūd* di kalangan orang-orang sufi dan sebagainya¹⁸⁵.

Bid‘ah ‘amaliyyah ialah mengubah sesuatu yang datang dari Nabi SAW ataupun ucapan-ucapan yang berlawanan dengan sunnah seperti ucapan-ucapan yang dilakukan oleh kebanyakan golongan-golongan sesat¹⁸⁶.

Bid‘ah qawlīyyah pula melibatkan perubahan kepada ucapan-ucapan yang dibawa oleh Nabi SAW atau menuturkan sesuatu perkataan yang bercanggah dengan sunnah, sepertimana yang dilakukan oleh kebanyakan golongan-golongan sesat di sepanjang sejarah Islam¹⁸⁷.

h. *Bid‘ah Zamāniyyah Dan Makāniyyah*

Bid‘ah zamāniyyah ialah *bid‘ah* yang berkaitan dengan masa-masa yang tertentu seperti solat khas pada malam *al-Qadr*, puasa khas pada hari Khamis minggu pertama bulan Rejab dan lain-lain lagi¹⁸⁸.

Bid‘ah makāniyyah ialah *bid‘ah* yang dilakukan pada tempat-tempat yang tertentu seperti tempat kematian, perkuburan para wali, para *syuhadā'* dan sebagainya¹⁸⁹.

¹⁸⁵ .Ahmad bin Ḥajar Ālī Buṭāmī al-Ban‘alī (1982M/1402H), *Taḥdhīr al-Muslimīn ‘an al-Ibtidā’ wa al-Bida’ fī al-Dīn*, t.pt. : t.pt., ms. 90.

¹⁸⁶ Ibrāhīm ‘Amīr al-Ruhaylī, *op.cit.*, ms. 52.

¹⁸⁷ ‘Izzat ‘Ālī ‘Ātiyyah, *op.cit.*, ms. 304.

¹⁸⁸ ‘Alī Maḥfūz, al-Syaikh, *op.cit.*, ms. 59-60.

¹⁸⁹ *Ibid.*

i. ***Bid‘ah Baṣīṭah Dan Murakkabah***

Bid‘ah baṣīṭah ialah *bid‘ah* yang melibatkan percanggahan yang ringkas dan tidak menyebabkan percanggahan kepada aspek-aspek lain, seperti orang yang menunaikan solat sunat sebaik sahaja selesai menunaikan solat fardhu tanpa diselangi bertasbih. Manakala *bid‘ah murakkabah* ialah *bid‘ah* yang melibatkan beberapa *bid‘ah* yang berkumpul menjadi satu¹⁹⁰.

Walaupun pelbagai klasifikasi *bid‘ah* menurut pandangan para ulamak, namun yang pasti mereka semua sebulat suara menyatakan bahawa *bid‘ah* adalah perkara-perkara baru yang diada-adakan malah bertentangan dengan dalil-dalil syariat dan menyifatkan sebagai tercela serta sesat.

1.8.5 Hubungan *Sunnah* Dengan *Bid‘ah*

Sunnah merupakan perkataan yang antonim dengan perkataan *bid‘ah* dan mempunyai hubung kait secara langsung atau tidak langsung. Berikut dijelaskan kedudukan *sunnah*.

Dari sudut bahasa, *sunnah* bermaksud *tariqah* (jalan) sama ada baik atau buruk¹⁹¹. Sekiranya dirujukkan kepada diri Nabi SAW, *sunnah* ialah kebiasaan atau amalan baginda SAW yang selalu dilakukan. Berhubung dengan maksud tersebut terdapat sebuah hadis yang menyatakan *sunnah* sebagai jalan yang baik atau buruk sepertimana berikut :

¹⁹⁰ al-Suhaymī, Ṣāliḥ bin Sa’ad (Dr.), *op.cit.*, ms. 101.

¹⁹¹ Sya‘bān Muḥammad Ismā‘il, *op.cit.*, juz. 1, ms. 134. Musa bin Fathullah Harun (Dr.) (1996), *Kajian Tentang al-Quran al-Karim dan al-Sunnah al-Nabawiyyah*, t.pt : t.pt, cet. 1, ms. 83.

فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ سَنَّ فِي الْإِسْلَامِ سُنَّةً حَسَنَةً فَلَهُ أَجْرُهَا
وَأَجْرُ مَنْ عَمِلَ بِهَا بَعْدَهُ مِنْ غَيْرِ أَنْ يَنْقُصَ مِنْ أُجُورِهِمْ شَيْءٌ وَمَنْ سَنَّ فِي
الْإِسْلَامِ سُنَّةً سَيِّئَةً كَانَ عَلَيْهِ وِزْرُهَا وَوِزْرُ مَنْ عَمِلَ بِهَا مِنْ بَعْدِهِ مِنْ غَيْرِ أَنْ
يَنْقُصَ مِنْ أَوْزَارِهِمْ شَيْءٌ

"Rasulullah SAW telah bersabda : Sesiapa yang mengasaskan jalan yang baik maka ia mendapat ganjaran daripadanya dan ganjaran orang yang mengamalkannya tanpa sebarang kekurangan daripada pahalanya sesuatu pun. Sesiapa yang mengasaskan jalan yang tidak baik maka ia menanggung dosanya dan dosa orang yang mengamalkannya tanpa sebarang kekurangan daripada dosa-dosanya sesuatu pun"¹⁹².

Jadi maksud perkataan (مَنْ سَنَّ فِي الْإِسْلَامِ سُنَّةً) adalah melakukan sesuatu

yang boleh diikuti oleh orang lain. Setiap yang orang melakukan sesuatu perkara kemudian diikuti oleh orang lain dikatakan sebagai (هُوَ الَّذِي سَنَّ), iaitu dia yang mula-mula melakukannya agar diikuti¹⁹³.

Berikut dibentangkan maksud *al-sunnah* dari sudut istilah pula. Menurut para ulamak *uṣūl al-fiqh*, *al-sunnah* bermaksud :

كُلُّ مَا صَدَرَ عَنِ الرَّسُولِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ قَوْلٍ أَوْ فَعْلٍ أَوْ تَقْرِيرٍ

"Sesuatu yang datang daripada Nabi SAW dalam bentuk perkataan atau perbuatan atau perakuan"¹⁹⁴.

Bagi ahli hadis pula, *sunnah* ialah :

¹⁹² al-Nawawi, Abī Zakariyyā Yahyā ibn Syarīf al-Dimashqī, *op.cit.*, : *Kitāb al-Zakāh, Bāb al-Hathu ‘Alā al-Ṣadaqah walau bi Syaqqa Tamrah aw bi Kalimah Tayyibah*, jld. 7, ms. 105-106.

¹⁹³ Badrul Munir Muhamad Nur (Dr.) (2005), *Kedudukan al-Sunnah Dalam Sintaksis Arab*, Kuala Lumpur : Unit Penerbitan KUIM, cet. 1, ms. 48.

¹⁹⁴ al-Zuhaylī, Wahbah (2005M/1426H), *op.cit.*, juz. 1, ms. 432.

هي كل ما أثر عن الرسول صلى الله عليه وسلم من قول أو فعل أو تقرير أو صفة خلقية أو خلقية أو سيرة سواءً كان ذلك قبلبعثة كتحنته في غار حراء أم بعدها.

“Sesuatu yang disandarkan kepada Nabi SAW baik berupa perkataan, perbuatan, pengakuan, sifat-sifat fizikal, akhlak, sirah perjalanan sama ada sebelum dibangkitkan menjadi rasul seperti peristiwa di dalam gua Hira’ atau sesudahnya¹⁹⁵”.

Mengikut istilah para fuqaha, *sunnah* ialah :

ما كان من العبادات نافلة منقوله عن النبي صلى الله عليه وسلم أي ما ليس بواجب منها

“Setiap ibadat sunat yang diambil dari Nabi SAW iaitu selain daripada ibadat-ibadat yang diwajibkan¹⁹⁶”.

Setelah dibentangkan pengertian *sunnah* di atas, maka jelaslah bahawa *al-sunnah* secara umum merupakan perkataan yang bertentangan dengan *bid‘ah*. Perkara ini telah mendapat perhatian para ulamak dalam memberi maksud lain bagi *sunnah*¹⁹⁷.

Namun begitu, golongan yang membahagikan *bid‘ah* kepada *ḥasanah* dan *sayyi‘ah*, tidaklah bermaksud *bid‘ah* itu hanya membawa kepada satu pengertian semata-mata iaitu setiap yang berlawanan dengan *sunnah*. Sebagai contoh pembinaan jambatan dan lain-lain isu yang berhubungkait dengan pembangunan umat adalah dikira juga sebagai *bid‘ah*, tetapi walaupun begitu, ia dikategorikan sebagai *bid‘ah ḥasanah*. Dalam masa yang sama mereka tidak juga menafikan

¹⁹⁵ Muḥammad ‘Ajjāj al-Khaṭīb (Dr.) (2001M/1421H), *Uṣūl al-Hadīth ‘Ulūmuḥ wa Muṣṭalaḥuh*, Beirut : Dār al-Fikr, ms. 19.

¹⁹⁶ Al-Zaydan, ‘Abd al-Karim (Dr.), *op.cit.*, ms. 165.

¹⁹⁷ Al-Qaradāwī, Yūsuf (Dr.) (1999), *Al-Sunnah wa al-Bid‘ah*, Qāhirah : Maktabah Wahbah, ms. 8. Asmawi Haji Ehsan (2003), *Ilmu Hadith : Hadith Sebagai Sumber Hukum Islam*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa & Pustaka, cet. 1, ms. 4.

tentang kewujudan perkara yang dimaksudkan dalam hadis bahawa *bid'ah* berlawanan dengan *al-sunnah*, melainkan mereka menamakannya sebagai *bid'ah dalālah*¹⁹⁸.

Perlu difahami bahawa seruan merintis atau mengasaskan *sunnah* yang baik adalah terbuka luas. Berikut dinyatakan dalil-dalil yang memberi kebenaran dalam mengadakan *al-sunnah* yang baik secara bebas tanpa ada sebarang halangan.

مَنْ دَعَا إِلَى هُدًىٰ كَانَ لَهُ مِنْ الْأَجْرٍ مِثْلُ أَجْوَرِ مَنْ تَبَعَهُ لَا يَنْقُصُ ذَلِكَ مِنْ أَجْوَرِهِمْ شَيْئًا وَمَنْ دَعَا إِلَى ضَلَالٍ كَانَ عَلَيْهِ مِنْ الْإِيمَنِ مِثْلُ آثَامٍ مَنْ تَبَعَهُ لَا يَنْقُصُ ذَلِكَ مِنْ آثَامِهِمْ شَيْئًا.

“Sesiapa yang menyeru kepada hidayah, maka akan diberikan pahala sebanyak pahala orang yang menurutinya dan tidak sedikit pun kurang daripada pahala mereka itu. Sesiapa yang menyeru kepada kesesatan dia diberikan dosa sebanyak dosa-dosa mereka yang menurutnya dan tidak sedikit pun kurang daripada dosa-dosa mereka itu”¹⁹⁹.

مَنْ دَلَّ عَلَىٰ خَيْرٍ فَلَهُ مِثْلُ أَجْرٍ فَاعْلِمْ

“Sesiapa yang menunjuk ke arah kebaikan, maka baginya pahala seperti orang yang melakukannya”²⁰⁰.

Dalam menghalusi makna *sunnah* dan *bid'ah*, bukanlah bermakna sesuatu perkara yang diada-adakan tidak boleh diterima langsung kerana tidak pernah diamalkan atau wujud pada zaman Nabi SAW dan para sahabat. Namun, penolakan amalan yang dilabel sebagai *bid'ah* adalah kerana percanggahan

¹⁹⁸ ‘Izzat, ‘Alī ‘Atīyyah, *op.cit.*, ms. 160.

¹⁹⁹ al-Nawawi, Abi Zakariyyā Yahyā ibn Syarf al-Dimasyqī (2000/1421H), *op.cit.*, *Kitāb al-‘Ilm : Bāb Man Sanna Sunnatān Ḥasanatān aw Sayyiatañ*, Beirut : Dār al-Ma’rifah, cet. 7, jld. 16, no. 6745, ms. 444.

²⁰⁰ *Ibid.* : *Kitāb al-Jihād : Bāb : Faḍl I’ānah al-Ghāzī fī Sabīl Allāh bi markūb wa ghayrih, wa khilāfatihi fī Ahlihi bi khayr*, jld. 13, no. 4876, ms. 41.

dengan *nass*, prinsip syariat dan kaedah *isti'ibāt*. Percanggahan terhadap perkara tersebut yang mengeluarkan sesuatu dari syariat Nabi SAW wajar disebut sebagai *bid'ah dalālah* bukannya *bid'ah ḥasanah*²⁰¹.

1.9 Kesimpulan

Para sarjana hukum Islam menerima aplikasi *maṣlaḥah* dalam pembinaan hukum. Namun begitu, mereka hanya berbeza dari sudut pendekatan aplikasi melalui prosedur tertentu dan istilah yang tersendiri. Setelah menelusuri konsep *maṣlaḥah* secara terperinci di atas dapatlah dinyatakan bahawa *maṣlaḥah* yang dibincang dan dimaksudkan adalah merujuk kepada *maṣlaḥah mursalah*. Dari sudut pengamalannya terdapat juga sebahagian sarjana hukum Islam yang menolak aplikasi *maṣlaḥah* dalam pembinaan hukum atas dasar berbaur dengan hawa nafsu dan keinginan. Setelah dikaji, penolakan mereka adalah disebabkan istilah yang diguna dan bukannya konsep yang terima dalam *maṣlaḥah*.

Setelah diteliti konsep *bid'ah* secara terperinci, *maṣlaḥah* sebenarnya mempunyai hubungan yang rapat dengan *bid'ah ḥasanah*. Perbezaan yang berlaku hanyalah dari sudut tanggapan makna, iaitu ada golongan yang meluaskan dan ada yang menyempitkan pemakaianya.

Pemakaian *maṣlaḥah* sebagai prinsip utama dalam penilaian hukum Islam semasa amat bertepatan dengan prinsip syariah yang meraikan kehidupan masyarakat yang sentiasa berkembang dan berubah berdasarkan kedudukan

²⁰¹ Sayyid Muḥammad ‘Alawī al-Mālikī (1419H), *op.cit.*, ms. 363.

zaman dan tempat. Oleh itu, tanpa *maṣlaḥah*, para sarjana hukum Islam akan berhadapan dengan kesulitan dalam membina hukum Islam yang relevan dan menyentuh segala aspek kehidupan.

Melalui aplikasi *maṣlaḥah* dalam pembinaan hukum Islam, pastinya hukum tersebut tidak kaku dan tidak sulit, sebaliknya sesuai dengan hal ehwal semasa masyarakat. Namun ianya tidaklah bebas tanpa sebarang piawaian seperti mana yang telah ditetapkan oleh para sarjana hukum Islam.

BAB DUA

AMALAN SAMBUTAN MAULIDUR RASUL DI MALAYSIA

2.1 Pendahuluan

Bab ini akan mengupas tentang pengertian maulidur rasul terlebih dahulu supaya konsep sambutan tersebut difahami dengan baik. Kemudiannya penulis menyingkap sorotan sejarah dan asal usul sambutan maulidur rasul yang pernah diadakan di Timur Tengah.

Seterusnya, sambutan maulidur rasul akan dilihat dalam konteks sebagaimana lazim yang dilakukan oleh rakyat di Malaysia. Penulis juga akan memperincikan jenis aktiviti yang dilakukan sepanjang sambutan tersebut dilangsungkan.

2.2 Pengertian Maulidur Rasul

Dalam bahasa Arab perkataan maulid berasal dari kata dasar ‘ولد’ yang bermaksud lahir. Orang yang melahirkan atau ibu disebut ‘والدة’، ayah kepada bayi disebut ‘والد’ dan bayi yang dilahirkan disebut ‘مولود’. Manakala ‘مولى’

mencakupi pengertian unsur waktu kelahiran terjadi, maka disebut sebagai hari kelahiran¹.

Menurut Kamus Dewan pula, perkataan maulidur rasul bermaksud ulang tahun hari keputeraan Rasulullah. Sementara perkataan maulud bermaksud perayaan untuk menyambut hari lahir Nabi Muhammad pada 12 Rabiul al-Awwal². Namun begitu, maksud perkataan maulud yang diberikan adalah kurang tepat sekiranya dirujuk dalam penggunaan bahasa arab.

Manakala dari sudut istilah bermaksud majlis perhimpunan orang ramai yang di dalamnya dibacakan ayat-ayat suci al-Quran, didengarkan hadis-hadis dan kisah-kisah yang berkaitan tentang kelahiran, kesempurnaan, perjuangan dakwah baginda SAW dan sebagainya. Seterusnya diadakan juga selawat bagi memuji baginda SAW, berdoa untuk kesejahteraan masyarakat Islam dan diakhiri dengan kenduri atau jamuan makan³.

Demikianlah tujuan majlis ini diadakan untuk membangkitkan babit-babit kecintaan terhadap junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Daripada rasa cinta dan kasih ini, seseorang akan lebih terdorong untuk mengikut jejak langkah

¹ Ibn Manzūr (1957), *Lisān al-'Arab*, Beirut : Dār al-Fikr, jld 15, ms. 467.

² Hajah Noresah Baharom *et.al.* (2005), *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, cet. 4, ms 1009. Menurut Ahmad al-Syarbāṣī para ulamak tidak bersepakat dalam menentukan tarikh maulidur rasul, tetapi yang masyhur di kalangan kaum muslimim ialah dua belas Rabiul Awwal. Dalam riwayat yang lain, terdapat tarikh maulidur rasul dinyatakan pada sembilan dan ada yang tujuh Rabiulawwal. Jika dirujuk kepada kitab “*Nata'ij al-Aḥfām*” yang dikarang oleh al-Marhum Maḥmūd Basya al-Falaki dalam bahasa Perancis dan telah diterjemahkan ke dalam bahasa Arab oleh Ahmad Zaki yang menjelaskan taqwim Arab sebelum Islam dan telah mentahqiqkan tarikh maulidur rasul. Beliau telah membentangkan pendapat-pendapat yang menentukan tarikh maulid, seterusnya beliau menentukan tarikh maulidur rasul dengan kaedah sejarah dan ilmu falak iaitu pada hari Isnin, sembilan Rabiul Awwal, bersamaan 20 April tahun 571 masihi. Lihat : al-Syarbāṣī, Ahmad (t.t), *Yas'alūnak fī al-Dīn wa al-Hayāt*, Beirut : Dār al-Jīl, jld. 3, ms.313-314.

³ 'Abd Allāh al-Ḥusaynī al-Makkī al-Ḥāsyimī (1996), *al-Iḥtifāl bi al-Mawlid al-Nabī bayn al-Muayyidīn wa al-Mua'āridīn Munāqashāt wa Rudud*, t.pt., t.pt., ms. 49.

baginda SAW. Justeru itu, ia merupakan suatu amalan yang mendatangkan kebaikan dan diberikan ganjaran pahala apabila dilakukan, selagi mana tiada percampuran dengan perkara-perkara yang diharamkan.

2.3 Sorotan Sejarah Sambutan Maulidur Rasul

Di sini dibawakan sorotan berkaitan sejarah sambutan maulidur rasul yang disambut oleh umat Islam seluruh dunia. Sejarah sambutan ini diklasifikasikan kepada dua bahagian iaitu sambutan yang berlaku di Timur Tengah dan sambutan di Malaysia.

2.3.1 Sorotan Sambutan Di Timur Tengah

Menurut al-Syaikh ‘Alī Maḥfūz, ada diceritakan individu yang pertama kali mengadakan sambutan maulidur rasul ialah para Khālidah Bani Fātimiyah di Qāhirah pada abad keempat Hijriyyah. Mereka merayakan perayaan *bid‘ah* enam mawlid, iaitu: maulid Nabi SAW, maulid Imām ‘Alī r.a, maulid al-Sayyidah Fātimah al-Zahra’ r.ha, maulid al-Ḥasan dan al-Ḥusayn dan maulid Khalifah yang sedang berkuasa. Perayaan tersebut terus berlangsung dalam pelbagai bentuk sehingga dilarang pada zaman pemerintahan al-Afḍal Amīr al-Juyūsy. Perayaan ini kemudian dihidupkan kembali di zaman pemerintahan al-Hakim bin Amr Allāh pada tahun 524 Hijrah setelah masyarakat hampir melupakannya⁴.

⁴ ‘Alī Maḥfūz, al-Syaikh (2001M/1422H), *al-Ibdā‘ fī Maqādīr al-Ibtidā‘*, Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, cet. 1, ms.250.

Manakala menurut al-Suyūṭī pula, orang yang memulakan sambutan maulidur rasul adalah penduduk Irbil iaitu al-Malik al-Muzfar Abū Sa'īd Kawkubrā ibn Zaynuddīn 'Alī ibn Tabaktakin⁵ yang merupakan raja negeri al-Amjad⁶.

Ketika hayat al-Malik al-Muzfar, beliau sering merayakan hari maulidur rasul pada bulan Rabiul Awwal dengan sambutan secara besar-besaran. Pada suatu ketika, al-Syaikh Abū al-Khaṭṭāb ibn Daḥiyah telah mengarang kitab yang berjudul *al-Tanwīr fī Mawlid al-Bashīr al-Nadhīr* untuk al-Muzfar. Kitab ini mengisahkan tentang kelahiran Nabi S.A.W. dan sebagai ganjarannya, al-Muzfar telah mengurniakan wang berjumlah seribu dinar kepada al-Syaikh Abū al-Khaṭṭāb⁷.

Ibn Kathīr juga ada menceritakan bahawa majlis tersebut turut dihadiri oleh tokoh-tokoh ulamak dan ahli ṣūfī. Seterusnya merakamkan bahawa al-Malik al-Muzfar juga telah menyediakan jamuan makan dengan pelbagai juadah dalam kuantiti yang banyak untuk dinikmati oleh orang ramai.⁸

⁵ Nama penuhnya ialah al-Malik al-Muzfar Abū Sa'īd Kawkubrā ibn Zaynuddīn 'Alī ibn Tabaktakin. Beliau adalah salah seorang pemimpin yang dermawan lagi terpuji. Dari sudut ketrampilan diri yang lain, al-Muzfar adalah seorang pemerintah yang gagah berani, bijak lagi adil. Beliau banyak meninggalkan peninggalan yang baik-baik. Malah telah membangunkan Masjid al-Muzfiri di Safaḥ Qāsayūn. Tempoh pemerintahan beliau pada zaman al-Dawlah al-Salāhiyyah mengambil masa yang agak lama. Malah beliau pernah turut terlibat di dalam pengepungan 'Ukka sehingga ke tahun ini dan mempunyai riwayat hidup yang terpuji. Beliau meninggal dunia di benteng Irbil. Sebelum meninggal dunia, beliau telah mewasiatkan agar jenazahnya dibawa ke Makkah. Namun, wasiat tersebut tidak dapat ditunaikan. Sebaliknya jenazah beliau dikebumikan di Masyad 'Alī.

⁶ al-Suyūṭī, al-Imām al-Ḥāfiẓ Jalāl al-Dīn 'Abd al-Raḥmān bin Abī Bakr (1992), *al-Hāwi lī al-Fatāwī: Ḥusn al-Maqṣad fī 'Amal al-Mawlid*, Beirut : Dār al-Jīl, ms. 189.

⁷ Ibn Kathīr, Abū al-Fidā' al-Ḥāfiẓ Ismā'īl (1966), *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, Beirut : Maktabah al-Ma'ārif, ms. 137.

⁸ *Ibid.*

Demikianlah sorotan sejarah secara ringkas mengenai sambutan maulidur rasul yang telah berlaku di Timur Tengah. Sambutan ini mula berlaku selepas abad ke 3 Hijrah sehingga sekarang masyarakat Islam di seluruh dunia menyambutnya sebagai acara tahunan. Jelas sekali bahawa, sambutan majlis ini telah diadakan oleh orang terdahulu dengan sambutan yang begitu bermakna.

2.3.2 Sorotan Sambutan Di Malaysia

Sambutan maulidur rasul merupakan satu amalan tradisi masyarakat Islam di Malaysia untuk memperingati hari keputeraan junjungan besar Nabi SAW. Amalan ini telah dilakukan oleh para ulama silam dan diwarisi zaman-berzaman hingga kepada masyarakat Islam pada hari ini⁹.

Secara umum, majlis sambutan maulidur rasul adalah salah satu cara untuk mendekatkan umat Islam kepada ajaran Nabi Muhammad SAW kerana di dalam majlis tersebut mengandungi pelbagai unsur positif meningkatkan keimanan dan ketakwaan seperti puji-pujian dan selawat kepada baginda Rasulullah SAW, ceramah mengenai sirah perjuangan baginda SAW dan sebagainya¹⁰.

Sambutan ini juga merupakan satu cara pendidikan secara tidak langsung mengingati peranan baginda SAW membawa kebaikan dan kebajikan kepada manusia, selain menarik manusia ke jalan kebaikan dan kebajikan. Inilah matlamat sebenar sambutan maulidur rasul yang diadakan selama ini¹¹.

⁹ Jainal Sakiban al-Jauhari (2009M/1430H), *Al-Bayan 1 : Sambutan Maulidur Rasul Bid‘ah Dhalalah?*, Johor : Majlis Agama Islam Negeri Johor, cet. 2, ms. 1.

¹⁰ *Ibid.*, ms. 2.

¹¹ *Ibid.*, ms. 3.

Kerajaan Malaysia turut memberi perhatian khusus dalam menyambut hari ulang tahun keputeraan Nabi SAW yang juga lebih dikenali dengan sambutan maulidur rasul. Ini dapat dilihat dengan sambutan di pelbagai peringkat bermula dari kariah, mukim, daerah, negeri sehingga ke peringkat kebangsaan setiap tahun pada bulan Rabiul Awwal. Boleh dinyatakan di sini bahawa sambutan maulidur rasul telah menjadi salah satu acara tahunan di Malaysia¹².

Dalam era tahun awal 50an hingga 80an, sambutan majlis ini telah dilakukan dengan cara tradisional seperti berzanji, tilawah al-Quran, tahlil dan jamuan kenduri yang kebiasaannya dilaksanakan di surau, masjid, dewan, dan di tempat-tempat umum yang lain¹³.

Namun begitu, perkembangan semasa telah mempengaruhi acara sambutan ini kepada bentuk baru seperti mengadakan persembahan nasyid, perbincangan ilmiah dalam bentuk forum, ceramah, kuliah, tazkirah, perarakan sambil berselawat, mewujudkan Anugerah Tokoh Maulidur Rasul dan sebagainya. Semuanya ini adalah cara masyarakat Islam di Malaysia memperingati, mengagung, dan memuliakan Nabi SAW¹⁴.

Di peringkat kebangsaan, sambutan majlis maulidur rasul, telah dikendalikan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia¹⁵ (JAKIM). Bahagian

¹² Sila lihat Berita Harian, Isnin, 12 Mei 2003, “Maulidur Rasul Perkukuh Kasih Terhadap Nabi Muhammad”, ms. 6.

¹³ <http://jaip.pahang.gov.my/jaip> (20 November 2007).

¹⁴ Sila lihat Berita Harian, Isnin, 12 Mei 2003, “Seri Paduka sempurnakan sambutan Maulidur Rasul”, ms. 6.

¹⁵ Pada tahun 1968, persidangan Majlis Raja-Raja Malaysia telah memutuskan bahawa perlunya suatu badan bagi menggembungkan usaha pembangunan dan kemajuan umat Islam di Malaysia, selaras dengan taraf negara Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang semakin kukuh serta mendapat perhatian dunia antarabangsa. Menyedari hakikat itu, satu urusetia kepada Majlis

JAKIM yang bertanggungjawab dan bertindak secara langsung sebagai urusetia sambutan ini ialah Cawangan Sambutan dan Persidangan, Bahagian Keurusetiaan dan Perhubungan Antarabangsa¹⁶. Dalam sambutan setiap tahun penentuan tema¹⁷ telah ditetapkan oleh JAKIM bagi memastikan objektif tertentu tercapai dan dihayati¹⁸.

Bagi JAKIM, majlis sambutan maulidur rasul adalah salah satu usaha meninggikan syiar Islam, selain untuk meningkatkan kesedaran keislaman kepada masyarakat dan generasi muda Islam, ia juga untuk memperlihatkan kepada masyarakat bukan Islam di dalam dan luar negara tentang ketinggian dan kemulian Islam dari segi keagamaan, perpaduan, keindahan, kegemilangan sejarahnya dan pengaruhnya di gugusan nusantara dan antarabangsa¹⁹.

Sambutan seperti ini adalah unsur pendidikan tidak formal yang sangat penting bagi menimbulkan rasa cinta kepada Allah, kasihikan Rasulullah SAW dan semangat untuk mematuhi ajaran-ajaran Islam yang terkandung di dalam al-Quran dan Sunnah.

Kebangsaan Hal-Ehwal Ugama Islam Malaysia telah ditubuhkan, bagi memelihara kesucian akidah dan ajaran Islam. Urusetia ini kemudiannya telah dikembangkan sebagai Bahagian Ugama, Jabatan Perdana Menteri yang kemudiannya dinaikkan taraf sekali lagi menjadi Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS). Pada 1 Januari 1997, selaras dengan pembangunan dan kemajuan Islam yang bertambah mantap di negara ini, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia(JAKIM) ditubuhkan oleh kerajaan Malaysia sebagai mengambil alih kuasa dan peranan (BAHEIS). Sila lihat dalam <http://www.islam.gov.my/portal/sejarah.php> (14 Julai 2010)

¹⁶ Sila lihat dalam <http://www.islam.gov.my/urusetia/cawangan.html> (14 Julai 2010)

¹⁷ Tema 2010 ialah Memantap Ukuwashah Memperkasa Ummah. Tema 2009 ialah Wahdah Pemangkin Khaira Ummah. Tema 2008 ialah Menjana Ummah Gemilang. Tema 2007 ialah Insan Cemerlang, Ummah Terbilang. Tema 2006 ialah Keunggulan Ilmu Teras Kegemilangan Ummah.

¹⁸ Lihat Buletin Suara Masjid, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, bil. 41, thn. 6, ms. 6. Sila lihat Ramlah Yong *et.al.* (2004), *Risalah Khas Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan Bagi Tahun 1425H : Rasulullah SAW Pemimpin Cemerlang dan Terbilang*, Putrajaya : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

¹⁹ Sila lihat laman web <http://www.islam.gov.my/e-rujukan/lihat.php?jakim=464> (23 Julai 2010)

Manakala di peringkat negeri pula, sambutan ini telah dikendalikan oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) masing-masing²⁰. Kemudian peranan MAIN dan JAIN untuk menyemarakkan dan memantau sambutan ini di pelbagai peringkat seperti kariah, mukim, daerah.

Demikianlah pelbagai agensi yang terlibat dan aktiviti yang telah diadakan sebagai suatu usaha dakwah yang perlu diteruskan dalam memartabatkan syiar, meningkatkan kefahaman dan menyebar luaskan ajaran Islam yang suci lagi murni²¹.

Sambutan maulidur rasul di peringkat kebangsaan pada tahun 2010 bersamaan 1431 H telah diadakan pada tanggal 26 Februari 2010 bertemakan ‘Memantap Ukhuwah, Memperkasa Ummah’. Majlis dimulakan dengan perarakan dengan penyertaan 106 kontinjen yang melibatkan 6979 orang peserta. Perarakan bermula dari Istana Kehakiman hingga ke Dataran Putra, kemudian diteruskan di Masjid Putra sebagai simbolik bagi mengingati perjuangan Nabi Muhammad SAW menyampaikan risalah kepada umat Islam²².

Timbalan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Muadzam Shah turut berkenan ke majlis tersebut. Dalam majlis tersebut baginda telah bertitah umat Islam perlu mengukuhkan persaudaraan, membina perpaduan dan meningkatkan pencapaian agar terus menjadi umat yang terbilang. Sehubungan

²⁰ Ini merupakan suatu keunikan di Malaysia, kerana pentadbiran dan pengurusan berkaitan Hal-Ehwal Agama Islam diuruskan oleh negeri masing-masing yang mana Sultan menjadi ketua agama di setiap negeri. Namun begitu, telah wujud suasana penyelarasan dan pemusatan program-program agama yang dikendalikan oleh JAKIM. Sila lihat dalam <http://www.islam.gov.my/portal/sejarah.php> (14 Julai 2010)

²¹ Sila lihat Berita Harian, Isnin, 12 Mei 2003, “Kepimpinan Muhammad Turut Diakui Musuh”, ms. 6.

²² <http://www.utusan.com.my> Arkib:27/02/2010, Sambutan Maulidur Rasul Meriah. (16 Jun 2010)

itu, baginda bertitah umat Islam perlu mengambil iktibar daripada peristiwa lampau dan menjadikan Nabi Muhammad SAW sebagai contoh dalam kehidupan agar benar-benar menjadi mukmin yang hebat. Turut hadir Sultanah Kedah Tuanku Hajah Haminah Hamidun, Perdana Menteri Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor serta Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin dan isteri Puan Sri Noorainee Abdul Rahman²³.

Menurut Ustaz Azhar bin Tuarno²⁴, sambutan maulidur rasul juga turut diadakan di Masjid Negara Malaysia pada setiap tahun. Bagi inisiatif pihak pentadbiran Masjid Negara sendiri pada tahun 2010 telah mengadakan ceramah dan berselawat ke atas Nabi S.A.W. secara beramai-ramai sebagai pengisian kepada masyarakat setempat bertarikh 25 Februari 2010. Acara ini telah diadakan selepas solat maghrib, diikuti dengan ceramah maulidur rasul yang disampaikan oleh Ustaz Mohd Khairuddin Aman Razali at-Takiri²⁵ dan disusuli pula dengan selawat beramai-ramai di dalam masjid.

Seterusnya Ustaz Azhar bin Tuarno juga menjelaskan bahawa Masjid Negara Malaysia juga pernah mengadakan kerjasama dengan pertubuhan Amanah al-Wariseen²⁶ untuk menganjurkan sambutan maulidur rasul pada tahun 2010

²³ *Ibid.*

²⁴ Beliau ialah Penolong Pengarah Perhubungan Awam dan Pusat Sumber merangkap Imam Masjid Negara. Temu ramah bersama beliau telah diadakan pada 23 Jun 2010 (Rabu), pukul 5:15 petang – 5:45 petang di pejabat Masjid Negara.

²⁵ Beliau berkelulusan Sarjana Muda dan Sarjana Bahasa dan Kesusastraan Arab dari Universiti Jordan dan Universiti Al Bayt Jordan. Beliau juga merupakan selebriti yang selalu keluar dalam rancangan televisyen Tanyalah Ustaz di TV9.

²⁶ Amanah al-Wariseen ditubuhkan pada tanggal 28 April 2007 bersempena sambutan Maulidur Rasul S.A.W. di Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Amanah al-Wariseen adalah sebuah badan amanah persendirian yang ditubuhkan bertujuan untuk membantu golongan yang memerlukan di samping meningkatkan syiar Islam melalui program-program keagamaan seperti sambutan maulidur rasul dan sebagainya. Lanjut sila lihat <http://www.alwariseen.org/> (15 Julai 2010).

secara besar-besaran²⁷. Sambutan maulidur rasul tersebut telah diadakan selama dua hari pada 15 dan 16 Mei 2010²⁸.

Majlis tersebut terbuka kepada orang awam dan telah dihadiri oleh lebih 15,000 orang pengunjung yang telah datang pada hari tersebut dari pelbagai negara seperti Malaysia, Singapura, Indonesia, Brunei dan Timur Tengah. Majlis ini juga turut dimeriahkan lagi dengan keberangkatan tiba Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni al-Marhum Sultan Mahmud al-Muktafi Billah Shah. Antara lain yang menyerikan lagi majlis tersebut ialah kehadiran penceramah-penceramah yang terdiri daripada ulama-ulama terkenal dari seluruh negara Islam iaitu Prof. Dr. Ahmad al-Qubaysi²⁹, Prof. Dr. Ahmad ‘Umar Hashim³⁰, Ḥabīb ‘Umar Ḥamīd al-Jailānī³¹,

²⁷ Majlis ini turut mengadakan sekali ḥaul al-Syaikh ‘Abd al-Qadir al-Jailānī.

²⁸ Majlis ini merupakan sambutan kali kedua diadakan di Masjid Negara Malaysia pada tahun 2010. Kali pertama telah diadakan pada tanggal 11 April 2009.

²⁹ Beliau telah dilahirkan di al-Anbar, selatan Iraq pada tahun 1934. Beliau merupakan seorang ulama *sunnī* terkenal bukan sahaja di Iraq, tetapi juga di seluruh negara-negara Arab. Selain dari itu, beliau juga merupakan pengurus Persatuan Ulama Iraq, pengurus dan pengasas Fakulti Pengajian Islam Universiti Emirates, pengurus Jabatan Syariah Kolej Perlembagaan Iraq, ahli Majlis Tertinggi Universiti Islam Madinah dan juga merupakan jemputan tetap untuk sebuah rancangan televisyen berunsurkan syariah Islam di Dubai.

³⁰ Beliau adalah mantan rektor Universiti al-Azhar di Kaherah, Mesir. Kini beliau merupakan ahli Institut Kajian Islam di Universiti al-Azhar dan juga presiden Majlis Islam di Mesir. Beliau telah menerima pengiktirafan dari Mesir bagi kerja-kerja dan kajian berkaitan dengan Islam dan adalah pemegang Ijazah Kelas Pertama di dalam bidang Sains dan Kesenian. Beliau juga banyak menghasilkan karya lebih 90 judul buku di dalam pelbagai subjek berkaitan Islam.

³¹ Beliau merupakan presiden untuk Lembaga Amanah di Universiti al-Ahqaf, Hadramaut, Yaman. Beliau juga menyandang jawatan bagi Fakulti Pengajian al-Quran dan Hafazan. Kini beliau aktif menjadi pensyarah jemputan dan memberikan syrahan-syrahan di dalam jurusan syariah khususnya aliran mazhab Syafie di dalam bidang undang-undang Islam.

Sayyid Abbās al-Maliki al-Hasani³², Dr. Muhammad Uthman El Muhammady³³, Syed Hasan al-Kaf³⁴ dan Haji Fareed Ahmad Hussain³⁵.

Aturcara majlis pada tanggal 15 Mei 2010 dimulakan pada pukul 4:45 petang dengan ketibaan orang ramai. Pada pukul 5:00 petang diteruskan dengan bacaan selawat dan doa pembukaan oleh Pengerusi Amanah al-Wariseen iaitu Syaikh Maulanā ‘Afīf al-Dīn ‘Abd Qadīr al-Jailānī. Pada pukul 5:15 petang diteruskan dengan bacaan al-Quran oleh qari jemputan iaitu Haji Fareed Ahmad Hussain. Seterusnya pada pukul 5:20 petang, ucapan alu-aluan disampaikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Majlis Maulidur Rasul 2010 iaitu Tuan Haji Abdul Rashid bin Mohamad Isa al-Qadiry. Pada pukul 5:25 petang diteruskan lagi dengan ceramah pertama yang disampaikan oleh Dr. Muhammad Uthman El Muhammady. Pada pukul 5:40 petang diteruskan dengan qasidah yang didendangkan oleh Syed Hasan al-Kaf, Haji Fareed Ahmad Hussain dan diiringi kumpulan al-Banjari. Pada pukul 6:10 petang disambung dengan ceramah kedua oleh Ḥabīb ‘Umar Hamid al-Jailānī. Pada pukul 6:50 petang sekali lagi dialunkan bacaan selawat oleh kumpulan Firqatul Huda daripada Singapura³⁶.

³² Beliau dilahirkan di Mekah dan telah menamatkan pengajian beliau di bawah bimbingan serta ajaran dari beberapa ulama terkenal. Bapa beliau merupakan seorang cendikiawan Islam Mekah. Beliau telah menubuhkan dan mengetuai sebuah institut yang dikhurasukan untuk pengajian dan pembelajaran berkenaan kehidupan Rasulullah S.A.W.

³³ Beliau merupakan Fellow Kehormat Institut Kefahaman Islam Malaysia, Kuala Lumpur pada tahun 1995. Kini beliau adalah Fellow Amat Utama Akademik Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC). Beliau juga merupakan salah seorang ahli Pemegang Amanah Yayasan Karyawan Kuala Lumpur.

³⁴ Beliau berasal dari Solo, Indonesia dan mendalami pengajian Islam di Yaman serta Arab Saudi. Keistimewaan beliau ialah ialah mahir dalam penyampaian Qasidah Burdah iaitu syair yang memuji dan menggambarkan kelebihan dan keistimewaan Rasulullah S.A.W. Kini beliau menguruskan sebuah sekolah agama di Solo, Indonesia.

³⁵ Beliau berasal dari Iraq dan merupakan seorang guru al-Quran di Iraq serta Syria. Beliau juga turut dikenali ramai sebagai seorang qari dan bilal serta sering dijemput untuk menjadi hakim di majlis-majlis tilawah al-Quran di sekitar Iraq dan Syria.

³⁶ Maklumat ini diperolehi hasil temu bual bersama Ustaz Azhar Tuarno. Beliau ialah Penolong Pengarah Perhubungan Awam dan Pusat Sumber merangkap Imam Masjid Negara. Temu ramah

Seterusnya majlis diteruskan lagi dengan keberangkatan tiba Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni al-Marhum Sultan Mahmud al-Muktafi Billah Shah ke Masjid Negara pada pukul 7:00 malam. Pada pukul 7:20 malam solat maghrib berjamaah dilaksanakan dengan diimamkan oleh Imam Besar Masjid Negara iaitu Tan Sri Shaikh Ismail Muhammad. Seusai solat maghrib berjamaah, majlis diteruskan pada pukul 7:40 malam dengan ucapan merafak sembah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong oleh Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Majlis Maulidur Rasul 2010 iaitu Tuan Haji Abdul Rashid bin Mohamad Isa al-Qadiry. Pada pukul 7:45 malam diteruskan dengan bacaan qasidah oleh Prof. Dr. Ahmad ‘Umar Hashim. Pada pukul 7:55 malam pula ceramah ketiga yang disampaikan oleh Prof. Dr. Ahmad al-Qubaysi³⁷.

Pada pukul 8:33 malam diberi laluan azan isyak berkumandang dan diteruskan sejurus selepas itu dengan bacaan al-Diba‘i oleh Habib Hassan bin Mohammed Salim al-Attas daripada Singapura. Pada pukul 9:00 malam diadakan ucapan penutup dan doa oleh Pengerusi Amanah al-Wariseen iaitu Syaikh Maulanā ‘Afīf al-Dīn ‘Abd Qadīr al-Jailānī. Selepas itu, para hadirin mendirikan solat isyak berjamaah dengan sekali lagi diimamkan oleh Imam Besar Masjid Negara iaitu Tan Sri Shaikh Ismail Muhammad pada pukul 9:15 malam. Majlis diteruskan lagi dengan penyampaian cenderahati kepada penaja-penaja sambutan maulidur rasul 2010 dan jamuan makan malam. Pada pukul 10:00 malam para hadirin mula bersurai³⁸.

bersama beliau telah diadakan pada 23 Jun 2010 (Rabu), pukul 5:15 petang – 5:45 petang di pejabat Masjid Negara.

³⁷ *Ibid.*

³⁸ *Ibid.*

Pada tanggal 16 Mei 2010 majlis dimulakan seawal jam 4:45 petang dengan ketibaan para hadirin. Pada pukul 5:00 petang diteruskan dengan ceramah pertama yang disampaikan oleh Prof. Dr. Ahmad al-Qubaysi dan disusuli dengan ceramah kedua pada pukul 6:00 petang oleh Prof. Dr. Ahmad ‘Umar Hashim dan Habib ‘Umar Hamid al-Jailani. Seterusnya diadakan bacaan qasidah burdah oleh Sayyid Abbas al-Maliki al-Hasani. Pada pukul 7:20 malam para hadirin solat maghrib berjamaah. Seusai solat, majlis diteruskan dengan ucapan penutup dan doa dari Pengerusi Amanah al-Wariseen iaitu Syaikh Maulana ‘Afif al-Din ‘Abd Qadir al-Jailani³⁹.

Ceramah-ceramah yang disampaikan adalah sekitar sirah, akhlak, sifat dan perjuangan Nabi Muhammad S.A.W. yang perlu dicontohi oleh umat Islam diseluruh dunia. Selain itu, majlis tersebut juga memperlihatkan dan menonjolkan kesenian Islam dalam memuji baginda S.A.W. melalui alunan syair, puisi dan qasidah dalam Barzanji, al-Diba'i dan selawat. Seterusnya majlis ini juga dijalankan dengan penuh tertib tanpa melanggar batasan syariat seperti percampuran lelaki dan perempuan kerana telah disediakan tempat tertentu. Akhir sekali, jamuan makan yang disediakan untuk para hadirin seramai 15000 orang adalah hasil sumbangan para dermawan yang membolehkan pelbagai lapisan masyarakat Islam menikmatinya tanpa mengira kaya atau miskin. Maka tidak timbul di sini pembaziran dalam penyediaan jamuan makan kerana yang dianjurkan adalah bersifat dermawan dan murah hati. Demikianlah aturcara yang telah diadakan sepanjang majlis sambutan maulidur rasul berlangsung di Masjid Negara bagi manfaat umat Islam di Malaysia⁴⁰.

³⁹ Ibid.

⁴⁰ Ibid.

Menurut Ustaz Mohd Ali bin Mohd Don⁴¹ yang pernah menyertai sambutan maulidur rasul di peringkat daerah Pasir Gudang, Johor anjuran Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang (PBTPG) adalah perlu diteruskan bagi menunjukkan syiar Islam. Sebagai penduduk daerah tersebut beliau telah mengikuti majlis maulidur rasul yang telah diadakan setiap tahun sejak tahun 1997 hingga ke tahun 2008. Antara acara yang diadakan ialah perarakan sambil berselawat, forum agama, bacaan barzanji, bantuan kepada orang miskin dan berakhiran dengan jamuan makan.

Menurut beliau lagi, di Johor sambutan maulidur rasul diadakan dalam empat bulan yang dikenali sebagai bulan maulid iaitu Rabiul Awwal, Rabiul Akhir, Jamadil Awwal dan Jamadil Akhir. Ini adalah bertujuan memberi peluang kepada semua lapisan masyarakat mengadakan sambutan maulidur rasul di pelbagai peringkat tanpa tertumpu pada tarikh dan bulan tertentu sahaja. Seterusnya dengan mengadakan sambutan di sepanjang bulan maulid tersebut menjadikan umat Islam tetap terus beribadah sepanjang tahun dengan mengingati peristiwa tertentu yang berada dalam setiap bulan-bulan Islam. Apabila masuk bulan Rejab umat Islam diingatkan dengan peristiwa Israk Mi'raj yang sinonim dengan kefarduan solat, di bulan Sya'ban pula pula menjadikan umat Islam bersedia untuk berpuasa sebulan di bulan Ramadan. Demikianlah pula pada bulan Syawal, Zulkaedah dan Zulhijjah menjadi bulan-bulan haji. Begitulah kitaran dua belas

⁴¹ Beliau merupakan pensyarah di Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam, UiTM Kampung Bandaraya Johor Bahru. Beliau juga merupakan penduduk di dalam daerah Pasir Gudang, Johor. Temu ramah bersama beliau telah diadakan pada 6 Julai 2010 (Selasa), pukul 12:00 tengahari – 12:30 tengahari di pejabat beliau.

bulan dalam Islam mengandungi peristiwa tertentu yang menjadikan umat Islam sentiasa dalam suasana beribadah tanpa berhenti⁴².

2.4 Amalan Bacaan Kitab Barzanji Di Kalangan Masyarakat Malaysia

Bacaan kitab barzanji telah masyhur di kalangan masyarakat Melayu dan telah menjadi tradisi masyarakat mengalunkan bacaan tersebut pada majlis mencukur rambut anak yang baru lahir, majlis perkahwinan dan terutama sekali ketika majlis sambutan maulidurrasul yang diadakan setiap tahun⁴³.

Ketibaan bulan kelahiran Nabi Muhammad SAW akan memeriah dan menghangatkan lagi pembacaan kitab barzanji di kalangan masyarakat Melayu di pelbagai peringkat lapisan masyarakat sebagai persembahan atau pertandingan.

Secara umumnya, kitab barzanji mengandungi ringkasan tentang keturunan, peristiwa semasa kelahiran dan tempoh pembesaran, sirah kehidupan, dakwah, peristiwa Israk Mi'raj, hijrah ke Madinah, bentuk tubuh badan, sifat-sifat baginda SAW dan sebagainya. Kitab ini dipersembahkan melalui susunan prosa yang indah dalam bentuk rangkap syair⁴⁴.

⁴² *Ibid.*

⁴³ Maklumat ini diperolehi hasil temu bual bersama Ustaz Yumni Ahmad. Beliau ialah pensyarah Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam di UiTM Kedah, beliau juga terlibat secara langsung dan aktif dengan aktiviti bacaan barzanji di negeri Kedah Darul Aman. Temu ramah bersama beliau telah diadakan pada 16 Jun 2010 (Rabu), pukul 2:00 petang – 2:30 petang di UiTM Dungun, Terengganu.

⁴⁴ Mohammad Fuad Kamaludin al-Maliki (2009), *Al-Bayan ke-8 : Barzanji Menurut Perspektif Islam*, Johor : Majlis Agama Islam Negeri Johor, cet. 2, ms. 7.

Bacaan barzanji yang dialunkan oleh masyarakat Melayu terdiri daripada dua jenis iaitu bacaan *al-barzanji nathar* (برزنجي نثر) karangan Syaikh Ja‘far al-Barzanji bermula pada muka surat 101 sehingga 126⁴⁵. Manakala jenis kedua pula ialah bacaan *al-barzanji nazam* (برزنجي نظم) karangan cicit Syaikh Ja‘far al-Barzanji iaitu Sayyid Zayn al-‘Ābidīn ibn Sayyid Muḥammad al-Hādī bermula dari muka surat 127 sehingga 133⁴⁶.

Perlu dijelaskan bahawa terdapat salah tanggapan dari sebahagian kalangan masyarakat bahawa kitab Majmua‘ah Mawlid Syaraf al-Anām atau dikenali juga sebagai kitab Barzanji merupakan kitab karangan Syaikh Ja‘far al-Barzanji keseluruhannya. Sedangkan kitab tersebut bukan sahaja mengandungi karangan beliau dan cicitnya, tetapi juga mengandungi bacaan syaraf al-anām, qaṣīdah burdah, doa khatam al-Quran, ‘aqidah al-‘awam, rātib al-ḥaddād, talqin, dan sebagainya yang bukan karangan beliau⁴⁷.

Berkaitan amalan barzanji yang dilakukan oleh masayarakat Islam di Malaysia khususnya dan di Nusantara amnya telah terdapat beberapa fatwa tempatan yang menjelaskan bahawa harus dan dibolehkan meneruskan amalan tersebut.

⁴⁵ Al-Barzanji, Ja‘far bin Ḥasan bin ‘Abd al-Karīm al-Ḥusaynī al-Syahruzūrī (1429H/2008M), *Mawlid al-Barzanji wa fī awwalihi al-Qawl al-Wāḍīḥ al-Mufid fī Qirā’ah al-Mawlid fī kulli ‘Ām Jadīd*, Taḥqīq : Bassām Muḥammad Bārūd, UAE : Iṣdārāt al-Sāḥah al-Khazrajiyyah, cet. 1, ms. 101-126.

⁴⁶ *Ibid.*, ms 127-133.

⁴⁷ Mohammad Fuad Kamaludin al-Maliki, *op.cit.*, ms. 9.

Berikut adalah fatwa yang dikeluarkan oleh mufti ketiga Negeri Melaka iaitu Datuk Hj. Yunus bin Mohd. Yatim bagi menjelaskan amalan barzanji yang dilakukan dinegeri tersebut :

“Apakah hukumnya membaca barzanji yang diamalkan di negeri ini? Ada yang mengatakan baik kerana mengingati sejarah Rasulullah, juga memuliakan Rasulullah. Adalah dimaklumkan bahawa bacaan barzanji telah menjadi suatu tradisi keagamaan bagi masyarakat Islam di sebelah sini dan ia adalah dianggap salah satu cabang kebudayaan Islam. Kitab barzanji yang dibaca itu mengandungi sejarah hidup Rasulullah (Sirah Nabawiyyah) selain daripada puji-pujian bagi rasul junjungan alam. Membacanya dapat pahala dengan niat hendak mengetahui sejarah hidup Rasulullah yang mana percaya kepada rasul salah satu rukun iman. Orang Islam hendaklah mengetahui Rasulullah, ayahanda dan bonda juga anak-anaknya walaupun kebanyakan umat Islam di negeri ini yang membaca barzanji tidak faham ertiinya tetapi bacan-bacaan mereka betul dan tidak lari dari ayat-ayat yang berkenaan. Oleh itu, membaca barzanji diberi pahala kepada yang membacanya kerana ada kaitan dengan sejarah Rasulullah S.A.W. dan memuliakan rasul utusan Allah itu, sebagaimana firman Allah yang bermaksud : Sesungguhnya Allah dan para malaikat-Nya mengucap selawat atas Nabi, wahai orang yang beriman, hendaklah selawat dan salam ke atasnya⁴⁸”.

Seterusnya Jawatankuasa Fatwa Singapura telah menjelaskan amalan barzanji seperti berikut :

“Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa mereka-reka ibadat hukumnya adalah haram kecuali yang disyariatkan. Adapun amalan-amalan seperti kenduri arwah, tahlil, marhaban, barzanji dan doa selamat, tidaklah dapat dikategorikan dalam kategori mengada-adakan ibadat yang dilarang, kerana perkara-perkara tersebut merupakan amalan uruf yang tidak bertentangan dengan dasar-dasar pokok Islam bahkan ada dasarnya yang tertentu dalam agama⁴⁹”.

Manakala Mufti Kerajaan Negeri Johor iaitu Allahyarham Dato' Syed Alwi bin Tahir al-Haddad menjelaskan berkaitan barzanji sebagaimana berikut :

⁴⁸ Sila lihat laman web Jabatan Mufti Melaka, <http://www.al-azim.com/jmm/fatwa/pandangan.htm> (23 Julai 2010)

⁴⁹ Sila lihat laman web Sistem Pengurusan Fatwa, Institut Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa Sedunia, Universiti Sains Islam Malaysia, <http://infad.usim.edu.my/> (23 Julai 2010)

“Bersyukurlah kepada Allah kerana maulid Nabi SAW serta menzahirkan kesukaan adalah sunat. Orang yang tidak faham membaca maulid agaknya ia tentu tidak faham membaca al-Quran dan tidak faham al-Fatihah lebih lagi. Ini adalah sebab mereka taqṣīr (kekurangan), tuan boleh belajar bahasa Arab (bahasa al-Quran) kerana al-Quran itu daripada Allah untuk manusia. Di dalamnya ada hukum-hukum perintah dan tegah kenapa orang-orang Islam yang menerima surat daripada kerajaan yang mereka tidak tahu bahasanya tidak duduk diam. Bahkan mereka bergopoh-gapah membawa kepada orang yang tahu bahasanya membacakan dan menerangkan maknanya kepadanya sehingga faham kandungannya, tetapi al-Quran Kitab Allah yang diturunkan kerana manusia semuanya kebanyakkan orang-orang Islam tidak mengambil berat mengetahui isisnya⁵⁰”.

Demikianlah beberapa fatwa yang telah dikeluarkan secara rasmi oleh badan yang berautoriti dalam mengharuskan amalan barzanji dan perlu berusaha memahami maksud prosa-prosa barzanji sebaiknya. Walaupun fatwa ini tidak bersifat menyeluruh untuk masyarakat Malaysia kerana digunakan pada negeri tertentu, namun persoalan yang boleh ditimbulkan adakah masyarakat yang mengamalkan bacaan barzanji boleh dihukum salah, syirik, tahayul, khurafat dan sebagainya, sedangkan fatwa-fatwa tersebut dikeluarkan oleh ilmuan agama yang arif.

2.5 Kesimpulan

Sambutan maulidur rasul yang diadakan di Malaysia bukanlah suatu sambutan yang asing, bahkan sudah menjadi kelaziman saban tahun pada bulan Rabiul Awwal masyarakat Malaysia menyambut di pelbagai peringkat dari organisasi yang kecil sehingga ke peringkat kebangsaan.

⁵⁰ Fatwa Mufti Kerajaan Johor Yang Difatwakan oleh Dato' Syed Alwi bin Tahir al-Haddad (1981M/1401), Johor : Bahagian Penerbitan Jabatan Agama Johor, cet. 3, jld. 1, ms. 340.

Setelah diteliti pengisian yang diadakan di dalam sambutan maulidur rasul, maka jelas tidak terdapat unsur negatif yang menyebabkan berlaku keburukan di kalangan masyarakat Malaysia. Sebaliknya sambutan tersebut mendatangkan pelbagai manfaat dan kebaikan kepada masyarakat yang menyertai aktiviti yang diadakan.

Seterusnya, sambutan maulidur rasul ini juga diakui keharusan dan dibolehkan untuk diadakan oleh para ilmuan agama tempatan yang berautoriti seperti mufti, pensyarah dan pegawai hal ehwal Islam JAKIM.

BAB TIGA

PANDANGAN FUQAHĀ TERHADAP SAMBUTAN MAULIDUR RASUL

3.1 Pendahuluan

Bab ini akan mengutarakan dalil-dalil daripada al-Quran dan hadis serta pandangan para ulamak silam dan kontemporari dalam membenarkan sambutan maulidur rasul diadakan di kalangan umat Islam. Selain itu, penulis juga cuba mengenengahkan beberapa hujah golongan yang menolak sambutan maulidur rasul yang sekaligus melabelkan sebagai perbuatan *bid'ah* yang harus dibasmi di kalangan masyarakat. Dalam menelusuri hujah-hujah tersebut, beberapa analisa, penilaian dan komentar dilakukan secara bebas dalam kerangka mencari penyelesaian permasalahan perbezaan pendapat yang berlaku.

3.2 Perbahasan Sambutan Maulidur Rasul

Hukum sambutan maulidur rasul telah menjadi topik perbahasan para ulamak sejak sekian lama dalam sejarah Islam. Terdapat golongan yang mengharuskan dan yang melarang sambutan ini kerana dianggap *bid'ah*. Sehingga kini, masalah hukum sambutan maulidur rasul masih menjadi topik hangat yang diperdebatkan di kalangan masyarakat Islam.

Ironinya, berlaku kekeliruan di kalangan masyarakat awam¹ tentang permasalahan sambutan maulidur rasul yang sering dijadikan topik utama kerana perbezaan pendapat.

Bagi menjelaskan kekeliruan mengenai persoalan hukum sambutan maulidur rasul ini, berikut dibentangkan hujah-hujah keharusan dan hujah-hujah penolakan sambutan.

3.2.1 Hujah-Hujah Keharusan Sambutan Maulidur Rasul

Dalam menelusuri dalil-dalil keharusan sambutan maulidur rasul, ianya dapat dilihat melalui perspektif al-Quran, hadis dan pandangan para sarjana hukum Islam.

3.2.1.1 Berdasarkan Dalil-Dalil al-Quran

Berikut dinyatakan dalil-dalil dari al-Quran yang mengharuskan sambutan maulidur rasul diadakan :

i) Bergembira Dengan Kelahiran Nabi Muhammad SAW

Terdapat ayat al-Quran yang menggesa supaya manusia bergembira dengan kelahiran dan kehadiran baginda SAW melalui firman Allah SWT berikut :

¹ Masyarakat awam merujuk kepada masyarakat yang tidak mempelajari ilmu agama secara mendalam. Memadai bagi mereka perkara-perakara asas fardu ain dan fardu kifayah.

 قُلْ بِفَضْلِ اللَّهِ وَبِرَحْمَتِهِ فَبِذَلِكَ فَلَيَفْرُخُوا هُوَ خَيْرٌ مِّمَّا تَجْمَعُونَ

(Katakanlah: Dengan kurniaan Allah dan rahmat-Nya, hendaklah dengan itu mereka bergembira kurniaan Allah dan rahmat-Nya itu adalah lebih baik dari apa yang mereka kumpulkan).

Surah Yunus (10) : 58

Ayat di atas diperkuatkan lagi dengan tafsiran oleh tokoh dalam bidang tafsir al-Quran iaitu Ibn 'Abbās r.a. Beliau meriwayatkan dalam membicarakan ayat tersebut dengan berkata : Keutamaan dari Allah ialah merujuk kepada ilmu, manakala rahmat-Nya adalah bermaksud Nabi Muhammad SAW².

Jelas tergambar dalam ayat di atas, bergembira dengan baginda SAW yang merupakan rahmat adalah dituntut. Bahkan segala yang berkaitan baginda SAW seperti hari kelahirannya adalah rahmat, hari pengutusannya sebagai rasul adalah rahmat, peristiwa hijrahnya ke Madinah adalah rahmat dan hari pembukaan kota Mekah juga adalah rahmat³. Seterusnya Allah SWT menyeru manusia bergembira dan bersyukur dengan rahmat kedatangan Nabi Muhammad SAW sebagaimana yang dirakamkan dalam ayat berikut :

 وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

(Tiadalah kami mengutus kamu, melainkan untuk (menjadi) rahmat bagi semesta alam).

Surah al-Anbiya' (21) : 107

Demikianlah kegembiraan dengan kelahiran dan pengutusan baginda SAW adalah dituntut pada setiap waktu, pada setiap nikmat dan pada setiap

² al-Suyūṭī, al-Imām al-Ḥāfiẓ Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Rahmān bin Abī Bakr (t.th), *al-Durr al-Manthūr fī al-Tafsīr bī al-Ma’thūr*, Beirut : Dār al-Ma‘rifah, juz 3, ms. 308.

³ ‘Abd Allāh al-Ḥusaynī al-Makkī al-Hāsyimī (1995M/1416H), *al-Ittibā’ wa al-Ibtidā’*, t.tp., t.pt, ms. 121.

keutamaan, seterusnya diperkuatkan lagi tuntutan ini pada setiap hari Isnin dan setiap kali tibanya bulan Rabiul Awwal⁴. Ini adalah kerana kesesuaianya amat jelas dan bertepatan dengan sabda baginda SAW berikut :

عَنْ أَبِي قَتَادَةَ الْأَنْصَارِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سُئِلَ ... عَنْ صَوْمِ يَوْمِ الْأَثْنَيْنِ قَالَ ذَاكَ يَوْمٌ وُلِدْتُ فِيهِ وَيَوْمٌ بُعْثِتُ أَوْ أُنْزَلَ عَلَيَّ فِيهِ

Dari pada Abi Qatadah al-Anṣāri r.a., bahawasanya Nabi SAW telah ditanya tentang puasa pada hari Isnin lalu baginda bersabda: "Pada hari tersebutlah aku dilahirkan dan di hari tersebut jugalah aku diutuskan menjadi rasul".⁵

Berdasarkan hadis di atas, istimewanya hari kelahiran dan pengutusan baginda SAW sebagai rasul telah dizahirkan oleh baginda SAW sendiri melalui kegembiraan dan kesyukuran kepada Allah SWT dengan berpuasa sunat. Oleh yang demikian, tidak menjadi kesalahan kita bergembira dan menyambut kelahiran baginda SAW sebagai manifestasi kecintaan umat Islam.

ii) Menyuburkan Budaya Selawat Ke Atas Nabi Muhammad SAW

Memperingati kelahiran Nabi Muhammad SAW akan menyebabkan hati terdorong untuk berselawat dan memuji ke atas baginda SAW yang merupakan suatu saranan Allah SWT melalui ayat berikut :

إِنَّ اللَّهَ وَمَا تَعْكِتُهُ رُيُصلُونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْمُرُهُمُ الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

⁴ Sayyid Muḥammad ‘Alawī al-Mālikī (1418H), *Hawl al-Iḥtifāl bi Zikrī al-Mawlid al-Nabawī al-Syarīf*, Qāhirah : Dār Jawāmi‘ al-Kalam, ms. 26.

⁵ al-Nawawī, Abī Zakariyyā Yahyā ibn Syarf al-Dimasyqī (2000M/1421H), *al-Minhāj Syarḥ Sahīḥ Muslim* : *Bāb Istiḥbab Siyām*, Beirut : Dār al-Ma’rifah, cet. 7, no. 2742, jld 8, ms.293.

(Sesungguhnya Allah dan para malaikat-Nya berselawat ke atas Nabi, wahai orang yang beriman, berselawat dan salamlah kamu ke atasnya dengan sebaik-baik penghormatan).

Surah al-Ahzab (33) :56

Ayat di atas memberi makna secara mutlak dan seruan untuk berselawat ke atas baginda SAW yang terkandung di dalamnya boleh difahami pada sebarang waktu dan situasi. Sekaligus ayat ini menunjukkan bahawa tiada larangan berselawat pada waktu-waktu tertentu⁶. Bahkan terdapat pula hadis yang memberi ganjaran berlipat kali ganda hasil dari amalan berselawat dan memuji baginda SAW sepermulaan berikut :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَنْ صَلَّى عَلَيَّ وَاحِدَةً
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ عَشْرَأَوْسِعَهُ

“Dari pada Abi Hurairah r.a., bahawa Rasulullah SAW bersabda : Sesiapa yang berselawat kepadaku sekali, maka Allah berselawat kepadanya sepuluh kali”⁷.

Hadis di atas adalah umum. Gesaan berselawat di dalamnya merangkumi pada semua waktu tanpa ada sebarang larangan khusus. Terdapat kaedah *uṣūl al-fiqh* menyatakan bahawa :

أَنَّ الْعَامَ الْبَاقِيَ عَلَى عَمَومَهِ يَدْلِي عَلَى جَمِيعِ أَفْرَادِهِ

Perkara yang umum akan kekal dalam keumumannya termasuk keseluruhan juzuk-juzuknya⁸.

⁶ Sila lihat perbahasan *Bāb al-Ām* di dalam buku-buku *Uṣūl al-Fiqh* yang membincarkan berkaitan *nass* yang bersifat umum boleh diamalkan selagi mana tiada dalil yang mengkhususkannya.


⁷ al-Nawawi, Abi Zakariyyā Yaḥyā ibn Syarṭ al-Dimasyqī, *op.cit.*, *Kitāb al-Ṣalāh : Bāb Fī Thawāb al-Ṣalāh ‘alā al-Nabī*, no. 911, jld 4, ms.348.

⁸ al-Zuḥaylī, Wahbah (2005M/1426H), *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, Damsyiq : Dār al-Fikr, cet. 3, juz. 1, ms. 343.

Oleh yang demikian, berselawat pada majlis sambutan maulidur rasul adalah disyariatkan juga berdasarkan hadis yang bersifat umum di atas. Saranan menyuburkan budaya berselawat dan salam ke atas baginda SAW jelas terdapat di dalam firman Allah SWT dan sabda baginda s.a.w. di atas. Justeru itu, sambutan maulidur rasul yang diadakan adalah salah satu medium dalam menganjurkan selawat dan salam yang sangat dituntut oleh Allah SWT.

iii) Kisah Dan Sirah Nabi Muhammad SAW Sebagai Inspirasi Jiwa

Semua peristiwa dan kisah sejarah para nabi yang telah dirakamkan oleh Allah SWT di dalam al-Quran menjadi sumber inspirasi perjalanan dakwah dan penguatan jiwa baginda SAW. Perkara ini telah dijelaskan oleh Allah SWT melalui ayat berikut :

لَقَدْ كَانَ فِي قَصَصِهِمْ عِبْرَةٌ لِّأُولَئِكَ مَا كَانَ حَدِيثًا يُفْتَرَى
وَلَكِنْ تَصْدِيقَ الَّذِي بَيْنَ يَدَيْهِ وَتَفْصِيلَ كُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً لِّقَوْمٍ


(Demi sesungguhnya, kisah para nabi itu mengandungi pelajaran yang mendatangkan iktibar bagi orang yang mempunyai akal fikiran. [kisah para nabi yang terkandung dalam al-Quran] bukanlah cerita-cerita yang diada-adakan, tetapi ia mengisahkan tentang perkara yang tersebut di dalam kitab agama yang terdahulu daripadanya, dan ia sebagai keterangan yang menjelaskan tiap-tiap sesuatu, serta menjadi hidayah petunjuk dan rahmat bagi kaum yang mahu beriman).

Surah Yusuf (12) :111

وَكُلًا نَّقْصٌ عَلَيْكَ مِنْ أَنْبَاءِ الْرُّسُلِ مَا نُثِبِّتُ بِهِ فُؤَادَكَ وَجَاءَكَ فِي هَذِهِ
 الْحَقُّ وَمَوْعِظَةٌ وَذِكْرٌ لِلْمُؤْمِنِينَ

(Dan semua kisah dari rasul-rasul kami ceritakan kepadamu, ialah kisah-kisah yang dengannya kami teguhkan hatimu; dan telah datang kepadamu kebenaran, pengajaran dan peringatan bagi orang yang beriman).

Surah Hud (11) :120

Di sini jelas bahawa hikmah kisah-kisah para rasul yang disebutkan di dalam al-Quran menjadi medium untuk meneguhkan dan mengukuhkan jiwa baginda SAW yang mulia. Justeru itu, sebagai umat baginda SAW pada hari ini sudah tentu lebih memerlukan peneguhan jiwa melalui kisah dan sirah perjalanan hidup baginda SAW, malah keperluan umat baginda tentulah lebih mendesak lagi berbanding keperluan baginda sendiri.⁹

iv) Saranan Memuliakan Nabi Muhammad SAW

Saranan memuliakan baginda SAW dan ganjaran yang akan diperolehi jelas tergambar melalui firman Allah SWT berikut :

فَالَّذِينَ ءَامَنُوا بِهِ وَعَزَّرُوهُ وَنَصَرُوهُ وَاتَّبَعُوا أَلْتُورَ الَّذِي أُنْزِلَ مَعَهُ
أُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

(Maka orang yang beriman kepadanya, memuliakannya, menolongnya dan mengikuti cahaya yang terang yang diturunkan kepadanya [al-quran], mereka itulah orang yang berjaya).

Surah al-A'rāf (7) : 157

Berdasarkan ayat di atas, orang yang memuliakan baginda SAW bukanlah terhad pada sezaman dengan baginda SAW sahaja, tetapi adalah orang yang

⁹ Sayyid Muḥammad ‘Alawī al-Mālikī (1419H), *Manhaj al-Salaf fi’ Fahm al-Nusūṣ bayn al-Naẓariyyah wa al-Taṭbiq*, t.tp : t.pt., ms. 395.

memuliakan, menghormati dan membesarkan baginda SAW pada setiap masa dan zaman.¹⁰

Jelaslah bahawa, orang yang memuliakan baginda SAW adalah tergolong di kalangan orang yang beruntung. Mengadakan sambutan hari kelahiran baginda SAW termasuk daripada perkara yang membesarkan dan memuliakan baginda SAW. Justeru itu, dijanjikan kejayaan dunia dan akhirat bagi mereka yang menyambutnya.

v) Hari Kelahiran Para Nabi Dirakam Secara Jelas

Terdapat beberapa dalil dari al-Quran yang mengharuskan membesarkan hari dan tempat kelahiran para nabi. Berikut dinyatakan hasil rakaman dari al-Quran yang difirmankan Allah SWT :

وَالسَّلَامُ عَلَى يَوْمِ الْمَوْلَدِ وَيَوْمِ الْمُوْتِ وَيَوْمِ الْبَعْثَ حَيًّا ﴿١٩﴾

(Isa a.s. berkata dari dalam perut ibunya : Segala keselamatan serta kesejahteraan dilimpahkan kepadaku pada hari aku diperanakkan dan pada hari aku mati, serta pada hari aku dibangkitkan hidup semula (pada hari kiamat).

Surah Maryam (19) : 33

وَسَلَامٌ عَلَيْهِ يَوْمَ الْمَوْلَدِ وَيَوْمَ الْمُوْتِ وَيَوْمَ الْبَعْثَ حَيًّا ﴿١٩﴾

(Kami limpahkan kepadanya [Yahya a.s.] selamat sejahtera pada hari dia diperanakkan, dan pada hari ia mati, serta pada hari ia dibangkitkan hidup semula (pada hari kiamat)

Surah Maryam (19) : 15

¹⁰ Sayyid ‘Izz al-Dīn Mādi Abū al-‘Azāim (1991), *al-Iḥtifāl bi Mawlid al-Anbiyā’ wa al-Awliyā’ Musytara’ aw mutbada’*, t.tp : Dār al-Kitāb al-Šūfi, ms. 22, al-Marīkhi, Rasyīd bin Ibrāhīm (t.th), *I’lām al-Nabīl bimāfiṣyārḥ al-Jazāirī min al-Talbīs wa al-Taḍīl*, Bahrain : t.pt., ms. 16-17.

Berdasarkan ayat-ayat di atas, jelaslah bahawa Allah SWT telah menyambut kelahiran Nabi Isa dan Nabi Yahya dengan mengucapkan salam kesejahteraan pada hari kelahiran mereka¹¹.

3.2.1.2 Berdasarkan Dalil-Dalil Hadis

Berikut dibentangkan dalil-dalil dari hadis yang mengharuskan sambutan maulidur rasul diadakan :

i) Mengingati Hari Bersejarah

Islam mengajar umatnya mengenang peristiwa yang berlaku dalam sejarah sebagai pengajaran. Nabi Muhammad SAW sendiri mengambil kira ikatan masa dengan pelbagai peristiwa besar di dalam agama yang telah berlaku sebelumnya. Sebagai contoh peristiwa yang berlaku pada 10 Muharram yang digambarkan di dalam hadis berikut :

عَنْ أَبْنَ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ لَمَّا قَدِمَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمَدِينَةَ وَجَدَ الْيَهُودَ يَصُومُونَ عَاشُورَاءَ فَسَأَلُوا عَنْ ذَلِكَ فَقَالُوا هَذَا الْيَوْمُ الَّذِي أَظْفَرَ اللَّهُ فِيهِ مُوسَى وَبَنِي إِسْرَائِيلَ عَلَى فِرْعَوْنَ وَنَحْنُ نَصُومُهُ تَعْظِيمًا لَهُ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَحْنُ أَوْلَى بِمُوسَى مِنْكُمْ شَمَّ أَمْرَ بِصَوْمِهِ

“Daripada Ibn ‘Abbas r.a. : bahawasanya Nabi SAW ketika datang ke Madinah maka baginda mendapati orang Yahudi berpuasa pada hari ‘Āsyurā’ iaitu hari 10 Muḥarram. Lalu baginda bertanya mereka : “Kenapa kalian berpuasa pada hari ‘Āsyurā’? Jawab mereka: itulah hari Fir'aun ditenggelamkan dan Musa diselamatkan, maka kami berpuasa kerana bersyukur

¹¹ ‘Abd Allāh al-Ḥusaynī al-Makkī al-Hāsyimī (1996), *al-Iḥtifāl bi al-Mawlid al-Nabī bayn al-Muayyidīn wa al-Mu‘ārīdīn Munāqasyāt wa Rudud*, t.pt : t.pt., ms. 72.

kepada Allah SWT. Maka Nabi SAW berkata : Kami lebih layak bagi Musa daripada kalian¹².

Peristiwa kelahiran junjungan Nabi Muhammad SAW adalah merupakan sejarah dunia yang terbesar. Kelahiran baginda SAW bukan sekadar hanya kelahiran peribadi sebagai manusia utama, malah merangkumi seluruh sudut kehidupan manusia dalam menghadapi perkembangan sejarah di masa hadapan dari sudut keagamaan, sosial, politik, ekonomi dan peradaban.

Berdasarkan hadis di atas, Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī menyatakan bahawa umat Islam dibolehkan dan bahkan dianjurkan memperingati hari-hari bersejarah yang dianggap besar umpamanya Maulidur Rasul, *Isrā’ Mi’rāj, Nuzūl al-Quran*, hari ‘Āsyūrā dan lain-lain. Ini kerana Nabi SAW pun memperingati hari karamnya Firaun di laut dan bebasnya Musa dengan melakukan puasa ‘Āsyūrā sebagai tanda bersyukur di atas lenyapnya kebatilan dan tegaknya yang hak¹³.

Dalam hadis di atas jelas menunjukkan bahawa mengingati hari bersejarah adalah dibenarkan dalam Islam. Maulidur Rasul juga merupakan salah satu hari bersejarah sebagaimana hari ‘Āsyūrā. Justeru itu, sambutan ini boleh diadakan tanpa sebarang keraguan.

¹² Al-Bukhāri, Abī ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘il bin Ibrāhīm bin Bardizbah al-Ju‘fā (2001M/1421H), *Ṣaḥīḥ al-Bukhāri : Kitāb al-Manāqib : Ityān al-Yahūd al-Nabī s.a.w. ḥīma qudima al-Madīnah*, Qāhirah : Dār al-Taqwā, cet. 1, no. 1865, jld. 1, ms. 478. al-Nawawī, Abī Zakariyyā Yaḥyā ibn Syarīf al-Dimasyqī, *op.cit.*, *Bāb Faḍl Ṣiyām Yawm ‘Āsyūrā*, no. 2651, jld 8, ms.250-251. Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, Aḥmad bin ‘Ali (2001M/1421H), *Fath al-Bārī Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhāri : Kitāb al-Ṣawm : Bab Ṣawm Yawm ‘Āsyūrā*, Riyāḍ : Maktabah al-Malik Fahd al-Waṭāniyyah, no. 2004, jld. 4, ms. 287.

¹³ Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, Aḥmad bin ‘Ali, *op.cit.*, *Kitāb al-Ṣawm : Bab Ṣawm Yawm ‘Āsyūrā*, jld. 4, ms. 290-292.

ii) Keistimewaan Hari Kelahiran Nabi Muhammad SAW

Nabi Muhammad SAW mengutamakan hari kelahiran baginda sendiri dengan cara berpuasa sebagai tanda bersyukur kepada Allah SWT. Ini jelas terdapat dalam hadis berikut :

عَنْ أَبِي قَتَادَةَ الْأَنْصَارِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سُئِلَ ... عَنْ صَوْمِ يَوْمِ الْأَنْثَيْنِ قَالَ ذَاكَ يَوْمٌ وُلِدْتُ فِيهِ وَيَوْمٌ بُعْثِتُ أَوْ أُنْزَلَ عَلَيَّ فِيهِ

*Daripada Abī Qatādah al-Anṣārī r.a., bahawasanya Nabi SAW telah ditanya tentang puasa pada hari Isnin lalu baginda bersabda: “Pada hari tersebutlah aku dilahirkan dan di hari tersebut jugalah aku diutuskan menjadi rasul”.*¹⁴

Berdasarkan hadis di atas, Rasulullah SAW menegaskan kelebihan hari kelahirannya berbanding hari-hari lain. Oleh itu setiap mukmin sewajarnya berlumba-lumba beramal dan bersyukur dengan kelahiran baginda SAW yang membawa rahmat kepada seluruh alam.

Demikian cara yang ditunjukkan baginda SAW dalam menzahirkan rasa syukur kepada Allah SWT. Namun begitu terdapat pelbagai cara lain lagi yang selaras dengan syariat boleh dilaksanakan seperti berpuasa, membuat jamuan dan berkumpul untuk berzikir, berselawat atau mendengar sirah baginda SAW. Walaubagaimanapun cara menyambut maulidur rasul boleh berubah mengikut keadaan dan tempat namun yang penting adalah erti sambutan tetap sama¹⁵.

¹⁴ al-Nawawī, Abī Zakariyyā Yaḥyā ibn Syarf al-Dimasyqī, *op.cit.*, *Bāb Istiḥbab Ṣiyām*, no. 2742, jld 8, ms.293.

¹⁵ Sayyid ‘Izz al-Dīn Mādi Abū al-‘Azāim, *op.cit.*, ms. 23-24.

iii) Tanda Kegembiraan Dengan Kelahiran Nabi Muhammad SAW

Sambutan terhadap kelahiran Nabi Muhammad SAW adalah merupakan suatu bentuk tanda kegembiraan dan kebahagiaan dengan pengutusan baginda SAW ke muka bumi ini. Malah orang kafir juga mendapat manfaat dengan kegembiraan kelahiran baginda berdasarkan hadis berikut :

قَالَ عُرْوَةُ وَثُوبَيْةُ مَوْلَةُ لِأَبِي لَهَبٍ كَانَ أَبُو لَهَبٍ أَعْتَقَهَا فَأَرْضَعَتْ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَلَمَّا مَاتَ أَبُو لَهَبٍ أَرْيَهُ بَعْضُ أَهْلِهِ يُشَرِّ حَيْثِ قَالَ لَهُ مَاذَا لَقِيتَ قَالَ أَبُو لَهَبٍ لَمْ أَلْقَ بَعْدَ كُمْ غَيْرَ أَيِّ سُقِيتُ فِي هَذِهِ بِعْنَاقِي ثُوبَيْةٌ

“Urwah berkata : Thuwaibah adalah hamba perempuan kepada Abu Lahab yang telah dibebaskan, kemudian Thuwaibah menyusukan Nabi SAW. Ketika Abu Lahab meninggal dunia, sebahagian anggota keluarganya bermimpi tentang kesedihan Abu Lahab, lalu dia bertanya, apa yang kamu dapati? Abu Lahab berkata : Saya belum pernah bertemu dengan kalian, hanya pada hari ini saya diberi keringanan azab kerana memerdekaan Thuwaibah”¹⁶.

Walaupun riwayat hadis ini adalah berstatus *mursal*, namun diterima kerana diriwayatkan oleh Imām al-Bukhārī. Malah hadis ini dipegang oleh para Ḥuffāz yang dikategorikan dalam bab *manāqib* dan *khaṣā’iṣ*, bukan dalam bab halal dan haram. Bagi para ilmuan sudah tentu mengetahui perbezaan antara beristidlāl dengan *manāqib* dalam menentukan hukum-hakam¹⁷.

Hadis di atas menjelaskan bahawa, Abu Lahab telah mendapat keringanan azab disebabkan bergembira dengan kelahiran baginda SAW, maka bagaimana pula dengan umat Muhammad SAW yang bergembira di atas kelahiran Nabi

¹⁶ al-Bukhārī, Abī ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘īl bin Ibrāhīm bin Bardizbah al-Ju’fā, *op.cit.*, *Kitab al-Nikāh : Bāb wa Ummahātukum al-Lātī Arḍa’nakum*, no. 4711, jld. 3, ms.12. Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, Aḥmad bin ‘Ali, *op.cit.*, *Kitab al-Nikāh : Bāb wa Ummahātukum al-Lātī Arḍa’nakum*, no. 5101, jld. 9, ms. 43.

¹⁷ Sayyid Muḥammad ‘Alawī al-Mālikī (1419H), *op.cit.*, ms. 390.

SAW? Sudah tentu, mereka akan dapat pahala yang lebih besar dari Allah SWT dan dimasukkan ke dalam syurga yang penuh nikmat¹⁸.

Seterusnya Syams al-Dīn Muḥammad bin Nāṣir al-Dīn al-Dimasyqī telah mengungkapkan dalam perkara ini beberapa rangkap syair di dalam kitabnya *Mawrid al-Ṣadīfī Mawlid al-Hādī* seperti berikut¹⁹ :

بَتَّسْتَ يَدَاهُ فِي الْجَحِيمِ مُخْلِداً	إِذَا كَانَ هَذَا كَافِرًا جَاءَ ذَمَهُ
يَخْفَفُ عَنْهُ لِلصَّرْوَرِ بِأَحْمَدٍ	أَتَى أَنَّهُ يَوْمَ الْاثْنَيْنِ دَائِمًا
بِأَحْمَدٍ مَسْرُورًا وَمَاتَ مُوحَدًا	فَمَا الظُّنُنُ بِالْعَبْدِ الَّذِي طَوَّلَ عُمْرَهُ

*Jika seorang kafir yang memang dicela,
Hancur luluh tangannya di dalam neraka dan kekal selamanya.*

*Apabila setiap hari Isnin tiba,
Maka diringan azabnya kerana gembira dengan kelahiran Ahmad.*

*Sudah tentu lebih ganjaran bagi hamba yang disepanjang usianya,
Bergembira dengan Ahmad dan meninggal sebagai seorang yang bertauhid.*

Ini menunjukan bahawa sambutan maulidur rasul yang diadakan di atas dasar melahirkan perasaan gembira dengan kelahiran baginda SAW adalah dibenarkan dan diberikan ganjaran pahala selaras dengan niat yang ikhlas.

iv) Saranan Menganjurkan Amalan Kebaikan

Terdapat sebuah hadis baginda SAW yang memberi motivasi dalam menggalakkan seluruh umat Islam untuk menganjurkan kebaikan supaya

¹⁸ al-Suyūṭī, al-Imām al-Ḥāfiẓ Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Rahmān bin Abī Bakr (1992), *al-Ḥāwī li’l-Fatāwī: Ḥusn al-Maqṣad fī ‘Amal al-Mawlid*, ms. 196.

¹⁹ Dipetik dari Sayyid Muḥammad ‘Alawī al-Mālikī (1418H), *op.cit.*, ms. 23.

memperolehi pahala yang berlipat kali ganda. Berikut adalah hadis tersebut yang boleh dijadikan landasan dalam menyambut maulidur rasul.

فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ سَنَ فِي الْإِسْلَامِ سُنَّةً حَسَنَةً فَلَهُ أَجْرُهَا
وَأَجْرُ مَنْ عَمِلَ بِهَا بَعْدَهُ مِنْ غَيْرِ أَنْ يَنْفُصَسَ مِنْ أُجُورِهِمْ شَيْءٌ وَمَنْ سَنَ فِي
الْإِسْلَامِ سُنَّةً سَيِّئَةً كَانَ عَلَيْهِ وِزْرُهَا وَوِزْرُ مَنْ عَمِلَ بِهَا مِنْ بَعْدِهِ مِنْ غَيْرِ أَنْ
يَنْفُصَسَ مِنْ أَوْزَارِهِمْ شَيْءٌ

"Rasulullah SAW telah bersabda : Sesiapa yang mengasaskan jalan yang baik maka ia mendapat ganjaran daripadanya dan ganjaran orang yang mengamalkannya tanpa sebarang kekurangan daripada pahalanya sesuatu pun. Sesiapa yang mengasaskan jalan yang tidak baik maka ia menanggung dosanya dan dosa orang yang mengamalkannya tanpa sebarang kekurangan daripada dosa-dosanya sesuatu pun",²⁰.

Hadis di atas menjelaskan bahawa setiap perkara yang terkandung di dalamnya kebaikan dan selari dengan dalil-dalil syarak, tidak bertujuan untuk mereka-reka suatu perkara baru yang bercanggah dengan syariah serta tidak mengandungi perkara mungkar, maka perkara itu termasuk dalam agama.²¹ Ini menunjukkan sambutan maulidur rasul yang diadakan kerana mempunyai kebaikan dan manfaat akan diberi pahala bagi orang yang menyambutnya. Malah pahala dari amalan yang dirintis akan berlipat kali ganda tanpa mengurangkan amalan orang yang terkemudian.

3.2.1.3 Berdasarkan Pandangan Para Sarjana Hukum Islam

Berikut dibentangkan pula pandangan para ulamak yang mengharuskan sambutan maulidur rasul. Sudah tentu, tidak semua pendapat para ulamak dimuatkan di sini,

²⁰ al-Nawawi, Abī Zakariyyā Yahyā ibn Syarf al-Dimasyqi, *op.cit.*, *Kitāb al-Zakāh, Bāb al-Ḥathu ‘Alā al-Ṣadaqah walau bi Syaqqa Tamrah aw bi Kalimah Tayyibah*, jld. 16, ms. 443.

²¹ Sayyid Muḥammad ‘Alawī al-Mālikī (1418H), *op.cit.*, ms. 34.

tetapi memadai beberapa tokoh ulamak dominan yang dapat dijadikan sumber rujukan dalam merangka konsep pemikiran mengenai isu ini.

i) Pandangan al-Suyūṭī

Al-Imām al-Hujjat Allah al-Ḥāfiẓ al-Suyūṭī²² : Di dalam kitab, *al-Ḥāwi li al-Fatāwi*, beliau telah menulis satu bab yang dinamakan *Husn al-Maqṣad fī ‘Amal al-Mawlid*, beliau menyebutkan seperti berikut :

وَقَعَ السُّؤَالُ عَنْ عَمَلِ الْمَوْلَدِ النَّبِيِّ فِي شَهْرِ رَبِيعِ الْأَوَّلِ، مَا حَكْمُهُ مِنْ حِيثِ الشَّرْعِ؟ وَهُلْ هُوَ مُحَمَّدٌ أَمْ مَذْمُومٌ؟ وَهُلْ يَثَابُ فَاعِلُهُ أَمْ لَا؟ وَالجَوابُ عِنْدِي "أَنَّ أَصْلَ عَمَلَ الْمَوْلَدِ الَّذِي هُوَ اجْتِمَاعُ النَّاسِ وَقِرَاءَةُ مَا تَيسَّرَ مِنَ الْقُرْآنِ، وَالْأَخْبَارِ الْوَارَدَةِ فِي بَدْيَةِ أَمْرِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ وَمَا وَقَعَ لَهُ مِنَ الْآيَاتِ، ثُمَّ يَعْدُ لَهُمْ سَمَاطًا يَا كَلُونَهُ، وَيَنْصُرُهُمْ مِنْ غَيْرِ زِيادةٍ عَلَى ذَلِكَ هُوَ مِنَ الْبَدْعِ الْحَسَنَةِ الَّتِي يَثَابُ عَلَيْهَا صَاحِبُهَا لِمَا فِيهَا مِنْ تَعْظِيمٍ قَدْرِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَاظْهَارِ الْفَرَحِ بِعِولَدِهِ الشَّرِيفِ".

"Telah ditanya tentang amalan Mawlid al-Nabi pada bulan Rabiul Awwal, Apakah hukumnya dari sudut syara'? Adakah ia dipuji atau dicela? Adakah pelakunya diberikan pahala atau tidak? "Menurut saya, asal amalan sambutan Mawlid Nabi ialah merupakan perhimpunan manusia untuk membaca al-Quran dan sirah Nabi SAW sejak kelahiran sehingga perjalanan hidupnya. Kemudian dihidangkan makanan untuk dinikmati bersama, setelah itu mereka pulang tanpa melakukan sebarang tambahan daripadanya. Semua itu tergolong dalam bid'ah hasanah yang diberikan pahala kepada sesiapa yang melakukannya kerana mengagungkan kemuliaan Nabi SAW dan menunjukkan kegembiraan dengan kelahiran baginda yang mulia²³".

²² Nama lengkapnya ialah ‘Abd al-Raḥmān bin al-Kamāl Abū Bakr bin Muḥammad bin Sabiq al-Dīn bin al-Fakhr Uthmān bin Naṣīr al-Dīn Muḥammad bin Saif al-Dīn Khadr bin Najm al-Dīn al-Šalāḥ al-Ayyub bin Naṣr al-Dīn Muḥammad bin Syaikh Hammamu al-Dīn al-Khadairi al-Suyūṭī. Beliau dilahirkan pada tahun 849H dan wafat pada tahun 911H.

²³ al-Suyūṭī, al-Imām al-Ḥāfiẓ Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Raḥmān bin Abī Bakr (1985), *Husn al-Maqṣad fī ‘Amali al-Mawlid*, Taḥqīq : Muṣṭafā ‘Abd al-Qādir ‘Aṭā, Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, ms. 41.

Berdasarkan pandangan al-Suyūtī, jelas menunjukkan sambutan ini merupakan perbuatan *bid‘ah ḥasanah* sekiranya aktiviti yang dijalankan selari dengan syariat dan tidak melebihi batasan yang ditetapkan Islam. Seterusnya beliau menjelaskan *bid‘ah ḥasanah* yang dilakukan pasti diberikan ganjaran pahala selaras dengan niat memuliakan baginda SAW dan bergembira dengan kelahiran baginda SAW di atas muka bumi.

ii) Pandangan Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī

Ketika Syaikh al-Islām Ḥāfiẓ al-‘Asr Abū al-Faḍhl Aḥmad bin Ḥajar²⁴ ditanya tentang amalan maulid beliau telah menyatakan seperti berikut :

"أَصْلُ عَمَلِ الْمَوْلَدِ بَدْعَةٌ لَمْ تَنْقُلْ عَنِ السَّلْفِ الصَّالِحِ مِنِ الْقَرْوَنِ الْثَّلَاثَةِ، وَلَكِنَّهَا مَعَ ذَلِكَ اشْتَمَلَتْ عَلَى مَحَاسِنٍ وَضَدَّهَا، فَمَنْ تَحْرَى فِي عَمَلِهَا الْمَحَاسِنَ وَتَجْنَبَ ضَدَّهَا كَانَتْ بَدْعَةً حَسَنَةً، وَقَدْ ظَهَرَ لِي تَخْرِيجُهَا عَلَى أَصْلِ ثَابِتٍ، وَهُوَ مَا ثَبَتَ فِي الصَّحِيفَيْنِ مِنْ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَدَمَ الْمَدِينَةَ فَوْجَدَ الْيَهُودَ يَصُومُونَ يَوْمَ عَاشُورَاءَ فَسَأَلُوهُمْ، فَقَالُوا : هُوَ يَوْمُ أَغْرَقَ اللَّهُ فِيهِ فَرْعَوْنَ، وَنَجَى مُوسَى، فَنَحْنُ نَصُومُه شَكْرًا لِلَّهِ، فَيُسْتَفَادُ مِنْهُ فَعْلُ الشَّكْرِ لِلَّهِ عَلَى مَا مِنْ بِهِ يَوْمٌ مَعِينٌ مِنْ أَسْدَاءِ نِعَمَةٍ، أَوْ دَفْعٌ نِقْمَةً... إِلَى أَنْ قَالَ : وَأَيْ نِعْمَةً أَعْظَمُ مِنْ نِعْمَةَ بِرُوزِ هَذَا النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نِيَّرَةَ الرَّحْمَةِ فِي ذَلِكَ الْيَوْمِ، فَهَذَا مَا يَتَعْلَقُ بِأَصْلِ عَمَلِهِ، وَأَمَّا مَا يَعْمَلُ فِيهِ فَيَنْبَغِي أَنْ يَقْتَصِرَ فِيهِ عَلَى مَا يَفْهَمُ الشَّكْرُ لِلَّهِ تَعَالَى مِنْ نَحْوِ مَا تَقْدِمُ مِنَ التَّلَاقِ وَلَا طَعَامٍ وَالصِّدَقَةِ وَإِنْشَادِ شَيْءٍ مِنَ الْمَدَائِعِ النَّبِيَّةِ وَالزَّهْدِيَّةِ الْمُحْرَكَةِ لِلْقَلْوبِ إِلَى فَعْلِ الْخَيْرِ وَالْعَمَلِ لِلآخِرَةِ، وَأَمَّا مَا يَتَبَعُ ذَلِكَ مِنْ السَّمَاعِ وَاللَّهُو وَغَيْرِ ذَلِكَ فَيَنْبَغِي أَنْ يَقَالَ مَا كَانَ مِنْ ذَلِكَ مِبَاحًا بَحِيثَ يَقْتَضِي السُّرُورُ بِذَلِكَ الْيَوْمِ لَا بَاسَ بِالْحَاقَةِ بِهِ وَمَا كَانَ حَرَامًا أَوْ مَكْروهًا فَيَمْنَعُ وَكَذَا مَا كَانَ خَلَافُ الْأُولَى انتَهَى".

²⁴ Nama penuhnya ialah Aḥmad bin ‘Alī bin Muḥammad al-Kannānī al-Asqalānī, Abū al-Faḍhl, Siyāḥ al-Dīn. Beliau merupakan seorang ilmuan serta sejarawan terkemuka dan pernah memegang jawatan Qādī Mesir. Beliau berasal dari Asqalānī, dilahirkan di Mesir pada tahun 773H dan meninggal dunia di Mesir pada tahun 852H.

"Asal melakukan sambutan mawlid adalah bid'ah yang tidak diriwayatkan dari ulama salaf dalam tiga abad pertama. Tetapi di dalamnya terkandung kebaikan-kebaikan dan juga kesalahan-kesalahan. Sesiapa yang melakukan kebaikan di dalamnya dan menjauhi kesalahan-kesalahan, maka ia telah melakukan bid'ah *hasanah* (bid'ah yang baik). Saya telah melihat landasan yang kuat dalam ḥadīth ṣaḥīḥ Bukhārī dan Muslim bahawa Nabi SAW ketika datang ke Madinah maka baginda mendapati orang Yahudi berpuasa pada hari ‘Āsyurā’ iaitu hari 10 Muḥarram. Lalu baginda bertanya mereka : “Kenapa kalian berpuasa pada hari ‘Āsyurā’? Jawab mereka: itulah hari Fir'aun ditenggelamkan dan Musa diselamatkan, maka kami berpuasa kerana bersyukur kepada Allah SWT. Maka Nabi SAW berkata : Kami lebih layak bagi Musa daripada kalian. Dari situ dapat diambil kesimpulan bahawa boleh bersyukur pada hari tertentu yang terjadi nikmat yang besar atau terjadi penyelamatan dari malapetaka, dan ia dilakukan setiap tahun pada hari tersebut. Syukur boleh dilakukan dengan pelbagai macam ibadah, seperti sujud, puasa, sedekah, membaca al-Quran dan sebagainya. Apakah ada nikmat yang paling besar selain kehadiran Rasulullah SAW di muka bumi ini? Maka sebaiknya meyambut mawlid dengan bersyukur melalui cara membaca al-quran, memberi makan fakir miskin, menceritakan keutamaan dan kebaikan Rasulullah yang boleh mendorong hati untuk berbuat baik dan amal soleh. Adapun yang dilakukan dengan cara menperdengarkan muzik dan memainkan alat muzik, maka hukumnya dikembalikan kepada hukum pekerjaan itu, kalau itu harus maka hukumnya harus, kalau itu haram maka hukumnya haram dan kalau itu kurang baik maka begitu seterusnya".²⁵

Pandangan Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī mempunyai persamaan dengan pandangan al-Suyūṭī dalam mengategorikan sambutan maulidur rasul sebagai *bid'ah hasanah* jika aktiviti yang dianjurkan selari dengan syariat dan menjauhi maksiat. Namun beliau mengukuhkan pendapatnya lagi berdasarkan sebuah hadis yang menggambarkan boleh bersyukur pada hari tertentu di atas nikmat yang dikurniakan dan bencana yang dihindarkan. Ini bermakna sambutan hari bersejarah adalah dibenarkan termasuklah hari maulidur rasul. Seterusnya beliau telah menjelaskan cara-cara menzahirkan syukur yang digalakkan dalam Islam dan menjelaskan sambutan maulidur rasul ini merupakan salah satu cara

²⁵ Dipetik dari al-Suyūṭī, al-Imām al-Ḥāfiẓ Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Rahmān bin Abī Bakr (1992), *op.cit.*, ms. 196.

bersyukur yang boleh diaplikasikan dalam masyarakat. Beliau juga memperincikan berkaitan hukum aktiviti-aktiviti yang dianjurkan bersama adalah tertakluk kepada aktiviti itu sendiri dan bukannya kepada sambutan maulidur rasul yang mempunyai kebaikan dan manfaat.

iii) Pandangan Ibn Taymiyyah

Ibn Taymiyyah²⁶ telah menukilkan dalam kitabnya *Iqtidā' al-Sirāt al-Mustaqim* berkaitan isu sambutan maulidur rasul seperti berikut :

و كذلك ما يحدثه بعض الناس اما مضاهاة للنصارى في ميلاد عيسى عليه السلام
واما محبة للنبي صلى الله عليه وسلم وتعظيمها له، والله قد يشيعهم على هذا المحبة
والاجتهاد لا على البدع

"Adapun perbuatan yang dilakukan sebahagian manusia dalam memperingati mawlid Nabi SAW adalah bertujuan untuk menandingi golongan Nasrani yang memperingati kelahiran Isa a.s. atau kerana perasaan cinta dan memuliakan Rasulullah, kemungkinan Allah akan memberi pahala di atas perasaan kasih sayang dan ijtihad, sebaliknya bukan ke atas bid'ah²⁷".

Dalam kegairahan golongan tertentu membida'hkan umat Islam dari menyambut maulidur rasul, mereka lupa bahawa ulama ikutan mereka yang digelar sebagai Syaikh al-Islām iaitu Ibnu Taymiyyah al-Harrāni, walaupun menghukum sambutan maulidur rasul sebagai *bid'ah* yang diada-adakan umat Islam dengan meniru perbuatan kaum Naṣrānī, namun beliau tetap menyatakan

²⁶ Nama sebenarnya ialah Syaikh al-Islām Taqī al-Dīn Abū ‘Abbās Aḥmad bin Syaikh Imām ‘Abd al-Ḥalīm bin Syaikh Imām Syaikh al-Islām Abū Barakāt ‘Abd al-Salām bin ‘Abd Allāh bin Abī Qāsim bin Taymiyyah al-Namīrī al-Harānī al-Dimasyqī. Lahir di Haran tahun 661H. Beliau adalah seorang Imam yang ‘alim, faqih, muhaddis, zuhud dan ahli ibadah. Ketika usia di bawah dua puluh tahun, beliau telah berfatwa, mengajar dan menjadi penasihat ulama’. Meninggal dunia di Damaskus tahun 728H. Antara kitabnya yang terkenal ialah al-Fatāwā, al-Imān, Dār al-Ta‘arud al-‘Aql wa al-Naql dan Manhaj al-Sunnah. Biografi lengkapnya boleh dirujuk dalam al-Bidāyah wa al-Nihāyah dan al-Durar al-Kāminah.

²⁷ Ibn Taymiyyah, Taqī al-Dīn Abū al-‘Abbās Aḥmad ibn ‘Abd al-Ḥalīm ibn ‘Abd al-Salām ibn ‘Abd Allāh (t.th), *Iqtidā' al-Sirāt al-Mustaqim*, Miṣr : Dār al-Hadīth, ms. 266.

bahawa orang yang mengadakan sambutan tersebut diberi pahala di atas niat baik menyambut maulid tersebut demi perasaan cinta dan memuliakan baginda SAW.

Seterusnya Ibn Taymiyyah menegaskan bahawa :

واعلم أن من الأعمال ما يكون فيه خير لاشتماله على أنواع من المشروع،
وفيه أيضاً شر من بدعة وغيرها، فيكون ذلك العمل شراً بالنسبة إلى الاعراض
عن الدين بالكلية، كحال المنافقين والفاسقين.

*"Ketahuilah bahwa antara amalan ada yang mempunyai kebaikan kerana tidak menyalahi syarak dan ada yang buruk kerana ianya bid'ah dan sebagainya. Amalan tersebut menjadi buruk atau jahat kerana menyimpang jauh dari agama secara keseluruhan seperti yang dilakukan golongan munafiq dan fasiq"*²⁸.

Seterusnya Ibn Taymiyyah berkata lagi :

فتعظيم المولد واتخذه موسمًا : قد يفعله بعض الناس، ويكون له فيه أجر عظيم،
لحسن قصده، وتعظيمه لرسول الله صلى الله عليه وآله وسلم، كما قدمته لك
أنه يحسن من بعض الناس : ما يستقبح من المؤمن المسدد، وهذا قيل للإمام
أحمد عن بعض الأمراء : انه أنفق على مصحف ألف دينار ونحو ذلك، فقال :
دعه، فهذا أفضى ما أنفق فيه الذهب، أو كما قال. مع أن مذهبة : أن زخرفة
المصاحف مكرورة. وقد تأول بعض الأصحاب أنه أنفقها في تجديد الورق
والخط. وليس مقصد أ Ahmad هذا، وإنما قصده : أن هذا العمل فيه مصلحة،
وفيه أيضاً مفسدة كره لأجلها.

"Memuliakan maulid dan merayakannya setiap tahun seperti yang dilakukan oleh sebahagian orang akan mendapat ganjaran pahala daripada Allah kerana niatnya yang baik dan memuliakan Rasulullah s.a.w. Ini dapat dilihat dalam kata-kata Imām Aḥmad Ibnu Ḥanbal : Suatu hari pernah ditanyakan kepada Imam Aḥmad tentang tindakan salah seorang raja yang membelanjakan wang 1000 dinar untuk membuat mushaf al-Quran, lalu beliau menjawab: Biarkan, itulah cara terbaik bagi dia untuk membelanjakan hartanya". Padahal Imam Ahmad mengatakan bahawa menghias al-Quran hukumnya adalah makruh. Sesetengah

²⁸ *Ibid.*, ms. 267.

*ulamak berpandangan membelanjakannya untuk memperbaharui kertas dan tulisan, sedangkan bukan maksudnya begitu. Tetapi Imam Ahmad bermaksud terdapat maslahah dalam amalan itu meskipun tidak kurang juga terdapat kerosakan yang dibenci dalam amalan tersebut*²⁹.

Begitulah pendapat Ibn Taymiyyah yang jelas tidak mengingkari sambutan maulidur rasul. Malah beliau menyamakan hukum sambutan ini dengan jawapan Imām Aḥmad bin Ḥanbal pada perbelanjaan besar untuk menghiasi mashaf. Namun demikian, golongan yang mengingkari sambutan ini akan menggunakan pendapat Ibn Taymiyyah secara umum dalam memerangi *bid'ah* untuk melarang sambutan maulidur rasul, sambil meninggalkan kenyataan Ibn Taymiyyah dalam perkara ini secara khusus.

iv) Pandangan Ibn Ḥajar al-Ḥaytami

Ibn Ḥajar Al-Ḥaytami³⁰ telah membuat komentar dalam kitabnya dalam bab perhimpunan dengan bacaan maulid atau zikir-zikir.

"وَسُئلَ نَفْعُ اللَّهِ بِهِ : عَنْ حُكْمِ الْمَوَالِدِ وَالْأَذْكَارِ الَّتِي يَفْعَلُهَا كَثِيرٌ مِّنَ النَّاسِ فِي هَذَا الزَّمَانِ هَلْ هِي سَنَةٌ أَمْ فَضْيَلَةٌ أَمْ بَدْعَةٌ؟ ... فَأَجَابَ بِقَوْلِهِ : الْمَوَالِدُ وَالْأَذْكَارُ الَّتِي تَفْعَلُ عِنْدَنَا أَكْثَرُهَا مُشْتَمَلٌ عَلَى خَيْرٍ، كَصِدْقَةٍ، وَذِكْرٍ، وَصَلَاةٍ وَسَلَامٍ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَمَدْحُهُ..."

"Beliau telah ditanyakan mengenai hukum majlis mawlid dan majlis-majlis zikir yang telah dilakukan oleh orang ramai pada zaman itu, samada ianya adalah sunnah atau satu kelebihan atau bid'ah yang keji ?... Lalu beliau menjawab : Majlis-majlis maulid dan zikir-zikir yang sedang dilakukan sepetimana ditempat kami

²⁹ *Ibid.*, ms. 268.

³⁰ Nama lengkapnya ialah Aḥmad bin Muḥammad bin ‘Alī bin Ḥajar Al-Ḥaytami ḥāfiẓ al-Makkī al-Ṭūrisī al-Syāfi‘ī al-Sa‘dī al-Anṣarī Syihāb al-Dīn. Beliau adalah seorang faqih bermazhab Syāfi‘ī yang teliti dan lebih terkenal dengan panggilan Ibn Ḥajar Al-Ḥaytami, beliau dilahirkan pada tahun 909H dan wafat pada tahun 974H. Antara karyanya ialah *Tuhfah al-Muḥtaj li al-Syarḥ al-Manḥaj*, *Syarḥ al-Mishkat al-Maṣabīḥ*, *al-Fatāwā al-Hadithiyah* dan banyak lagi.

*kebanyakannya mengandungi kebaikan seperti sedeqah, zikir, doa dan selawat ke atas Nabi S.A.W. dan memujinya*³¹.

Dapat disimpulkan bahawa, pendapat Ibn Ḥajar al-Haytami membenarkan sambutan majlis maulidur rasul yang menjalankan aktiviti sedekah, zikir, doa dan selawat ke atas baginda SAW secara beramai-ramai. Asas yang diletakkan beliau adalah kerana aktiviti-aktiviti yang dianjurkan tersebut mengandungi manfaat dan kebaikan.

v) Pandangan Dr. Wahbah al-Zuhayli

Dr. Wahbah al-Zuhayli³² telah menjelaskan mengenai sambutan maulidur rasul seperti berikut :

"إذا كان القصد من الاجتماع مجرد قراءة القرآن والصلوة على النبي صلى الله عليه وسلم، والتحدث عن خصاله وشمائله، من غير اعتقاد كون ذلك قربة شرعية، ولا غناء شطحات، وإنما من أجل التعليم ونشر دعوة الإسلام، والتعرف على أخلاق النبي عليه الصلاة والسلام، أبيح ذلك في تقديري".

"Apabila tujuan perhimpunan sambutan maulidur rasul untuk mengadakan aktiviti tilawah al-quran, selawat ke atas Nabi SAW, menceritakan akhlak dan kesempurnaan baginda SAW, tanpa beriktihad sebagai cara mendekatkan diri menurut syariat, sebaliknya hanya berfungsi untuk mendidik dan menyebarkan dakwah, maka dibenarkan untuk diadakan³³".

³¹ Ibn Ḥajar Al-Haytami, Ahmad bin Muḥammad bin ‘Alī bin Ḥajar al-Haytami al-Makkī al-Misrī al-Shāfi’ī al-Sa’di al-Anṣārī Syihāb al-Dīn (1998M/1419H), *al-Fatāwā al-Hadīhiyyah*, Beirut : Dār Ihyā’ al-Turāth al-’Arabi, ms. 202.

³² Seorang ulamak dari Syria. Dilahirkan di satu daerah di Damsyiq pada tahun 1932. Pengajian menengahnya di Syria, kemudian ke peringkat Universiti di al-Azhar Mesir. Memperolehi Ijazah ‘Aliyah (B.A) di al-Azhar pada tahun 1956 dalam bidang Syari’ah Islam. Kemudian menyambung pengajian ke peringkat M.A. pada tahun 1959 dan PhD pada tahun 1963 di Universiti Qāhirah. Sejak selesai PhD, beliau menjadi pensyarah di Universiti Damsyiq dan pada tahun 1975 dianugerahkan gelaran Profesor. Beliau merupakan pakar dalam ilmu Fiqh, Uṣūl Fiqh dan Fiqh Muqāran. Karya beliau yang termasyhur ialah *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh* yang merangkumi semua bab fiqh meliputi 9 jilid. Antara lain karya beliau lagi ialah *Tafsīr al-Munīr*, *al-Wajīz fī al-Fiqh al-Islāmī*, *al-Wajīz fī Uṣūl al-Fiqh* dan banyak lagi.

³³ al-Zuhayli, Wahbah. (2003M/1424H), *Fatāwā Mu’āṣarah*, Damsyiq : Dār al-Fikr, ms. 295.

Beliau juga ada mengemukakan pandangannya berkenaan sambutan maulidur rasul di dalam karangan yang lain seperti mana nukilan berikut :

"إِذَا كَانَ الاحتفالُ بِمَوْلَدِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَقْصُورًا عَلَى تِلَاءَةِ الْقُرْآنِ
وَالْتَّذْكِيرِ بِالسِّنَّةِ النَّبُوَّيَّةِ وَالتَّارِيخِ الْإِسْلَامِيِّ وَتَضْحِيَاتِ السَّلْفِ الصَّالِحِ، فَلَا يَأْسُ
بِهِ، لِأَنَّهُ تَذْكِيرٌ بِالْخَيْرِ وَدُفْعٌ إِلَيْهِ، وَحِلْمٌ عَلَى الْاسْتِنَانِ وَالْتَّشَبِيهِ بِمَكَارِمِ وَفَضَائِلِ
أَخْلَاقِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَصَحْبِهِ الْكَرَامِ"

"Apabila perhimpunan sambutan mawlid Nabi SAW bertujuan mengadakan aktiviti tilawah al-Quran, mengingatkan sunnah-sunnah, menyoroti sejarah Islam dan mengenang pengorbanan salaf al-ṣāliḥ, maka tidak menjadi masalah. Ini adalah kerana mengingatkan kebaikan akan menghindarkan keburukan dan membawa kepada mencontohi kemuliaan akhlak Nabi SAW serta para sahabat yang mulia.³⁴".

Tokoh ulama kontemporari ini berpandangan, sambutan maulidur rasul boleh diadakan di kalangan masyarakat kerana aktiviti-aktiviti yang diadakan bermanfaat dan tidak bercanggah dengan syariat Islam. Beliau juga menegaskan bahawa sambutan sedemikian tidak sepatutnya dianggap cara dalam mendekatkan diri kepada Allah SWT menurut syariat. Seterusnya beliau juga menukilkan pendapat al-Suyūṭī dalam membenarkan sambutan tersebut diadakan.

vi) Pandangan Syaikh ‘Aṭiyyah al-Šaqr

Syaikh ‘Aṭiyyah al-Šaqr³⁵ telah memberi pandangan mengenai sambutan maulidur rasul seperti berikut :

³⁴ al-Zuḥaylī, Wahbah (1999M/1419H), *al-Bid‘ al-Munkarah*, Damsyiq : Dār al-al-Maktabī, cet. 1, ms. 49.

³⁵ Nama beliau ialah Syaikh ‘Aṭiyyah Muḥammad ‘Aṭiyyah Šaqr. Beliau masyhur dengan panggilan Syaikh ‘Aṭiyyah Šaqr. Dilahirkan di perkampungan Behna Bai, Zaqqaziq Syarqiyyah pada hari Ahad tanggal 4 Muharram 1333H bersamaan 22 November 1914M. Beliau mula menghafaz al-Quran ketika berumur 9 tahun dan beliau mula meminati dan mempelajari bidang

"ورأيي أنه لا بأس بذلك فيه هذا العصر الذي كاد الشباب ينسى فيه دينه وأمجاده، في غمرة الاحتفالات الأخرى التي كادت تطغى على المناسبات الدينية، على أن يكون ذلك بالتفقه في السيرة... مع البعد عن كل المحرمات مثل الاختلاط المريب بين الرجال والنساء، وانتهاز الفرصة لزاولة أعمال غير مشروعة..."

"Saya berpendapat tidak menjadi kesalahan untuk menyambut mawlid. Apatah lagi di zaman ini pemuda pemudi Islam semakin lupa dengan agama dan kemuliaannya. Antara perkara yang munasabah dilakukan ialah mendalamai sirah kehidupan baginda dan sebagainya... sambutan tersebut janganlah dicemari dengan perkara-perkara haram seperti pergaulan bebas antara lelaki serta wanita tanpa batas dan menjauhi perkara yang bertentangan syariat³⁶".

Berdasarkan pandangan tokoh ulamak ini, asas beliau dalam membenarkan sambutan ini adalah untuk menghidupkan sirah baginda SAW di dalam kehidupan masyarakat masa kini dan aktiviti yang dianjurkan ialah tidak melibatkan maksiat. Ini menunjukkan sambutan ini boleh dilaksanakan kerana mempunyai manfaat dan kebaikan.

Demikianlah disoroti beberapa pandangan tokoh sarjana hukum Islam berkaitan keharusan dan kewajaran sambutan maulidur rasul dilaksanakan pada hari ini. Para ulamak telah mengkategorikan sambutan ini sebagai *bid'ah hasanah*. Seterusnya aktiviti-aktiviti yang dianjurkan mestilah selari dengan

fiqh ketika berusia 10 tahun. Beliau memulakan pengajian secara formal di sebuah sekolah rendah yang terdapat di kampung beliau, Behna Bai. Minat beliau pada ilmu tidak pernah berkurang. Ini dibuktikan apabila beliau melanjutkan pengajiannya ke Sekolah Tinggi Agama di Zaqqaziq (Maahad Zaqqaziq al-'Ali al-Dinî) pada tahun 1928. Beliau mendapat Shahadah 'Aliyah (Sijil Tinggi) pada tahun 1941 dalam bidang Usuluddin penghususan bidang dakwah. Pernah berkhidmat di Kementerian Waqaf (agama) Mesir sebagai imam, khatib dan tenaga pengajar di Masjid Abdul Karim Ahmadi yang terletak di Bab al-Sya'riyyah di Qâhirah pada 16 Ogos 1943. Kemudian pada bulan Februari 1944, beliau ditugaskan ke Masjid al-Arba'in al-Bahri (sekarang dengan nama masjid Ammar bin Yasir) di Giza. Pemergian al-Marhum sangat dirasai oleh setiap umat Islam khususnya kepada golongan yang mencintai para ulama. al-Marhum kembali ke rahmatullah pada pagi 18 Zulkaedah 1427 bersamaan 9 Disember 2006 di rumah beliau di St. Theresa, Syubro.

³⁶ 'Atiyyah Saqr (t.th), *Al-Fatâwâ min Ahsani al-Kalâmi fî al-Fatâwâ wa al-Ahkâm*, Qâhirah : Maktabah al-Tawfiqiyah, juz 1, ms. 271.

syariat dan mempunyai manfaat yang besar di kalangan masyarakat dalam mewujudkan perasaan cinta, kasih serta mengagungkan Nabi SAW.

3.2.2 Hujah-Hujah Penolakan Terhadap Sambutan Maulidur Rasul

Sambutan maulidur rasul telah menjadi isu yang kontroversi sejak sekian lama di tanah air ini. Terdapat pelbagai alasan yang diberikan dalam menentang sambutan ini daripada diadakan. Berikut dinyatakan beberapa alasan dan hujah penolakan terhadap maulidur rasul.

i) Perbuatan *Bid‘ah*

Bagi golongan yang menolak sambutan maulidur rasul telah menyatakan bahawa masyarakat yang menyambut setiap tahun seolah-olah menambah syariat dalam agama. Sedangkan syariat telah pun sempurna sebelum baginda SAW wafat. Perkara ini jelas merupakan bentuk perlenggaran terhadap hak Allah SWT kerana telah membuat syariat yang baru.³⁷ Dalam erti kata lain juga menganggap Allah SWT tidak menyempurnakan agama dan Nabi SAW telah menyembunyikan risalah yang hak³⁸. Sikap ini adalah merupakan penafian terhadap firman Allah SWT berikut :

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمْ إِلَّا سَلَامَ دِينًا

³⁷ Muḥammad bin Ṣalīḥ bin ’Uthaimīn (1993), *Fatāwā al-’Aqidah : As’ilah Hāmmah Muḥaqaqah wa Ajūbah Nāfi’ah fī al-’Aqīdah al-Ṣaḥīḥah*, Qāhirah : Maktabah al-Sunnah, ms. 622.

³⁸ Al-Qaṣṣāṣ, Usāmah bin Tawfīq bin ‘Abd al-Rahmān (1988M/1408H), *Isyrāqah al-Syur‘ah fī al-Hukm ‘ala Taqdīm al-Bid‘ah*, Beirut : al-Maktab al-Islāmī, cet. 1, ms. 15. ‘Abd al-Rauf Muḥammad Uthmān (1414H), *Maḥabbah al-Rasūl s.a.w. bayna al-Ittibā’ wa al-Ibtidā’*, Riyāḍ : Riasah Idārah al-Buhūth al-Ilmiyyah wa al-Iftā’, cet. 2, ms. 225.

(...pada hari ini telah Aku sempurnakan untuk kamu agamamu, dan telah Aku cukupkan kepadamu nikmat-Ku, dan telah Aku redhai Islam itu jadi agama bagimu...)

Surah al-Mā''idah (5) : 3

Golongan ini menjelaskan sambutan maulidur rasul termasuk perbuatan *bid'ah* yang patut ditinggalkan disebabkan baginda SAW tidak pernah menyambut hari kelahirannya, padahal baginda SAW sendiri yang mengajarkan agama dan membawa syariat dari Allah SWT. Begitu juga baginda SAW tidak pernah memerintahkan para sahabat dan *tabi'īn* melakukan sambutan maulidur rasul.³⁹ Antara dalil-dalil yang digunakan golongan ini adalah seperti berikut :

Daripada Jābir bin ‘Abd Allāh r.a. bahawa Nabi SAW pernah bersabda di dalam khutbahnya :

فَإِنْ خَيْرُ الْحَدِيثِ كِتَابُ اللَّهِ وَخَيْرُ الْهَدِىٰ هَدْيٌ مُّحَمَّدٌ وَشَرُّ الْأُمُورِ مُحْدَثَاتُهَا
وَكُلُّ بَدْعَةٍ ضَلَالٌ

“Sesungguhnya sebaik-baik bicara ialah kitab Allah, seterusnya sebaik-baik petunjuk ialah petunjuk yang dibawa Nabi Muhammad SAW dan seburuk-buruk perkara ialah perkara yang diadakan, dan setiap *bid'ah* itu adalah sesat”⁴⁰.

Golongan ini berpandangan bahawa hadis di atas menunjukkan makna umum serta dikekalkan keumumannya tanpa ada pengecualian dan dalam perkara *bid'ah* tidak ada yang baik. Hadis ini juga tidak membezakan antara *bid'ah* yang satu dengan yang lainnya dalam hukum, kerana bentuk *nakirah* apabila

³⁹ ‘Abd al-‘Azīz bin ‘Abd Allāh bin Bāz, *et.al.* (t.th), *Fatāwā ‘Aṣriyyah fī Masā'il Shar'iyyah : Fatāwā ‘Ulamā’ al-Balad al-Harām*, Qāhirah : Dār al-Haitham, ms. 232-234.

⁴⁰ al-Nawawī, Abī Zakariyyā Yahyā ibn Syarf al-Dimasyqī, *op.cit.*, *Kitāb al-Jum‘ah : Bāb Rafa‘a al-Šaūt fī al-Khuṭbah wa mā Yaqūl fī hā*, no. 2002, jld 6, ms.392.

diidatkan, akan mengandungi makna umum. Justeru itu, sesuatu yang umum tidak dapat dikhususkan melainkan dengan adanya pengecualian⁴¹.

Golongan ini⁴² pula menjelaskan perkataan “كُلٌّ” membawa makna umum kerana angin tersebut menghancurkan segala sesuatu yang diperintahkan Tuhan, bukan segala sesuatu yang ada di dunia⁴³. Perkara ini boleh dilihat di dalam tafsiran para ulama seperti berikut :

وَإِنَّمَا عَنِ بِقَوْلِهِ (ثَدَمَرٌ كُلٌّ شَيْءٍ بِأَمْرِ رَبِّهَا) مَا أَرْسَلْتَ بِهِ لَكُمْ لَمْ تَدْمِرْ هُودًا وَمَنْ كَانَ آمِنٌ بِهِ.

“Maksud firman Allah ; (yang menghancurkan segala sesuatu dengan perintah Tuhan), adalah menghancurkan segala yang diperintahkan. Sebab ia tidak menghancurkan Nabi Hud dan orang-orang yang beriman bersamanya⁴⁴”.

أَيْ كُلُّ شَيْءٍ مُرْتَعِلٌ عَلَيْهِ مِنْ رِجَالٍ عَادٍ وَأَمْوَالِهِ
“Maksudnya ialah angin tersebut menghancurkan segala sesuatu yang dilintasinya, iaitu kaum ‘Ād dan harta benda mereka⁴⁵”.

Seterusnya dalil kedua dari ‘Irbād bin Sariyah bahawa Nabi SAW pernah memberi nasihat pada suatu hari selepas solat subuh :

وَإِنَّمَا كُمْ وَمُحْدَثَاتِ الْأَمْوَالِ فِي أَهْمَانِهَا ضَلَالٌ

“Hendaklah kamu berwaspada dengan perkara-perkara baru (yang dicipta dalam agama ini), maka sesungguhnya ia adalah sesat”,⁴⁶.

⁴¹ ‘Abd al-Ḥamīd, ‘Alī Ḥasan ‘Alī (1417H) ‘Ilm Uṣūl al-Bid’, Riyād : Dār al-Rāyah li Nasyr wa al-Tawzī’, cet. 2, ms. 91. Abī ‘Ubaidah Masyhur bin Ḥasan Ali Salmān, et.al (2009M/1430H), *Qārnūs al-Bid’ Mustakhraj min Kutub al-Imām al-‘Allāmah Muḥammad Naṣr al-Dīn al-Albānī*, Qatār : Dār al-Imām al-Bukhārī, cet. 3, ms. 116.

⁴² Perbahasan golongan ini telah dibincangkan dalam bab pertama pada ms. 52.

⁴³ ‘Abd al-Ḥamīd, ‘Alī Ḥasan, *op.cit.*, ms. 93.

⁴⁴ al-Ṭabarī, Abī Ja’far Muḥammad bin Jarīr (2001M/1422H), *Tafsīr al-Ṭabarī Jāmi‘ al-Bayān ‘an Ta’wīl al-Qurān*, Qāhirah : Markaz al-Buhūth al-Dirāsāt al-‘Arabiyyah wa al-Islamiyyah bi Dār Hajar, cet. 1, jld : 21, ms. 158.

⁴⁵ al-Qurtubī, Muḥammad ibn Aḥmad (2006M/1427H), *al-Jāmi‘ li Aḥkām al-Qurān*, Beirut : Muassasah al-Risālah, cet. 1, jld. 19, ms. 214.

Golongan ini yang menolak pembahagian *bid'ah* kepada dua mengatakan hadis di atas sangat jelas menganjurkan untuk berpegang teguh kepada *sunnah* dan menjauhi *bid'ah*. *Sunnah* dan *bid'ah* merupakan perkara yang saling bertentangan sebagaimana analogi cara untuk mengenal cahaya adalah dengan cara mengenal gelap dan sebagainya⁴⁷.

Berikut dalil ketiga dari al-Bukhārī dan Muṣlīm yang meriwayatkan sebuah hadis yang bersumberkan daripada ‘Aisyah r.ha. bahawa Rasulullah SAW telah bersabda :

مَنْ أَحْدَثَ فِي أَمْرِنَا هَذَا مَا لَيْسَ فِيهِ فَهُوَ رَدٌّ

“Sesiapa yang mengada-adakan sesuatu perkara yang baru dalam urusan kami ini, yang ia bukannya daripada urusan kami, maka ia tertolak”⁴⁸.

Dalam riwayat Muṣlīm pula disebutkan dengan lafaz berikut :

مَنْ عَمِلَ عَمَلاً لَيْسَ عَلَيْهِ أَمْرُنَا فَهُوَ رَدٌّ

“Sesiapa yang mengerjakan sesuatu perbuatan yang tidak kami perintahkan, maka amalnya itu ditolak”⁴⁹.

Bagi golongan ini, hadis di atas merupakan suatu kaedah agama kerana di dalamnya memuatkan hukum-hakam agama yang tidak boleh dihadkan.

⁴⁶ al-Tirmidhī, Muhammad bin 'Isā bin Sawrah (t.th), *Sunan Tirmidhī*, Taḥqīq : Muḥammad Naṣr al-Dīn al-Albānī, Riyāḍ : Maktabah al-Mā'arif lil Nashr wa al-Tawzī', cet. 1, no. 2676, ms. 603.

⁴⁷ 'Abd al-Ḥamīd, 'Alī Ḥasan 'Alī, *op.cit.*, ms. 38-39.

⁴⁸ al-Bukhārī, Abī 'Abd Allāh Muḥammad bin Ismā'īl bin Ibrāhīm bin Bardizbah al-Ju 'fā, *op.cit.*, *Kitāb al-Ṣulh* : *Bāb Iżā Iṣṭolahū ala Ṣulh Jawzi fa al-Ṣulh Mardud*, no. 2499, jld. 2, ms. 5. al-Nawawī, Abī Zakariyyā Yaḥyā ibn Syarf al-Dimasyqī, *op.cit.*, *Kitāb al-Uqdāh* : *Bāb Naqd al-Ahkām al-Bātilah wa Radd Muhdathāt al-Umār*, no. 4467, jld 12, ms.242.

⁴⁹ *Ibid.*, no. 4468, jld 12, ms.242.

Demikianlah jelasnya dalil yang menyangkal ahli fiqh yang berpendapat bahawa *bid‘ah* itu terbahagi kepada beberapa bahagian⁵⁰.

Mereka juga menjelaskan bahawa hadis ini merupakan “جوامع الكلم” iaitu sabda Nabi SAW yang ringkas, namun mempunyai makna yang padat. Justeru itu, secara jelas dan terang hadis ini menolak setiap *bid‘ah* dan *muḥdathāt*⁵¹.

Berdasarkan dalil-dalil di atas, justeru itu sambutan maulidur rasul dinyatakan sebagai *bid‘ah* kerana merupakan perkara baru yang diada-adakan di dalam agama dan baginda SAW sendiri tidak pernah melakukannya.

Sebenarnya dalam isu ini, bukan semua perkara yang tidak dilakukan oleh para salaf dan tiada pada kurun-kurun awal Islam adalah *bid‘ah sayyi‘ah* dan jatuh hukum haram. Bahkan perkara-perkara yang baru dalam agama, perlu dibentangkan kepada dalil-dalil syarak. Sesuatu perkara yang mempunyai *maṣlaḥah* maka ia wajib diteruskan, jika mengandungi perkara haram maka ia haram. Begitulah juga jika mengandungi perkara makruh maka ia menjadi makruh, jika mengandungi perkara harus maka ia menjadi harus dan jika mengandungi perkara yang sunat maka ia juga sunat. Demikianlah dalam menentukan hukum sesuatu amalan itu perlu berasaskan kepada matlamat⁵².

⁵⁰ Al-Syawkānī, Muḥammad bin ‘Alī bin Muḥammad al-Yamānī (t.th), *Nailūl Awtar*, Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, jld 2, ms 79.

⁵¹ Abī ‘Ubaidah Masyhur bin Ḥasan Ali Salmān, *op.cit.*, ms. 120.

⁵² Sayyid Muḥammad ‘Alawī al-Mālikī (1419H), *op.cit.*, ms. 395.

Walaupun sambutan maulidur rasul adalah *bid'ah* kerana tidak pernah diadakan pada zaman baginda SAW, tetapi sambutan ini adalah baik kerana termasuk di bawah dalil-dalil syarak dan kaedah-kedah umum.⁵³ Jelas bahawa tidak semua perkara baru dalam agama atau tidak pernah dilakukan oleh generasi salaf dianggap *bid'ah* yang haram.

Bukanlah setiap *bid'ah* itu diharamkan, sekiranya begitu tentulah haram perkara-perkara baru yang pernah dilakukan oleh para sahabat suatu ketika dahulu. Berikut dibentangkan beberapa perkara baru yang pernah dilakukan oleh para sahabat :

عَنْ رَفَاعَةَ بْنِ رَافِعٍ الزُّرْقِيِّ قَالَ كُنَّا يَوْمًا نُصَبَّلِي وَرَأَءَ التَّبَّيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَلَمَّا رَفَعَ رَأْسَهُ مِنَ الرَّكْعَةِ قَالَ سَمِعَ اللَّهُ لِمَنْ حَمِدَهُ قَالَ رَجُلٌ وَرَأَءَهُ رَبَّنَا وَلَكَ الْحَمْدُ حَمْدًا كَثِيرًا مُبَارَكًا فِيهِ فَلَمَّا أَنْصَرَفَ قَالَ مَنْ الْمُنْتَكِلُمُ قَالَ أَنَا قَالَ رَأَيْتُ بِضَعْفَةً وَشَلَاثِينَ مَلَكًا يَسْتَدِرُونَهَا أَيُّهُمْ يَكْتُبُهَا أَوْلَ

“Dari pada Rifā‘ah bin Rāfi‘ al-Zuraqī berkata : Pada suatu hari kami solat di belakang Nabi SAW. Apabila baginda S.A.W mengangkat kepala daripada ruku’, baginda menyebutkan : سَمِعَ رَبَّنَا : . اللَّهُ لِمَنْ حَمِدَهُ . Lalu seorang lelaki di belakangnya berkata : . وَلَكَ الْحَمْدُ حَمْدًا كَثِيرًا طَيْبًا مُبَارَكًا فِيهِ . Setelah selesai solat, Nabi SAW bertanya siapa yang berkata tadi, lalu lelaki tersebut menyahut saya. Nabi SAW pun berkata : Aku melihat lebih dari tiga puluh malaikat berlumba-lumba ingin mencatat doa itu terlebih dahulu⁵⁴”.

Pengarang kitab *Fath al-Bārī* mengulas bahawa hadis di atas menjadi dalil keharusan mengada-adakan zikir yang tidak *ma’thūr* dalam solat, jika ianya tidak bercanggah dengan zikir yang *ma’thūr*. Hadis ini juga menjadi dalil dalam

⁵³ *Ibid.*, ms. 397.

⁵⁴ al-Bukhārī, Abī ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘īl bin Ibrāhīm bin Bardizbah al-Ju’fā, *op.cit.*, *Abwāb Ṣifat al-Ṣalah : Bāb Faḍl Allāh humma Rabbanā laka al-Ḥamd*, no. 757, jld. 1, ms. 192.

membolehkan untuk menzahirkan suara semasa solat dalam batas yang tidak mengganggu⁵⁵.

Namun bagi golongan yang menolak pembahagian *bid'ah* menyatakan hadis di atas bukanlah hujah yang benar dalam menjelaskan kewujudan *bid'ah hasanah*. Menurut mereka, amalan para sahabat yang mengada-adakan zikir yang tidak *mā'thūr* adalah *sunnah* secara *taqrīr* oleh Nabi SAW, bukan merupakan *bid'ah* dan berlaku semasa era *tasyri'* iaitu ketika baginda SAW masih menerima wahyu⁵⁶.

Seterusnya Abu Bakar r.a., ‘Umar r.a. dan Zaid r.a. pernah mencetuskan idea untuk mengumpulkan al-Quran dan menuliskan di dalam bentuk *mashaf* lantaran bimbang akan kehilangan ayat-ayat al-Quran berikutan dengan kematian para penghafaz di kalangan sahabat.

...قَالَ زَيْدٌ قَالَ أَبُو بَكْرٍ إِنَّكَ رَجُلٌ شَابٌ عَاقِلٌ لَا تَنْهَمُكَ وَقَدْ كُنْتَ تَكْتُبُ الْوَحْيَ لِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَتَسْبِعُ الْقُرْآنَ فَاجْمَعْهُ فَوَاللَّهِ لَوْ كَلَفْوَنِي نَقْلُ جَبَلٍ مِنْ الْجَبَالِ مَا كَانَ أَنْقَلَ عَلَيَّ مِمَّا أَمْرَنِي بِهِ مِنْ جَمْعِ الْقُرْآنِ قُلْتُ كَيْفَ تَفْعَلُونَ شَيْئًا لَمْ يَفْعَلْهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ هُوَ وَاللَّهُ خَيْرٌ فَلَمْ يَزَلْ أَبُو بَكْرٍ يُرَاجِعُنِي حَتَّى شَرَحَ اللَّهُ صَدَرِي لِلَّذِي شَرَحَ لَهُ صَدَرَ أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا ...

“...Abu Bakar mengutuskan kepada Zaid arahan supaya beliau mendapatkan al-Quran yang berada di pelbagai tempat untuk di kumpulkan. Mendapat arahan tersebut lalu Zaid berkata : Demi Allah, jika engkau perintahkan aku supaya memindahkan salah sebuah bukit, tentunya arahan itu tidak seberat arahan kepadaku supaya mengumpulkan al-Quran ini. Zaid berkata lagi :

⁵⁵ Lihat Ibn Hajar al-‘Asqalānī, Aḥmad bin ‘Ali, *op.cit.*, *Kitāb al-Adhān* : *Bāb Faḍl Allāh humma Rabbanā laka al-Ḥamd*, jld. 2, ms. 335.

⁵⁶ Izzat, ‘Alī ‘Atiyyah (1980M/1400H), *al-Bid'ah Taḥdiduhā wa Mawqif al-Islām min hā*, Beirut : Dār al-Kutub al-‘Arabī, ms. 143-144.

Bagaimana kamu hendak melakukan kerja yang tidak pernah dilakukan oleh Rasulullah SAW? Abu Bakar menjawab : Demi Allah, ia adalah kerja yang baik. Maka Abu Bakar terus mendesak aku sehingga Allah melapangkan dadaku sebagaimana Dia melapangkan dada Abu Bakar r.a. dan Umar r.a. ...⁵⁷

Pengumpulan al-Quran telah menjadi satu kewajipan ke atas orang Islam, sedangkan ia adalah perkara baru. Tujuannya ialah untuk menjaganya supaya tidak hilang. Lantaran itu Allah SWT mengilhamkan kepada ‘Umar r.a. untuk berfikir tentang menjalankan perkara baru yang wajib ini. Ini kerana usaha tersebut mendatangkan kebaikan yang besar kepada Islam dan umatnya⁵⁸.

Namun begitu, peristiwa pengumpulan al-Quran oleh para sahabat bukanlah hujah yang benar dalam mengada-adakan perkara baru menurut golongan yang menolak pembahagian *bid‘ah*. Menurut mereka usaha pengumpulan al-Quran bukanlah perbuatan *bid‘ah* sama sekali, sebaliknya satu perbuatan *sunnah* iaitu *sunnah Khulafā’ al-Rāsyidīn* dan juga satu perkara yang termasuk dalam *maṣlaḥah mursalah*⁵⁹.

Begitu juga inisiatif ‘Umar r.a. dalam mengumpulkan umat Islam bersolat terawih berjemaah yang tidak pernah dilakukan oleh Nabi SAW ketika hayat

⁵⁷ Lihat Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, Aḥmad bin ‘Ali, *op.cit.*, *Kitāb Faḍā'il al-Quran: Bab Jam‘u al-Quran*, no. 4986, jld. 8, ms. 639.

⁵⁸ ‘Abd Allāh bin al-Syaikh Abī Bakr bin Sālim al-Syāfi‘ī (1426H), *Khulāṣah al-Kalām fī al-Iḥtifāl bi Mawlid Khari al-Anām*, UAE : Dār al-Faqīh, ms. 22-23.

⁵⁹ al-Syāṭibī, Ibrāhīm ibn Mūsā al-Lakhmī (2003M/1424H), *Kitāb al-I’tiṣām*, Beirut : Dār al-Fikr, jld. 1, ms. 81-82.

baginda SAW⁶⁰. Namun disarankan oleh ‘Umar r.a. melalui kata-katanya **نعمَ الْبِدْعَةُ هَذِهِ**

sebagaimana yang terdapat di dalam hadis berikut :

وَعَنْ أَبْنَى شِهَابٍ عَنْ عُرْوَةَ بْنِ الْزُّبِيرٍ عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ عَبْدِ الْقَارِيِّ أَنَّهُ قَالَ
خَرَجْتُ مَعَ عُمَرَ بْنَ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ لَيْلَةً فِي رَمَضَانَ إِلَى الْمَسْجِدِ فَإِذَا
النَّاسُ أَوْزَاعُ مُتَفَرِّقُونَ يُصْلِي الرَّجُلُ لِنَفْسِهِ وَيُصْلِي الرَّجُلُ فِي صَلَاتِهِ الرَّهْطُ
فَقَالَ عُمَرُ إِيْ أَرَى لَوْ جَمِعْتُ هَؤُلَاءِ عَلَى قَارِئٍ وَاحِدٍ لَكَانَ أَمْثَلَ ثُمَّ عَزَمَ
فَجَمَعَهُمْ عَلَى أُبَيِّ بْنِ كَعْبٍ ثُمَّ خَرَجْتُ مَعَهُ لَيْلَةً أُخْرَى وَالنَّاسُ يُصْلُونَ يُصْلَاهُ
قَارِئِهِمْ قَالَ عُمَرُ نِعْمَ الْبِدْعَةُ هَذِهِ

“Daripada ibn Syihab, daripada ‘Urwah bin al-Zubayr, daripada ‘Abd al-Rahman ibn ‘Abd al-Qari katanya : Aku telah keluar bersama-sama dengan ‘Umar al-Khattab r.a. pada suatu malam Ramadan menuju ke masjid, tiba-tiba melihat ramai bersolat secara berselerak iaitu secara bersendirian dan terdapat juga solat berjemaah. Melihat keadaan tersebut, ‘Umar terus berkata : Aku lihat alangkah baiknya jika dikumpulkan kesemua ini bersolat berimamkan seseorang. Kemudian beliau mengumpulkan mereka untuk bersolat di belakang ‘Ubay bin Ka‘ab. Kemudian pada suatu malam yang lain ketika beliau keluar melihat mereka semua sekali berimamkan seseorang maka beliau berkata : Ini adalah sebaik-baik bid‘ah...⁶¹”

Walaupun begitu, golongan yang tidak menerima wujudnya *bid‘ah hasanah* menyatakan *bid‘ah* pada ungkapan ‘Umar r.a. **نعمَ الْبِدْعَةُ هَذِهِ**”

adalah merujuk kepada maksud bahasa dan bukannya maksud istilah syarak. Ini adalah kerana, *bid‘ah* secara bahasa bererti segala sesuatu yang dilakukan kali pertama tanpa contoh sebelumnya, sedangkan *bid‘ah* secara istilah bererti segala

⁶⁰ Lihat ‘Abd al-Karīm Murād, *et.al.* (1993M/1414H), *Al-Taḥdhīr min al-Ightirār bi mā Jāa fī Kitāb al-Hiwar*, t.tpt : t.pt. cet. 3, ms. 69-70.

⁶¹ Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, Ahmad bin ‘Ali, *op.cit.*, *Kitāb Ṣalāh al-Tarāwiḥ : Bāb Fadl man Qāma Ramaḍhān*, no. 1958, jld. 4, ms. 294-295.

sesuatu yang tidak bersandarkan dalil-dalil syarak⁶². Seterusnya golongan ini juga memberi alasan lagi bahawa solat tarawih bukan termasuk amalan *bid'ah* dalam syariat, tetapi termasuk dalam amalan *sunnah* sesuai dengan perbuatan Nabi SAW, bahkan pernah dilakukan secara berjamaah pada beberapa malam di awal bulan Ramadan. Demikianlah, perbuatan yang pernah dilakukan oleh Nabi SAW termasuk dalam *sunnah*⁶³. Malah golongan ini juga menegaskan amalan *Khulafā' al-Rāsyidīn* bukanlah perkara *bid'ah*, sebaliknya satu bentuk *sunnah* yang perlu diikuti oleh masyarakat sebagaimana hadis Nabi SAW berikut :

فَإِنَّهُ مَنْ يَعْشُ مِنْكُمْ بَعْدِي فَسَيَرَى اخْتِلَافًا كَثِيرًا فَعَلَيْكُمْ بِسْتَرِي وَسَنَةُ الْخُلُفَاءِ
الْمَهْدِيَّينَ الرَّاشِدِيَّينَ تَمَسَّكُوا بِهَا وَاعْضُوا عَلَيْهَا بِالْتَّوَاجِدِ وَإِيَّاكُمْ وَمُؤْمِنَاتِ
الْأُمُورِ فَإِنَّ كُلَّ مُحْدَثَةٍ بِدْعَةٌ وَكُلَّ بِدْعَةٍ ضَلَالٌ

“Sesungguhnya sesiapa yang hidup selepasku akan melihat perselisihan yang banyak. Maka hendaklah kalian berpegang kepada sunnahku dan sunnah *Khulafā' al-Rāsyidīn* *al-Mahdiyyin* (mendapat petunjuk). Berpeganglah dengannya dan gigitlah ia dengan geraham. Jauhilah kamu perkara-perkara yang diadakan (dalam agama) kerana setiap yang diada-adakan itu adalah *bid'ah* dan setiap *bid'ah* adalah sesat⁶⁴”.

Demikianlah beberapa perkara baru yang pernah berlaku ketika hayat baginda SAW mahupun selepas kewafatan baginda SAW. Walaupun tidak pernah dilakukan oleh baginda SAW sendiri, namun para Sahabat yang melakukan perkara baru tersebut mendapat keizinan bahkan dipuji oleh baginda SAW dan selepas kewafatan baginda SAW pula para Sahabat berijihad perkara baru tersebut mengandungi kebaikan. Bukanlah setiap perkara baru yang tidak pernah dilakukan oleh baginda SAW dilabel sebagai *bid'ah* lantaran ketiadaan dalil

⁶² al-Syātibī, Ibrāhīm ibn Mūsā al-Lakhmī (2003M/1424H), *op.cit.*, jld. 1, ms. 127.

⁶³ ‘Abd al-Ḥamīd, ‘Alī Ḥasan ‘Alī, *op.cit.*, ms. 126.

⁶⁴ Abī Daud, Sulaymān bin al-Asy‘ath al-Sajastānī (t.th), *Sunan Abī Daud : Bāb fī Luzūmi al-Sunnah*, Tahqīq : Muḥammad Naṣr al-Dīn al-Albānī, Riyāḍ : Maktabah al-Ma’ārif lil Nasyr wa al-Tawzī’, no. 4607, ms. 832.

secara khusus atau tersurat, sedangkan perkara baru tersebut boleh termasuk di bawah keumuman dalil daripada al-Quran dan hadis. Kefahaman yang boleh diambil dari hadis-hadis di atas ialah peristiwa khusus yang berlaku boleh digunakan pengajarannya secara umum sebagaimana kaedah berikut :

العِرْةُ بِعَمُومِ الْلَّفْظِ لَا بِخُصُوصِ السَّبِبِ

“Pengajaran yang diambil kira ialah lafaz secara umum, bukannya sebab yang khusus”⁶⁵.

Berkaitan pendapat yang menyatakan sesuatu perkara yang tidak pernah dilakukan oleh baginda SAW, para sahabat dan para ulama salaf adalah haram atau *bid‘ah dalālah* kerana menyalahi al-Quran dan hadis⁶⁶, sebagai contoh sambutan maulidur rasul yang dibincangkan ini, sebenarnya adalah tidak tepat. Walaupun pada awal pernyataan pendapat tersebut nampak benar, namun akhir pernyataan jelas kelihatan salah. Memang benar terdapat sesuatu perkara baginda SAW, para sahabat dan para ulama salaf tidak pernah mengerjakannya. Namun yang menjadi salah terhadap pernyataan di atas adalah hukum yang dilabelkan sebagai haram atau *bid‘ah dalālah*. Justeru itu, perkara yang tidak dilakukan tidaklah boleh diambilkira sebagai dalil, bahkan penghukuman berdasarkan kaedah tersebut adalah penghukuman tanpa dalil. Ini kerana, dalil pengharaman sesuatu perkara haruslah berdasarkan *nass-nass* al-Quran dan hadis. Oleh kerana itu, jelas bahawa perkara yang tidak dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW bukan

⁶⁵ al-Isnāwī, Jamāl al-Dīn ’Abd al-Rahīm bin al-Ḥasan (t.th), *Nihāyat al-Sūl fī sharḥ minhāj al-Wuṣūl ilā ’Ilm al-Uṣūl*, Beirut : ‘Ālam al-Kutub, juz. 2, ms. 477.

⁶⁶ Lihat al-Tuwayjirī, Ḥamūd bin ’Abd Allāh bin Ḥamūd (1983), *al-Rad al-Qawiī ‘alā al-Rifā’ī wa al-Majhūl wa ibn ‘Alawī wa Bayān Akhṭāhīm fī al-Mawlid al-Nabawī*, Riyād : Dār al-Liwā, ms. 6. Lihat ’Abd Allāh bin Sulaymān bin Manī‘ (1983M/1403H), *Hiwār Maa’ al-Mālikī fī Rad Munkarātīhi wa Dalālātīhi*, t.tp., t.pt., cet.3, ms. 56-57.

termasuk hujah untuk melarang dan mengharamkan dari dilaksanakan⁶⁷. Kaedah ada menjelaskan :

الترك لا يفيد تحرير الشيء

“Perkara yang ditinggalkan, bukanlah menunjukkan haram⁶⁸..”

Kaedah di atas diperolehi dan disimpulkan dari ayat berikut :

وَمَا أَتَنَّكُمْ أَرَسُولُنَا فَخُذُوهُ وَمَا هَنَّكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا⁶⁹.

(Sesuatu yang didatangkan oleh Rasul kepadamu maka ambillah, dan sesuatu yang dilarangnya maka tinggalkanlah).

Surah al-Hashr (59) : 7

Nyata di dalam ayat di atas menunjukkan bahawa perintah meninggalkan sesuatu adalah ketika jelas dan tegas larangannya dari Nabi Muhammad SAW

Sebaliknya ayat tersebut tidak pula menunjukkan (وما لم يفعله فانتهوا) sesuatu yang

tidak dilakukan maka tinggalkanlah atau (وما تركه فانتهوا عنه) sesuatu yang ditinggalkannya, maka tinggalkanlah⁶⁹.

Sebenarnya sesuatu perkara yang ditinggalkan oleh Nabi Muhammad SAW bukanlah bermakna perkara tersebut automatik menjadi haram, tetapi peninggalan tersebut membawa kepada beberapa maksud berikut⁷⁰ :

⁶⁷ Lihat ‘Abd al-Karīm Murād *et.al.*, *op.cit.*, ms. 73.

⁶⁸ Lihat ‘Umar ‘Abd Allāh Kamil (Dr.) (2003), *Kalimah Hadi’ah ‘an mafhum : al-Bid’ah wa Aqṣamihā wa man yaqūm bitaghayrihā*, Beirut : Bisan li al-Nasyr wa al-Tawzi’ wa al-‘Ilām, cet. 1, ms. 41.

⁶⁹ *Ibid.*, ms. 42.

⁷⁰ Sila lihat ‘Abd Allāh al-Ḥusaynī al-Makkī al-Hāsyimī, *op.cit.*, ms. 25-26. Sila lihat ‘Abd al-Karīm Murād *et.al.*, *op.cit.*, ms. 73-75.

- a) Bahawa Nabi SAW meninggalkannya kerana kebiasaan. Contohnya, baginda SAW tidak makan daging *dabb* kerana tiada dikawasannya sebagaimana dirakamkan di dalam hadis berikut :

أَتَيَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِضَبٍّ مَّشْوِيٍّ فَأَهْوَى إِلَيْهِ لِيَاكُلَّ فَقِيلَ لَهُ إِنَّهُ
بِضَبٍّ فَأَمْسَكَ يَدَهُ فَقَالَ خَالِدٌ أَحَرَامٌ هُوَ قَالَ لَا وَلَكِنَّهُ لَا يَكُونُ بِأَرْضِ قَوْمِي

"Suatu ketika baginda SAW dijamu dengan daging *dabb* panggang, lalu baginda SAW menghulurkan tangan untuk menikmatinya, lantas diberitahu kepada baginda SAW itu adalah daging *dabb*. Maka baginda SAW menarik kembali tangannya, kemudian ditanya adakah daging *dabb* itu haram? Baginda SAW menjawab : tidak, tetapi daging *dabb* tidak ada dinegeriku⁷¹".

- b) Bahawa Nabi SAW meninggalkannya kerana lupa. Suatu ketika baginda SAW pernah terlupa di dalam solat dan telah meninggalkan beberapa perbuatan sebagaimana tercatat di dalam hadis berikut :

فَقَالَ إِنَّهُ لَوْ حَدَثَ فِي الصَّلَاةِ شَيْءٌ أَنْبَأْتُكُمْ بِهِ وَلَكِنْ إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ أَنْسَى كَمَا
تَنسَوْنَ فَإِذَا نَسِيْتُ فَذَكْرُونِي

"Lalu baginda ditanya : adakah telah berlaku perubahan di dalam solat? Baginda SAW menjawab : sesungguhnya saya manusia biasa seperti kalian, saya juga lupa sebagaimana kalian lupa, ketika aku lupa, maka ingatkanlah aku⁷²".

- c) Bahawa Nabi SAW meninggalkannya kerana bimbang diwajibkan kepada umatnya, seperti meninggalkan solat terawih ketika para sahabat telah berkumpul untuk solat bersama baginda SAW sebagaimana diceritakan dalam hadis berikut :

عَنْ عَائِشَةَ أُمِّ الْمُؤْمِنِينَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
صَلَّى ذَاتَ لَيْلَةٍ فِي الْمَسَجِدِ فَصَلَّى بِصَلَاتِهِ نَاسٌ ثُمَّ صَلَّى مِنْ الْقَابِلَةِ فَكَثُرَ النَّاسُ

⁷¹ Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, Aḥmad bin ‘Ali, *op.cit.*, *Kitāb al-At’imah : Bāb al-Shawāa wa Qawl Allāh Ta’ala fa Jāa bi Ijli Hanīz*, no. 5400, jld. 9, ms. 453.

⁷² al-Nawawī, Abī Zakariyyā Yahyā ibn Syarf al-Dimasyqī, *op.cit.*, *Kitāb al-Masājid wa al-Mawāḍī’ al-Ṣalāh : Bāb al-Sahwi fī al-Ṣalāh wa al-Sujūd lāhu*, no. 1274, jld 5, ms.63.

ثُمَّ اجْتَمَعُوا مِنْ الْلَّيْلَةِ الثَّالِثَةِ أَوِ الْرَّابِعَةِ فَلَمْ يَخْرُجْ إِلَيْهِمْ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَلَمَّا أَصْبَحَ قَالَ قَدْ رَأَيْتُ الَّذِي صَنَعْتُمْ وَلَمْ يَمْنَعْنِي مِنْ الْخُرُوجِ إِلَيْكُمْ إِلَّا أَنِّي خَشِيتُ أَنْ تُفْرَضَ عَلَيْكُمْ وَذَلِكَ فِي رَمَضَانَ

“Diriwayatkan dari ’Āishah r.ha. berkata : Pada suatu malam Rasulullah SAW solat di masjid. Terdapat beberapa orang yang turut solat bersama-sama baginda SAW, kemudian datang pula satu kabilah yang juga turut solat bersama baginda SAW, maka bilangan orang yang solat bersama baginda SAW semakin bertambah. Pada malam ketiga atau keempat selepas itu, orang mula berhimpun menunggu baginda SAW tetapi baginda SAW tidak keluar solat bersama mereka. Ketika waktu subuh menjelang baginda bersabda : Sesungguhnya aku melihat apa yang telah kalian lakukan, maka perkara yang menghalang aku keluar ialah bimbang sekiranya perkara ini difardukan ke atas kalian. Baginda SAW bersabda : Peristiwa tersebut terjadi pada bulan Ramadan⁷³”.

d) Bahawa Nabi SAW meninggalkannya kerana tidak terfikir di fikiran dan tidak terlintas di dalam hati sebelumnya. Seperti membuat mimbar untuk berkhutbah sebagaimana yang diusulkan oleh para Sahabat. Berikut adalah hadis yang menunjukkan peristiwa kesedihan batang kurma yang selalu digunakan oleh Rasulullah SAW sebagai tempat berdiri ketika berkhutbah kerana digantikan dengan binaan mimbar.

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا حَطَبَ يَسْتَبِدُ إِلَى جَذْعِ نَخْلٍ مِنْ سَوَارِي الْمَسْجِدِ فَلَمَّا صَنَعَ الْمِنْبَرَ وَاسْتَوَى عَلَيْهِ اضْطَرَّ بَتْ تِلْكَ السَّارِيَةَ كَحَيْنِ النَّاقَةِ حَتَّى سَمِعَهَا أَهْلُ الْمَسْجِدِ حَتَّى نَزَلَ إِلَيْهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَاعْتَقَهَا فَسَكَّتْ

“Rasulullah SAW pernah berkhutbah di atas batang kurma, apabila mimbar telah dibuat, lalu baginda SAW berdiri di atasnya pula, tiba-tiba batang kurma tersebut merengek seperti anak unta sehingga ahli masjid terdengar, lalu Rasulullah SAW turun dari

⁷³ Ibn Hajar al-‘Asqalānī, Ahmad bin ‘Ali, op.cit., Kitāb Tahajjud : Bāb Taḥrīd al-Nabī S.A.W. ‘alā Salāh al-Layl wa al-Nawāfil , no. 1129, jld. 3, ms. 14.

*mimbar serta memeluk batang kurma tersebut dan terus diam dari merengek*⁷⁴.

- e) Bahawa Nabi SAW meninggalkannya kerana perkara harus terlalu banyak. Nabi SAW hanya cukup menggariskan *naṣṣ-naṣṣ* syarak yang umum meliputi segala perkara yang disunatkan. Begitulah intipati tugas dan peranan baginda SAW sejak awal zaman Islam sehingga akhir zaman. Antara contoh *naṣṣ-naṣṣ* syarak yang umum dan menyeluruh tergambar di dalam al-Quran seperti berikut :

وَافْعُلُوا الْخَيْرَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٧٧﴾

(...lakukanlah kebaikan, supaya kamu mendapat kemenangan...)

Surah al-Hajj (22) : 77

وَمَا تَفْعَلُوا مِنْ حَيْرٍ يَعْلَمُهُ اللَّهُ

(...dan apa yang kamu kerjakan berupa kebaikan, nescaya Allah mengetahuinya...)

Surah al-Baqarah (2) : 197

مَنْ جَاءَ بِالْحَسَنَةِ فَلَهُ عَشْرُ أَمْثَالِهَا

(Barangsiapa membawa amal yang baik, Maka baginya (pahala) sepuluh kali lipat amalnya...)

Surah al-An‘ām (6) : 160

- f) Bahawa Nabi SAW meninggalkannya kerana bimbang berubahnya hati para sahabat atau sebahagian daripada mereka. Contohnya sebuah sabda baginda SAW kepada ‘Āishah berikut :

⁷⁴ al-Nasā‘ī, Abī ‘Abd al-Rahmān Ahmād bin Syū‘āib bin ‘Alī al-Syuhayr (t.th), *Sunan al-Nasā‘ī: Kitāb al-Jumu‘ah : Maqām al-Imām fī al-Khutbah*, Tahqīq : al-Albānī, Muḥammad Naṣr al-Dīn, Riyāḍ : Maktabah al-Mā’arif lil Nasyri’ wa al-Tawzī’, cet. 1, no.1396, ms. 228.

لَوْلَا حَدَّاثَةُ عَهْدِ قَوْمِكَ بِالْكُفْرِ لَنَقْضَتُ الْكَعْبَةَ وَلَجَعَتُهَا عَلَى أَسَاسِ إِبْرَاهِيمَ
فَإِنَّ قُرَيْشًا حِينَ بَنَتِ الْبَيْتَ اسْتَقْصَرَتْ

"Kalaullah bukan kerana dekatnya masa kaummu kepada kekafiran, maka aku robohkan Ka'bah itu dan aku jadikan di atas binaan yang dibuat oleh Nabi Ibrahim a.s. kerana sesungguhnya kaum Quraisy telah memperkecilkan pembangunannya⁷⁵".

Sebab baginda SAW tidak jadi merobohkan Ka'bah dan mengulangi pembinaannya semula adalah untuk menjaga hati dan perasaan penduduk Mekah yang baru sahaja memeluk agama Islam.

Demikianlah dapat disimpulkan bahawa tidak terdapat di dalam suatu hadis atau pun *athār* tentang penegasan sesuatu perkara yang ditinggalkan atau tidak dilakukan oleh Nabi SAW, maka hukumnya menjadi haram⁷⁶.

ii) Cara Yang Salah Dalam Menzahirkan Perasaan Cinta Dan Kasih Terhadap Nabi Muhammad SAW

Tidak dinafikan bahawa mencintai Nabi SAW merupakan suatu kewajipan bagi setiap muslim. Namun begitu, persoalan yang timbul ialah siapakah yang lebih utama menzahirkan rasa cinta terhadap baginda SAW. Sedangkan para Sahabat adalah orang yang paling layak melakukan sambutan maulidur rasul dalam membuktikan kecintaan kepada baginda SAW pun tidak pernah melakukan

⁷⁵ al-Nawawi, Abi Zakariyyā Yahyā ibn Syarf al-Dimasyqi, *op.cit.*, *Kitāb al-Haj : Bāb Naqaḍā al-Ka'bah wa Binaiha*, no. 3227, jld 9, ms.93.

⁷⁶ 'Abd Allāh al-Ḥusaynī al-Makkī al-Ḥāsyimī, *op.cit.*, ms. 25.

sebegitu.⁷⁷ Justeru itu, perasaan cinta dan kasih perlulah didasari dengan dalil yang kukuh seperti firman Allah SWT berikut :

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحِبِّكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرَ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ
غَفُورٌ رَّحِيمٌ

Katakanlah: "Jika kamu (benar-benar) mencintai Allah, ikutilah aku, niscaya Allah mengasihi dan mengampuni dosa-dosamu."
Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.

Surah Ali ‘Imrān (3) : 31

Ayat di atas menerangkan cinta itu hanyalah pengakuan, tetapi buktinya ialah menuruti apa yang baginda SAW bawakan. Sesungguhnya perkara yang penting adalah menjadi mukmin yang dicintai oleh Allah dan Rasul dengan cara mengikuti sunnah baginda SAW tanpa melakukan amalan tambahan yang tidak pernah dibuat oleh Nabi SAW sendiri⁷⁸. Ini kerana cinta terhadap Allah dan Rasul juga diungkapkan oleh golongan munafik, tetapi mereka bukanlah golongan yang dicintai oleh Allah dan Rasul lantaran perbuatan mereka tidak mengikut sunnah baginda SAW⁷⁹.

Dalam firman Allah SWT yang lain menjelaskan terdapat ancaman yang keras terhadap golongan yang tidak mahu mentaati adalah kafir dan Allah SWT tidak mencintai orang kafir :

قُلْ أَطِيعُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ كَفَرَ الْكَافِرُونَ

⁷⁷ Ibn Bāz, ‘Abd al-‘Azīz bin ‘Abd Allāh *et.al.*, *op.cit.*, ms. 635. al-Tahtahāwī, ‘Alī Aḥmad ‘Abd al-‘Aāl (2000), *Bidi‘ al-Ṣifāyyah wa al-Karāmāt wa al-Mawālid*, Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, ms. 261.

⁷⁸ ‘Abd al-Rauf Muḥammad Uthmān, *op.cit.*, ms. 52-53. Al-Qaṣṣāṣ, Usāmah bin Tawfiq bin ‘Abd al-Rahmān (1988M/1408H), *Isyrāqah al-Syur‘ah fī al-Ḥukm ‘ala Taqdīm al-Bid‘ah*, Beirut : al-Maktab al-Islāmī, cet. 1, ms. 54.

⁷⁹ ‘Abd Allāh bin Sulaymān bin Manī‘, *op.cit.*, ms. 124-125.

*Katakanlah: "Taatilah Allah dan Rasul-Nya; jika kamu berpaling,
Maka sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang kafir".*

Surah Ali 'Imrān (3) : 32

Lantaran itu, cara cinta yang sebenarnya adalah mengikut panduan yang baginda SAW bawakan. Sedangkan sambutan maulidur rasul tidak pernah terdapat saranan di dalam al-Quran, dilakukan atau disarankan oleh baginda SAW sendiri, para sahabat dan para *salaf al-sālih*⁸⁰.

Sebenarnya perbuatan sambutan maulidur rasul bukanlah merupakan satunya tanda kecintaan terhadap baginda SAW. Sebaliknya, sambutan ini merupakan sebahagian daripada cara menzahirkan perasaan kecintaan kepada baginda SAW. Selain itu, tidak semestinya sesiapa yang tidak menyambutnya bukan seorang pencinta atau pengikut baginda SAW⁸¹.

Dalam perkara ini sebenarnya merujuk kepada konteks 'bagaimana' atau 'cara' sambutan tersebut. Ini adalah kerana konteks 'bagaimana disambut' dan 'bagaimana dimuliakan' kelahiran tersebut adalah terbuka kepada masyarakat berdasarkan ijtihad, pandangan dan idea masing-masing⁸².

Contoh bagi perkara yang melibatkan konteks 'bagaimana' dan 'cara' telah ditinggalkan kepada masyarakat amat banyak sekali. Antara yang paling utama sekali adalah al-Quran yang tiada seorang pun bercanggah pada soal keutamaan

⁸⁰ Ibn Ḥajar Al-Haytami, Aḥmad bin Muḥammad bin ‘Alī bin Ḥajar Al-Haytami āl-Makkī al-Miṣrī al-Syāfi’ī al-Sa’di al-Anṣari Syihāb al-Dīn (2001M/1422H), *Itmām al-Ni’mah al-Kubrā ‘alā al-‘Ālam bi Mawlid Sayyid Walad Ādam*, Tahqīq : ‘Abd al-‘Azīz Sayyid Hāshim al-Ghazūlī, Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, cet. 1, ms. 9-10.

⁸¹ Sayyid Muḥammad ‘Alawī al-Mālikī (1418), *op.cit.*, ms. 66.

⁸² *Ibid.*, ms. 20.

menghafaznya, kemuliaan mengajarkannya serta kehormatan mereka yang menghafaz dan mengajarkannya. Namun begitu adakah di sana terdapat cara atau jalan yang mesti diikuti untuk mengembangkan, mengajarkan atau menghafaznya?⁸³.

Realiti yang berlaku pada hari ini jelas sekali kelihatan di sana sini, sekolah-sekolah dan institusi untuk belajar dan menghafaz al-Quran. Terdapat setiap tahun diadakan Majlis Tilawah al-Quran, seterusnya penjualan kaset, cakera padat dan sebarang alat moden dicipta khas untuk al-Quran. *Mâshâf-mâshâf* al-Quran pula diterbit dan dicetak dalam pelbagai bentuk dan warna seperti cara bacaan dan hukum tajwid yang mana khas untuk membantu para pembaca. Sedangkan, adakah semua ini ada pada zaman Rasulullah SAW?⁸⁴

Begitulah juga dengan perkara yang termasuk dalam kategori ini. Paling penting adalah asasnya *thâbit* mengikut syarak. Manakala cara sambutan diserahkan kepada masyarakat mengikut kemampuan dan kesesuaian mereka dengan syarat tidak melanggar hukum syarak yang sudah pasti.

iii) Sewajarnya Melebihkan Kesedihan Kewafatan Daripada Kegembiraan Kelahiran Nabi Muhammad SAW

Sesungguhnya hari kelahiran baginda adalah sama dengan hari kewafatan baginda SAW. Maka kegembiraan tentulah tidak lebih diutamakan dari kesedihan. Justeru

⁸³ *Ibid.*, ms. 20-21.

⁸⁴ al-Marîkhi, Rasyîd bin Ibrâhîm, *op.cit.*, ms. 17.

itu, lebih utama bagi seseorang yang mencintai baginda SAW menganggap hari tersebut sebagai hari berkabung dan bersedih⁸⁵.

Sebenarnya dalam isu kesedihan kewafatan dan kegembiraan kelahiran baginda SAW, al-Suyūṭī pernah menjelaskan bahawa :

"أَنْ وِلَادَتِهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَعْظَمُ النِّعَمِ عَلَيْنَا وَوَفَاتِهِ أَعْظَمُ الْمُصَاصَبِ لَنَا
وَالشَّرِيعَةُ جَهَنَّتْ عَلَى اظْهَارِ شَكْرِ النِّعَمِ وَالصَّابَرِ وَالسَّكُونِ وَالْكَتْمَانِ عِنْدِ الْمُصَاصَبِ،
وَقَدْ أَمَرَ الشَّرِيعَ بِالْحَقِيقَةِ عِنْدِ الْوِلَادَةِ وَهِيَ اظْهَارُ الشَّكْرِ وَفَرَحِ الْمَلُولُودِ وَلَمْ يَأْمُرْ
عِنْدِ الْمَوْتِ بِذَبْحِ وَلَا بِغِيرِهِ بَلْ نَهَى عَنِ النِّيَاجَةِ وَاظْهَارِ الْحَزْنِ فَدَلِلَتْ قَوَاعِدُ
الشَّرِيعَةِ عَلَى أَنَّهُ يَحْسَنُ فِي هَذَا الشَّهْرِ اظْهَارُ الْفَرَحِ بِوِلَادَتِهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
دُونَ اظْهَارِ الْحَزْنِ فِيهِ بِوَفَاتِهِ".

"Sesungguhnya kelahiran baginda SAW merupakan seagung-agung nikmat, manakala kewafatan baginda musibah terbesar kepada kita. Syariat menyeru kita untuk menzahirkan kesyukuran atas nikmat, dan sabar serta bertenang ketika ditimpa musibah. Syariat telah memerintahkan 'aqiqah pada kelahiran sebagai menzahirkan kesyukuran dan kegembiraan atas kelahiran. Sebaliknya tidak pula diperintahkan demikian atau lainnya ketika kematian, malah dilarang pula ratapan dan menunjukkan kesedihan yang teramat sangat. Maka kaedah Syariah telah menunjukkan bahawa pada bulan ini digalakkan menunjukkan kegembiraan dengan kelahiran baginda SAW dan bukanlah menunjukkan kesedihan dengan kewafatan baginda⁸⁶".

Berdasarkan pendapat al-Suyūṭī yang telah dipetik di atas, jelas bahawa kelahiran baginda SAW merupakan nikmat terbesar yang perlu disyukuri. Manakala kewafatan baginda SAW merupakan musibah terbesar yang perlukan kekuatan untuk bersabar. Seterusnya beliau mengaitkan amalan melakukan aqiqah bersempena kelahiran bayi adalah sebagai tanda bersyukur kepada Allah SWT dan bergembira di atas kelahiran.

⁸⁵ al-Jazā'irī, Abī Bakr Jābir (1405H), *al-Inṣāf fī mā qāla fī al-Mawlid min al-Ghuluw wa al-Ijhāf*, Riyāḍ : al-Riāsah al-‘Ammah li Idārāt al-Buhūth al-‘Ilmiyyah wa al-Ifta’ wa al-Da’wah wa al-Irsyād, ms. 54-55.

⁸⁶ al-Suyūṭī, al-Imām al-Hāfiẓ Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Rahmān bin Abī Bakr (1992), *op.cit.*, ms. 193.

Maka jelas bahawa melebihkan kegembiraan kelahiran baginda SAW adalah lebih diutamakan. Ini kerana pada hari tersebut juga merupakan hari kelahiran Islam yang menjadi cara hidup manusia. Sebaliknya, kesedihan terhadap kewafatan baginda SAW perlu diiringi dengan banyak bersabar dan bertenang.

iv) Penghormatan Dan Pengagungan Terhadap Nabi Muhammad SAW Yang Melampau

Sesungguhnya penghormatan dan pengagungan kepada Nabi SAW hanyalah dengan cara mentaati, menjalankan perintah-perintah dan menjauhi segala larangan baginda SAW⁸⁷. Ini kerana Allah SWT dan Rasul-Nya tidak pernah menetapkan dalam syariat untuk beribadah dengan merayakan hari kelahiran baginda SAW⁸⁸. Malah, perbuatan ini jelas menjurus mendahului Allah SWT dan Rasul-Nya dalam menetapkan syariat. Firman Allah SWT :

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تُقْدِمُوا بَيْنَ يَدِيِ اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ
سَمِيعٌ عَلِيمٌ

(Wahai orang yang beriman, janganlah kamu mendahului Allah dan Rasul-Nya dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha mendengar lagi Maha Mengetahui).

Surah al-Hujurāt (41) : 1

Sebenarnya dalam hal ini, Nabi Muhammad SAW sendiri telah membesarakan hari kelahirannya dengan bersyukur kepada Allah SWT kerana mengutamakan pengutusan baginda SAW dan menyebabkan semua makhluk

⁸⁷ ‘Abd Allāh bin Sulaymān bin Manī‘, *op.cit.*, ms. 80.

⁸⁸ Al-Ḥammādī, Abī ‘Abd Allāh Muḥammad ‘Abd Allāh (2008M/1429H), *Masāil al-‘Aqīdah allatī Ḥarrāhā al-Ai’mmah al-Mālikiyah*, Jordan : Dār al-Athariyyah, cet. 1, ms 326.

bergembira⁸⁹. Baginda SAW membesarluan hari tersebut dengan cara berpuasa sebagaimana hadis berikut :

عَنْ أَبِي قَتَادَةَ الْأَنْصَارِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سُئِلَ ... عَنْ صَوْمِ يَوْمِ الْأَنْثَيْنِ قَالَ ذَاكَ يَوْمٌ وُلِدْتُ فِيهِ وَيَوْمٌ بُعْثِتُ أَوْ أُنْزَلَ عَلَيَّ فِيهِ

"Daripada Abu Qatadah al-Ansari r.a., bahawasanya Nabi SAW telah ditanya tentang puasa pada hari Isnin lalu baginda bersabda: "Pada hari tersebutlah aku dilahirkan dan di hari tersebut jugalah aku diutuskan menjadi rasul"⁹⁰".

Berdasarkan hadis di atas, Rasulullah SAW menegaskan kelebihan hari kelahirannya berbanding hari-hari lain. Oleh itu setiap mukmin sewajarnya berlumba-lumba beramal dan bersyukur dengan kelahiran baginda SAW yang membawa rahmat kepada seluruh alam⁹¹.

Demikian cara yang ditunjukkan baginda SAW dalam menzahirkan rasa syukur kepada Allah SWT. Namun begitu terdapat pelbagai cara lain lagi yang selaras dengan syariat boleh dilaksanakan seperti berpuasa, membuat jamuan dan berkumpul untuk berzikir, berselawat atau mendengar sirah baginda SAW. Walaubagaimanapun cara menyambut Maulidur Rasul boleh berubah mengikut keadaan dan tempat namun yang penting adalah erti sambutan tetap sama⁹².

Maka tidak timbul persoalan berlebihan dalam memberi penghormatan dan pengagungan kepada baginda SAW. Dapat dilihat bahawa, hanya bentuk dan

⁸⁹ Sayyid Muḥammad ‘Alawī al-Mālikī (1418H), *op.cit.*, ms. 24-25.

⁹⁰ al-Nawawī, Abī Zakariyyā Yaḥyā ibn Syarṭ al-Dimasyqī, *op.cit.*, *Bāb Istihbab Ṣiyām*, no. 2742, jld 8, ms.293.

⁹¹ ‘Abd Allāh al-Ḥusaynī al-Makkī al-Hāsyimī, *op.cit.*, ms. 77.

⁹² Sayyid ‘Izz al-Dīn Mādī Abū al-‘Azāim, *op.cit.*, ms. 23-24.

cara sambutan sahaja yang berbeza. Namun erti sambutan tersebut tetap sama. Pelbagai bentuk sambutan boleh dilakukan dengan cara berpuasa, memberi makan, berkumpul untuk berzikir, selawat dan menedengar kisah atau kemuliaan Nabi SAW yang mulia⁹³.

v) Cara Berselawat Ke Atas Nabi Muhammad SAW Yang Tidak Bertepatan Dengan Syariat

Menghidupkan suasana penyebutan nama Nabi SAW haruslah berdasarkan syariat⁹⁴ sebagaimana yang Allah SWT perintahkan di dalam ayat berikut :

وَرَفَعْنَا لَكَ ذِكْرَكَ

Kami telah meninggikan bagimu : sebutan namamu (dengan mengurniakan pangkat Nabi dan berbagai kemuliaan)

Surah al-Ḥujurāt (94) : 4

Nama baginda SAW perlu disebut sebagaimana yang dianjurkan dan ditunjukkan di dalam banyak hadis seperti selepas azan, pada hari Jumaat, ketika tasyahhud dan yang sebagainya. Hal seperti ini merupakan perkara yang diulang-ulang dalam setiap harinya, bukan hanya sekali dalam setahun ketika memperingati mawlid SAW yang tidak ada dasarnya⁹⁵. Berikut adalah hadis yang menjelaskan waktu-waktu tertentu untuk berselawat :

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرُو بْنِ الْعَاصِ أَنَّهُ سَمِعَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ إِذَا
سَمِعْتُمُ الْمُؤْذِنَ فَقُولُوا مِثْلَ مَا يَقُولُ ثُمَّ صَلُّوا عَلَيَّ فَإِنَّمَا مَنْ صَلَّى عَلَيَّ صَلَاةً
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ بِهَا عَشْرًا

⁹³ Sayyid Muḥammad ‘Alawī al-Mālikī (1419H), *op.cit.*, ms. 391.

⁹⁴ Abd al-Rauf Muḥammad Uthmān, *op.cit.*, ms. 55.

⁹⁵ al-Tuwayjirī, Ḥamūd bin ‘Abd Allāh bin Ḥamūd, *op.cit.*, ms. 70-71 & 78.

“Daripada ‘Abd Allah bin ‘Amru bin al-‘Āṣ, sesungguhnya aku telah mendengar Nabi SAW bersabda : Apabila kamu mendengar muazin melaungkan azan, maka sambutlah ucapannya itu. Setelah selesai menyambut azan maka berselawatlah kamu untukku. Sesiaapa berselawat ke atas aku, maka Allah selawat kepadanya sebanyak sepuluh⁹⁶”.

عَنْ أَبِي الدَّرْدَاءِ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَكْثِرُهُمْ الصَّلَاةَ عَلَيَّ يَوْمَ الْجُمُعَةِ فَإِنَّهُ مَشْهُودٌ تَشَهِّدُهُ الْمَلَائِكَةُ وَإِنَّ أَحَدًا لَنْ يُصَلِّي عَلَيَّ إِلَّا عُرِضَتْ عَلَيَّ صَلَاةُهُ حَتَّى يَفْرُغَ مِنْهَا

Daripada Abū Darda' berkata, bahawa Rasulullah SAW bersabda : Perbanyakkanlah olehmu sekalian membaca selawat untukku pada hari Jumaat kerana sesungguhnya hari Jumaat itu hari yang ditampakkan dan disaksikan oleh para malaikat. Tidaklah seseorang yang membaca selawat untukku kecuali selawat itu ditampakkan (disampaikan) kepadaku, sehingga dia selesai membacanya⁹⁷.

إِذَا دَخَلَ أَحَدُكُمُ الْمَسْجِدَ فَلْيَسْأَلْمْ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثُمَّ لِيَقُولْ اللَّهُمَّ افْتَحْ لِي أَبْوَابَ رَحْمَتِكَ فَإِذَا خَرَجَ فَلْيَقُولْ اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ مِنْ فَضْلِكَ

“Apabila seseorang kamu masuk ke dalam masjid, maka hendaklah dia membaca salam (selawat) kepadaku. Sesudah itu hendaklah dia membaca : Wahai tuhanku, bukakanlah untukku segala pintu rahmat engkau. Apabila dia hendak keluar dari masjid, hendaklah dia membaca : Wahai tuhanku, aku memohon kepadaMu limpahan rahmatMu⁹⁸”.

Memang benar terdapat gesaan melakukan selawat ke atas baginda SAW pada waktu-waktu tertentu sebagaimana hadis di atas, Namun ini tidaklah bermakna melakukan selawat bukan pada waktu tersebut dianggap sebagai *bid'ah*. Sebenarnya di dalam sambutan maulidur rasul terdapat dalil umum yang

⁹⁶ Abī Daud, Sulaymān bin al-Asy‘ath al-Sajastānī, *op.cit.*, : *Kitāb al-Ṣalāh : Bāb ma yaqūlu izā sami‘a al-muazzin*, Taḥqīq : Muḥammad Naṣīr al-Dīn al-Albānī, Riyāḍ : Maktabah al-Ma’ārif lil Nasyr wa al-Tawzī’, no. 523, ms. 98.

⁹⁷ Ibn Mājah, Abī ‘Abd Allāh Muḥammad bin Yazīd al-Qazwaynī (t.th), *Sunan Ibn Mājah : Kitāb al-Janāz : Bāb Zikr wafātihi wa dafnihi S.A.W.*, Riyāḍ : Maktabah al-Ma’ārif li al-Nasyr wa al-Tawzī’, no. 1637, ms. 288.

⁹⁸ Abī Daud, Sulaymān bin al-Asy‘ath al-Sajastānī, *op.cit.*, *Kitāb al-Ṣalāh : Bāb fī mā yaqūlu ‘inda dukhūlihi al-Masjid*, no. 465, ms. 87.

menganjurkan selawat dan salam ke atas baginda SAW sebagaimana dalil-dalil berikut :

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْتُهُمُ الَّذِينَ إِمَانُوا صَلَوْا عَلَيْهِ
وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا

(Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat ke atas Nabi, wahai orang yang beriman, berselawat dan salamlah kamu ke atasnya dengan sebaik-baik penghormatan).

Surah al-Ahzab (33) :56

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَنْ صَلَّى عَلَيَّ وَاحِدَةً
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ عَشْرَةً

“Dari pada Abu Hurairah r.a., bahawa Rasulullah SAW bersabda : Sesiapa yang berselawat kepadaku sekali, maka Allah berselawat kepadanya sepuluh kali”⁹⁹.

Daripada dalil-dalil di atas jelas menunjukkan perintah dan galakkan melaksanakan selawat ke atas baginda SAW adalah dituntut dan bersifat umum tanpa mempunyai batasan waktu. Maka kaedah perlaksanaan adalah mengikut kesesuaian dan kemampuan masing-masing. Justeru itu, sambutan maulidur rasul merupakan salah satu medium dalam menyuburkan suasana berselawat ke atas baginda SAW. Dalam perkara ini terdapat suatu kaedah *uṣūl al-fiqh* menjelaskan bahawa :

افراد فرد من العام بحكمه لا يختص به

“Penyebutan secara khusus sebahagian juzuk-juzuk pecahan yang berada di bawah perkara yang umum, bukan bererti mengkhususkan yang umum”¹⁰⁰.

⁹⁹ al-Nawawi, Abi Zakariyyā Yahyā ibn Syarf al-Dimasyqi, *op.cit.*, *Bāb fi Thawab al-Šalah al-Āl-Nabī*, no. 911, jld 4, ms.348.

¹⁰⁰ al-Zuhayli, Wahbah (2005M/1426H), *op.cit.*, juz. 1, ms. 260.

vi) Kekeliruan Dalam Penentuan Tarikh Sebenar Kelahiran Nabi SAW

Golongan yang menolak sambutan maulidur rasul berpendapat bahawa para sarjana sejarah Islam berbeza pendapat tentang tarikh sebenar kelahiran Nabi SAW. Hadis Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Imām Muslim hanya menyebut bahawa baginda lahir pada hari Isnin tanpa menyebut tarikhnya. Para sarjana juga bebeza pendapat dalam penentuan bulan kelahiran Nabi SAW¹⁰¹.

Bagi yang berpendapat baginda SAW diputerakan pada bulan Rabiul Awwal, mereka berbeza pendapat pula dalam menentukan haribulannya. Ada yang menentukan pada 8 haribulan, ada yang pada 9 haribulan, ada pula pada 12 haribulan seperti yang menjadi anggapan ramai, ada juga pada 17 haribulan dan seumpamanya. Di samping di sana ada pula sarjana Islam yang menyatakan baginda lahir pada bulan Ramadan dengan hujah-hujah mereka yang tersendiri¹⁰².

Bagi golongan yang melakukan sambutan menjelaskan dalam menentukan tarikh kelahiran Nabi SAW memang terdapat perbezaan pendapat, walaupun kajian telah dibuat bahawa tarikh yang paling tepat ialah pada 9 Rabiul Awwal. Namun tarikh yang paling masyhur adalah pada 12 Rabiul Awwal¹⁰³ berdasarkan kepada riwayat Jābir dan Ibn ‘Abbās bahawa Rasulullah SAW dilahirkan pada tahun Gajah, hari Isnin 12 Rabiul Awwal, pada hari Isnin juga baginda dilantik

¹⁰¹ Lihat dalam Bicara Agama, Artikel Dr. Asri Zainal Abidin, Arkib 8 Mac 2009 http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0308&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_02.htm&arc=hive (24 Julai 2010)

¹⁰² *Ibid.*

¹⁰³ Kerajaan Malaysia menjadikan tarikh 12 Rabiul Awwal sebagai tarikh sambutan maulidur rasul diperingkat kebangsaan pada setiap tahun.

sebagai Rasul, dimi ‘rajkan ke langit, berhijrah dan wafat iaitu pada bulan Rabiul Awwal¹⁰⁴.

vii) Kontroversi Amalan Berdiri Untuk Menyambut Kehadiran Roh Nabi SAW Dalam Sambutan Maulidur Rasul

Golongan yang menolak juga berpendapat, amalan berdiri ketika menyambut maulidur rasul khususnya semasa disebutkan berita tentang kelahiran Nabi SAW dengan sangkaan menyambut kedatangan baginda SAW adalah salah dan sepatutnya dihindari dari dilakukan oleh masyarakat. Perbuatan tersebut tidak disyariatkan dan tidak pula diharuskan dalam agama¹⁰⁵.

Berkaitan dengan amalan berdiri yang dikatakan untuk menyambut kehadiran roh Nabi SAW adalah tidak benar sama sekali dan merupakan sangkaan sahaja. Sedangkan amalan berdiri tersebut tidak pernah terlintas di fikiran dan hati untuk menyambut kehadiran Nabi SAW ke dalam majlis tersebut¹⁰⁶.

Bagi golongan yang mengharuskan amalan berdiri menjelaskan bahawa memang mereka beriktikad Nabi SAW hidup di alam barzakh secara sempurna, layak dan sesuai dengan kedudukan istimewanya. Berdasarkan kehidupan baginda SAW yang sempurna dan berkedudukan tinggi itu, maka roh baginda S.A.W. sentiasa berlegar-legar di *malakut* (kerajaan) Allah SWT, serta dapat pula hadir dalam majlis kebaikan, cahaya dan ilmu. Begitu juga, dengan roh-roh orang

¹⁰⁴ Sila lihat Awang Abdul Aziz bin Juned, Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji (2005), Fatwa Mufti Kerajaan Brunei 2003, Brunei : Jabatan Mufti Kerajaan, cet. 2, ms. 159.

¹⁰⁵ ‘Abd Allāh bin Sulaymān bin Manī‘, *op.cit.*, ms. 171.

¹⁰⁶ Sayyid Muḥammad ‘Alawī al-Mālikī (1419H), *op.cit.*, ms. 41.

mukmin yang suci dari kalangan umat baginda SAW¹⁰⁷. Perkara ini pernah dinyatakan oleh Imām Mālik r.a. seperti berikut :

بلغني أن الروح مرسلة تذهب حيث شاءت

“Telah sampai kepadaku, bahawa roh (yang dikurniakan nikmat) itu dibebaskan dan boleh pergi ke mana sahaja yang ia kehendaki¹⁰⁸”.

Walaubagaimanapun, dalam perkara ini perlu difahami bahawa berdiri ketika sambutan maulidur rasul bukan sesuatu yang wajib atau *sunnah*. Namun perlakuan tersebut hanyalah menggambarkan kegembiraan manusia di atas kelahiran baginda SAW ke dunia ini. Justeru itu, perlakuan berdiri merupakan suatu kebiasaan semata-mata dan tidak termasuk dalam masalah ibadat atau syariat¹⁰⁹.

Perlakuan berdiri juga adalah suatu perbuatan yang dipandang baik kerana tujuannya adalah untuk membesarkan dan memuliakan Nabi SAW¹¹⁰. Antara hujah yang menjelaskan berdiri merupakan perbuatan yang baik ialah berdasarkan hadis-hadis berikut :

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِلنَّاصِرَاتِ قُومُوا إِلَى سَيِّدِكُمْ أَوْ خَيْرِ كُمْ

“Rasulullah SAW telah berkata kepada golongan Ansar : berdirilah kamu bagi menyambut penghulu di kalangan kalian atau yang lebih baik¹¹¹”.

¹⁰⁷ *Ibid.*, ms. 42.

¹⁰⁸ Dipetik dari *ibid.*, ms. 42.

¹⁰⁹ Sayyid Muhammad ‘Alawī al-Mālikī (1418H), *Al-Bayān wa Ta‘rif fī Zikrī al-Mawlid al-Nabawi al-Sharīf*, t.pt : t.pt.

¹¹⁰ Sila lihat ‘Abd Allāh al-Ḥusaynī al-Makkī al-Hāsyimī, *op.cit.*, ms. 44.

¹¹¹ al-Nawawī, Abī Zakariyyā Yaḥyā ibn Syarf al-Dimasyqī, *op.cit.*, Kitāb : al-Jihād wa al-Sayr, Bāb : Jawāz Qitāl min Naqd al-‘Ahd, Jawāz Inzāl Ahl al-Ḥiṣn ‘alā Ḥukm Ḥākim ‘Adl Ahl lil Ḥukm, no.4571, jld. 12, ms. 313. Lihat juga al-Bukhāri, Abī ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘il bin Ibrāhīm bin Bardizbah al-Ju‘fā, *op.cit.*, Kitāb : al-Istazān, Bāb : Qawl al-Nabī s.a.w. : Qūmū ilā Sayyidikum, no. 5791, jld. 3, ms.274.

Berdasarkan hadis di atas, Nabi SAW memerintahkan berdiri sebagai tanda menghormati Sa‘ad r.a. dan bukan kerana beliau sedang sakit yang perlu dibantu ketika turun dari himar. Jika perintah tersebut disebabkan Sa‘ad r.a. sedang sakit, sudah tentu baginda akan memerintahkan beberapa orang sahaja untuk membantu Sa‘ad r.a. dan bukannya seperti lafaz umum memerintahkan semua orang perlu berdiri seperti hadis di atas¹¹².

Seterusnya dapat dilihat perbuatan berdiri adalah menandakan perasaan syukur di atas pembebasan dari belenggu fitnah sebagaimana ‘Āisyāh r.ha di arah berdiri oleh ibunya melalui hadis berikut :

فَلَمَّا سُرِّيَ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ يَضْحَكُ فَكَانَ أَوَّلَ كَلِمَةٍ
تَكَلَّمَ بِهَا أَنْ قَالَ لَيْ يَا عَائِشَةُ احْمَدِي اللَّهَ فَقَدْ بَرَّأَكِ اللَّهُ فَقَالَتْ لَيْ أُمِّي قُومِي
إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

“Setelah wahyu selesai turun kepada Rasulullah SAW, lalu baginda SAW tertawa, maka perkataan pertama yang diberitahu kepada ‘Āisyah ialah : wahai ‘Āisyah! pujiyah Allah SAW, sesungguhnya Allah membersihkan engkau dari tuduhan fitnah. Lalu ibu ‘Āisyah berkata kepadanya : Berdirilah engkau di hadapan Rasulullah SAW”¹¹³.

Hadis berikut pula menggambarkan penjaga pintu syurga akan berdiri untuk menghormati dan membesarakan kehadiran baginda SAW semasa sesi dialog berikut :

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ آتَيْنَا بَابَ الْجَنَّةِ
يَوْمَ الْقِيَامَةِ فَأَسْتَفْتَحْ فَيَقُولُ الْخَازِنُ مَنْ أَنْتَ فَأَقُولُ مُحَمَّدٌ فَيَقُولُ بَكَ أَمْرْتُ لَكَ
أَفْتَحْ لِأَحَدٍ قَبْلَكَ

¹¹² Sila lihat ‘Abd Allāh al-Ḥusaynī al-Makkī al-Hāsyimī, *op.cit.*, ms. 83.

¹¹³ al-Bukhāri, Abī ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘il bin Ibrāhīm bin Bardizbah al-Ju‘fā, *op.cit.*, Kitāb : al-Syahādāt, Bāb : Ta‘dīl al-Nisā Ba‘dihinna Ba’ḍā, no. 2467, jld. 1, ms.646.

“Daripada Anas bin Malik berkata, Rasulullah SAW bersabda : Aku akan datang ke syurga, lalu aku minta pintu syurga dibukakan. Maka penjaga bertanya : Siapa anda? Jawabku : Muhammad. Lalu penjaga berkata : Aku diperintahkan supaya tidak membuka pintu ini sebelum anda datang”¹¹⁴.

Demikianlah beberapa hujah mengharuskan amalan berdiri bagi menunjukkan penghormatan asalkan tidak mewujudkan perasaan berbangga dengan pangkat di dunia dan merendah-rendahkan kedudukan manusia lain hasil dari penerimaan penghormatan. Para fuqaha juga telah mengharuskan berdiri untuk penghormatan kepada bapa, ahli ilmu, orang soleh dan sahabat-sahabat kerana menghormati mereka¹¹⁵. Justeru itu, jelas bahawa penghormatan bukan merupakan ibadah yang disyariatkan dan bukan juga perbuatan syirik¹¹⁶.

Bagi golongan yang menolak amalan berdiri ketika bacaan barzanji menyatakan bahawa hadis-hadis yang ada hanya menunjukkan penghormatan ketika seseorang itu hidup dan hadir sahaja. Justeru itu, amalan berdiri tidak boleh dilakukan kerana Nabi SAW sendiri tidak pernah melakukannya¹¹⁷.

Bagi golongan yang mengharuskan amalan berdiri pula menjelaskan bahawa hadirin yang membaca barzanji berusaha menghadirkan Nabi SAW dalam hati dan fikiran dengan membayangkan zat beliau yang mulia (melalui sifat-sifat beliau yang kita ketahui melalui pelbagai riwayat). Sedangkan membayangkan peribadi beliau adalah perkara yang terpuji dan dianjurkan. Bahkan sudah seharusnya bayangan tersebut perlu ditanamkan dalam hati supaya dapat

¹¹⁴ al-Nawawī, Abī Zakariyyā Yaḥyā ibn Syarf al-Dimasyqī, *op.cit.*, Kitāb : al-Imān, Bāb : Fi Qawl al-Nabi s.a.w. “Ana Awwal al-Nas Yasyfa’ fi al-Jannah, no.475, jld. 3, ms. 68.

¹¹⁵ Sila lihat ‘Abd Allāh al-Ḥusaynī al-Makkī al-Hāsyimī, *op.cit.*, ms. 84

¹¹⁶ *Ibid.*, ms. 88.

¹¹⁷ ‘Abd Allāh bin Sulaymān bin Manī‘ *op.cit.*, ms. 183-184.

mengikuti *sunnah* Nabi SAW, menambah kecintaan terhadap Nabi SAW dan dapat menundukkan nafsu kepada ajaran yang dibawa baginda SAW. Oleh kerana itu, hadirin yang membaca barzanji tersebut berdiri untuk menghormati dan memuliakan bayangan yang tertanam di dalam hati dan fikiran sekaligus menambahkan rasa hormat kepada baginda SAW¹¹⁸.

viii) Terdapat Pengaruh Syiah Dalam Sambutan Maulidur Rasul

Bagi golongan yang menolak sambutan maulidur rasul, menyatakan asal usul sambutan tersebut adalah daripada Syiah. Umum mengetahui bahawa Syiah merupakan mazhab politik, bertukar menjadi mazhab agama dengan pelbagai aliran di dalamnya¹¹⁹.

Dalam sambutan maulidur rasul yang diadakan terdapat pengaruh Syiah kerana sejarah pernah mencatatkan bahawa di Mesir, Syiah Fatimiyyah pernah menguasai tampok kuasa. Berbagai agenda agama dilaksanakan dalam kerangka pemikiran mazhab politik yang bertukar menjadi agama. Berbagai perayaan agama dibuat dengan tujuan untuk mencapai matlamat politik yang tersendiri. Dalam Fatawa al-Azhar diakui bahawa ahli sejarah Islam tidak mengetahui sesiapa pun yang memulakan perayaan maulid Nabi SAW melainkan kerajaan Syiah Fatimiyyah di Mesir yang mengadakannya secara besar-besaran. Mereka turut meraikan hari kelahiran tokoh-tokoh Ahli Bait dan kelahiran Nabi Isa a.s. Kemudian pada tahun 488H dihentikan oleh khalifah al-Musta'la Billah.

¹¹⁸ Abū al-'Azāim, Sayyid 'Izz al-Dīn Mādī, *op.cit.*, ms 66.

¹¹⁹ Lihat dalam Bicara Agama, Artikel Dr. Asri Zainal Abidin, Arkib 8 Mac 2009 http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0308&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_02.htm&arc=hive (24 Julai 2010)

Seterusnya dihidupkan kembali oleh sesetengah kerajaan dan negeri. Demikianlah sejarah asal usul sambutan maulidur rasul daripada Syiah dan mempunyai agenda tertentu dalam mencapai matlamat politik¹²⁰.

Bagi golongan yang menyambut sambutan maulidur rasul saban tahun pula menjelaskan bahawa tidak timbul wujudnya pengaruh atau doktrin Syiah terdapat dalam sambutan tersebut. Walaupun sama dalam bentuk sambutan sekalipun, namun perlu dinilai melalui neraca ilmiah sama ada terdapat doktrin atau suatu kebetulan. Dalam sambutan maulidur rasul terkandung antaranya aktiviti yang melambangkan syiar Islam melalui perarakan¹²¹ dan pujiannya terhadap baginda SAW¹²² serta ahli keluarganya melalui selawat. Mengklasifikasikan secara bebas aktiviti tersebut sebagai doktrin atau terpengaruh dengan Syiah adalah suatu perkara yang tidak adil¹²³.

Permasalahan ini timbul adalah kerana kekeliruan dalam memahami permasalahan Ahli Bait menyebabkan segelintir masyarakat beranggapan bahawa melakukan sambutan maulidur rasul akan terlibat dengan fahaman Syiah secara tidak langsung¹²⁴. Sewajarnya disedari bahawa mengenali dan mencintai Ahli Bait adalah sangat penting berdasarkan firman Allah S.W.T. berikut :

قُلْ لَا أَسْأَلُكُمْ عَلَيْهِ أَجْرًا إِلَّا الْمَوَدَّةُ فِي الْقُرْبَىٰ

“Katakanlah (Wahai Nabi Muhammad): bahawa aku tidak meminta sebarang upah di atas seruan dakwahku ini melainkan

¹²⁰ ‘Alī Maḥfūz, al-Syaikh, *op.cit.*, ms.250.

¹²¹ Aktiviti perarakan dibahaskan di dalam bab keempat.

¹²² Aktiviti berselawat dibahaskan di dalam bab keempat.

¹²³ Mohammad Fuad Kamaludin al-Maliki (2009), *Al-Bayan ke-8 : Barzanji Menurut Perspektif Islam*, Johor : Majlis Agama Islam Negeri Johor, cet. 2, ms. 76.

¹²⁴ Sila lihat dalam http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=1102&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_03.htm (24 Julai 2010)

*agar kalian mencurahkan rasa kasih sayang terhadap al-Qurba
(kaum kerabat Rasulullah SAW) ”*

Surah al-Syura (43) : 23

Demikian juga diriwayatkan dalam banyak hadis mengenai tuntutan mencintai dan memuliakan Ahli Bait seperti sabda Nabi SAW berikut :

أَذْكُرْ كُمْ اللَّهُ فِي أَهْلِ بَيْتٍ

“Aku ingatkan kamu kepada Allah (agar mencintai dan memuliakan) ahli keluargaku”¹²⁵.

Melalui dalil-dalil di atas, nyatakan bahawa mencintai dan memuliakan Ahli Bait adalah merupakan perintah yang terbit dari al-Quran dan hadis Nabi SAW. Kecintaan ini pada hakikatnya berbeza dengan pegangan kaum Syiah yang bersifat melampau dalam mengagungkan Ahli Bait. Sifat melampau pula tidaklah berlaku dalam kecintaan, tetapi ia berlaku dalam soal akidah. Selagi seseorang itu betul akidah, tidak menjadi masalah untuk mencintai Rasulullah SAW dan Ahli Bait, sebaliknya jika tidak mencintai mereka itulah yang akan merosakkan akidah¹²⁶.

Justeru itu tidak wajar sama sekali menyatakan terdapat pengaruh Syiah dalam sambutan maulidur rasul, oleh kerana terdapat persamaan dengan Syiah dalam menyanjung Ahli Bait.

¹²⁵ al-Nawawi, Abī Zakariyyā Yahyā ibn Syarf al-Dimasyqī, *op.cit.*, *Kitāb al-Faḍā’i’l : Bāb min Faḍā’i’l ‘Alī bin Abī Tālib r.a.*, no.6175, jld. 15, ms. 174-175.

¹²⁶ ‘Ali Jum‘ah (2009), *al-Bayān al-Qawīm li Tashīḥ ba‘d al-Mafāhīm*, Abu al-Baqir al-Dusuqi (terj.), Kelantan : al-Baqir Enterprise, cet. 1, ms. 83.

ix) Kontroversi Yang Terdapat Di Dalam Kitab Barzanji

Golongan yang menolak juga berpendapat, amalan membaca kitab barzanji yang dijadikan budaya di kalangan masyarakat dan dianggap *sunnah* perlu dihentikan kerana kandungannya terdapat unsur *bid'ah*, khurafat, tahayul, syirik dan dihiasi dengan pembohongan serta kekarutan pada nukilan sirah hidup Nabi Muhammad SAW¹²⁷.

Terdapat sebahagian orang awam yang memberi penghormatan kepada kitab barzanji secara berlebihan sehingga hampir menyamai penghormatan kepada kitab al-Quran. Oleh kerana itu, sebahagian masyarakat Islam menjadikan bacaan kitab barzanji sebagai wirid, zikir dan dibaca sempena majlis tertentu seperti pada majlis sambutan maulidurrasul dan sebaginya¹²⁸. Sedangkan sewajarnya masyarakat Islam mengutamakan membaca al-Quran yang terbukti sebagai amalan ibadah dan diganjarkan pahala setiap kali menyebut setiap huruf-huruf daripada al-Quran. Berikut adalah hadis yang menganjurkan membaca al-Quran :

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ قَرَأَ حَرْفًا مِنْ كِتَابِ اللَّهِ فَلَهُ بِهِ حَسَنَةٌ
وَالْحَسَنَةُ بِعَشْرِ أَمْثَالِهَا لَا أَقُولُ لِمَ حَرْفٌ وَلَكِنْ أَلْفُ حَرْفٍ وَلَامٌ حَرْفٌ وَمِيمٌ
حَرْفٌ

“Rasulullah SAW telah bersabda bahawa : Sesiapa yang membaca satu huruf daripada kitab Allah, maka baginya satu kebaikan, dan satu kebaikan dengan sepuluh kali ganda. Aku tidak kata bahawa Alif Lam Mim satu huruf, tetapi Alif satu huruf, Lam satu huruf dan Mim satu huruf”¹²⁹.

¹²⁷ Rasul Dahri (t.th), *Kemungkaran Dalam Kitab Berzanji Dan Perayaan Maulid Nabi*, Johor : Jahabersa, ms. 2 & 8.

¹²⁸ *Ibid.*, ms. 5.

¹²⁹ al-Tirmidī, Muḥammad bin ’Isā bin Sawrah, *op.cit.*, *Bāb Mā Jāa’ fi’ man Qaraa’ Ḥarfān min al-Qurān Mālahu min al-A’jr*, no. 2910, ms. 651.

Bagi golongan yang menerima bacaan kitab maulid¹³⁰ diadakan menjelaskan bahawa tidak pernah pula pembaca kitab barzanji¹³¹ menyamakan kitab ini sama seperti al-Quran. Sebaliknya terdapat kata pengantar dalam kitab barzanji terjemahan bahasa Melayu mengingatkan tentang membaca kitab tersebut tidak sama dengan membaca al-Quran yang akan memperolehi pahala dari setiap huruf yang disebut sama ada faham atau tidak. Manakala membaca kitab barzanji akan memperolehi pahala bukan dari setiap ungkapan huruf, tetapi dari amalan membaca riwayat Rasulullah SAW atau memujinya¹³².

Secara umumnya, kitab barzanji mengandungi ringkasan tentang keturunan, peristiwa semasa kelahiran dan tempoh pembesaran, sirah kehidupan, dakwah, peristiwa *Isra' Mi'raj*, hijrah ke Madinah, bentuk tubuh badan, sifat-sifat baginda SAW dan sebagainya. Kitab ini dipersembahkan melalui susunan prosa yang indah dalam bentuk rangkap syair¹³³.

Demikianlah isi yang terkandung di dalam kitab barzanji yang mengikut manhaj al-Quran dalam menceritakan tentang kisah-kisah kelahiran para nabi seperti Nabi Musa di dalam surah *al-Qasas*. Begitu juga dengan kisah Nabi Yahya di dalam surah *Maryam* dan surah *Ali 'Imrān*. Dapat difahami bahawa bacaan

¹³⁰ Antara lain kitab maulid yang terdapat di dunia Islam ialah kitab *al-Mawrid al-Hanīfi Mawlid al-Sani* yang dikarang oleh al-Ḥafīz ‘Abd al-Rahmān ibn al-Ḥusayn al-Miṣr dan kitab *Jami‘ al-Athar fī Mawlid al-Nabī al-Azhar* yang dikarang oleh al-Ḥafīz Syamsuddīn Muḥammad ibn Abū Bakar al-Syāfi‘ī. Kitab maulid yang sering dibaca di kalangan masyarakat Malaysia ialah kitab maulid Barzanji karya Ja‘far al-Barzanji, kitab maulid al-Diba‘ī karya ‘Abd al-Rahman al-Diba‘ī, kitab maulid Simṭ al-Durar karya ‘Alī ibn Muḥammad al-Ḥabsyi.

¹³¹ Nama sebenar kitab barzanji ialah *Iqd al-Jawhar fī Mawlid al-Nabī al-Azhar*. Namun masyhur dipanggil sebagai kitab barzanji yang dinisbahkan kepada nama pengarang.

¹³² Al-Barzanji, Ja‘far bin Ḥasan bin ‘Abd al-Karīm al-Ḥusaynī al-Syahrūzūrī (1998), *Barzanji Terjemahan*, Syahrin Nasution (terj.), Kuala Lumpur : Darul Nu’mān, cet. 2, ms. iv.

¹³³ Mohammad Fuad Kamaludin al-Maliki, *op.cit.*, ms. 7.

barzanji yang menceritakan Nabi SAW bukanlah *bid'ah* kerana mengikut manhaj al-Quran dalam menceritakan perihal para nabi¹³⁴.

Berkaitan beberapa prosa yang dipertikaikan kerana kedudukan hadis yang diperselisihkan memang diakui sumber hadisnya adalah berstatus *mawdū'*. Antara contohnya ialah prosa yang menceritakan kedatangan Asiah dan Maryam kepada Aminah semasa kelahiran baginda SAW dengan mengatakan bahawa kitab barzanji penuh dengan unsur tasyūl, khurafat, syirik dan *bid'ah* adalah tidak adil. Walaupun terdapat isi kandungan yang diragui, namun masih terdapat banyak fakta yang tidak bercanggah dan didasari dengan dalil-dalil yang kukuh. Perlu dijelaskan bahawa kitab barzanji adalah berkaitan biografi dan bukannya berkaitan tauhid atau pun hukum halal haram sesuatu perkara. Justeru itu, perlu bersifat adil dalam menentukan hukum terhadap kitab barzanji kerana banyak manfaat yang diperolehi dalam menambah perasaan kecintaan, mempelajari sirah dan ungkapan selawat untuk baginda SAW yang terkandung di dalamnya¹³⁵.

Dalam menyatakan kemungkinan kitab barzanji golongan yang menolak menjelaskan bahawa dalam kandungannya terdapat beberapa perkara yang dipertikaikan seperti berikut :

- a) Terdapat keyakinan yang salah terhadap Nur Muhammad yang juga dikenali Hakikat Muhammadiyah atau Ruh Muhammad¹³⁶. Nama ini diambil dari rangkap prosa berikut :

¹³⁴ *Ibid.*, ms. 6.

¹³⁵ *Ibid.*, ms. 8.

¹³⁶ Rasul Dahri, *op.cit.*, ms. 21.

ولما أراد الله تعالى إبراز حقيقته المحمدية.

“Ketika Allah hendak melahirkan (ke alam yang nyata) hakikatnya Muhammadiyah¹³⁷”.

Seterusnya kepercayaan Nur Muhammad didapati juga berpunca dari keyakinan yang salah tentang perpindahan ruh (inkarnasi)¹³⁸ sebagaimana yang terdapat di dalam prosa berikut :

وأصلِي وأسلم على النور الموصوف بالتقدم وال الأولية. المتقلل الغرر الكريمة
والجباره.

“Dan aku sertakan selawat dan salam ke atas Nur yang bersifat terdahulu dan permulaan. Berpindah-pindah (Nur Muhammad) dari seorang yang mulia kepada orang mulia yang lainnya¹³⁹”.

Kepercayaan Nur Muhammad ada kesamaannya dengan kepercayaan dalam majusi yang disebut sebagai ‘kitaran hayat’. Keyakinan ini bertentangan dengan akidah ahli sunnah wal jamaah kerana konsep perpindahan ruh ‘kitaran ruh’ tidak terdapat dalam agama Islam, tetapi dikenal pasti ianya sebagai kepercayaan terutamanya di dalam agama Hindu¹⁴⁰. Seharusnya persoalan ruh hanya diserahkan kepada Allah SWT sebagaimana firman berikut :

وَسَأَلُوكُمْ عَنِ الرُّوحِ قُلِ الْرُّوحُ مِنْ أَمْرِ رَبِّيٍّ وَمَا أُوتِيْتُمْ مِنَ الْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلًاً

“Mereka bertanya kepadamu tentang ruh, katakanlah! ruh itu termasuk urusan Tuhanmu dan tidaklah kamu diberi pengetahuan melainkan sedikit”

Surah al-Isra’ (17) : 85

¹³⁷ Al-Barzanjī, Ja‘far bin Ḥasan bin ‘Abd al-Karīm al-Ḥusaynī al-Syahruzūrī (1429H/2008M), *Mawlid al-Barzanjī wa fī awwalihī al-Qawl al-Wāḍīḥ al-Mufid fī Qirā’ah al-Mawlid fī kulli ‘Ām Jadīd*, Taḥqīq : Bassām Muḥammad Bārūd, UAE : Iṣdārāt al-Sāḥah al-Khazrajīyyah, cet. 1, ms. 104.

¹³⁸ Rasul Dahri, *op.cit.*, ms. 21.

¹³⁹ Al-Barzanjī, Ja‘far bin Ḥasan bin ‘Abd al-Karīm al-Ḥusaynī al-Syahruzūrī (1429H/2008M), *op.cit.*, ms. 101.

¹⁴⁰ Rasul Dahri, *op.cit.*, ms. 22.

Oleh kerana itu, persoalan ruh tidak boleh dibicarakan dengan bebas kecuali dikhabarkan melalui al-Quran dan hadis. Menurut al-Quran, ruh ditempatkan oleh Allah di alam tersendiri sebagaimana dijelaskan di dalam ayat berikut :

وَمِنْ وَرَآءِهِمْ بَرَزَخٌ إِلَى يَوْمِ الْيُبَعْثُونَ

“Di hadapan mereka (ruh orang mati) ada dinding sehingga mereka dibangkitkan”

Surah al-Mu’minun (23) : 100

ثُمَّ إِنَّكُمْ بَعْدَ ذَلِكَ لَمَيَّتُونَ ﴿١٥﴾ ثُمَّ إِنَّكُمْ يَوْمَ الْقِيَمَةِ تُبَعْثُوتُ

“Kemudian sesudah itu, sesungguhnya kamu sekalian benar-benar akan mati. Kemudian, sesungguhnya kamu akan dibangkitkan (dari kuburmu) di hari kiamat”.

Surah al-Mu’minun (23) : 15-16

Demikianlah ayat di atas menjelaskan bahawa ruh orang yang sudah mati tidak dapat keluar dari alam barzakh atau kubur dan tidak pula boleh turun ke bumi untuk menemui keluarganya, walaupun ruh para rasul, nabi, wali dan sesiapa pun yang sudah mati. Ruh hanya akan dibangkitkan dan dikeluarkan pada hari kiamat untuk berhimpun di padang mahsyar¹⁴¹.

Bagi golongan yang menerima kitab barzanji menyatakan bahawa persoalan Nur Muhammad bukanlah permasalahan dilingkungan ilmu tauhid. Oleh kerana itu, tidak ada kaitan dengan hukum syirik bagi orang yang menyatakan bahawa Nabi Muhammad SAW adalah nur¹⁴².

¹⁴¹ Ibid., ms. 23.

¹⁴² Mohammad Fuad Kamaludin al-Maliki, op.cit., ms. 33-34.

Tidak menjadi masalah mengatakan bahawa Nabi Muhammad SAW adalah nur, bahkan Allah SWT yang menyifatkan baginda SAW sebagai nur¹⁴³ sebagaimana dalam ayat berikut :

يَأَهْلَ الْكِتَبِ قَدْ جَاءَكُمْ رَسُولُنَا يُبَيِّنُ لَكُمْ كَثِيرًا مِمَّا كُنْتُمْ تَخْفُونَ مِنَ الْكِتَبِ وَيَعْفُوا عَنْ كَثِيرٍ قَدْ جَاءَكُمْ مِنْ أَنَّ اللَّهَ نُورٌ وَكِتَبٌ مُّبِينٌ

“Wahai ahli Kitab, sesungguhnya telah datang utusan kami kepada kamu untuk menjelaskan kepada kamu sebahagian besar dari Kitab yang kami sembunyikan dan dimaafkannya sebahagian, dan sesungguhnya telah datang kepada kamu dari Allah, cahaya (Rasulullah) dan Kitab yang terang”.

Surah al-Māidah (5) : 15

وَدَاعِيًّا إِلَى اللَّهِ بِإِذْنِهِ وَسِرَاجًا مُّنِيرًا

“Dan Rasulullah SAW itu menyeru kepada Allah (agama) dengan izin-Nya dan menjadi pelita yang terang”.

Surah al-Ahzab (33) : 46

Demikianlah ayat yang menjelaskan Nabi Muhammad SAW adalah nur dan tidak sewajarnya menafikan bahawa nur tersebut adalah nur yang bersifat *hissi* (boleh dirasai oleh salah satu pancaindera) kerana tiada suatu dalil yang menghalang untuk menyatakan bahawa sifat baginda SAW itu menerangi atau memiliki nur yang *hissi* sebagaimana ia juga tidak bertentangan dengan tabiat manusia yang telah diberitakan melalui al-Quran¹⁴⁴.

¹⁴³ ‘Ali Jum‘ah, *op.cit.*, ms. 4.

¹⁴⁴ *Ibid.*, ms. 5-6.

Sewajarnya mengambil langkah berhati-hati dalam membahaskan kedudukan Nur Muhammad dengan cara menetapkan sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Allah SWT bahawa baginda SAW ialah nur dan baginda SAW juga manusia biasa tanpa perlu kepada *tafsīl* (perincian) dan *tanzir* (pengkajian)¹⁴⁵.

Dalam menjelaskan permasalahan berkaitan ‘nur yang berpindah’ ini adalah bermaksud benih Nabi SAW yang berpindah dari orang yang mulia iaitu dari sulbi seorang nabi kepada sulbi seorang nabi yang tergolong dari kalangan para *sājidīn* sebagaimana firman Allah SWT berikut :

وَتَقْلِبُكَ فِي الْسَّجَدَيْنَ

“Dan (melihat) gerak-gerimu di antara orang yang sujud”.

Surah al-Syūrā (26) : 46

Ibnu ‘Abbās berkata mengenai maksud firman Allah SWT di atas adalah seperti berikut :

من نبي إلى نبي ومن نبي إلى نبي حتى آخر جل نبيا

“Daripada seorang nabi kepada nabi yang lain, kemudian kepada seorang nabi sehingga Aku keluarkan engkau sebagai seorang nabi”¹⁴⁶.

Demikianlah maksud mengenai Nur Muhammad SAW seperti yang diterangkan di atas dan bukannya seperti ‘kitaran hayat’ dalam kepercayaan Majusi dan ‘perpindahan ruh’ dalam kepercayaan agama Hindu.

¹⁴⁵ *Ibid.*, ms. 6.

¹⁴⁶ Dipetik dari Mohammad Fuad Kamaludin al-Maliki, *op.cit.*, ms. 42.

b) Seterusnya pengamal kitab barzanji ada menyandarkan harapan memperolehi kebaikan, keselamatan, perlindungan, pertolongan dan memohon agar dipenuhi segala keperluan serta hajat kepada Rasulullah SAW¹⁴⁷ sebagaimana yang terdapat dalam prosa berikut :

السلام عليك، يا كهفا ومقصد.

“Salam atasamu, wahai tempat bernaung dan meminta¹⁴⁸”.

السلام عليك، يا جالي الكروب.

“Salam atasamu, wahai penghapus bencana (penderitaan atau kesusahan)¹⁴⁹”.

السلام عليك، يا كل المرام.

“Salam atasamu, wahai tempat memohon segala hajat¹⁵⁰”

الا يا نبى الهدى، اغث من بذكرك يصح. الا يا رسول الكريم، عليك صلاة

تصح.

“Wahai Nabi pemberi petunjuk! tolonglah orang yang berdoa kepadamu. Wahai Nabi yang mulia! tolonglah orang yang menyebut namamu¹⁵¹”

انت للرسل ختام، انت للمولى شكور. عبده المسكين يرجو، فضلك الجم الغفير. فيك قد احسنت ظني، يل بشير يا نذير. فاغشني واجري، يا مجير من السعير. يا غياثي يا ملاذى في مهمات الامور.

“Engkau penutup para rasul, engkau limpahan syukur bagi Tuhan. Hambamu yang miskin mengharapkan, kebaikanmu yang banyak dan berlimpah. Padamu aku berbaik sangka, wahai pemberi khabar gembira dan ancaman. Maka tolong lindungi aku, wahai pelindung dari api neraka. Wahai penolongku dan pelindungku, dalam segala urusan yang penting¹⁵²”.

¹⁴⁷ *Ibid.*, ms. 17-18.

¹⁴⁸ Al-Barzanjī, Ja‘far bin Ḥasan bin ‘Abd al-Karīm al-Ḥusaynī al-Syahruzūrī (1429H/2008M), *op.cit*, ms. 51.

¹⁴⁹ *Ibid.*, ms. 52.

¹⁵⁰ *Ibid.*, ms. 52.

¹⁵¹ *Ibid.*, ms. 93.

¹⁵² *Ibid.*, ms. 74-75.

Demikianlah prosa-prosa dalam kitab barzanji yang bertentangan dengan akidah Islam dalam memohon dan mengharap kepada baginda SAW yang merupakan manusia biasa. Terdapat pelbagai firman Allah SWT yang mengarahkan manusia supaya meminta dan memohon hanya kepada Allah SWT sahaja seperti berikut :

اللهُ الصَّمَدُ

“Allah yang menjadi tumpuan seluruh makhluk untuk memohon sebarang hajat”

Surah al-Ikhlas (112) : 2

إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ

“Engkau sahaja (ya Allah) yang kami sembah dan kepada engkaulah sahaja kami memohon pertolongan”.

Surah al-Fatiha (1) : 5

Justeru itu, menjadikan Nabi Muhammad SAW sebagai tempat meminta pertolongan atau hajat amat bertentangan syarak, perbuatan ini boleh membawa kepada kesyirikan¹⁵³ sebagaimana firman Allah SWT berikut :

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

“Katakanlah! Sesungguhnya solatku, ibadahku, hidupku dan matiku hanyalah untuk Allah yang memelihara dan mentadbir seluruh alam”.

Surah al-An‘ām (6) : 162

Bagi golongan yang menerima kitab barzanji menyatakan bahawa persoalan menyeru nama Nabi Muhammad SAW adalah suatu bentuk *tawassul* dalam bentuk seruan. Perkara ini boleh dilihat sebagaimana Ibnu Kathir

¹⁵³ Rasul Dahri, *op.cit*, ms. 14.

menyebutkan bahawa syiar atau slogan orang Islam semasa perperangan Yamamah ialah ‘Ya Muhammад’ (wahai Nabi Muhammad tolonglah). Seterusnya beliau menerangkan lagi, Khalid bin al-Walid membawa bendera hingga berjaya melintasi kawasan musuh. Setelah itu, beliau melalui bukit dan memerhatikan cara supaya dapat sampai kepada Musailamah al-Kazzab untuk membunuhnya. Setelah itu, beliau kembali semula kepada tenteranya, lalu beliau berhenti di antara dua barisan tentera dan menyeru tentera musuh untuk berlawan seorang lawan seorang dengan berkata, aku adalah putera al-Walid yang datang semula, aku adalah putera ‘Amir dan Zaid. Kemudian, beliau melaungkan syiar kaum muslimin iaitu ‘Ya Muhammاد’,¹⁵⁴.

Berkaitan prosa-prosa yang mengandungi seruan kepada Nabi SAW sebagaimana yang telah dibentangkan di atas adalah bersandarkan kepada kisah yang diceritakan oleh ‘Abd Allāh bin Mas‘ud, bahawa baginda SAW tidak pernah terlalu sedih menangis melainkan ketika kematian Ḥamzah bin ‘Abd Muṭṭalib. Baginda telah meletakkan jenazahnya ke arah kiblat, lalu berdiri di hadapan jenazahnya dan menangis tersedu-sedu sambil berkata; wahai Ḥamzah! Wahai bapa saudara Rasulullah! singa Allah dan singa Rasul! wahai Ḥamzah, yang telah melakukan kebaikan! wahai Ḥamzah, yang telah melepaskan kesusahan! wahai Ḥamzah yang mempertahankan wajah Rasulullah!¹⁵⁵

Begitulah ungkapan Rasulullah SAW kepada Ḥamzah yang sama seperti prosa-prosa di atas dalam bentuk seruan. Maka tidak wajar sama sekali mengatakan prosa-prosa yang ada di dalam kitab barzanji terdapat unsur syirik

¹⁵⁴ Dipetik dari Sayyid Muḥammad ‘Alawī al-Mālikī (1995M/1415H), *Mafāhīm Yajibu an Tusahhaḥ*, U.A.E : Dāirah al-Awqāf wa Shu’ūn al-Islāmiyyah, ms. 152.

¹⁵⁵ *Ibid.*, ms 178.

kerana boleh membawa kesan kepada ungkapan seruan yang dilakukan oleh Rasulullah kepada Ḥamzah juga dianggap terdapat unsur syirik¹⁵⁶.

Seterusnya, prosa-prosa yang berada dalam kitab barzanji adalah termasuk kategori *majāz ‘aqlī* atau kiasan iaitu memindahkan maksud ucapan kepada makna yang lain¹⁵⁷. Bahkan, penggunaan *majāz* adalah sangat penting bagi memahami ayat-ayat al-Quran¹⁵⁸. Contoh penggunaan *majāz* yang terdapat di dalam al-Quran ialah :

وَإِذَا تُلِيَتْ عَلَيْهِمْ إِيمَانُهُ زَادَهُمْ إِيمَانًا وَعَلَى رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ ﴿٧﴾

“Dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayatNya, menjadikan mereka bertambah iman, dan kepada Tuhan mereka jualah mereka berserah”.

Surah al-Anfāl (8) : 2

Menyandarkan penambahan iman kepada ayat-ayat al-Quran merupakan *majāz ‘aqlī* kerana pembacaan ayat-ayat al-Quran itu hanyalah penyebab bertambah keimanan, sedangkan yang menambah keimanan sebenarnya ialah Allah S.W.T.¹⁵⁹ Begitu juga dengan firman Allah S.W.T berikut juga mempunyai *majāz ‘aqlī*:

يَوْمًا تَجْعَلُ الْأُولَانَ شَيْبًا ﴿١٧﴾

“Hari yang huru-haranya menyebabkan kanak-kanak menjadi tua beruban”.

Surah al-Muzammil (73) : 17

¹⁵⁶ Mohammad Fuad Kamaludin al-Maliki, *op.cit.*, ms. 62.

¹⁵⁷ *Ibid.*, ms. 67.

¹⁵⁸ Dipetik dari Sayyid Muḥammad ‘Alawī al-Mālikī (1995M/1415H), *op.cit.*, ms. 85.

¹⁵⁹ *Ibid.*, ms 85.

Sesungguhnya hari yang menjadikan anak-anak beruban hanyalah *majāz* ‘*aqlī*, kerana hari kiamat merupakan tempat kejadian anak-anak segera menjadi tua dan beruban. Sedangkan yang menjadikan anak-anak itu beruban hanyalah Allah S.W.T. sahaja yang berkuasa¹⁶⁰.

c) Terdapat ajaran yang boleh membawa kepada pemesongan akidah di dalam kitab barzanji seperti unsur kesyirikan sebagaimana yang terdapat pada prosa-prosa berikut :

السلام عليك، يا ماحي الذنوب.

“*Salam atasmu, wahai penghapus dosa*¹⁶¹”.

السلام عليك، يا ذخر العصابة.

“*Salam atasmu, wahai harapan (penghapus dosa) para pembuat maksiat*¹⁶²”.

Sekiranya diyakini ungkapan dalam prosa di atas, maka ia boleh membawa kepada berlakunya syirik iaitu menyamakan sifat maha pengampun dosa Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW sebagai makhluk¹⁶³. Prosa tersebut jelas bertentangan dengan ayat al-Quran berikut :

عَافِرُ الذَّنْبِ وَقَابِلُ التَّوْبِ شَدِيدُ الْعِقَابِ ذِي الْطَّوْلِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ إِلَيْهِ

المَصِيرُ

¹⁶⁰ *Ibid.*, ms. 85.

¹⁶¹ Al-Barzanjī, Ja‘far bin Ḥasan bin ‘Abd al-Karīm al-Ḥusaynī al-Syahruzūrī (1429H/2008M), *op.cit*, ms. 51.

¹⁶² *Ibid.*, ms. 52.

¹⁶³ Rasul Dahri, *op.cit*, ms. 10.

“(Hanya Dialah) yang mengampunkan dosa dan menerima taubat lagi keras hukuman, mempunyai kurnia, tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Dia, hanya padanya akan kembali”.

Surah al-Mu'minun (40) : 3

Bagi golongan yang menerima kitab barzanji menyatakan bahawa sebenarnya prosa-prosa tersebut bukanlah bermaksud Nabi Muhammad SAW yang menghapuskan dosa. Sebaliknya permohonan ini diungkapkan supaya baginda SAW mengucapkan *istighfar* kepada Allah bagi orang yang memohon¹⁶⁴. Ini adalah berdasarkan kepada ayat al-Quran berikut :

وَلَوْ أَنَّهُمْ إِذْ ظَلَمُوا أَنفُسَهُمْ جَاءُوكَ فَاسْتَغْفِرُوا اللَّهَ وَأَسْتَغْفِرَ لَهُمُ الرَّسُولُ
لَوْجَدُوا اللَّهَ تَوَابًا رَّحِيمًا

“Dan kalau lah mereka ketika menganiaya diri mereka sendiri datang kepadamu (Wahai Muhammad) lalu memohon ampun kepada Allah, dan Rasulullah juga memohon ampun untuk mereka, tentulah mereka mendapati Allah maha penerima taubat, lagi maha mengasihani”.

Surah al-Nisa' (4) : 64

Ayat di atas adalah bersifat mutlak dan tidak terbatas dengan kehidupan baginda SAW di dunia sahaja, tetapi kekal hingga ke hari kiamat¹⁶⁵. Pernah suatu ketika sedang duduk di *Rawdah ‘Utbī* melihat seorang Arab badwi datang dan memberi salam ke atas Nabi SAW lantas membaca firman Allah di atas. Kemudian orang Arab tersebut mengungkapkan syair berikut pula :

يَا خَيْرَ مَنْ دَفَنَتِ فِي الْأَرْضِ أَعْظَمُهُ، فَطَابَ مِنْ طَيِّبِهِ الْأَبْقَاعُ وَالْأَكْمَمُ. نَفْسِي
الْفَدَاءِ لِقَبِيرٍ أَنْتَ سَاكِنُهُ، فِيهِ الْعَفَافُ وَفِيهِ الْجُودُ وَالْكَرَمُ.

“Wahai sebaik-baik insan yang dikuburkan jasadnya di dalam tanah, maka menjadi suci bersihlah tanah dan dataran lantaran

¹⁶⁴ Mohammad Fuad Kamaludin al-Maliki, *op.cit.*, ms. 63.

¹⁶⁵ Ali Jum'ah, *op.cit.*, ms. 36.

jasad tersebut. Jiwaku menjadi tebusan bagi kubur yang engkau diam, padanya terdapat nilai maruah, kemurahan dan segala limpahan kebaikan¹⁶⁶.

Kemudian orang Arab badwi tersebut beredar setelah mengungkapkan syair. Peristiwa tersebut terbawa-bawa ke dalam tidurku, lalu aku bermimpi melihat Nabi SAW bersabda kepadaku; wahai ‘Utbi! pergilah dapatkan lelaki itu dan sampaikan berita gembira kepadanya tentang Allah SWT telah mengampunkan dosanya¹⁶⁷.

Demikianlah penjelasan tentang prosa di atas yang bukan bermaksud Nabi Muhammad SAW yang mengampunkan dosa manusia, tetapi sebagai perantara dengan keberkatan dan kelebihan yang ada pada baginda SAW.

d) Seterusnya terdapat prosa di dalam kitab barzanji yang membawa kepada fahaman pemuja atau penyembah kubur. Lantaran itu, timbul pelampauan dalam mendewa dan mensucikan kubur para rasul, nabi, wali dan orang soleh terutama kubur Nabi Muhammad SAW sebagaimana yang terdapat di dalam prosa berikut :

ان حجّي وعمرتي رؤية روضة المقام، هم جلا نور مقلتي وهم يحصل التسامم .

“Sesungguhnya haji dan umrahku adalah melihat Rauḍah dan kubur, mereka adalah manifestasi cahaya jiwaku dan dengan mereka lah diperolehi kesempurnaan¹⁶⁸”.

Para ulama menjelaskan tidak terdapat tuntutan syarak supaya menziarahi tanah perkuburan. Oleh kerana itu, bermusafir untuk menziarahi kubur Nabi SAW

¹⁶⁶ Dipetik dari Muḥammad ‘Alawi al-Mālikī (1995M/1415H), *op.cit.*, ms. 157.

¹⁶⁷ *Ibid.*, ms. 157.

¹⁶⁸ Al-Barzanji, Ja‘far bin Ḥasan bin ‘Abd al-Karīm al-Ḥusaynī al-Syahrūzūrī (1429H/2008M), *op.cit.*, ms. 67.

adalah perbuatan yang bertentangan dengan syarak, bahkan tidak terdapat suatu hadis yang menggalakkan perbuatan tersebut¹⁶⁹.

Bagi golongan yang menerima amalan ziarah kubur menyatakan bahawa menziarahi kubur umat Islam dan kubur Nabi SAW adalah disyariatkan¹⁷⁰ sebagaimana sebuah hadis berikut:

إِنِّي كُنْتُ نَهِيًّا كُمْ عَنْ زِيَارَةِ الْقُبُوْرِ فَزُورُوهَا

“Sesungguhnya aku telah menegah kamu sebelum ini daripada menziarahi kubur, tetapi sekarang ziarahlah”¹⁷¹.

Berdasarkan ayat di atas, para ulama juga menyatakan harus bermusafir untuk menziarahi kubur kerana merupakan wasilah untuk hadir ke kubur. Demikianlah penjelasan tentang hukum ziarah kubur bagi yang mengharuskannya¹⁷².

3.3 Kesimpulan

Daripada sorotan beberapa dalil, hujah dan pandangan para ulama muktabar serta kontemporari yang telah dibincangkan di atas, maka dapatlah dibuat rumusan bahawa isu sambutan maulidur rasul adalah di sekitar penentuan diterima atau tidak untuk dilaksanakan kerana berbeza sisi pandang dalam penggunaan dalil-dalil.

¹⁶⁹ Rasul Dahri, *op.cit*, ms. 32-33.

¹⁷⁰ ‘Ali Jum‘ah, *op.cit.*, ms. 91.

¹⁷¹ al-Nasā‘ī, Abī ‘Abd al-Rahmān Alḥmad bin Syu‘āib bin ‘Alī al-Syuhayr, *op.cit.*, *Kitāb al-Asyribah : al-Izn fi ‘Syai’ minhā*, no. 5652, ms. 847.

¹⁷² ‘Ali Jum‘ah, *op.cit.*, ms. 94.

Sebaiknya masyarakat Islam melihat sambutan ini dengan sikap terbuka, toleransi dan saling menghargai mengenai perbezaan pendapat. Manakala sikap saling mendakwa dan mendabik dada berada dalam kebenaran tidak sepatutnya ditonjolkan.

Sekiranya diperhalusi, pendapat yang melarang dan membenarkan sambutan maulidur rasul adalah mempunyai tujuan yang sama dan baik. Ini kerana masing-masing ingin membela perasaan cinta dan sayang terhadap Rasulullah SAW, sebaliknya akan berlaku kerugian jika umat Islam yang mempunyai satu tujuan dan matlamat saling berdebat, berhujah dan menyakiti antara satu sama lain.

Sudah dijelaskan di sini mengapa sambutan ini dibenar dan dibolehkan, namun perlu diingat bahawa kebenaran ini bukanlah secara mutlak. Bahkan dibatasi dengan syarak. Penolakan terhadap sambutan maulidur rasul adalah suatu sikap yang perlu diambil perhatian untuk menghindari dari munculnya perilaku berlebihan dalam memanifestasikan rasa hormat dan cinta terhadap Nabi SAW.

Pandangan pro dan kontra terhadap keberadaan sambutan maulidur rasul secara tujuan dan matlamat adalah tidak bertentangan antara satu dengan yang lain. Malah pandangan zahir yang nampak kontradiksi itu diperlukan untuk mencipta asas keseimbangan dalam menempatkan Nabi SAW sebagai manusia pilihan yang kelahirannya patut diingati sesuai dengan nilai yang telah digariskan oleh Nabi SAW.

BAB EMPAT

ANALISA TERHADAP JUSTIFIKASI *MAŞLAHAH* DALAM AKTIVITI- AKTIVITI SAMBUTAN MAULIDUR RASUL DI MALAYSIA.

4.1 Pendahuluan

Perbincangan di dalam bab ini akan memfokuskan kepada peranan *maşlaḥah* sebagai salah satu prinsip utama dalam menetapkan hukum terhadap sesuatu perkara. Perbahasan ini dimulakan dengan melakarkan senario dan latar belakang sesuatu aktiviti yang berlaku terlebih dahulu bagi menjelaskan kaedah perlaksanaan dan bentuk pengisian yang dijalankan secara keseluruhan supaya perbahasan terfokus serta terarah.

Seterusnya penulis cuba membentangkan hujah-hujah yang mengharuskan aktiviti dan menganalisa justifikasi *maşlaḥah* terhadap aktiviti berselawat, ceramah serta kuliah, perarakan sambil berselawat, persembahan nasyid dan jamuan makan yang diadakan ketika sambutan maulidur rasul di Malaysia. Di samping itu, beberapa penilaian dan komentar bernas dibuat secara langsung dalam kerangka mencari kedudukan sebenar terhadap hukum sambutan maulidur rasul.

4.2 Ulasan Dalam Beberapa Aktiviti Sambutan Maulidur Rasul

Setiap kali tibanya 12 Rabiul Awwal tahun Hijrah, umat Islam di seluruh dunia akan meraikan sambutan maulidur rasul. Secara umum, dalam menyambut maulidur rasul tidak terdapat cara atau kaedah yang khusus dan tertentu. Lazimnya, rasa cinta dan kasih kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW yang sering dilakukan dalam sambutan maulidur rasul di Malaysia diterjemahkan menerusi pelbagai aktiviti seperti berselawat, forum, kuliah, ceramah, perarakan, persempahan nasyid, dan jamuan makan.

Di Malaysia, majlis sambutan maulidur rasul tidak sahaja disambut di peringkat kebangsaan malah boleh dikatakan ia dirancang rapi di setiap negeri, daerah hingga ke kampung dan taman perumahan. Justeru itu, beberapa amalan tersebut akan dianalisa mengikut neraca *maṣlaḥah* dalam memanifestasikan cinta dan kasih terhadap Nabi SAW.

Kupasan terhadap sesuatu aktiviti sambutan maulidur rasul akan dibuat dengan melihat dari sudut definisi, senario yang berlaku dan perbincangan hukum.

4.2.1 Aktiviti Selawat

Selawat adalah bentuk jamak dari *salāt*, bermaksud rahmat, kemuliaan dan kesejahteraan. Maksud berselawat dapat dilihat dari pelakunya. Jika dari Allah bermaksud memberi rahmat kepada makhluk. Selawat dari malaikat bermaksud memintakan ampun. Sedangkan selawat dari orang mukmin bermaksud suatu doa

agar Allah SWT memberi rahmat dan kesejahteraan kepada Nabi SAW dan keluarganya. Jika dari makhluk kepada Allah, selawat juga dapat bermaksud doa, baik untuk diri sendiri mahupun untuk orang ramai atau untuk kepentingan bersama¹.

Lazimnya di Malaysia, cara pelaksanaan ucapan selawat dan salam ke atas junjungan besar baginda SAW dijalankan dalam aturcara sambutan maulidur rasul seperti semasa perarakan dan dalam sesuatu perhimpunan selepas atau sebelum majlis. Bacaan selawat ini dilaungkan beramai-ramai dengan diketuai oleh seorang imam atau ketua.

Di samping itu, ada juga bacaan selawat yang digubah dalam bentuk puisi dan syair oleh para ulama dengan tujuan untuk mengagungkan baginda SAW. Antara yang masyhur dialunkan semasa majlis oleh masyarakat di Malaysia ialah marhaban dan berzanji². Antara isi kandungan berzanji ialah menceritakan tentang kehidupan baginda SAW yang disebutkan secara berturutan mengenai salasilah keturunannya, zaman kanak-kanak, remaja, pemuda sehingga diangkat menjadi rasul. Di dalamnya juga mengisahkan sifat-sifat mulia yang dimiliki baginda SAW, serta pelbagai peristiwa untuk dijadikan teladan manusia³. Biasanya

¹ Sila lihat al-Tabarī, Abī Ja‘far Muḥammad bin Jarīr (1388H), *Jāmi‘ al-Bayān ‘an Ta’wīl al-Qurān*, Miṣr : Maktabah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādīhi, ms. 43. Sila lihat al-Bukhārī, Abī ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘īl bin Ibrāhīm bin Bardizbah al-Ju‘fā (2001M/1421H), *Sahīḥ al-Bukhārī : Kitāb Tafsīr al-Qurān : Bāb Qawlūhu Inna Allāh wa Malāikatihī Yuṣallūna ‘alā al-Nabī yā Ayyuha al-lazīma Āmanū Ṣallū ‘alayhi wa Sallimū Taslīmā*, Qāhirah : Dār al-Taqwā, cet. 1, ms. 574.

² Nama Berzanji diambil dari nama pengarangnya yaitu Syaikh Ja‘far al-Barzanjī bin Ḥusīn bin ‘Abd al-Karīm. Beliau lahir di Madinah pada tahun 1690 dan meninggal dunia pada tahun 1766. Barzanji berasal dari nama sebuah tempat di Kurdistan, Barzinj. Karya tersebut sebenarnya berjudul *Iqd al-Jawāhir*. Berzanji atau Barzanji merupakan karya alunan kisah-kisah yang dilakukan untuk memuji kehebatan Nabi Muhammad S.A.W.

³ Dewan Referensi (1999), *Ensiklopedi Hukum Islam*, Jakarta : PT. Ichtiar Baru Van Hoeve, cet. 3, jld. 1, ms. 199-200.

marhaban dan berzanji dialunkan secara bergilir seorang demi seorang sambil disahuti oleh ahli yang lain dengan kalimah Allah pada tempat-tempat tertentu.

i) Hujah Yang Mengharuskan

Setelah memperhatikan senario yang berlaku berkaitan aktiviti selawat yang sering dianjurkan oleh masyarakat Islam di Malaysia semasa sambutan maulidur rasul, berikut dikemukakan hujah-hujah yang mengharuskannya :

a. Anjuran Berselawat Melalui Ayat al-Quran :

Dengan adanya sambutan maulidur rasul maka secara tidak langsung akan menjadikan hati umat Islam tergerak untuk berselawat dan memuji ke atas baginda SAW. Hal ini selaras dengan arahan Allah SWT agar berselawat kepada baginda SAW sebagaimana ayat berikut :

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُوٰعَلَيْهِ
وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا

(Sesungguhnya Allah dan para malaikat berselawat keatas Nabi, wahai orang-orang yang beriman ! berselawatlah kamu dan berilah salam keatasnya).

Sūrah Al-Aḥḍhāb (33) : 56

Ayat ini bersifat mutlak dan seruan berselawat di dalamnya boleh difahami pada sebarang waktu tanpa dikhkususkan pada waktu-waktu tertentu. Menurut suatu kaedah usul :

أن العام الباقى على عمومه يدل على جميع أفراده

Perkara yang umum akan kekal dalam keumumannya termasuk keseluruhan juzuk-juzuknya⁴.

Seandainya tidak terdapat dalil yang khusus menyatakan aktiviti berselawat bersama-sama dibenarkan, maka dalil umum yang menggalakkan selawat ke atas Nabi SAW sudah memadai untuk dirangkumkan hukum dengan aktiviti berselawat secara beramai-ramai, menjadikan bahawa tidak terdapat satupun dalil yang mengkhususkannya atau menegahnya pada waktu-waktu tertentu.

b. Anjuran Berhimpun Untuk Berselawat :

Berikut adalah merupakan pendapat Ibn Taymiyyah dalam membenar dan menggalakkan majlis zikir yang dilakukan secara berkumpulan.

"سئل - رحمة الله - عن عوام فقراء، يجتمعون في مسجد يذكرون، ويقرؤون شيئاً من القرآن، ثم يدعون ويكشفون رؤوسهم ويكونون ويتصرون، وليس قصدهم من ذلك رباء ولا سمعة، بل يفعلونه على وجه التقرب إلى الله تعالى، فهل يجوز ذلك أم لا؟"

فأجاب : الحمد لله، الاحتمام على القراءة والذكر والدعاة حسن مستحب إذا لم يتخذ ذلك عادة راتبة - كالاجتماعات المشروعة - ولا اقتربن به بدعة منكرة".

"Ibn Taymiyyah telah ditanya mengenai pendapat beliau mengenai perbuatan berkumpul beramai-ramai melakukan majlis zikir, membaca al-quran, berdoa sambil menanggalkan serban dan menangis. Sedangkan niat mereka bukanlah kerana riak atau pun menunjuk-nunjuk, tetapi hanyalah kerana hendak mendekatkan diri kepada Allah SWT Adakah perbuatan ini boleh diterima?

⁴ al-Zuhaylī, Wahbah (2005M/1426H), *Usūl al-Fiqh al-Islāmī*, Damsyīq : Dār al-Fikr, cet. 3, jld. 1, ms. 343.

*Beliau menjawab, Segala puji hanya bagi Allah SWT, perbuatan berkumpul untuk membaca al-quran, berzikir serta berdoa itu semuanya adalah baik dan diharuskan (mustahab) dengan syarat tidak dijadikan adat yang tersusun seperti perhimpunan yang disyariatkan dan tidak pula diiringi bid‘ah munkarah*⁵.

Jelas bahawa pendapat Ibn Taymiyyah yang dinukilkhan di atas membenarkan majlis zikir diadakan di dalam sesuatu majlis. Majlis zikir tersebut sudah tentu membawa kepada mengingati Allah SWT dan Nabi Muhammad SAW. Berikut dinyatakan hadis-hadis yang menyatakan keistimewaan berzikir secara berjemaah :

لَا يَقْعُدُ قَوْمٌ يَذْكُرُونَ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ إِلَى حَفْتِهِمُ الْمَلَائِكَةُ وَغَشِّيَّتِهِمُ الرَّحْمَةُ
وَنَزَّلْتُ عَلَيْهِمُ السَّكِينَةُ وَذَكَرَهُمُ اللَّهُ فِيمَنْ عِنْدَهُ

*"Tidaklah suatu kaum duduk berzikir kepada Allah, kecuali dikelilingi para malaikat, dinaungi rahmat, diturunkan ketenangan kepada mereka dan Allah SWT menyebut-nyebut mereka dikalangan makhluk yang berada di sisinya*⁶".

وَمَا اجْتَمَعَ قَوْمٌ فِي بَيْتٍ مِّنْ بُيُوتِ اللَّهِ يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ وَيَتَدَارَسُونَهُ بَيْنَهُمْ إِلَّا
نَزَّلْتُ عَلَيْهِمُ السَّكِينَةُ وَغَشِّيَّتِهِمُ الرَّحْمَةُ وَحَفَّتِهِمُ الْمَلَائِكَةُ وَذَكَرَهُمُ اللَّهُ فِيمَنْ
عِنْدَهُ ...

*"Tidaklah suatu kaum duduk di dalam salah sebuah rumah Allah, lalu mereka membaca kitab Allah dan belajar di kalangan mereka, kecuali diturunkan ke atas mereka ketenangan, dinaungi dengan rahmat, para malaikat melingkari mereka dan Allah SWT menyebut-nyebut mereka di kalangan makhluk yang berada di sisinya*⁷".

⁵ Ibn Taymiyyah, Taqīy al-Dīn Abū al-‘Abbās Aḥmad ibn ‘Abd al-Ḥalīm ibn ‘Abd al-Salām ibn ‘Abd Allāh (1997), *Majmu‘ah al-Fatāwā li al-Syaikh al-Islām Taqīy al-Dīn Aḥmad bin Taimiyyah al-Ḥarrāni*, Mansūrah : Dār al-Wafāa, jld. 12, ms. 307.

⁶ al-Nawawī, Abī Zakariyyā Yahyā ibn Syarf al-Dimasyqī (2000/1421H), *Al-Minhāj Syarḥ Ṣaḥīḥ Muslim : Kitāb al-Da‘awāt, al-Zikr wa al-Du‘ā wa al-Tawbah wa al-Istighfar: Bāb Fadl al-Ijtīmā‘ ‘alā Tilāwah al-Qurān wa ‘alā al-Zikr*, Beirut : Dār al-Ma‘rifah, cet. 7, no. 6795, jld. 17, ms. 24-25.

⁷ *Ibid.*, no. 6794, jld. 17, ms. 24.

مَا جَلَسَ قَوْمٌ مَجْلِسًا لَمْ يَذْكُرُوا اللَّهَ فِيهِ وَلَمْ يُصَلُّوا عَلَى نَبِيِّهِمْ إِلَّا كَانَ عَلَيْهِمْ
تِرَةً فَإِنْ شَاءَ عَذَّبَهُمْ وَإِنْ شَاءَ غَفَرَ لَهُمْ

*“Tiada duduk sesuatu kaum di dalam sesuatu majlis, sedang mereka tidak menyebut akan Allah dan tiada berselawat untuk Nabinya, melainkan menderita kekuranganlah mereka dan jika Allah menghendaki maka Allah akan mengazab mereka atau akan mengampuni mereka”*⁸.

Demikianlah, hadis-hadis di atas menjelaskan beberapa kelebihan yang akan diperolehi oleh orang yang berzikir secara berjemaah, lebih-lebih lagi jika membawa banyak manfaat seperti ketundukan hati, merapatkan persaudaraan dan menzahirkan syiar-syiar Islam.

c. Pahala Berganda Dengan Berselawat

Selawat kepada baginda SAW merupakan ungkapan kerinduan serta luahan rasa cinta kasih seorang umat kepada baginda. Bahkan, Allah SWT memberi ganjaran yang lumayan kepada orang yang banyak mengucapkan selawat. Hal ini telah dinyatakan oleh Nabi Muhammad SAW sebagaimana berikut :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَنْ صَلَّى عَلَيَّ وَاحِدَةً
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ عَشْرَةً

*“Dari pada Abu Hurairah r.a., bahawa Rasulullah SAW bersabda : Sesiaapa yang berselawat kepadaku sekali, maka Allah berselawat kepadanya sepuluh kali”*⁹.

⁸ al-Tirmidhi, Muhammed bin ‘Isā bin Sawrah (t.th), *Sunan Tirmidhi : Kitāb al-Da’awāt ‘an Rasūl Allāh : Bāb fī al-qawm yajlisūna wa lā yazkurūna Allāh*, Tahqīq : Muhammed Naṣīr al-Dīn al-Albānī, Riyād : Maktabah al-Ma’ārif lil Nasyr wa al-Tawzi’, cet. 1, no. 3380, ms. 767.

⁹ al-Nawawī, Abī Zakariyyā Yaḥyā ibn Syarīf al-Dimasyqī, *op.cit.*, *Bāb Fi Thawab al-Ṣalāh al-Ṭābi‘i*, no. 911, jld 4, ms.348.

d. Anjuran Memuji Nabi Muhammad SAW

Dalam membincangkan perkara mengenai penghormatan atau puji-pujian menerusi syair, puisi dan sebagainya perlu terlebih dahulu memahami maksud sebenar penghormatan (تَعْظِيمٌ) dan penyembahan (تَعْبُدٌ). Penghormatan di sini

adalah bertujuan membangkitkan rasa keinsafan dalam hati pemuji sebagai tanda syukur dan gembira kerana telah dianugerahkan oleh Allah seorang rasul yang telah membimbing dan mendorong ke arah kebaikan¹⁰. Seterusnya melalui penghormatan tersebut juga mampu mencetus rasa kehebatan keagungan peribadi baginda SAW untuk dicintai dan dicontohi dalam kehidupan seharian. Manakala penyembahan adalah layak hanya kepada Allah SWT sebagai pencipta seluruh alam¹¹.

Namun begitu, terdapat sebahagian golongan melarang daripada memuji baginda SAW. Mereka menganggap mengagungkan Nabi SAW merupakan sikap berlebih-lebihan (غلو) yang dapat membawa orang kepada perbuatan syirik.¹²

Menurut mereka, tidak sewajarnya baginda dipuji secara melampaui batas dan meniru golongan Nasrani dalam menyambut kelahiran Nabi Isa a.s.¹³. Berikut adalah hadis yang dijadikan hujah golongan tersebut :

¹⁰ ‘Abd Allāh al-Husaynī al-Makkī al-Hāsyimī (1996), *al-Iḥtifāl bi al-Mawlid al-Nabī bayn al-Muayyidīn wa al-Mu‘āridīn Munāqasyāt wa Rudud*, t.pt., t.pt., ms. 49.

¹¹ al-Marīkhī, Rasyīd bin Ibrāhīm (t.th), *I‘lām al-Nabī bimā fī syarḥ al-Jazā’irī min al-Talbīs wa al-Taqlīl*, Bahrain : t.pt., ms. 21-22. H.M.H al-Hamid al-Husaini (1998), *Liku-liku Bid’ah...dan masalah khilafiyah*, Singapura : Pustaka Nasional Pte. Ltd., cet. 1, ms. 81-86.

¹² ‘Abd al-Rauf Muḥammad Uthmān (1414H), *Mahabbah al-Rasūl s.a.w. bayna al-Ittibā‘ wa al-Ibtidā‘*, Riyāḍ : Riasah Idārah al-Buhūth al-‘Ilmiyyah wa al-Ifta‘, cet. 2, ms. 144-145.

¹³ al-Tahtāwī, ‘Alī Aḥmad ‘Abd al-‘Aāl (2000), *Bidi’ al-Sūfiyyah wa al-Karāmat wa al-Mawālid*, Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, ms. 270.

لَا تُطْرُوْنِي كَمَا أَطْرَتْ النَّصَارَى ابْنَ مَرِيمَ فَإِنَّمَا أَنَا عَبْدُهُ فَقُولُوا عَبْدُ اللَّهِ
وَرَسُولُهُ

“Jangan kalian mendewakan aku, sebagaimana orang Nasrani mendewakan anak Maryam, sesungguhnya hamba Allah, katakanlah hamba Allah dan utusan-Nya”¹⁴.

Sebenarnya golongan yang menolak sambutan *mawlid al-rasūl* telah menggunakan hadis di atas pada tempat yang tidak sesuai. Penjelasan dari hadis tersebut yang dimaksudkan dengan larangan itu adalah dari sudut ‘mendewakan’ kerana dalam bahasa arab perkataan (أَطْرَى) yang dilarang ertinya melampaui dalam puji-pujian atau lebih tepat dengan perkataan mendewakannya. Larangan ini sebenarnya berdasarkan perbuatan orang-orang Nasrani yang telah mendewakan Isa itu sehingga mereka menyatakan Nabi Isa a.s. sebagai anak tuhan, lalu mereka telah melakukan syirik dalam memuji-muji nabi mereka tanpa disedari¹⁵.

Sesungguhnya memuji baginda SAW dengan tidak beriktikad bahawa melakukan penambahan syariat dalam agama serta ibadat dan bertentangan dengan *naṣṣ* adalah baik dan perlu diteruskan. Seterusnya menyatakan dengan penuh keyakinan bahawa baginda adalah manusia biasa, hamba Allah serta utusan-Nya di samping menjauhkan segala bentuk pendewaan terhadap baginda SAW adalah suatu perkara yang dibolehkan. Ini kerana baginda merupakan manusia yang paling sempurna dalam mentauhidkan Allah dari kalangan

¹⁴ Al-Bukhāri, Abī ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘il bin Ibrāhīm bin Bardizbah al-Ju‘fā, *op.cit.*, *Kitab Ahādīth al-Ambiyā’* : *Bāb Qawl Allāh* : Wazkur fi al-Kitāb Maryam Izā Intabazat min Ahlihā, Qāhirah : Dār al-Taqwā, cet. 1, no. 3189 , jld. 2, ms. 208.

¹⁵ ‘Abd Allāh bin al-Syaikh Abī Bakr bin Sālim al-Syāfi‘ī (1426H), *Khulāṣah al-Kalām fī al-Iḥtifāl bi Mawlid Khairi al-Anām*, UAE : Dār al-Faqīh, ms.108-109.

manusia.¹⁶ Saranan memuliakan Nabi SAW jelas sekali ditunjukkan Allah SWT sendiri melalui ayat-ayat berikut :

فَالَّذِينَ إِمَنُوا بِهِ وَعَزَّرُوهُ وَنَصَرُوهُ وَاتَّبَعُوا أَلْنُورَ الَّذِي أُنْزِلَ مَعَهُ
أُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

(Maka orang yang beriman kepadanya. memuliakannya, menolongnya dan mengikuti cahaya yang terang yang diturunkan kepadanya [al-Quran], mereka itulah orang-orang yang berjaya).

Surah al-A'rāf (7) : 157

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ إِمَنُوا لَا تَرْفَعُوا أَصْوَاتَكُمْ فَوْقَ صَوْتِ النَّبِيِّ وَلَا تَجْهَرُوا لَهُ
بِالْقَوْلِ كَجَهْرٍ بَعْضِكُمْ لِبَعْضٍ أَنْ تَحْبَطَ أَعْمَالُكُمْ وَإِنْتُمْ لَا تَشْعُرُونَ

(Wahai orang yang beriman! janganlah kamu mengangkat suara kamu melebihi suara Nabi, dan janganlah kamu menyaringkan suara dengan lantang semasa bercakap dengannya sebagaimana sebahagian kamu menyaringkan suaranya semasa bercakap dengan sebahagian yang lain. Supaya amal-amal kamu tidak hapus pahalanya, sedang kamu tidak menyedarinya).

Surah al-Hujūrāt (49) : 2

لَا تَجْعَلُوا دُعَاءَ الرَّسُولِ بَيْنَكُمْ كَدُعَاءِ بَعْضِكُمْ بَعْضًا

(Janganlah kamu jadikan seruan atau panggilan Rasulullah di antara kamu seperti seruan atau panggilan sesama kamu...)

Surah al-Hujūrāt (24) : 63

Berdasarkan ayat-ayat di atas, orang yang memuliakan baginda SAW bukanlah terhad pada sezaman dengan baginda SAW sahaja, tetapi adalah orang

¹⁶ 'Abd Allāh al-Husaynī al-Makkī al-Hāsyimī, *op.cit.*, ms. 50-51. H.M.H al-Hamid al-Husaini, *op.cit.*, ms. 79.

yang memuliakan, menghormati dan membesarakan baginda SAW pada setiap masa dan zaman¹⁷.

Puisi merupakan salah satu medium untuk memuji dan mengungkapkan penghormatan kepada baginda SAW. Dalam al-Quran jelas terdapat ayat yang menyebutkan berkaitan puisi dan para pemuisi secara langsung. Ayat tersebut memuji penyair yang beriman serta bertaqwah dan mencaci mereka yang sesat dan ingkar terhadap ajaran Allah SWT, berikut dinyatakan firman Allah SWT :

وَالشُّعْرَاءُ يَتَّبِعُهُمُ الْغَاوِينَ ﴿٢٦﴾ أَلَمْ تَرَ أَنَّهُمْ فِي كُلِّ وَادٍ يَهِيمُونَ
وَأَنَّهُمْ يَقُولُونَ مَا لَا يَفْعَلُونَ ﴿٢٧﴾ إِلَّا الَّذِينَ إِمَّا مُنْسِكُوا وَعَمِلُوا الصَّلَحَاتِ
وَذَكَرُوا اللَّهَ كَثِيرًا وَأَنْتَصَرُوا مِنْ بَعْدِ مَا ظُلِمُوا وَسَيَعْلَمُ الَّذِينَ ظَلَمُوا أَئَ
مُنْقَلِبٌ يَنْقَلِبُونَ ﴿٢٨﴾

(Dan ahli-ahli syair itu, diturut oleh golongan yang sesat - tidak berketentuan hala. Tidakkah Engkau melihat bahawa mereka merayau-rayau dengan tidak berketentuan hala dalam tiap-tiap lembah (khayal dan angan-angan kosong)?, dan bahawa mereka memperkatakan apa yang mereka tidak melakukannya?. Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh (dari kalangan penyair-penyair itu), dan mereka pula mengingati Allah banyak-banyak, serta mereka membela diri sesudah mereka dianiaya. dan (ingatlah), orang-orang yang melakukan sebarang kezaliman, akan mengetahui kelak, ke tempat mana, mereka akan kembali).

Surah al-Syu‘arā’ (26) : 224-227

Nabi SAW juga mempunyai pendirian yang sama. Baginda suka kepada puisi yang menyeru dan mengajak ke arah kebaikan dan menolak puisi-puisi yang

¹⁷ Sayyid ‘Izz al-Dīn Mādi Abū al-‘Azāim (1991), *al-Iḥtifāl bi Mawlid al-Anbiyā’ wa al-Awliyā’ Musytara’ aw mutbada’*, t.tp : Dār al-Kitāb al-Šūfi, ms. 22.

berunsurkan amalan jahiliah. Antara sabda Nabi SAW yang berkisar tentang puisi ialah :

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِنَّ مِنْ الشِّعْرِ حِكْمَةً

“Sesungguhnya Rasulullah SAW berkata bahawa sebahagian puisi itu mengandungi unsur-unsur hikmah”¹⁸.

وَيَقُولُ وَهُوَ يَنْقُلُ الْبَيْنَ هَذَا الْحِمَالُ لَا حِمَالٌ خَيْرٌ هَذَا أَبْرُرَ بَنَا وَأَطْهَرُ

“Baginda SAW bermadah ketika mengangkat batu-bata (bersama orang ramai dalam membina masjid Madinah) : pekerjaan ini memanglah beban tapi tidak berat seberat perang Khaibar, pekerjaan ini lebih besar kebaikannya dan lebih suci di sisi Tuhan kita”¹⁹.

Sejarah telah merakamkan sikap baginda SAW terhadap puisi-puisi dan para pemuisi yang baik. Dalam kitab *Dalā'il al-I'jāz* menjelaskan bahawa baginda SAW suka mendengar puisi-puisi karya Hassan Ibn Thābit, 'Abdullah bin Rawahah dan Ka‘ab bin Zuḥayr. Bahkan baginda pernah mengarahkan mereka agar menangkis serangan musyrikin melalui puisi²⁰.

ii) Justifikasi Dari Perspektif *Maslahah*

Sekiranya dinilai aktiviti selawat dari neraca pengiktirafan syarak²¹, maka ianya dapat dilihat dari pelbagai sudut. Secara umumnya tidak ada dalil yang menolaknya secara khusus begitu juga dalil umum melarangnya. Di sini

¹⁸ al-Bukhārī, Abī ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘īl bin Ibrāhīm bin Bardizbah al-Ju‘fā, *op.cit.*, *Kitab al-Adab : Bāb Mā Yajuz min al-Syi’ri wa al-Rijz wa al-Hidā’ wa mā yakrah minhu* , no. 5679 , jld. 3, ms. 246.

¹⁹ *Ibid.*, *Kitab al-Manāqib : Bāb Hijrah al-Nabi S.A.W. wa Aṣḥābihi ilā al-Madīnah*, no. 3616, jld. 2, ms. 315.

²⁰ Al-Jurjānī, ‘Abd al-Qāhir bin ‘Abd al-Raḥmān bin Muḥammad (1984M), *Dalā'il al-Ijāz*, Qāhirah : Maktabat al-Khanijī, ms. 17.

²¹ Lihat perbincangan klasifikasi *maslahah* dari perspektif pengiktirafan syarak secara terperinci dalam bab satu sebelum ini.

dijelaskan bahawa cara berselawat secara beramai-ramai itu adalah *maṣlaḥah mursalah* kerana tidak terdapat *nass* yang khusus menuntutnya atau menegahnya. Manakala berselawat ke atas baginda SAW itu sendiri adalah *maṣlaḥah mu'tabarah* kerana terdapat *nass* khusus yang menuntutnya. Namun begitu, tidak boleh dikatakan pula sebagai *maṣlaḥah mulghāh* kerana aktiviti selawat ini tidak terdapat *nass* khusus yang menegahnya.

Di antara *maṣlaḥah* yang harus dicapai ialah menyeru golongan remaja dan belia untuk sentiasa berselawat serta mengingati junjungan baginda SAW yang sewajarnya dicintai dalam arus suasana kemodenan dan penuh cabaran pada hari ini. Justeru itu, aktiviti selawat secara tidak langsung menjadi alternatif dan kaedah dalam menyedarkan kembali masyarakat untuk menyanjung dan mencintai baginda SAW. Oleh itu, seharusnya aktiviti selawat ini disemarakkan lagi dengan pelbagai cara dan kaedah pada bila-bila masa sesuai dengan justifikasi *maṣlaḥah* yang dikemukakan.

Dari sudut negatifnya, *bid'ah ḥalālah* tidak boleh disandarkan kepada aktiviti selawat ini. Ini kerana perbuatan tersebut tidak dikaitkan dengan ibadah khusus seperti solat, puasa, zakat dan sebagainya. Begitu juga aktiviti tersebut diadakan bersempena dengan kelahiran Nabi SAW tidak boleh dikatakan ibadah khusus. Sebaliknya ia semata-mata untuk mengingati baginda SAW dan disamping menggalakkan umat Islam sentiasa mengingati perjuangan dan ajaran baginda SAW.

4.2.2 Aktiviti Forum, Ceramah Dan Kuliah

Antara lain aktiviti dalam sambutan maulidur rasul ialah melalui penyampaian forum, ceramah, kuliah yang mampu menyeru umat Islam untuk mencintai dan menghayati sirah baginda SAW. Forum bermaksud majlis perbincangan mengenai sesuatu perkara atau persoalan²². Ceramah pula ialah ucapan membicarakan sesuatu perkara²³. Manakala kuliah membawa erti pelajaran yang disampaikan secara bersyarah oleh mahaguru²⁴.

Aktiviti seperti ini sinonim dengan panggilan majlis ilmu oleh seluruh masyarakat Islam di Malaysia. Lazimnya seorang penceramah atau gandingan ahli panel yang berkaliber dijemput memberi pengisian yang diadakan di surau, masjid, dewan atau padang terbuka bagi menyampaikan mesej berkaitan sirah baginda SAW, cara-cara untuk mentaati perintah Allah SWT dan baginda SAW, melaksanakan hukum-hakam yang diajarkannya, memperjuang dan memperkasa syariat Islam, menyeru orang ramai ke jalan dakwahnya, memperbanyak selawat ke atasnya serta mencintai ahli keluarganya dan pelbagai lagi.

Sesungguhnya mengetahui sifat-sifat, mukjizat-mukjizat dan ciri-ciri baginda menambahkan lagi kesempurnaan iman dan menambah rasa kecintaan terhadap baginda SAW. Ini kerana sifat manusia yang normal menyukai sesuatu yang indah, dalam bentuk fizikal dan akhlak, ilmu dan amalan, mahupun apa juar keadaan dan *i'tiqād*. Justeru itu, tiadalah yang lebih indah, sempurna dan utama

²² Noresah, *et.al.* (2005), *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, edisi keempat, ms 415.

²³ *Ibid.*, 270.

²⁴ *Ibid.*, 845.

dari akhlak dan sifat-sifat baginda SAW. Maka menambahkan kecintaan kepada baginda dan kesempurnaan iman amatlah dituntut oleh syariat, begitu juga dengan perkara yang boleh menyemarakannya turut dituntut oleh syariat²⁵.

Kini majlis ilmu telah diberi nafas baru dengan cara yang lebih komersial melalui perantaraan media elektronik tempatan. Antara rancangan yang diwujudkan ialah Forum Perdana Hal Ehwal Islam di TV 1, Bicara Mufti di TV 1, Al-Kuliyyah di TV 3, Halaqah di TV 9, Tanyalah Ustaz di TV 9 dan siaran radio IKIM.fm²⁶. Melalui rancangan-rancangan ini, pengisian ilmu bersempena sambutan maulidur rasul dapat ditambah lagi jangkauan jumlah pendengar di kalangan masyarakat di mana mereka berada²⁷.

i) **Hujah Yang Mengharuskan**

Melalui medium majlis ilmu ini, masyarakat Islam akan memperolehi manfaat sepetimana baginda SAW dididik oleh Allah SWT menerusi kisah-kisah nabi terdahulu yang boleh memantapkan jiwa dan memperkuuhkan perjalanan dalam medan dakwah. Ini telah dijelaskan oleh Allah SWT di dalam ayat berikut :

وَكُلًاً نَّقْصٌ عَلَيْكَ مِنْ أَنْبَاءِ الرُّسُلِ مَا نُشِّئُ بِهِ فَؤَادُكَ

²⁵ Sayyid Muḥammad ‘Alawī al-Mālikī (1419H), *Manhaj al-Salaf fi’ Fahm al-Nuṣūs bayn al-Nazariyyah wa al-Tatbiq*, t.pt : t.pt., ms. 393. ‘Abd Allāh al-Ḥusaynī al-Makkī al-Hāsyimī, *op.cit.*, ms. 50-51.

²⁶ Bagi penulis, rancangan-rancangan tersebut amat baik diteruskan kerana ada yang bersifat ilmiah dan separa ilmiah sesuai dengan taraf pemikiran pendengar. Namun begitu, perlu diambil kira juga masa siaran yang sesuai supaya manfaat pengisian ilmu boleh disertai pendengar. Ini kerana terdapat rancangan berbentuk agama yang dipinggirkan dari waktu-waktu kemuncak.

²⁷ Rancangan agama secara elektronik ini boleh didengari secara santai oleh individu maupun keluarga.

(Dan semua kisah dari rasul-rasul kami ceritakan kepadamu, ialah kisah-kisah yang dengannya kami teguhkan hatimu).

Surah Hud (11) : 120

Para sarjana hukum Islam telah memberikan penjelasan berkaitan ayat di atas bahawa jika kisah-kisah para nabi yang telah diceritakan oleh Allah SWT di dalam al-quran menjadi peneguh jiwa baginda SAW, maka sudah tentu kisah-kisah dalam hidup baginda SAW sendiri dari aspek kelahiran, perjuangan dan akhlak mampu juga menjadi penguat dan peneguh jiwa serta hati umat baginda SAW²⁸.

Dalam era yang serba mencabar ini, masyarakat Islam amat memerlukan model atau idola sebagai santapan rohani, terutamanya dalam menyusuri jejak langkah baginda SAW menyebarkan misi dakwah dan amar makruf nahi munkar yang kian mencabar. Maka jelaslah pengisian ilmiah seumpama ini amat digalakkan oleh Islam kerana membawa manusia membesarkan dan menghayati keperibadian baginda SAW iaitu manusia yang agung di sisi Allah SWT²⁹.

Gesaan untuk menuntut ilmu banyak terdapat dalam hadis baginda SAW yang perlu kitajadikan sumber motivasi dalam kehidupan sebagaimana berikut :

مَنْ يُرِدُ اللَّهُ بِهِ خَيْرًا يُفَقِّهُ فِي الدِّينِ

“Sesiapa yang dikehendaki Allah SWT kebaikan pada dirinya, maka sudah tentu akan diberi kefahaman dalam agama³⁰”.

²⁸ ‘Abd Allāh bin al-Syaikh Abī Bakr bin Sālim al-Syāfi‘ī, *op.cit.*, ms.57-58.

²⁹ al-Zuḥaylī, Wahbah (1999M/1419H), *al-Bida ‘al-Munkarah*, Damsyiq : Dār al-al-Maktabī, cet. 1, ms. 49. ‘Abd Allāh al-Ḥusaynī al-Makkī al-Hāsyimī, *op.cit.*, ms. 12.

³⁰ al-Bukhārī, Abī ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘il bin Ibrāhīm bin Bardizbah al-Ju‘fā, *op.cit.* : *Kitāb al-‘Ilm : Bāb Man Yurid Allāh bihi Khayrā Yufaqqihu fī al-Dīn*, no. 69, jld. 1, ms. 26.

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَيْنَمَا هُوَ جَالِسٌ فِي الْمَسْجِدِ وَالنَّاسُ مَعَهُ إِذْ أَقْبَلَ تَلَاثَةٌ نَفَرَ فَأَقْبَلَ اثْنَانٌ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَذَهَبَ وَاحِدٌ قَالَ فَوَقَفَ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَمَّا أَحَدُهُمَا فَرَأَى فُرْجَةً فِي الْحَلْقَةِ فَجَلَسَ فِيهَا وَأَمَّا الْآخَرُ فَجَلَسَ خَلْفَهُمْ وَأَمَّا الثَّالِثُ فَأَدْبَرَ ذَاهِبًا فَلَمَّا فَرَغَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ أَلَا أَخْبِرُكُمْ عَنِ النَّفَرِ الْتَّلَاثَةِ أَمَّا أَحَدُهُمْ فَأَوَى إِلَى اللَّهِ فَأَوَاهُ اللَّهُ وَأَمَّا الْآخَرُ فَاسْتَحْيَا اللَّهَ مِنْهُ وَأَمَّا الْآخَرُ فَأَعْرَضَ فَأَعْرَضَ اللَّهُ عَنْهُ

“Ketika Rasulullah SAW sedang duduk bersama para sahabat dalam majlis ilmu di masjid, tiba-tiba datang tiga orang. Dua terus menyertai majlis ilmu tersebut. Orang yang pertama melihat kekosongan di tengah maka dia terus duduk di sana. Orang yang kedua hanya duduk di bahagian belakang majlis. Orang yang ketiga terus beredar ke tempat lain. Setelah selesai menyampaikan ilmu, lalu baginda bersabda : Aku beritakan kepada kalian tentang tiga orang tadi, orang pertama bersungguh mencari ilmu maka Allah berikan tempat padanya, orang kedua berasa malu maka Allah juga malu memberi tempat padanya, orang ketiga berpaling dari Allah maka Allah pun berpaling darinya³¹”.

وَمَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَأْتِمِسُ فِيهِ عِلْمًا سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ بِهِ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ

“Sesiapa yang berjalan untuk mencari ilmu, maka Allah SWT akan mempermudahkan jalan baginya ke syurga³²”.

Berdasarkan hadis-hadis di atas, sewajarnya golongan yang hendak mendapatkan ilmu perlu bersungguh-sungguh, memberi perhatian yang serius, berusaha sedaya upaya dan tidak berasa malu serta malas. Sentiasa menggunakan peluang yang ada untuk menambah nilai ilmu di dalam diri tanpa perlu disuruh atau dikerah. Sebaliknya golongan yang tidak berminat dan sentiasa menunggu dorongan dari orang lain, maka mereka jarang sekali berjaya dalam usahanya mencari ilmu.

³¹ Ibid., : Kitāb al-‘Ilm : Bāb Man Qa‘ada Ḥaithu Yantahī bihi al-Majlis wa man Ra‘ā Furjatan fī al-Ḥalqah Fajalasa fīhā, no. 64, jld. 1, ms. 25.

³² al-Nawawī, Abī Zakariyyā Yahyā ibn Syarf al-Dimasyqī, op.cit., : Kitāb al-Da‘awāt, al-Zikr wa al-Du‘ā wa al-Tawbah wa al-Istighfar; Bāb Faḍl al-Ijtīmā‘ ‘alā Tilāwah al-Quran wa ‘alā al-Zikr, no. 6794, jld. 17, ms. 24.

ii) Justifikasi Dari Perspektif *Maṣlaḥah*

Jika ditinjau aktiviti majlis ilmu ini semasa sambutan maulidur rasul dari sudut klasifikasi *maṣlaḥah*³³, maka ianya bukan tergolong dalam *maṣlaḥah juzi'yyah* iaitu kepentingannya hanya kepada sebahagian masyarakat sahaja. Bahkan ia akan tergolong dalam *maṣlaḥah kulliyah* iaitu kepentingannya kembali kepada keseluruhan masyarakat. Manfaat daripada majlis ilmu sangat banyak sehingga mampu mendidik dan mengajar masyarakat untuk meneladani baginda SAW dari aspek akhlak. Majlis ilmu juga mampu menerapkan kefahaman yang betul tentang akidah dan syariat Islam yang dibawa oleh baginda SAW. Apabila seseorang individu yang dididik menerusi teladan baginda SAW, pasti akan mewujudkan masyarakat yang sejahtera dan akhirnya mewujudkan negara yang harmoni.

Seterusnya, jika aktiviti ceramah, forum dan kuliah agama yang diadakan pada setiap minggu oleh umat Islam dibenarkan, mengapa pula tidak boleh dilaksanakan di bulan menyambut kelahiran baginda SAW. Jika di bulan lain dibenarkan mengadakan majlis ilmu, maka di bulan Rabiul Awwal pun sepatutnya dibenarkan juga. Jika aktiviti yang melibatkan pencapaian *maṣlaḥah* di bulan-bulan lain dibenarkan, mengapa di bulan Rabiul Awwal ianya ditegah semata-mata dakwaan wujudnya *bid'ah*. Sedangkan aktiviti tersebut tidak pernah disandarkan oleh mana-mana ulama tempatan dengan ibadat khusus. Begitu juga asas galakan ceramah, forum, kuliah dan pelbagai aktiviti ilmiah yang lain adalah berdasarkan hadis baginda S.A.W. berikut :

³³ Lihat perbincangan klasifikasi *maṣlaḥah* dari perspektif ruang kembali secara terperinci dalam bab satu sebelum ini.

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍ وَأَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ يَلْعُغُوا عَنِّي وَلَوْ آتَيْتُهُ

“Daripada ‘Abd Allah bin ‘Amru bahawa Nabi Saw bersabda : Sampaikanlah daripadaku walaupun satu ayat³⁴”.

4.2.3 Perarakan Sambil Berselawat

Antara lain acara rasmi sambutan maulidur rasul di peringkat kebangsaan dan juga di peringkat negeri ialah perarakan. Maksud perkataan perarakan ialah iringan yang mengarak sesuatu.³⁵

Perarakan merupakan antara acara yang terdapat dalam sambutan maulidur rasul. Perarakan di pelbagai peringkat pada setiap tahun berlangsung dalam keadaan suasana terkawal dan para peserta membawa pelbagai sepanduk dengan memuji baginda Saw³⁶. Dalam perarakan ini, umat Islam dari pelbagai peringkat dan lapisan masyarakat akan berarak di tempat yang ditetapkan dengan memakai pakaian baju melayu lengkap, bersongkok dan membawa sepanduk yang melambangkan keagungan dan pujian terhadap baginda SAW. Pada setiap sepanduk mempunyai tema yang tersendiri dalam mengagungkan cara hidup baginda SAW di samping mencontohi sifat-sifat mulia yang dimiliki oleh baginda SAW. Semasa sepanjang perarakan itu, selawat ke atas baginda SAW bergema diluangkan oleh masyarakat yang menyertainya. Jelas bahawa perarakan ini

³⁴ al-Bukhārī, Abī ’Abd Allāh Muḥammad bin Ismā’īl bin Ibrāhīm bin Bardizbah al-Ju’fā, *op.cit.*, : *Kitab Ahadith al-Anbiyā’* : Bab mā Dhukira ‘an Bani Israil, no. 3202, jld. 2, ms. 211.

³⁵ Noresah, *et.al.*, *op.cit.*, ms 75.

³⁶ Sambutan diperingkat kebangsaan dianjurkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Manakala sambutan diperingkat negeri diurus oleh Jabatan Agama Islam Negeri masing-masing.

adalah berfungsi sebagai syiar dalam memperingati kelahiran baginda SAW yang menjadi pemimpin agung umat Islam di seluruh alam ini³⁷.

i) Hujah Yang Mengharuskan

Sewajarnya difahami bahawa sesuatu perkara yang tidak *dinaṣṣkan*, maka tidak boleh disandarkan secara langsung dengan *bid‘ah ḥalāl* secara mutlak. Begitu juga tidak boleh semata-mata melihat ianya *bid‘ah ḥalāl* terus dihukumnya haram. Ini adalah kerana terdapat suatu kaedah fiqh yang menjelaskan :

الأصل في المنافع الالذن وفي المضار المنع

“Asal bagi sesuatu yang bermanfaat itu diizinkan, manakala bagi yang memudaratkan itu ditegah³⁸”.

Hal yang sama juga pernah dinyatakan oleh Imām al-Syāṭibī sepertimana

berikut :

ان المنافع والمضار عامتها أن تكون اضافية لاحقيقة

“Kemanfaatan dan kemudaratannya secara umumnya bersifat sandaran dan bukannya hakikat asal³⁹”.

Oleh itu, perarakan sambil berselawat walaupun tidak *dinaṣṣkan* secara jelas, maka tidaklah boleh dilarang terus daripada diadakan. Ini kerana, aktiviti tersebut mempunyai manfaat ke arah kebaikan iaitu untuk meninggikan syiar Islam.

³⁷ Berita Harian, Isnin, 12 Mei 2003, “Seri Paduka sempurnakan sambutan Maulidur Rasul”, ms. 6.

³⁸ Al-Rāzī, Muḥammad bin ‘Umar bin Ḥusayn Fakhr al-Dīn ((1999M/1420H), *al-Maḥṣūl fī ‘Ilm al-Uṣūl*, Muḥammad ‘Abd al-Qādir ‘Aṭā (edit), Beirut : Dār al-‘Ilmiyyah, cet. 1, juz 2, ms. 469.

³⁹ al-Syāṭibī, Ibrāhīm ibn Mūsā al-Lakhmī (1975), *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Syarī‘ah*, sunt. Syaikh ‘Abd Allāh Darāz, Meşir : Maktabah al-Tijāriyyah. jld. 2, ms. 352.

Perlu difahami terlebih dahulu bahawa syiar dan ibadah adalah dua perkara yang hampir sama maknanya tetapi berbeza pemakaianya. Ibadah adalah ketaatan yang mutlak kepada Allah SWT. Manakala syiar pula ialah tanda yang menzahirkan ciri-ciri keislaman. Secara umumnya kedua-dua perkara tersebut bertujuan untuk mengagungkan Allah SWT. Setiap tanda yang menunjukkan Islam adalah syiar dan ibadah merupakan sebahagian dari syiar Islam. Sebaliknya bukan semua syiar adalah ibadah. Maka jelaslah bahawa syiar bersifat umum dan ibadah bersifat khusus⁴⁰.

Mengenang peristiwa dalam agama yang telah berlaku dari sudut tempat dan masa telah ditunjuk dan diajar dalam syariat Islam sebagaimana yang telah dilakukan oleh baginda SAW sendiri⁴¹. Sebagai contoh, hari *Ā'syūrā* merupakan peristiwa Nabi Musa a.s. diselamatkan dan Firaun ditenggelamkan⁴². Seterusnya baginda SAW sendiri pernah menyambut hari kelahirannya dengan berpuasa pada setiap hari Isnin⁴³.

Demikianlah, menghormati tempat dan menyambut hari-hari tertentu adalah syiar Islam yang diajarkan oleh Allah SWT kepada umat Islam menerusi perbuatan baginda SAW. Terdapat ayat al-Quran yang menjelaskan bahawa orang

⁴⁰ ‘Abd Allāh bin al-Syaikh Abī Bakr bin Sālim al-Syāfi’ī, *op.cit.*, ms. 40.

⁴¹ Sayyid Muḥammad ‘Alawī al-Mālikī (1418H), *Hawl al-Iḥtifāl bi Zikrī al-Mawlid al-Nabawī al-Syarīf*, Qaherah : Dār Jawāmi’ al-Kalam, ms. 26.

⁴² al-Bukhāri, Abī ’Abd Allāh Muḥammad bin Ismā’īl bin Ibrāhīm bin Bardizbah al-Ju’fā *op.cit.*, : *Kitāb al-Ṣawm : Bāb Siyām Yawm al-‘Aṣyūrā*, no. 1865, jld. 1, ms. 478. al-Nawawī, Abī Zakariyyā Yaḥyā ibn Syarf al-Dimasyqī, *op.cit.* : *Bāb Faḍl Siyām Yawm ‘Aṣyūrā*, no. 2651, jld 8, ms.250-251. Ibn Ḥajar al-‘Asqalāni, Aḥmad bin ‘Ali (2001M/1421H), *Fath al-Bārī Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhāri* : *Kitāb al-Ṣawm : Bab Ṣawm Yawm ‘Aṣyūrā*, Riyād : Maktabah al-Malik Fahd al-Waṭāniyyah, no. 2004, jld. 4, ms. 287.

⁴³ al-Nawawī, Abī Zakariyyā Yaḥyā ibn Syarf al-Dimasyqī, *op.cit.*, *Bāb Istiḥbab Siyām*, no. 2742, jld 8, ms.293.

yang membesarluaskan syiar Islam adalah terbit dari hati yang bertaqwah sebagaimana firman Allah SWT berikut :

ذَلِكَ وَمَنْ يُعَظِّمْ شَعِيرَ اللَّهِ فَإِنَّهَا مِنْ تَقْوَى الْقُلُوبِ

Demikianlah perintah Allah, dan sesiapa mengagungkan syiar-syiar Allah, maka sesungguhnya itu timbul dari ketakwaan hati.

Surah al-Hājj (22) : 32

Sesungguhnya, baginda SAW merupakan salah satu syiar atau tanda kebesaran Allah SWT yang paling istimewa. Dengan kemunculan baginda SAW, dunia mengetahui tentang keesaan Allah SWT dan manusia dilimpahi dengan hidayah-Nya⁴⁴.

Memuliakan syiar-syiar Allah SWT juga membuktikan ketaqwaan hati seseorang insan. Orang yang hatinya tidak memiliki rasa ketaqwaan kepada Allah SWT, tidak akan mempunyai keinginan untuk memuliakan dan meraikan sambutan maulidur rasul sebagai manifestasi kecintaan terhadap insan kamil junjungan besar Nabi Muhammad SAW.

ii) Justifikasi Perspektif *Maṣlaḥah*

Maṣlaḥah yang hendak dicapai ialah menzahirkan syiar Islam dan menunjukkan kekuatan umat Islam. Jika dalam solat umat Islam disuruh mengingati baginda SAW dengan berselawat, maka di luar solat bersempena dengan hari keputeraan

⁴⁴ ‘Abd Allāh bin al-Syaikh Abī Bakr bin Sālim al-Syāfi’ī, *op.cit.*, ms. 39.

baginda SAW mengapa pula umat Islam ditegah dari mengingati baginda SAW dengan melakukan selawat beramai-ramai dalam perarakan tersebut.

Melalui aktiviti ini, secara tidak langsung dari sudut *maṣlaḥahnya* mampu memberi kesedaran di kalangan masyarakat yang berada di dalam alpa dan lalai untuk kembali menjulang syiar Islam. Apatah lagi dalam dunia serba mencabar ini terdapat pelbagai perkara dan suasana yang melalaikan.

Maṣlaḥah untuk menzahirkan syiar dan kekuatan umat Islam melalui perarakan maulidur rasul walaupun tidak mencapai *maṣlaḥah qat‘iyah*, namun boleh dikenali sebagai *maṣlaḥah ẓanniyyah* iaitu yang difikirkan atau diterima oleh akal bahawa ianya sejajar dengan kehendak syarak⁴⁵. Seharusnya aktiviti ini diteruskan bagi menunjukkan kehebatan Islam, kesepaduan dan menjadi medium dakwah umat Islam kepada golongan bukan Islam di Malaysia khususnya dan dunia amnya. Dalam situasi di Malaysia, kedudukan umat Islam yang semakin terhakis dari sudut perpaduan, politik, ekonomi dan sebagainya. Aktiviti perarakan sambil berselawat yang dijalankan ini akan menyumbang kepada kekuatan dan semangat serta wujud daya saing dengan kaum lain melalui ikutan kepada ajaran baginda SAW yang ditinggalkan kepada umat Islam. Seterusnya secara tidak langsung aktiviti ini akan menzahirkan kehebatan syiar umat Islam dan menggerunkan masyarakat bukan Islam. Memang benar solat Jumaat yang dilakukan seminggu sekali mampu menzahirkan syiar Islam kepada bukan Islam, namun dengan melakukan perarakan secara terbuka dan boleh dilihat secara umum lebih menonjolkan semangat serta kekuatan masyarakat Islam di Malaysia

⁴⁵ Lihat perbincangan klasifikasi *maṣlaḥah* dari perspektif keperluan secara terperinci dalam bab satu sebelum ini.

berbanding solat Jumaat yang dilakukan di dalam masjid secara tertutup. Begitu juga ibadat haji yang dilakukan di dalam bulan Zulhijjah dapat menzahirkan syiar umat Islam, perbezaannya hanyalah pada ibadah khusus dan wajib. Sebaliknya aktiviti perarakan sambil berselawat bukannya satu kewajipan yang perlu dilakukan sebagai ibadah khusus.

4.2.4 Persembahan Nasyid

Nasyid didefinisikan sebagai sejenis lagu, biasanya dinyanyikan secara kumpulan yang mengandungi seni kata yang berunsur Islam⁴⁶. Dalam masyarakat Islam di Malaysia, nasyid adalah sinonim dengan hiburan yang berbentuk nasihat dan dakwah dalam Islam⁴⁷.

Dalam sambutan maulidur rasul acara persembahan nasyid turut memeriahkan lagi suasana dengan pelbagai kumpulan nasyid dijemput membuat persembahan⁴⁸. Terdapat juga sesetengah pihak pengajur mengadakan pertandingan nasyid bagi menarik minat masyarakat terhadap seni hiburan berlandaskan Islam. Lazimnya nasyid dialunkan dengan irama padang pasir dan kontemporari melalui bantuan perkusi seperti kompong, rebana, bonggo dan

⁴⁶ Noresah, *et.al.*, op.cit., ms 1072.

⁴⁷ Nasyid adalah suatu hiburan yang berlandaskan Islam. Nasyid telah dipopularkan di Malaysia sekitar tahun 80an dan awal 90an oleh kumpulan al-Arqam pada suatu ketika dahulu dengan wujudnya kumpulan Nada Murni, The Zikr, Nahwan Nur dan banyak lagi. Setelah kumpulan al-Arqam diharamkan, maka penggiat seni nasyid tersebut telah menubuhkan kumpulan Raihan, Rabbani dan Hijjaz sekitar pertengahan tahun 90an. Kemudian muncullah pelbagai kumpulan nasyid lagi di kalangan generasi muda dan belia menyuburkan industri nasyid ini.

⁴⁸ Antara nama persembahan yang pernah diadakan ialah Malam Sinar Maulidur Rasul, Malam Kesenian Islam dan sebagainya.

pelbagai alatan muzik yang dibenarkan oleh Islam⁴⁹. Lirik-lirik nasyid yang dialunkan pula penuh dengan puji-pujian terhadap baginda SAW, menyeru kepada mencontohi akhlak dan menghayati pengorbanan serta sirah perjuangan baginda SAW di dalam menjulang agama Islam.

i) **Hujah Yang Mengharuskan**

Perlu difahami bahawa sesuatu perkara yang tidak dilarang oleh Nabi SAW secara langsung atau perkara tersebut tidak pernah dilakukan sendiri oleh baginda SAW, bukanlah bermakna perkara tersebut adalah haram dan *bid‘ah dalālah*. Ini adalah berdasarkan kaedah berikut :

الترك لا يفيد تحرير الشيء
“Perkara yang ditinggalkan, bukanlah menunjukkan haram⁵⁰”

Kaedah fiqh yang lain juga ada menjelaskan bahawa hukum sesuatu perkara adalah harus sehingga terdapat dalil yang nyata menjelaskan keharamannya. Berikut adalah kaedah tersebut :

الأصل في الأشياء الاباحة حتى يدل الدليل على التحريم
“Asal bagi sesuatu itu adalah harus sehingga wujudnya dalil yang mengharamkannya⁵¹”.

⁴⁹ Pada awalnya, irama nasyid sekitar tahun 80an dan awal 90an lebih berbentuk lagu tanpa muzik dan alat muzik yang digunakan sangat terbatas. Kemudian pada pertengahan tahun 90an hingga sekarang di Malaysia telah diwarnai dengan pelbagai irama lagu dan alat muzik.

⁵⁰ Lihat ‘Umar ‘Abd Allāh Kamil (Dr.) (2003), *Kalimah Hadi‘ah an maṣḥūm : al-Bid‘ah wa Aqṣamihā wa man yaqūm bitaghayrihā*, Beirut : Bisan li al-Nasyr wa al-Tawzi’ wa al-‘Ilām, cet. 1, ms. 41.

⁵¹ al-Suyūṭī, al-Imām al-Ḥāfiẓ Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Raḥmān bin Abī Bakr (1998M/1419H), *al-Asybah wa al-Nazār*, Muḥammad Ḥasan Muḥammad Ḥasan Ismā’il al-Shāfi’ī (edit.) Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, cet. 1, juz 1, ms. 131.

Justeru itu, mengadakan aktiviti persesembahan nasyid semasa sambutan maulidur rasul bukanlah sesuatu yang dilarang dan haram dilakukan. Sebaliknya terdapat pelbagai dalil yang mengharuskan aktiviti nasyid dilakukan sebagaimana berikut :

يَنَّا إِلَهُمَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تُحِرِّمُوا طَبِيبَتِ مَا أَحَلَ اللَّهُ لَكُمْ وَلَا تَعْتَدُوا إِنَّ اللَّهَ لَا تُحِبُ الْمُعَتَدِينَ

(Wahai orang beriman! janganlah kamu haramkan benda-benda yang baik, yang telah dihalalkan oleh Allah bagi kamu, dan janganlah kamu melampaui batas (pada apa yang telah ditetapkan halalnya itu); kerana sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang melampaui batas).

Surah al-Maidah (5) : 4

Seterusnya daripada ‘Āishah r.ha. bahawa Nabi SAW bersabda :

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ دَخَلَ أَبُو بَكْرٍ وَعِنْدِي جَارِيَاتٍ مِنْ حَوَارِي الْأَنْصَارِ تُعْنِيَانِ بِمَا تَقَاعَدْتُ الْأَنْصَارُ يَوْمَ بُعَاثَ قَالَتْ وَلَيْسَتَا بِمُعْنَيَتِينَ فَقَالَ أَبُو بَكْرٍ أَمْزَامِيرُ الشَّيْطَانِ فِي بَيْتِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَذَلِكَ فِي يَوْمِ عِيدٍ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَا أَبَا بَكْرٍ إِنَّ لِكُلِّ قَوْمٍ عِيدًا وَهَذَا عِيدُنَا

“Satu hari Abu Bakr masuk ke rumah Rasul. Di sana ada dua jariah yang sedang menyanyi dengan memainkan rebana, mereka sudah biasa dengan nyanyian sedangkan Rasulullah terhalang di sebalik tirai. Abū Bakr melarang kedua-duanya sehingga Rasulullah membuka tirai sambil bersabda : Wahai Abu Bakr, biarkanlah (mereka menyanyi) kerana hari ini adalah hari raya⁵²”.

Dalam riwayat lain ‘Āishah r.ha. berkata :

عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ دَخَلَ عَلَيَّ أَبُو بَكْرٍ وَعِنْدِي جَارِيَاتٍ مِنْ حَوَارِي الْأَنْصَارِ تُعْنِيَانِ بِمَا تَقَاعَدْتُ بِهِ الْأَنْصَارُ يَوْمَ بُعَاثَ قَالَتْ وَلَيْسَتَا بِمُعْنَيَتِينَ فَقَالَ أَبُو بَكْرٍ

⁵² al-Bukhāri, Abī ’Abd Allāh Muḥammad bin Ismā’il bin Ibrāhīm bin Bardizbah al-Ju’fā, *op.cit.*,: *Kitāb al-Šalāh : Abwāb al-’Idayn : Bāb Sunnah ’Idayn li Ahl al-Islām*, no.899, juz 1, ms229.

أَبْيَمَ مُورِ الشَّيْطَانِ فِي بَيْتِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَذَلِكَ فِي يَوْمِ عِيدٍ
فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَا أَبَا بَكْرٍ إِنَّ لِكُلِّ قَوْمٍ عِيدًا وَهَذَا عِيدُنَا

“Aku telah diziarahi oleh Abū Bakr r.a. di rumahku. Ketika itu di sampingku ada dua orang jariah iaitu gadis dari golongan Ansar sedang mendendangkan syair golongan Ansar pada hari Bu ‘āth iaitu hari tercetusnya perperangan antara golongan Aus dan Khazraj. ‘Aishah r.ah. berkata : Sebenarnya mereka berdua bukanlah penyanyi. Abū Bakr r.a. berkata : Patutkah ada nyanyian syaitan di rumah Rasulullah dan pada hari Raya pula? Lalu Rasulullah bersabda : Wahai Abū Bakr ! Sesungguhnya setiap kaum itu mempunyai hari raya dan ini adalah hari raya kita⁵³”.

Jelaslah bahawa dalil-dalil di atas menunjukkan nasyid merupakan suatu perkara atau hiburan yang baik dan dibenarkan dalam Islam. Keharusan bernasyid ini diperkuatkan lagi dengan pernyataan Ibn ‘Arabī seperti berikut :

وَلَيْسَ فِي الْقُرْآنِ وَلَا فِي السُّنْنَةِ دَلِيلٌ عَلَى تَحْرِيمِهِ. أَمَّا انَّ الْحَدِيثَ الصَّحِيفَ (دَلِيلٌ
عَلَى) ابْاحَتَهُ، وَهُوَ الْحَدِيثُ الصَّحِيفُ... وَكُلُّ حَدِيثٍ يُروَى فِي التَّحْرِيمِ أَوْ آيَةٍ
تَتَلَقَّى فِيهِ فَانِهِ بَاطِلٌ سَنَدًا، بَاطِلٌ مُعْتَقَدًا، خَيْرًا وَتَأْوِيلًا...

“Tidak terdapat suatu dalil pun di dalam al-quran mahupun Sunnah Rasul yang mengharamkan nyanyian. Bahkan hadis saih menunjukkan keharusan nyanyian. Setiap hadis yang diriwayatkan mahupun ayat yang digunakan untuk menunjukkan keharamannya maka ia adalah batil dari sudut sanad juga dari sudut i’tiqad, baik ia dilihat dari khabar naṣṣ mahupun pentakwilan⁵⁴”.

Pada zaman baginda SAW para penyair berqasidah dan merupakan salah satu bentuk hiburan yang telah dijadikan medium dalam memuji, menceritakan pengorbanan dan sifat baginda SAW sendiri. Ini dapat dibuktikan dengan melihat banyak syair dan puisi dalam kitab *Sīrah Ibn Hisyām*. Bapa saudara baginda SAW iaitu *al-‘Abbās* telah mengarang syair memuji kelahiran baginda SAW seperti di dalam rangkap berikut:

⁵³ al-Nawawī, Abī Zakariyyā Yaḥyā ibn Sharf al-Dimashqī, *op.cit.*, *Kitāb Ṣalāh al-‘Aydayn : Bāb al-Rukhsat fī al-L’ab alladhī la Ma’siyat fih, fi Ayyām al-‘Ayd*, no.2058, juz 6, ms423.

⁵⁴ Ibn ‘Arabī, Abū Bakr Muḥammad bin ‘Abd Allāh (1988M/1403H), *Aḥkām al-Qurān*, ‘Abd Qādir ‘Aṭā (edit.), juz 3, Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, ms. 11.

وأنت لما ولدت أشرقت الأرض
 وضاءت بنورك الأفق
 فنحن في ذلك الضياء وفي النور
 وسبل الرشاد نخترق

*Dikala dikau dilahirkan ,
 bumi bersinar terang,*

*Hinggakan nyaris-nyaris pasak-pasak bumi,
 tidak mampu untuk menanggung cahaya mu,*

*Dan kami dapat terus melangkah,
 lantaran kerana sinar dan cahaya dan jalan yang terpimpin⁵⁵.*

Nabi SAW sebenarnya amat bergembira dan menyenangi mereka yang memuji baginda kerana ianya merupakan perintah Allah SWT. Apabila kita bersama-sama berkumpul untuk mendekati baginda SAW, kita sebenarnya juga melakukan sesuatu untuk mendekatkan diri kita kepada Allah SWT, lantaran kerana mendekati baginda SAW akan menambahkan kecintaan dan membuatkan Allah SWT redha kepada kita⁵⁶.

Secara tidak langsung, dapat disimpulkan bahawa syair dan puisi juga merupakan salah sebuah seni hiburan seperti juga nasyid. Ini bermakna Islam tidak menafikan peranan hiburan dalam kehidupan masyarakat dengan syarat mengikut syariat yang telah ditetapkan.

⁵⁵ al-Suyūṭī, al-Imām al-Ḥāfiẓ Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Raḥmān bin Abī Bakr (1985), *Ḩusn al-Maqṣad fī Ḥamalī al-Mawlid*, Taḥqīq : Muṣṭafā ‘Abd al-Qādir ‘Atā, Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, ms. 5.

⁵⁶ Sayyid Muḥammad ‘Alawī al-Mālikī (1419H), *op.cit.*, ms. 393.

ii) Justifikasi Perspektif *Maṣlaḥah*

Aktiviti persembahan nasyid semasa sambutan maulidur rasul boleh disifatkan mempunyai manfaat kepada masyarakat pada hari ini. Ianya berfungsi sebagai hiburan alternatif dalam mendidik jiwa pelbagai lapisan masyarakat terutamanya golongan belia yang lebih menyukai hiburan. Seterusnya mesej-mesej yang terkandung di dalam nasyid memberi didikan dan pengajaran secara tidak langsung.

Para ulamak mempunyai pandangan yang berbeza tentang isu nyanyian. Namun segala kebaikan yang digunakan untuk mencapai kebaikan yang pada asalnya dituntut oleh syarak tidak ditegah oleh para ulamak. Dari sudut *mafsadahnya*, pengharaman segala bentuk nyanyian tanpa sebarang alternatif akan membawa wujudnya *mafsadah* yang lebih besar, iaitu masyarakat akan memilih hiburan yang melalaikan.

Dewasa ini, terlalu banyak hiburan yang bercanggah dengan syariat Islam dengan wujudnya percampuran lelaki dan perempuan, penampilan artis yang tidak berpakaian menutup aurat, mesej-mesej lagu yang tidak bermanfaat dan sebagainya. Ini adalah antara kerosakan yang perlu dihapuskan melalui alternatif yang berbentuk hiburan juga.

Persoalannya di sini, persembahan nasyid sebagai hiburan alternatif tidak membawa kesan negatif yang boleh dikaitkan dengan pengharaman syarak. Malah ianya diharuskan, bahkan jika dilihat kepada pencapaian *maṣlaḥah* sebenarnya

nasyid yang berbentuk mendidik jiwa, akhlak dan pemikiran masyarakat adalah digalakkan oleh Islam. Ini sesuai dengan sebahagian masyarakat Islam di Malaysia yang lebih mudah terdidik melalui medium nasyid yang bersifat hiburan halwa telinga.

Dilihat dari sudut *maṣlaḥah*, aktiviti persembahan nasyid tidak boleh dikaitkan dengan mana-mana *bid‘ah* kerana ianya tidak mempunyai kaitan yang langsung dengan ibadat khusus. Ia hanya merupakan cara alternatif dan medium dakwah yang digunakan oleh masyarakat kini dalam menyampaikan dakwah secara berkesan terutama golongan kanak-kanak dan remaja. Jelas bahawa, persembahan nasyid sebagai hiburan alternatif boleh membawa *maṣlaḥah* kepada masyarakat dengan menolak kerosakan yang timbul hasil daripada hiburan melampau pada hari ini.

4.2.5 Kenduri Atau Jamuan Makan

Jamuan diertikan makanan yang dihidangkan kepada tetamu⁵⁷. Kenduri pula diertikan perjamuan makan yang lazimnya didahului oleh zikir, doa dan sebagainya. Manakala kenduri mawlid ialah kenduri kerana menyambut hari kelahiran Nabi SAW⁵⁸.

Senario yang berlaku dalam masyarakat Islam di Malaysia ialah kenduri yang diadakan semasa sambutan maulidur rasul dibuat secara bergotong-royong dengan membahagikan tugas kepada beberapa orang individu. Dengan amalan

⁵⁷ Noresah, *et.al.*, *op.cit.*, ms. 605.

⁵⁸ *Ibid.*, 741.

gotong-royong ini, dapat meringankan beban dan menyediakan persiapan dengan cepat.

Sejak akhir-akhir ini sahaja, jamuan atau kenduri mula diselenggarakan oleh pihak katerer yang ditempah awal. Namun begitu, tujuan asal menjamu orang ramai makan dan merapatkan hubungan persaudaraan tidaklah lari.

i) Hujah Yang Mengharuskan

Terdapat pelbagai dalil yang menggalakkan individu bersedekah bagi memperolehi ganjaran yang berlipat ganda. Perkara ini jelas ditunjukkan Allah SWT melalui firman berikut :

لَنْ تَنَالُوا الْبَرَ حَتَّىٰ تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ ﴿٧﴾ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ
(Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebakitian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. dan sesuatu apa yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya).

Surah Ali ‘Imrān (3) : 92

وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ خَيْرٍ فَلَا نُنْسِكُمْ وَمَا تُنْفِقُونَ إِلَّا أَبْتِغَاءَ وَجْهِ اللَّهِ وَمَا
تُنْفِقُوا مِنْ خَيْرٍ يُوَفَّ إِلَيْكُمْ وَأَنْتُمْ لَا تُظْلَمُونَ

(Apa jua harta yang halal kamu belanjakan (pada jalan Allah) maka (faedahnya dan pahalanya) adalah untuk diri kamu sendiri dan kamu pula tidaklah mendermakan sesuatu melainkan kerana menuntut keredaan Allah dan apa jua yang kamu dermakan dari harta yang halal, akan disempurnakan (balasan pahalanya) kepada kamu, dan (balasan baik) kamu (itu pula) tidak dikurangkan).

Surah al-Baqarah (2) : 272

الَّذِينَ يُفْقِدُونَ أَمْوَالَهُمْ بِاللَّيْلِ وَالنَّهَارِ سِرًا وَعَلَانِيَةً فَلَهُمْ أَجْرٌ هُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزُنُونَ

(Orang yang membelanjakan (mendermakan) hartanya pada waktu malam dan siang, dengan cara sembunyi atau terbuka, maka mereka beroleh pahala di sisi Tuhan mereka, dan tidak ada keimbangan (dari berlakunya kejadian yang tidak baik) terhadap mereka, serta mereka pula tidak akan berduka cita).

Surah al-Baqarah (2) : 274

Al-Suyūṭī telah menjelaskan bahawa menghidangkan makanan untuk dinikmati bersama semasa sambutan maulidur rasul adalah *bid'ah ḥasanah*. Ini kerana perbuatan tersebut mengagungkan kemuliaan Nabi SAW dan menunjukkan kegembiraan dengan kelahiran baginda yang mulia. Berikut adalah pendapat beliau :

وقع السؤال عن عمل المولد النبي في شهر ربيع الأول، ما حكمه من حيث الشرع؟ وهل هو محمود أم مذموم؟ وهل يثاب فاعله أم لا؟ والجواب عندي "أن أصل عمل المولد الذي هو اجتماع الناس وفراء ما تيسر من القرآن، والأخبار الواردة في بداية أمر النبي صلى الله عليه وآله وسلم وما وقع له من الآيات، ثم يمد لهم سماط يأكلونه، وينصرفون من غير زيادة على ذلك هو من البدع الحسنة التي يثاب عليها صاحبها لما فيها من تعظيم قدر النبي صلى الله عليه وسلم واظهار الفرح بمولده الشريف".

"Telah ditanya tentang amalan mawlid al-Nabi pada bulan Rabiul Awwal, Apakah hukumnya dari sudut syara'? Adakah ia dipuji atau dicela? Adakah pelakunya diberikan pahala atau tidak? "Menurut saya, asal amalan sambutan mawlid Nabi ialah merupakan perhimpunan manusia untuk membaca al-quran dan sirah Nabi SAW sejak kelahiran sehingga perjalanan hidupnya. Kemudian dihidangkan makanan untuk dinikmati bersama, setelah itu mereka pulang tanpa melakukan sebarang tambahan daripadanya. Semua itu tergolong dalam bid'ah ḥasanah yang diberikan pahala kepada sesiapa yang melakukannya kerana

mengagungkan kemuliaan Nabi SAW dan menunjukkan kegembiraan dengan kelahiran baginda yang mulia⁵⁹.

Berdasarkan pandangan al-Suyūṭī, jelas menunjukkan sambutan ini merupakan perbuatan *bid‘ah ḥasanah* sekiranya aktiviti yang dijalankan selari dengan syariat dan tidak melebihi batasan yang ditetapkan Islam. Seterusnya beliau menjelaskan *bid‘ah ḥasanah* yang dilakukan pasti diberikan ganjaran pahala selaras dengan niat memuliakan baginda SAW dan bergembira dengan kelahiran baginda SAW di atas muka bumi.

Demikianlah beberapa dalil dan pandangan ulamak yang mengharuskan bersedekah dan bersifat dermawan. Walaupun tidak terdapat dalil yang khusus mengadakan atau menghalang jamuan semasa sambutan maulidur rasul, namun kepelbagaian dalil yang umum menggalakkan manusia bersifat dermawan bagi mencari keredhaan Allah SWT dan ganjaran pahala.

Walaupun aktiviti jamuan atau kenduri semasa sambutan maulidur rasul kelihatan kontra dengan hadis Nabi SAW yang berpuasa sempena mengingati kelahiran baginda, namun sebenarnya permasalahan ini adalah kembali kepada tatacara atau bentuk sambutan yang dilaksanakan dan termasuk dalam perkara ijtihad yang tidak terlepas dari perbezaan pendapat⁶⁰.

Dalam permasalahan ini, cara menyambut samada dengan berpuasa atau mengadakan jamuan adalah terbuka kepada masyarakat untuk membuat pilihan sesuai dengan ijtihad, pandangan, kemampuan dan keadaan tersendiri. Perlu

⁵⁹ al-Suyūṭī, al-Imām al-Ḥāfiẓ Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Rahmān bin Abī Bakr (1985), *op.cit.*, ms. 41.

⁶⁰ Sayyid Muḥammad ‘Alawī al-Mālikī (1418H), *op.cit.*, ms. 20

disedari bahawa isu utama yang perlu diambil berat adalah tentang perhatian dan peringatan terhadap baginda SAW, manakala soal kaedah dan cara adalah suatu pilihan yang tidak ditentukan⁶¹.

ii) Justifikasi Perspektif *Maṣlaḥah*

Jelas bahawa kenduri atau jamuan yang dihidangkan kepada masyarakat yang hadir semasa sambutan maulidur rasul mempunyai manfaat yang besar serta mendatangkan pahala hasil amalan bersedekah. Para ulama pula tidak berselisih pendapat bahawa amalan sedekah dalam bentuk material seperti menyediakan makanan serta minuman, memberi pakaian, dan sebagainya itu diberi pahala oleh Allah SWT.

Berhubung dengan amalan kenduri yang diadakan pada sambutan maulidur rasul sebenarnya tidaklah salah atau berbeza sepertimana kenduri yang diadakan pada hari dan peristiwa yang lain. Jadi amalan bersedekah bersempena dengan bulan Rabiul Awwal tidak ditegah oleh mana-mana ulamak kerana ianya mempunyai kaitan dengan *maṣlaḥah ‘ammah* kerana yang hadir terdiri daripada golongan pelbagai darjat seperti fakir, miskin dan kaya. Melalui kenduri seumpama ini secara tidak langsung dapat memberi peluang kepada golongan yang tidak berkemampuan menikmati makanan yang pelbagai dan istimewa pada sambutan maulidur rasul.

⁶¹ *Ibid.*, ms. 20-21.

Amalan kenduri dan jamuan yang bersifat sosial ini tidak boleh dikaitkan dengan *bid‘ah dalālah* walaupun tidak pernah dibuat oleh Nabi SAW. Begitu juga konsep asal jamuan yang diharuskan walaupun dikaitkan dengan maulidur rasul tidak boleh dikaitkan juga dengan ibadat khusus. Ini kerana ianya bukan ibadat khusus yang wajib dilakukan.

Demikianlah dapat ditinjau dari sudut manfaat dan *maṣlaḥah* yang dapat dicapai seperti wujud suasana semangat gotong-royong antara masyarakat Islam, permuafakatan dapat dibina, merapatkan jurang perbezaan yang membawa kepada perpaduan, merapatkan hubungan persaudaraan sesama umat Islam dan boleh membantu orang miskin untuk menikmati makanan yang disediakan. Jelas bahawa aktiviti kenduri boleh diteruskan selagi mana tidak dikaitkan dengan ibadah khusus.

4.3 Kesimpulan

Setelah menganalisa senario sambutan maulidur rasul melalui pelbagai aktiviti yang dilakukan oleh masyarakat Islam di Malaysia dengan pertimbangan teori *uṣūl al-fiqh* iaitu *maṣlaḥah*, jelas bahawa aktiviti-aktiviti yang diadakan tidak berbentuk maksiat dan mendatangkan kemurkaan Allah SWT. Malah sambutan ini banyak membantu umat Islam ke arah meningkatkan kecintaan, mendalamai pengetahuan dan mencontohi akhlak baginda SAW. Justeru itu, semua aktiviti yang diadakan tidak boleh dikaitkan dengan *bid‘ah dalālah*. Ini kerana tidak terdapat *nass-nass* yang tertentu menegahnya. Tindakan melabelkan sebagai *bid‘ah* tidak boleh digunakan secara menyeluruh untuk mengharamkan segala

aktiviti yang tidak dilakukan oleh Nabi SAW dan para Sahabat. Namun begitu, perlu diingat bahawa aktiviti sambutan maulidur rasul juga tidak boleh disandarkan kepada amalan sunnah. Ini kerana Nabi SAW tidak pernah melakukannya.

Berkaitan aktiviti-aktiviti yang diadakan semasa maulidur rasul sepatutnya dinilai dari sudut hukum aktiviti itu sendiri. Jika amalan itu diharuskan dan dapat menimbulkan penghayatan terhadap sunnah Nabi SAW serta ikutan terhadap kemuliaan akhlak baginda SAW tidak menjadi kesalahan, bahkan digalakkan. Jika aktiviti itu adalah dari jenis yang haram atau makruh, maka sewajarnya ditinggalkan. Begitu juga jika aktiviti itu termasuk dalam kategori *khilāf awlā*, maka sewajarnya ditinggalkan kerana lebih baik tidak dilakukan.

Dalam menyambut maulidur rasul perlu dibatasi dengan syariat Islam yang mulia agar terhindar daripada melakukan atau mencipta ibadah khusus ketika sambutan. Misalnya mewajibkan puasa, mengkhususkan solat-solat sunat tertentu, diwajibkan berakikah, bersedekah atau menjamu orang ramai makan dan sebagainya pada sambutan maulidur rasul. Semua aktiviti yang dijalankan semasa sambutan maulidur rasul tidak mempunyai perkaitan dengan ibadat khusus. Ini adalah kerana aktiviti tersebut seperti berselawat, persebahan nasyid, ceramah, forum, majlis kenduri dan sebagainya turut juga dilaksanakan dalam bulan-bulan yang lain. Maka tiada menjadi halangan untuk dilaksanakan dalam bulan Rabiul Awwal kerana aktiviti tersebut turut diadakan dalam bulan yang lain. Suatu persoalan yang boleh difikirkan ialah kenapa dalam bulan lain dibenarkan dan pada bulan Rabiul Awwal dihalang dengan dilabel sebagai *bid'ah dalālah*.

Mungkin yang berbeza hanyalah aktiviti perarakan sambil berselawat kerana ianya merupakan adat dan budaya masyarakat di Malaysia seperti mengadakan perbarisan hari kemerdekaan, perhimpunan pada tahun baru Hijrah dan sebagainya.

Oleh yang demikian, penulis amat berharap agar kajian penulis dalam bab ini dapat memberikan manfaat kepada masyarakat Islam dalam menyambut maulidur rasul setiap tahun. Seterusnya dapat merungkai persoalan dalam minda masyarakat Islam di Malaysia. Mudah-mudahan analisa ini dapat dijadikan panduan dan pengajaran bagi semua pihak dalam menilai amalan-amalan sambutan maulidur rasul.

BAB LIMA

PENUTUP

5.1 Pendahuluan

Bab ini merupakan konklusi dan penutup bagi keseluruhan kajian penulis. Penulis akan mengemukakan beberapa kesimpulan berdasarkan kepada kajian dan analisa dalam keseluruhan kajian ini. Seterusnya, penulis akan membuat beberapa saranan untuk diambil perhatian oleh pihak-pihak yang berkenaan.

5.2 Kesimpulan

Natijah daripada penghuraian, perbahasan dan perbincangan dalam bab-bab yang terdahulu, dapatlah penulis membuat beberapa kesimpulan. Di antaranya ialah sebagaimana berikut :

- i) Para sarjana hukum bersetuju terhadap keharusan beramal dengan *maṣlaḥah mursalah* walaupun terdapat golongan yang menolak. Golongan tersebut menolak disebabkan pemakaianya yang menjurus kepada hawa nafsu bukannya konsep yang dibawa oleh *maṣlaḥah* itu sendiri. Oleh itu, perbezaan yang berlaku adalah pada istilah yang dipakai bukannya konsep yang diterimapakai dalam *maṣlaḥah*. Justeru itu, *maṣlaḥah mursalah* boleh digunakan sebagai dalil dalam menentukan sesuatu hukum selagi tidak bercanggah dengan *nass* dan objektif syarak.

ii) Dapat dinyatakan bahawa *maṣlaḥah* adalah tidak bertentangan dengan *nass qat’ī*. Sebenarnya dalam *nass* itu sendiri telah wujudnya *maṣlaḥah* sama ada dapat dikesan oleh manusia atau tidak disebabkan kedudukan *nass* itu sendiri yang sentiasa meraikan *maṣlaḥah*. Sekiranya *maṣlaḥah* yang didakwa wujud serta bertentangan dengan *nass qat’ī*, maka ianya dianggap terbina berdasarkan sangkaan *maṣlaḥah* semata-mata dan dikategorikan oleh para ulama *uṣūl* sebagai *maṣlaḥah mulghāh*.

iii) Pembinaan hukum berdasarkan *maṣlaḥah* bukan bermakna menjadikan akal sebagai sandaran utama, tetapi hanya berdasarkan pengiktibaran asal umum syarak sehingga tidak terpinggir dari objektif syarak. Oleh itu pembinaan hukum dalam praktikaliti *maṣlaḥah* sama ada berdasarkan asal umum *nass* (لفظ) (مَعْنَى) ataupun makna yang diterimapakai di sebalik *nass* selagi tidak ada sesuatu dalil yang khusus yang mengiktirafnya atau menolaknya. Berdasarkan ini, pemakaian *nass* tetap diutamakan dalam setiap masalah hukum sama ada melalui umum ataupun khusus yang bersifat maknawi.

iv) Para ulama menjelaskan bahawa hukum-hakam dalam syariat Islam mengandungi ‘illah-‘illah yang bertujuan untuk mewujudkan kemaslahatan kepada manusia supaya mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Seterusnya mereka menjelaskan bahawa *ta‘līl al-ahkām* boleh berlaku kepada hukum-hakam yang berkaitan ibadah. Dalam erti kata lain, hukum-hakam ibadah yang ditetapkan boleh diterima rasional akal dan bukannya bersifat perhambaan atau pengabdian semata-mata (*al-ta‘abbud*).

v) Menentukan semua permasalahan ibadah termasuk dalam *bid'ah dalālah* adalah seperti membekukan semua permasalahan ibadah yang boleh dikaitkan kepada pemakaian akal. Tindakan ini merupakan pandangan yang kurang teliti dan cermat jika dilihat dari aspek pentaklifan syarak. Justeru itu, pembahagian *bid'ah* kepada hukum yang lima adalah lebih selaras dengan kehendak asal penentuan hukum-hakam. Di samping neraca utama penentuan *bid'ah dalālah* hendaklah merujuk kepada kaedah-kaedah syarak ataupun samada ianya bertentangan dengan objektif syarak mahupun tidak.

vi) Wujudnya pendapat yang menolak pembahagian *bid'ah* kepada *bid'ah hasanah* dan *bid'ah sayyiah*, dengan menyatakan semuanya *bid'ah dalālah* yang membawa pelakunya tergolong dalam ahli maksiat dan akan dimasukkan ke dalam neraka, maka *bid'ah* seumpama ini sama dengan maksiat dan kemungkaran. Semua kemaksiatan dan kemungkaran diharamkan melalui *nass* syarak yang jelas dan khusus. Seharusnya, permasalahan yang lebih utama disandarkan kepada *bid'ah dalālah* ialah persoalan yang jelas bertentangan dengan *nass* syarak secara khusus. Jika tidak didapati melalui *nass* syarak, maka ia hendaklah dirujuk kepada kaedah-kaedah syarak ataupun *maqaṣid al-syar'iyyah* sama ada bertentangan ataupun tidak. *Bid'ah dalālah* dalam ibadah boleh berlaku apabila ianya melibatkan perubahan kewajipan asal ataupun penentuan asal ibadah seperti melakukan ibadah khusus bertentangan dengan cara yang dikerjakan oleh Nabi SAW. Begitu juga perubahan ibadah yang berbentuk sunat yang dinyatakan secara khusus oleh Nabi SAW sendiri.

vii) Jika diperhalusi, amat sukar untuk menetapkan semua permasalahan ibadah secara menyeluruh dengan disandarkan kepada *bid'ah dalālah* secara mutlak. Ini disebabkan fuqaha *madhāhib* mempunyai kefahaman yang berbeza lantaran penerimaan hadis yang berbeza-beza di kalangan mereka. Sekaligus menegaskan bahawa sesuatu perkara baru yang dilakukan untuk memenuhi tuntutan Allah yang umum dan tiada pula sebarang tegahan yang berkaitan dengannya, maka selagi itulah perbuatan tersebut dikira sebagai *qurbah* (cara untuk mendekatkan diri kepada Allah) dan bukannya *bid'ah*

viii) Pendapat yang menyatakan sambutan maulidur rasul sebagai *bid'ah dalālah* adalah lemah sama sekali. Ini kerana tidak terdapat langsung dalil-dalil khusus yang menegahnya. Namun begitu, perlu diingat bahawa aktiviti sambutan maulidur rasul juga tidak boleh disandarkan kepada amalan sunnah. Ini kerana Nabi SAW juga tidak pernah melakukannya.

ix) Berkaitan aktiviti-aktiviti yang diadakan semasa maulidur rasul sewajarnya dinilai dari sudut hukum aktiviti itu sendiri. Jika amalan itu diharuskan dan dapat menimbulkan manfaat, maka aktiviti tersebut tidaklah menjadi kesalahan. Jika aktiviti itu adalah dari jenis yang haram atau makruh, maka sepatutnya ditinggalkan. Begitu juga jika aktiviti itu termasuk dalam kategori *khilaf awlā*, maka sewajarnya dihalang kerana lebih baik tidak dilakukan.

x) Isu sambutan maulidur rasul merupakan masalah *khilafiyah* sepetimana beberapa isu agama yang lain. Isu ini telah dibahaskan oleh para sarjana hukum sejak sekian lama. Sebaiknya masyarakat Islam di Malaysia

melihatnya dengan sikap toleransi, minda terbuka dan saling menghormati mengenai perbezaan pendapat ini. Tidak sewajarnya terdapat golongan yang mendakwa paling benar dan begitu juga menuduh salah dalam mempertahankan hujah antara satu sama lain. Bahkan jika diperhalusi, sebenarnya pendapat yang melarang dan yang membenarkan sambutan maulidur rasul adalah mempunyai tujuan yang sama, iaitu ingin membela kecintaan terhadap baginda SAW. Oleh yang demikian, sangat mendukacitakan jika masyarakat Islam dengan tujuan yang sama mencintai baginda SAW tetapi saling berdebat dan bermusuhan.

xi) Menganjurkan sambutan maulidur rasul adalah merupakan tradisi yang baik dan telah dilakukan oleh sebahagian besar ulamak terdahulu dalam mencari alternatif kepada program yang berbentuk hiburan serta maksiat yang melanda masyarakat di Malaysia. Apatah lagi suasana kini, masyarakat terutamanya generasi muda lebih cenderung dan suka ke arah hiburan yang melalaikan hati.

xii) Sambutan maulidur rasul yang diadakan oleh masyarakat Islam di Malaysia tidaklah bercanggah dengan syariat Islam. Bahkan tidak terdapat suatu pun dalil secara khusus atau umum yang melarang sambutan tersebut dilakukan. Malah digalakkan mengingati maulidur rasul pada bila-bila masa dan terlebih utama lagi sempena dengan hari kelahiran baginda SAW.

xiii) Maulidur rasul dibenarkan dengan syarat diisi dengan aktiviti-aktiviti yang baik, bermanfaat dan berguna kepada masyarakat Islam. Ini merupakan salah satu ekspresi syukur terhadap kurniaan Allah SWT yang paling

besar, iaitu kelahiran baginda SAW dan juga merupakan ekspresi kecintaan kepada baginda SAW.

5.3 Saranan

Di dalam ruangan ini, penulis ingin mengemukakan beberapa saranan yang perlu diambil perhatian oleh pihak-pihak yang berkenaan.

- i) Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertangungjawab dalam menyelaras dan menguruskan Hal Ehwal Agama Islam dalam Pentadbiran Kerajaan Malaysia perlu mengadakan perbincangan atau muzakarah secara sihat di kalangan para mufti dan cendekiawan Islam bagi menjelaskan kedudukan isu sambutan maulidur rasul ini. Hasil daripada perbincangan tersebut hendaklah diwartakan kepada umum untuk dikongsi bersama supaya tidak berlaku lagi perbalahan dan pergaduhan di kalangan masyarakat dalam isu *khilafiyah*.
- ii) Peranan dan sumbangan pihak berkuasa secara langsung terhadap pentadbiran agama Islam di Malaysia hendaklah dipertingkatkan lagi. Misalnya pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan Jabatan Agama Islam di setiap Negeri perlu merangka aktiviti-aktiviti dan pengisian ilmu yang berkualiti serta bermanfaat kepada seluruh masyarakat Islam dalam sambutan maulidur rasul di pelbagai tempat. Aktiviti yang dijalankan perlu menarik minat dan mendapat tempat di hati masyarakat dalam menjadi alternatif kepada program hiburan dan maksiat yang berleluasa.

iii) Para pendakwah atau penceramah mestilah berusaha memberikan kupasan dan ulasan lanjut berkaitan baginda SAW dari pelbagai aspek seperti perjalanan sirah hidup, akhlak, dan sebagainya. Seterusnya para pendakwah perlu memiliki kriteria yang mantap dari sudut ilmu pengetahuan dan mestilah dilihat mampu untuk mempertingkatkan pengetahuan dan penghayatan agama Islam dikalangan masyarakat.

iv) Pada masa kini peranan media massa amat besar di dalam aktiviti sambutan maulidur rasul. Ini termasuklah media elektronik seperti televisyen, radio dan sebagainya. Begitu juga media cetak seperti akhbar harian, majalah, buletin dan seumpamanya. Melalui media elektronik pelbagai rancangan-rancangan yang bermanfaat boleh disiarkan pada waktu yang sesuai seperti forum, dokumentari. Manakala fungsi media cetak pula memuatkan penulisan yang berbentuk ilmiah atau santai. Ini adalah bertujuan membantu seluruh masyarakat Islam di Malaysia mengingati dan menghayati baginda SAW bersempena pada hari kelahirannya serta pada bila-bila masa.

v) Penulisan yang berbentuk buku, jurnal, artikel dan seumpamanya perlu dipergiatkan lagi dalam memberi kefahaman dan menjadi bahan bacaan kepada masyarakat Islam pada hari ini. Bahan-bahan bacaan yang ditulis sewajarnya disesuaikan dengan tahap pemikiran pembaca dipelbagai peringkat umur kanak-kanak, remaja dan dewasa. Penulisan hendaklah merangkumi pelbagai aspek dalam menyeru masyarakat kepada mencintai, mencontohi dan meneladani baginda SAW. Penjelasan berkaitan sambutan maulidur rasul sebagai

isu *khilafiyah* juga perlu diteruskan supaya tidak berlaku perdebatan yang berpanjangan tanpa penyelesaian.

vi) Sambutan maulidur rasul yang diadakan mestilah selari dengan syariat Islam seperti mengelakkan berlaku pembaziran, menghindari percampuran antara lelaki serta wanita, menjaga batas aurat, tidak mengabaikan kewajipan solat dan pelbagai perkara lagi yang dianggap menyalahi syariat Islam. Ini adalah kerana bagi menjamin kelangsungan sambutan maulidur rasul dalam keadaan diberkati oleh Allah SWT.

5.4 Penutup

Setelah meneliti keseluruhan kajian ini, tidak dapat dinafikan lagi tentang kepentingan sambutan maulidur rasul dalam kehidupan kita sebagai hamba Allah SWT di atas muka bumi ini. Apatah lagi, aktiviti-aktiviti yang diadakan pada hari ini banyak membantu mencintai, meneladani dan menghayati baginda SAW.

Harapan penulis supaya aktiviti-aktiviti sempena sambutan maulidur rasul dapat menjadi pengajaran kepada masyarakat Islam dalam membentuk akhlak dan peribadi muslim yang sempurna.

Pada waktu yang sama, mutakhir ini masyarakat Islam berada dalam situasi yang kian kabur dalam usaha untuk menjadi masyarakat yang disegani. Ternyata, melalui aktiviti-aktiviti sambutan maulidur rasul, penulis yakin ia dapat

mengukuhkan keimanan dan kecintaan kita terhadap Allah SWT dan baginda SAW.

Buat akhirnya, penulis amat berharap agar usaha yang sekelumit ini, dapat memberikan sumbangan kepada penghayatan dan praktikal Islam pada akhir zaman ini. Dengan hati yang terbuka, penulis bersedia menerima teguran demi kebaikan umum khasnya dan Islam amnya. Penulis memohon maaf di atas segala kekurangan yang terdapat di dalam kajian ini dan semoga mendapat keampunan dari Allah SWT.

BIBLIOGRAFI

Rujukan Bahasa Arab

Abī Daud, Sulaymān bin al-Asy‘ath al-Sajastānī (t.th), *Sunan Abī Daud*, Taḥqiq : Muḥammad Naṣīr al-Dīn al-Albānī, Riyāḍ : Maktabah al-Ma’ārif lil Nasyr wa al-Tawzī’.

Abī ‘Ubaidah Masyhur bin Ḥasan Ali Salmān, et.al (2009M/1430H), *Qāmūs al-Bid‘ Mustakhrāj min Kutub al-Imām al-‘Allāmah Muḥammad Naṣir al-Dīn al-Albānī*, Qaṭar : Dār al-Imām al-Bukhārī, cet. 3.

Abū al-‘Azāim, Sayyid ‘Izz al-Dīn Mādī (1991M/1412H), *al-Iḥtifāl bi Mawlid al-Sayyid al-Anbiyā’ wa al-Awliyā’ Musytara‘ aw Mubtada‘*, t.tp : Dār al-Kitāb al-Ṣūfī.

Abū al-Nūr Zuhayr, Muhammad (Dr.) (t.t), *Uṣūl al-Fiqh*, Qāhirah : al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turath.

Abū Syāmah al-Syāfi‘ī (1992M), al-Bā‘ith ‘alā Inkār al-Bida‘ wa al-Hawādith, Edit : al-Syaikh Ibrāhīm Ramaḍān, Beirut : Dār al-Fikr al-Banānī, cet. 1.

Abū Zahrah, Muhammad (t.th), *Uṣūl al-Fiqh*, Qāhirah : Dār al-Fikr al-‘Arabī.

Aḥmad Ibn Ḥanbal Abī ‘Abd Allāh al-Sayybānī (1993), *Musnad al-Imām Aḥmad Ibn Ḥanbal Abī ‘Abd Allāh al-Sayybānī, ḥadīth Mu‘adh bin Jabal*, Beirut : Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, jld 6, cet. 2.

Aḥmad bin Ḥajar Āli Buṭāmī al-Ban‘alī (1982M/1402H), *Taḥzīr al-Muslimīn ‘an al-Ibtidā‘ wa al-Bida‘ fī al-Dīn*, t.pt. : t.pt.

al-Albānī, Muḥammad Naṣīr al-Dīn (1988M/1408H), *Ṣaḥīḥ al-Jamī‘ al-Ṣaghīr wa Ziyādatuh (al-Fatḥ al-Kabīr)*, Beirut : al-Maktab al-Islāmī, cet. 3.

al-Āmīdī, Sayf al-Dīn Abī al-Ḥasan ‘Alī bin Abī ‘Alī bin Muḥammad al-Āmīdī (1985), *Al-Iḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām*, Beirut : Dār al-Nahḍah al-‘Ilmiyyah, cet. 1, jld 3.

al-Asfahāni, Al-Rāghib (1992), *Mufradāt Alfaż al-Qurān*, Damsyiq : Dār al-Qalam.

al-Asyqar, ‘Umar Sulaymān ‘Abd Allāh (Dr.) (t.th), *Nazārat fī Uṣūl al-Fiqh*, Jordan : Dār al-Nafāis.

al-‘Adawī, Muḥammad ibn Aḥmad (1934), *Uṣūl fī al-Bida‘ wa al-Sunan*, Miṣr : Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī.

‘Ādil al-Syuwayikh (Dr.) (2000), *Ta’līl al-Aḥkām fī al-Shari‘ah al-Islāmiyyah*, Tanṭā : Dār al-Bashīr li al-Thaqāfah wa al-‘Ulūm.

‘Alī Ḥasb Allāh (1964), *Uṣūl al-Tasyrī‘ al-Islāmī*, Qāhirah : Dār al-Ma‘rifah bi Miṣr.

‘Alī Maḥfūz, al-Syaikh (2001M/1422H), *Al-Ibdā‘ fī Mādhara al-Ibtidā‘*, Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, cet. 1.

‘Aṭiyyah Ṣaqr (t.th), *al-Fatāwā min Aḥsani al-Kalāmi fī al-Fatāwā wa al-Aḥkām*, Qaherah : Maktabah al-Tawfiqiyah, juz 1.

‘Abd Allāh al-Ḥusaynī al-Makkiī al-Hāsyimī (1996), *al-Iḥtifāl bi al-Mawlid al-Nabi‘ bayn al-Muayyidīn wa al-Mu‘āriḍīn Munāqasyāt wa Rudud*, t.pt., t.pt.

(1995M/1416H), *al-Ittibā‘ wa al-Ibtidā‘*, t.pt., t.pt.

‘Abd Allāh bin Sulaymān bin Manī‘ (1983M/1403H), *Hīwār Ma‘a al-Mālikī fī Rad Munkarātihi wa Dalālātihi*, t.pt., t.pt., cet.3.

‘Abd Allāh bin al-Syaikh Abī Bakr bin Sālim al-Syāfi‘ī (1426H), *Khulāṣah al-Kalām fī al-Iḥtifāl bi Mawlid Khairi al-Anām*, UAE : Dār al-Faqīh.

‘Abd al-Fattah ‘Abd Allāh al-Barshūmī (Dr.) (1993), *Dirāsāt fī al-Tārīkh al-Tashrī‘ al-Islāmī*, Qaherah : Universiti al-Azhar.

‘Abd al-Ḥamīd, ‘Alī Ḥasan ‘Alī (1417H) ‘Ilm Uṣūl al-Bid‘, Riyād : Dār al-Rāyah lil Nasyr wa al-Tawzi‘, cet. 2.

‘Abd al-Karīm Murād, et.al., (1993M/1414H), *Al-Taḥdhīr min al-Ightirār bi mā Jāa fī Kitāb al-Hiwār*, t.tp : t.pt. cet. 3.

‘Abd al-Rauf Muḥammad Uthmān (1414H), *Maḥabbah al-Rasūl s.a.w. bayna al-Ittabā‘ wa al-Ibtidā‘*, Riyād : Riasah Idārah al-Buhūth al-‘Ilmiyyah wa al-Iftā‘, cet. 2.

Badrān, Abū al-‘Aynayn Badrān (1969), *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, Qāhirah : Dār al-Ma‘ārif.

al-Badawī, Yūsuf Aḥmad Muḥammad (2000), *Maqāṣid al-Syari‘ah ‘ind Ibn Taymiyyah*, Jordan : Dār al-Nafā’i’s.

Baṭras al-Bustānī (1984), *Mu‘jam Muḥīṭ al-Muḥīṭ*, t.tp : Maktabah Lubnan.

al-Bughā, Muṣṭafā Dīb (Dr.) (t.th), *Athar al-Adillah al-Mukhtalaf fī hā fī al-Fiqh al-Islāmī*, Damshīq : Dār al-Qalam.

al-Bukhāri, Abī ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘īl bin Ibrāhīm bin Bardizbah al-Ju‘fā (2001M/1421H), *Saḥīḥ al-Bukhari*, Qāhirah : Dār al-Taqwā, cet. 1.

al-Burhānī, Muḥammad Hisyām (1406H/1985M), *Sadd al-Dhara‘i fi al-Syariah al-Islāmiyyah*, Tesis Master dikemukakan kepada Universiti Qāhirah, Beirut : Matba‘ah al-Rayhāni.

al-Būtī, Muḥammad Sa‘īd Ramaḍān (1966), *Dawābiṭ al-Maṣlaḥah fī al-Syari‘ah al-Islamiyyah*, Damsyiq : Al-Maktabah al-Umawiyyah, cet. 1.

al-Fayumī (1950), *Al-Miṣbah al-Munir*, Miṣr : Muṣṭafā al-Bābi al-Ḥalabi, juz 1.

Fuad Ifrām al-Bustānī (t.t), *Munjid al-Tullab*, Beirut : Dār al-Mashriq, cet. 23. al-Ghazālī, Abī Ḥāmid bin Muḥammad bin Muḥammad (1997), *Al-Mustasfā min ‘Ilm al-Uṣūl*, Beirut : Muassasah al-Risalah, cet. 1, juz 1.

(1999), *Syifā’ al-Ghalīl fī Bayān al-Syabah wa al-Mukhlīl wa Masālik al-Ta‘līl*, Beirut : Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, cet. 1.

(1997), *Al-Mustasfa min ‘ilm al-Usul al-Fiqh*, Beirut : Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabiyy.

(1996), *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, Qaherah : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, jld. 2.

Hasan, Ḥusayn Ḥāmid (Dr.) (1981), *Naẓariyyat al-Maṣlaḥah fī al-Fiqh al-Islāmī*, Qāhirah : Maktabah al-Mutanabbi.

al-Hasan, Khalifah Bā Bakr (Dr.) (t.th), *al-Adillah al-Mukhtalaf fī hā ‘ind al-Uṣūliyyān*, Qāhirah : Maktabah Wahbah.

(1997), *Al-Ijtihād bi al-Ra‘y fi Madrasat al-Hijāz al-Fiqhiyyah*, Qāhirah : Maktabah al-Zahra’.

(1993), *Takhṣiṣ al-Nuṣūṣ bi al-Adillah al-Ijtihadiyyah ‘ind al-Uṣūliyyān*, Qaherah : Maktabah Wahbah.

Ḩusayn, Syaikh Muḥammad ‘Alī (1998), *Tahdhīb al-Furūq wa al-Qawā‘id al-Sunnah fī Asrār al-Fiqhiyyah*, Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

al-Ḥammādī, Abī ‘Abd Allāh Muḥammad ‘Abd Allāh (2008M/1429H), *Masāl al-‘Aqīdah allati ḥarrāha al-Aimma al-Mālikiyah*, Jordan : Dār al-Athariyyah, cet. 1.

Ibn al-Athīr (t.th), *al-Nihāyah fī Gharīb al-Hadīth wa al-Athar*, t.tp. : al-Maktabah al-Islāmiyyah.

Ibn ‘Abd. al-Salām, Abī Muḥammad ‘Izz al-Dīn ‘Abd al-‘Azīz ibn ‘Abd al-Salām al-Salmī. (1999) *Qawā‘id al-Āḥkām fī Maṣāliḥ al-Anām*, Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, juz 2.

Ibn ‘Arabī, Abū Bakr Muḥammad bin ‘Abd Allāh (1988M/1403H), *Aḥkām al-Qurān*, ‘Abd Qādir ‘Aṭā (edit.), juz 3, Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, ms. 11.

Ibn al-‘Āsyūr, Muḥammad al-Ṭāhir (1998), *Maqāṣid al-Syari‘ah al-Islāmiyyah*, edit : Muḥammad Tāhir al-Misawiy, t.tp : al-Basai’r li al-Intaj al-‘Ilm.

Ibn Bāz, ‘Abd al-‘Azīz bin ‘Abd Allāh, et.al. (t.th), *Fatāwā ‘Aṣriyyah fī Masāl Syar‘iyyah* : *Fatāwā ‘Ulamā’ al-Balad al-Harām*, Qāhirah : Dār al-Haitham.

(1404H), *Al-Taḥdīr min al-Bida'*, Mamlakah al-‘Arabiyyah al-Sa‘ūdiyyah : al-Jāmi‘ah al-Islāmiyyah bi al-Madīnah al-Munawwarah.

Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, Aḥmad bin ‘Alī (2001M/1421H), *Fath al-Bārī Syarḥ Saḥīḥ al-Bukhārī*, Riyāḍ : Maktabah al-Malik Fahd al-Waṭāniyyah.

Ibn Ḥajar al-Haytamī, Aḥmad bin Muḥammad bin ‘Alī bin Ḥajar Al-Haytamī āl-Makki al-Miṣrī al-Syāfi‘ī al-Sa‘di al-Anṣārī Syihāb al-Dīn

(1998M/1419H), *al-Fatāwā al-Hadīhiyyah*, Beirut : Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabi.

(1986M/1407H), *al-Ni'mah al-Kubrā 'alā al-'Ālam fi Mawlid Sayyid Walad Ādam*, Turki : Dār al-Shafaqah.

(2001M/1422H), *Itmām al-Ni'mah al-Kubrā 'alā al-'Ālam bi Mawlid Sayyid Walad Ādam*, Taḥqīq : 'Abd al-'Azīz Sayyid Hāshim al-Ghazūlī, Beirut : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, cet. 1.

Ibn Kathīr, Abū al-Fidā' al-Ḥāfiẓ Ismā'īl (1966), *Al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, Beirut : Maktabah al-Ma'ārif.

(1966M/1385H), *Tafsīr al-Qurān al-'Aẓīm*, Beirut : Dār al-Andalus, cet. 1.

Ibn Mājah, Abī 'Abd Allāh Muḥammad bin Yazīd al-Qazwaynī (t.th), *Sunan Ibn Mājah*, Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif li al-Nasyr wa al-Tawzi'.

Ibn Manzūr (1957), *Lisān al-'Arab*, Beirut : Dār al-Fikr, jilid 12.

Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Syam al-Dīn Abī 'Abd Allāh Muḥammad ibn Abī Bakr al-Zarī al-Dimasyqī. (1977), *A'lām al-Muwaqqi'i mā an Rabb al-'Ālamin*, sunt. Muhammad Maḥy al-Dīn 'Abd al-Ḥamīd, Beirut : Dār al-Fikr, cet. 2, juz. 3.

Ibn Rajab, 'Abd al-Rahmān bin Syīhab al-Dīn (1993), *Jamī' al-'Ulūm wa al-Ḥikām*, Taḥqīq : al-Zuhaylī, Wahbah (Dr.), Beirut : Dār al-Khair, jld. 2.

Ibn Rasyīq, Abū 'Aliy al-Hassan bin Rashiq (1972M), *al-'Umdah fī Maḥāsin al-Siyar wa Adabihī wa Naqdihī*, Beirut : Dār al-Jayl, jld. 1.

Ibn Taymiyyah, Taqīy al-Dīn Abū al-‘Abbās Aḥmad ibn ‘Abd al-Ḥalīm ibn ‘Abd al-Salām ibn ‘Abd Allāh (t.th), *Iqtidā al-Širāṭ al-Mustaqīm*, Meşir : Dār al-Ḥadīth.

(1997), *Majmua ‘h al-Fatāwā li al-Syaikh al-Islām Taqīy al-Dīn Aḥmad bin Taymiyyah al-Harrāni*, Manṣūrah : Dār al-Wafāa, jld. 12.

Ibrāhīm Muṣṭafā, et al. (t.th) *al-Mu‘jam al-Wasīṭ*, Istanbul : Dār al-Da‘wah, jld. 1.

al-Isnāwī, Jamāl al-Dīn ‘Abd al-Rahīm bin al-Ḥasan (t.th), *Nihāyat al-Sūl fī syarḥ minhāj al-Wuṣūl ilā Ilm al-Uṣūl*, Beirut : ‘Ālam al-Kutub, juz. 2.

‘Izzat, ‘Alī ‘Atīyyah (1980M/1400H), *al-Bid‘ah Taḥdiduhā wa Mawqif al-Islām min hā*, Beirut : Dār al-Kutub al-‘Arabi.

Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Rahmān (1992), *Ghāyah al-Wuṣūl ilā Daqāiq ‘Ilm al-Uṣūl al-Adillah al-Mukhtalaffīhā*, t.tp : t.pt.

(1983), *al-Maṣlaḥah al-Mursalah wa Makānatuhā fī al-Tasyrī*, Qaherah : Matba’ah al-Sa’ādah.

al-Jazāirī, Abī Bakr Jābir (1405H), *al-Inṣāffī mā qīla fī al-Mawlid min al-Ghuluw wa al-Ijhāf*, Riyaḍh : al-Riāsah al-‘Ammah li Idārāt al-Buhūth al-‘Ilmiyyah wa al-Iftā’ wa al-Da‘wah wa al-Irsyād.

al-Jurjāniy, ‘Abd al-Qāhir bin ’Abd al-Rahmān bin Muḥammad (1984M), *Dalāil al-I‘jaz*, Kaherah : Maktabat al-Khanijiy, ms. 17.

Khallāf, ‘Abd Wahhāb (1970), *Maṣādir al-Tasyrī‘ al-Islāmī fī mā lā Naṣṣ Fīh*, Kuwait : Dār al-Qalam, cet 2.

Ma‘lūf, Lewis (1992), *al-Munjid fī al-Lughah wa al-‘Alām*, Beirut : Dār al-Masyriq, cet. 32.

al-Marīkhī, Rasyīd bin Ibrāhīm (t.th), *I‘lām al-Nabīl bimā fī syarḥ al-Jazā’irī min al-Talbīs wa al-Taqlīl*, Bahraïn : t.pt.

al-Maqqarī (t.th), *al-Qawā‘id*, Jami‘ah Umm al-Qurā : Ma‘had al-Buhūth al-‘Ilmiyyah wa Ihya’ al-Turāth al-Islāmiyyah, juz. 1.

Muhammad ‘Abd al-‘Azīz al-Syāyi’ (1427H), *A’rāb Ibn Ḥajar al-Haytami al-I‘tiqādiyyah ‘Arḍun wa Taqwīm fī Daw ‘Aqidah al-Salaf*, Riyād : Maktabah Dār al-Minhāj lil Nashr wa al-Tawzi‘.

Muhammad ‘Ajjāj al-Khaṭīb (Dr.) (2001M/1421H), *Uṣūl al-Hadīth ‘Ulūmuḥ wa Muṣṭalaḥuh*, Beirut : Dār al-Fikr.

Muhammad bin Ṣāliḥ bin ’Uthaymīn (1993), *Fatāwā al-‘Aqidah : Asi’lah Hāmmah Mulhaqah wa Ajūbah Nāfiyah fī al-‘Aqidah al-Ṣāḥīḥah*, Qāhirah : Maktabah al-Sunnah.

(2003M/1424H), *Syarḥ al-‘Aqidah al-Wāsiṭiyah li Syaikh al-Islām Ibn Taymiyyah*, al-Mamlakah al-‘Arabiyyah al-Sa’udiyyah : Dār Ibn al-Jawzī lil Nashr wa al-Tawzi‘.

Muhammad al-Sa‘id (Dr.) (1977), *Buhūth fī al-Adillah al-Mukhtalaff fī hā ‘ind al-Uṣūliyyin*, Qaherah : t.p.

Muhammad al-Sa‘id ‘Alī ‘Abd al-Rabbah (1977), *Buhūth fī al-Adillah al-Mukhtalaff fī hā ‘ind al-Uṣūliyyin*, Qaherah : Matba‘ah al-Husayn al-Jadīdah.

Mukhtār, ‘Afāf Ḥasan Muhammad (2000M/1421H), *Tanāqud Ahl al-Ahwā’ wa al-bid‘ fī al-‘Aqidah*, Riyād : Maktabah al-Rusyd lil nasyr wa al-tawzī‘, cet. 1, juz. 1.

al-Nawawī, Abī Zakariyyā Yahyā ibn Syarf al-Dimasyqī (2000/1421H), *al-Minhāj Syarḥ Ṣaḥīḥ Muslim*, Beirut : Dār al-Ma‘rifah, cet. 7.

al-Nasā‘ī, Abī ‘Abd al-Rahmān Aḥmad bin Syu‘aib bin ‘Alī al-Syuhayr (t.th), *Sunan al-Nasā‘ī*, Taḥqīq : al-Albānī, Muḥammad Naṣr al-Dīn, Riyad : Maktabah al-Ma‘ārif lil Nasyri‘ wa al-Tawzi‘, cet. 1.

al-Qaraḍāwī, Yūsuf (Dr.) (1999), *Al-Sunnah wa al-Bid‘ah*, Qāhirah : Maktabah Wahbah.

al-Qarāfī, Aḥmad bin Idrīs (t.t), *al-Furūq*, Beirut : Dār al-Ma‘rifah.

al-Qaṣṣāṣ, Usāmah bin Tawfiq bin ‘Abd Rahmān (1988M/1408H), *Isyrāqah al-Syur‘ah fī al-Hukm ‘ala Taqdīm al-Bid‘ah*, Beirut : al-Maktab al-Islāmī, cet. 1.

al-Qurṭubī, Muḥammad ibn Aḥmad (t.t), *al-Jāmi‘ li Aḥkām al-Quran*, Qāherah : al-Hai’ah al-Miṣriyyah al-‘Ammah li al-Kitāb.

al-Quraysiy, Abū Zaid Muḥammad bin Abī al-Khaṭṭāb (1406H/1986M), *Jamharat A’sy’ar al-‘Arab*, Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

al-Rāzī, Muḥammad ibn Abū Bakr (1952), *Mukhtar al-Ṣīḥah*, Beirut : t.pt.

al-Rāzī, Fakhr al-Dīn Muḥammad bin ‘Umar (t.th), *al-Maḥṣūl*, Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, juz. 2.

Ṣafā’ al-Ḏhwāwī Aḥmad ‘Adawi (t.th), *Ihda’ al-Daybājah bi Syarḥ Sunan Ibn Mājah*, t.tp : Maktabah Dār al-Yaqīn, jld. 3.

Al-Salmī, ‘Iyād bin Nāmī, Dr. (2008M/1429H), *Uṣūl al-Fiqh alladhi lā yasa‘u al-Faqīḥa Jahlūhu*, Riyad : Dār al-Tadmuriyyah, cet. 3.

al-Sa‘dī, ‘Abd Ḥakīm ‘Abd al-Rahmān As‘ad (Dr.) (2000), *Mabāḥith al-‘Illah fī al-Qiyās ‘ind al-Uṣūliyyān*, Beirut : Dār al-Basyā‘ir al-Islāmiyyah, cet. 1.

Sa‘īd bin Nāṣir al-Ghāmidī (1999M/1419H), *Haqīqah al-Bid‘ah wa Aḥkāmihā*, Riyāḍ : Maktabah al-Rushd, cet 3.

Sayyid ‘Izz al-Dīn Mādi Abū al-‘Azāim (1991), *al-Iḥtifāl bi Mawlid al-Anbiyā’ wa al-Awliyā’ Musytara‘ aw mubtada‘*, t.tp : Dār al-Kitāb al-Ṣūfi.

Sayyid Muḥammad ‘Alawī al-Mālikī (1418H), *Hawl al-Iḥtifāl bi Zikrī al-Mawlid al-Nabawī al-Sharīf*, Qaherah : Dār Jawāmi‘ al-Kalam.

_____ (1419H), *Manhaj al-Salaf fi Fahm al-Nuṣūs bayn al-Naẓariyyah wa al-Taṭbiq*, t.tp : t.pt.

_____ (1419H), *Al-Bayān wa Ta‘rīf fi Zikrī al-Mawlid al-Nabawī al-Sharīf*, t.tp : t.pt.

_____ (1995M/1415H), *Mafāhīm Yajibu an Tuṣāḥḥah*, U.A.E : Dāirah al-Awqāf wa Shuūn al-Islāmiyyah

Sya‘bān Muḥammad Ismā‘il (1988), *Dirasāt hawl al-qiyās wa al-ijmā‘*, Qāhirah : Maktabah al-Nahḍah al-Miṣriyyah.

_____ (2008M/1429H), *Uṣūl al-Fiqh al-Muyassar*, Beirut : Dār Ibn Ḥazm.

Sya‘bān, Zākī al-Dīn (t.th), *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, t.tp : t.pt.

al-Sya‘rāwī, Muḥammad Mutawallī (1997M/1417H) *Al-Fatāwā kul ma yuhim al-Muslim fi Hayātihī Yawmihi wa Ghadihi*, t.tp : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

al-Syarbāṣī, Aḥmad (t.t), *Yas’alūnak fi al-Dīn wa al-Hayāt*, Beirut : Dār al-Jil, jld. 3.

al-Syātībī, Ibrāhīm ibn Mūsā al-Lakhmī (1975), *Al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Shari’ah*, sunt. Syaikh ‘Abd Allāh Darāz, Meşir : Maktabah al-Tijāriyyah. jld. 2.

(2003M/1424H), *Kitāb al-I’tiṣān*,
Beirut : Dār al-Fikr, jld. 1, ms. 123.

al-Syawkānī, Muḥammad ibn ‘Alī ibn Muḥammad (1994), *Irshād al-Fuḍūl ilā Taḥqīq al-Haq min ‘Ilm al-Uṣūl*, Beirut : Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, cet. 1.

(t.th), *Nailūl Awtar*, Beirut : Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, jld 2.

al-Suḥaymī, Ṣāliḥ bin Sa’ad (Dr.), (1989M/1410H) *Tanbih Ūlī al-Abṣār ilā Kamāl al-Dīn wa mā fī al-bid‘ min al-Akhṭār*, Riyāḍ : Dār Ibn Ḥazm lil nasyr wa al-tawzī‘, cet. 1.

Sulaymān Zayn al-Yamānī, Dr. (t.th) *al-Mafhūm al-Ṣaḥīḥ ‘an al-Bid‘ah*, Johor : Majlis Agama Islam Negeri Johor.

al-Suyūṭī, al-Imām al-Ḥāfiẓ Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Raḥmān bin Abī Bakr (1992), *al-Ḥāwi lī al-Fatāwī: Husn al-Maqṣad fī ‘Amali al-Mawlid*, Beirut : Dār al-Jīl.

(1985), *Husn al-Maqṣad fī ‘Amali al-Mawlid*, Tahqīq : Muṣṭafā ‘Abd al-Qādir ‘Aṭā, Beirut : Dār al-Kutub al-Ilmiyyah.

(t.th), *Al-Durar al-Manthūr fī al-Tafsīr bī al-Ma’thūr*, Beirut : Dār al-Ma’rifah, juz 3.

(1998M/1419H), *al-Asyhbāh wa al-Nazār*, Muḥammad Ḥasan Muḥammad Ḥasan Ismā‘il al-Shāfi‘ī (edit.)
Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, cet. 1.

al-Ṭabarī, Abī Ja’far Muḥammad bin Jarīr (1388H), *Tafsīr al-Ṭabarī Jāmi‘ al-Bayān ‘an Ta’wīl al-Quran*, Meşir : Maktabah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādihī.

al-Ṭahṭahāwī, ‘Alī Aḥmad ‘Abd al-‘Aāl (2000), *Bidi‘ al-Ṣūfiyyah wa al-Karāmāt wa al-Mawālid*, Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

al-Tirmidhī, Muḥammad bin ‘Isā bin Sawrah (t.th), *Sunan Tirmidhī* Taḥqīq : Muḥammad Naṣr al-Dīn al-Albānī, Riyāḍ : Maktabah al-Ma‘ārif lil Nasyr wa al-Tawzī‘, cet. 1.

al-Tuwayjirī, Ḥamūd bin ‘Abd Allāh bin Ḥamūd (1983), *al-Rad al-Qawiī ‘alā al-Rifā‘ī wa al-Majhūl wa ibn ‘Alawī wa Bayān Akhṭāihim fī al-Mawlid al-Nabawī*, Riyāḍ : Dār al-Liwā.

‘Umar ‘Abd Allāh Kamil (Dr.), (2003), *Kalimah Hadi‘ah an mafhum : al-Bid‘ah wa Aqsamihā wa man yaqum bitaghayirihā*, Beirut : Bisan li al-Nasyr wa al-Tawzī‘ wa al-‘Ilām, cet. 1.

al-‘Uthaymin, Muḥammad Ibn Ṣalih (1405H), *Syarḥ Lum‘ah al-‘Itiqād al-Hādi‘ilā Sabīl al-Rasyād - Ibn Qudamah*, Riyāḍ : Maktabah al-Ma‘ārif, cet. 2.

Wizārah, al Awqaf al-Islāmiyyah wa Syu‘ūn al-Islāmiyyah (1986), *al-Mawsu‘ah al-Fiqhiyyah*, Kuwait, jld. 8.

Yūsuf al-Sayyid Hāsyīm al-Rifā‘ī (1983M/1404H), *Adillah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah aw al-Rad al-Muḥkam al-Manī‘ ‘alā Munkarāt wa Syubhāt ibn Manī‘ fī Tuhmah ‘alā al-Sayyid Muḥammad ‘Alawī al-Mālikī al-Makkī*, Kuwait : t.pt., cet. 1.

al-Zarkhasyi (2000), *al-Manthūr fī al-Qawā'id*, Beirut : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, cet. 1, jld 1.

Zaydān, 'Abd. al-Karīm (Dr.), (1992), *Al-Wajīz fī Uṣūl al-Fiqh*, Qāhirah : Dār al-Tawzī' wa al-Nasyr al-Islāmiyyah.

al-Zuhaylī, Wahbah (2005M/1426H), *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, Damsyiq : Dār al-Fikr, cet. 3.

_____ (2003M/1424H), *Fatāwā Mu'āṣarah*, Damsyiq : Dār al-Fikr.

_____ (1999M/1419H), *al-Bid' al-Munkarah*, Damsyiq : Dār al-al-Maktabī, cet. 1.

Rujukan Bahasa Melayu

Abdul Ghani Azmi b. Idris (1995), *Amalan-Amalan Bidaah Pada Bulan Muharram, Rejab, Syaaban dan Ramadan*. Kuala Lumpur : Al-Hidayah Publishers.

_____ (2000), *Al-Bidaah Bahaya dan Keburukannya*. Kuala Lumpur : al-Hidayah Publishers.

Abdul Halim El-Muhammady (Dr.) (2001) *Adab Berijtihad Dan Berkhilaf Mengikut Syariat*, Selangor : Institut Pengajian Ilmu-Ilmu Islam. Cet.1.

Abdul Wahab bin Bustami (2007), *Membela Sunnah Nabawiyyah*, Johor : Perniagaan Jahabersa, cet. 2.

Ahmad Husni Haji Hasan (2002), "Bid'ah Menurut Madhab Syafī'i : Satu Analisis Terhadap Amalan Masyarakat Islam di Ipoh, Perak" (Disertasi Sarjana, Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaysia).

Amran Abdul Halim, (2007), “*Hadith-Hadith Berkaitan Bid’ah : Analisis Terhadap Hadith-Hadith Sunan al-Sittah*”, (Disertasi Sarjana, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaysia).

Asmawi Haji Ehsan (2003), *Ilmu Hadith : Hadith Sebagai Sumber Hukum Islam*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa & Pustaka, cet. 1.

Badrul Munir Muhamad Nur (Dr.) (2005), *Kedudukan al-Sunnah Dalam Sintaksis Arab*, Kuala Lumpur : Unit Penerbitan KUIM, cet. 1.

Basri Ibrahim (1997), *Membetulkan Salah Faham Masyarakat Islam Terhadap Perkara-Perkara Khilafiah, Bid’ah & Maslahah Umum*, Kuala Lumpur : Darul Nu’mān, cet. 1.

Dewan Referensi (1999), *Ensiklopedi Hukum Islam*, Jakarta : PT. Ichtiar Baru Van Hoeve, cet. 3.

Hamka Haq (2007), *Aspek Teologis Konsep Maslahah dalam Kitab al-Muwafaqat*, Indonesia : Penerbit Erlangga.

H.M.H al-Hamid al-Husaini (1998), *Liku-liku Bid’ah...dan masalah khilafiyah*, Singapura : Pustaka Nasional Pte. Ltd., cet. 1.

Jainal Sakiban al-Jauhari (2009M/1430H), *Al-Bayan 9 : Persoalan Bid’ah Menurut Ahli Sunnah Wal Jamaah*, Johor : Majlis Agama Islam Negeri Johor, cet. 2.

_____ (2009M/1430H), *Al-Bayan 1: Sambutan Maulidur Rasul Bid’ah Dhalalah?*, Johor : Majlis Agama Islam Negeri Johor, cet. 2.

K.H. Sirajuddin Abbas (2006), *40 Masalah Agama*, Jakarta : Pustaka Tarbiah, cet. 32, jld. 2 & 3.

K.H. Ahmad Munif Suratmaputra (2002), *Filsafat Hukum Islam al-Ghazali : Maslahah Mursalah & Relevensinya Dengan Pembaharuan Hukum Islam*, Jakarta : Pustaka Firdaus, cet. 1.

Mohammad Fuad Kamaludin al-Maliki (2009), *Al-Bayan ke-8 : Barzanji Menurut Perspektif Islam*, Johor : Majlis Agama Islam Negeri Johor, cet. 2.

Mohd. Asri Zainul Abidin (2005), *Bid'ah Hasanah : Istilah Yang Disalah Fahami*, Johor : Jahabersa, cet. 1.

Muhammad Firdaus Nurul Huda (2002), *Kesan Perubahan Sosial Terhadap Hukum Islam*, Selangor : Thinker's Library Sdn. Bhd.

Mujiburrahman (2003), *Argumentasi Ulama Syafi'iyyah Terhadap Beberapa Tuduhan Bid'ah*, Surabaya : Mutiara Ilmu.

Musa bin Fathullah Harun (Dr.) (1996), *Kajian Tentang al-Quran al-Karim dan al-Sunnah al-Nabawiyyah*, t.tp : t.pt, cet. 1, ms. 83.

Noresah, *et.al.* (2005), *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, edisi keempat.

Ramlah Yong, *et.all* (2004), *Risalah Khas Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan Bagi Tahun 1425H : Rasulullah s.a.w. Pemimpin Cemerlang dan Terbilang*, Putrajaya : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Rasul Dahri (1997), *Setiap Bidaah Menyesatkan*, Johor Bahru : Perniagaan Jahabersa.

_____ (1998), *Bidaah Menurut Ahli Sunnah wa al-Jamaah*. Johor Bahru : Perniagaan Jahabersa,

Ridzwan Ahmad (1999), “*Maslahah dan Pemakaianya di dalam Undang-undang Jenayah Islam*”, (Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia).

_____ (2005), *Kontradiksi di antara Nas dengan Maslahah dan hubungannya dengan Bid'ah dalam realiti semasa di Malaysia*, Dalam : Prosiding Seminar Hukum Islam Semasa IV Peringkat Kebangsaan 2005, Kuala Lumpur : Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaysia.

Syed Salim bin Syed Shamsuddin (2005), *Kefahaman Terhadap Konsep Ikhtilaf Fiqhi Dalam Menangani Isu Menuduh Bidaah Dalam Permasalahan Fiqh : Satu Tinjauan Ringkas*, Dalam : Prosiding Seminar Hukum Islam Semasa IV Peringkat Kebangsaan 2005, Kuala Lumpur : Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaysia.

T.M Hasbi al-Shiddieqy (1986), *Kriteria Antara Sunnah dan Bidaah*. Johor Bahru : Thinker's Library Sdn. Bhd.

Wan Mohamad Yusof Wan Chik (2005), *Al-Ta‘abudiyyah : Konsep dan Kepastiannya Dalam Hukum Islam Semasa*, Dalam : Prosiding Seminar Hukum Islam Semasa IV Peringkat Kebangsaan 2005, Kuala Lumpur : Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Rujukan Terjemahan

al-Atsari, Alī Hasan al-Halabī (2002), *Membedah Akar Bidaah*, Asmuni Solihan Zamakhsyari (terj.), Jakarta : Pustaka al-Kautsar.

Bāz, ‘Abd al-Azīz bīn ‘Abd Allāh bin (2004), *Berhati-Hati Terhadap Bidaah*, Abu Aminah Wajihah (terj.). Johor Bahru : Jahabersa.

Al-Barzanji, Ja‘far (1998), *Barzanji Terjemahan*, Syahrin Nasution (terj.), Kuala Lumpur : Darul Nu’man, cet. 2.

al-Jazairī, Abū Bakar Jabīr (2002), *Bidaah Sumber Kehancuran Umat*. Ibnu Hussin (terj.) Johor Bahru : Perniagaan Jahabersa.

al-Maqdisī, Abū al-Qasīm ‘Abd al-Rahmān Ismā‘īl (2002), *Bidaah yang dibungkus dengan Hadith Palsu*, Abu Hilmi Tazkiyatul Fikri et.al (terj.) Jakarta : Pustaka Azzam,

al-Qaradāwī, Yusūf (Dr.) (2000), *Sunnah dan Bidaah*, Abdul Hayyie al-Kattani (terj.) Jakarta : Gema Insani.

al-Ruhaylī, Ibrāhīm ‘Amīr (2002), *Manhaj Ahli Sunnah Menghadapi Ahli Bidaah*, Abu Ahmad Syamsuddin (terj.). Jakarta : Pustaka al-Kautsar.

al-Sa‘dī, ‘Abd Mālik bin ‘Abd Rahmān (Dr.) (2002), *Salah Faham Terhadap Bid‘ah*, terj : Muhammad Fadhlī bin Ismail, Kuala Lumpur : Darul Nu’man, cet. 1.

al-Tuwaijirī, ‘Abd Allāh ‘Abd Azīz (2003), *Ritual Bidaah Dalam Setahun*. Munirul Abidin (terj.) Jakarta : Darul Falah.

Rujukan Bahasa Inggeris

Kaptein, N.J.G. (1993), *Muhammad’s Birthday Festival : Early History in the Central Muslim Lands and Development in the Muslim West until the 10th/16th Century*, The Netherlands : E.J. Brill Leiden.

Hayatullah Laluddin (2006), “*The Concept Of Maslahah With Special Reference To Imam al-Ghazali And Its Potential Role in Islamization of Sociology*”, (Tesis Doktor Falsafah, Jabatan Fiqh & Usul,, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaysia).

Rujukan Internet

<http://www.al-azim.com/jmm/fatwa/pandangan.htm> (23 Julai 2010)

<http://jaip.pahang.gov.my/jaip> (20 November 2007)

<http://www.alwariseen.org/> (15 Julai 2010)

<http://infad.usim.edu.my/> (23 Julai 2010)

<http://www.islam.gov.my/portal/>

<http://www.utusan.com.my>

Rujukan Buletin & Akhbar Harian

Buletin Suara Masjid, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, bil. 41, thn. 6.

Berita Harian, Isnin, 12 Mei 2003, “*Maulidur Rasul Perkukuh Kasih Terhadap Nabi Muhammad*”.

Berita Harian, Isnin, 12 Mei 2003, “*Seri Paduka Sempurnakan Sambutan Maulidur Rasul*”.

Berita Harian, Isnin, 12 Mei 2003, “*Kepimpinan Muhammad Turut Diakui Musuh*”.

Wawancara

Ustaz Azhar bin Tuarno, Penolong Pengarah Perhubungan Awam dan Pusat Sumber merangkap Imam Masjid Negara. Temu ramah bersama beliau telah diadakan pada 23 Jun 2010 (Rabu), pukul 5:15 petang – 5:45 petang di pejabat Masjid Negara.

Ustaz Mohd Ali bin Mohd Don, pensyarah di Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam, UiTM Kampus Bandaraya Johor Bahru. Beliau juga merupakan penduduk di dalam daerah Pasir Gudang, Johor. Temu ramah bersama beliau telah diadakan pada 6 Julai 2010 (Selasa), pukul 12:00 tengahari – 12:30 tengahari di pejabat beliau.

Ustaz Yumni Ahmad. Beliau ialah pensyarah Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam di UiTM Kedah, beliau juga terlibat secara langsung dan aktif dengan aktiviti bacaan barzanji di negeri Kedah Darul Aman. Temu ramah bersama beliau telah diadakan pada 16 Jun 2010 (Rabu), pukul 2:00 petang – 2:30 petang di UiTM Dungun, Terengganu.